LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA

NEGERI SARAWAK
TAHUN 2003

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	iv
INTISARI LAPORAN	viii
BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Akaun Awam	4
Analisis Terhadap Penyata Akaun Awam	5
Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK8	17
Rumusan Dan Syor Audit	21
BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN NEGERI	
Pendahuluan	22
Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam	24
Pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Kerajaan Negeri	56
Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri	65
Program Pemeriksaan Audit Khas (*Audit Presence*)	84
Program Anak Angkat	91
BAHAGIAN III - AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN KAJIAN KHAS	
Pendahuluan	97
Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi - Pengurusan Kompleks Dan Kemudahan Sukan	97

Jabatan Perhutanan 129
- Projek Hutan-Tani Dan Pembangunan Masyarakat

Jabatan Kerja Raya 159
- Pengurusan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Kuching

Kementerian Pelancongan Sarawak 190
- Program Pelancongan Negeri Sarawak

Jabatan Pertanian 224
- Perolehan Input Pertanian Menerusi Pertubuhan Peladang

Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak 251
- Aktiviti Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana

BAHAGIAN IV - BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pendahuluan 281

Pengauditan Penyata Kewangan 281

Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan 282

Persijilan Penyata Kewangan 283

Pembentangan Penyata Kewangan 283

Prestasi Kewangan 284

Rumusan Dan Syor Audit 289

Pengurusan Kewangan

Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke Dan Lembaga Kemajuan Bintulu 291

Dewan Bandaraya Kuching Utara Dan Majlis Daerah Lundu 310

Kajian Aktiviti

Lembaga Pelabuhan Miri 329
- Pengurusan Pengendalian Kargo

Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak 359
- Pengurusan Ladang Kelapa Sawit Di Bau/Lundu

Majlis Perbandaran Sibu 392
- Pengurusan Sampah

BAHAGIAN V - PERKARA AM

Pendahuluan 421

Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002 421

Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Sebelum Tahun 2002 Yang Masih Belum Selesai 441

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan 442

Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri 442

PENUTUP 445

LAMPIRAN

I Sijil Ketua Audit Negara 2003 446

II Lembaran Imbangan 447

III Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri Pada 31 Julai 2004 450

IV Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri Pada 31 Julai 2004 452

V Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002 455

VI Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002 456

VII Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Bagi Tahun 2001 Dan 2002 457

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak mengarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 **Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

1.2 **Pengauditan Pengurusan Kewangan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3 **Pengauditan Prestasi** - untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Kementerian/ Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2003 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2003 melalui 3 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan.

Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2003, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri, sebelas Perbendaharaan Bahagian dan 12 Perbendaharaan Kecil. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 3,183 baucar bayaran bernilai RM1.89 bilion, sebanyak 3,158 penyata pemungut bernilai RM336.46 juta dan 695 baucar jurnal bernilai RM2.57 bilion. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 16 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan 9 pengauditan prestasi telah dijalankan. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan pengurusan kompleks dan kemudahan sukan, projek hutan-tani dan pembangunan masyarakat, pengurusan program bekalan air luar bandar, program pelancongan, perolehan input pertanian menerusi Pertubuhan Peladang, aktiviti pembangunan industri kecil dan sederhana, pengurusan pengendalian kargo, pengurusan ladang kelapa sawit dan pengurusan sampah.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2002 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Pada umumnya, pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri pada tahun 2003 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap, menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktivitinya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan.

5. Jabatan Audit Negara terus mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam

pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktivitinya. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :

5.1 Program Anak Angkat. Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan yang bersifat '*fault finder'* - hanya mencari kesalahan kepada sifat '*developmental'.* Melalui program ini, lapan pejabat telah dipilih untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Sehingga akhir bulan Julai 2004, enam daripada 8 telah berjaya mengikuti program ini dan diberi sijil penyertaan. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing. Pencapaian pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

5.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan. Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

6. Laporan ini disediakan dalam 5 Bahagian seperti berikut :

Bahagian I **:** Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Negeri

Bahagian III : Aktiviti Kementerian/Jabatan Negeri Dan Kajian Khas

Bahagian IV : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan

Bahagian V : Perkara Am

7. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

26 Julai 2004

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

1. Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 telah dapat disahkan kerana semua butiran dalam Lembaran Imbangan dan juga Penyata Akaun Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Pada keseluruhannya, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak menunjukkan suatu gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh berakhir 31 Disember 2003.

2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah kukuh. Aset semasa berjumlah RM3.86 bilion adalah mencukupi untuk menampung tanggungan semasa berjumlah RM587.67 juta. Akaun Hasil Disatukan juga meningkat sejumlah RM167.71 juta menjadi RM1.47 bilion pada tahun 2003.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN NEGERI

3. Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam

Pengurusan kewangan di Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan Perbendaharaan Negeri adalah baik. Sunguhpun begitu, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan Perbendaharaan Negeri hendaklah mempertingkatkan lagi pengurusan kewangan yang baik ini dengan memastikan semua Pegawai Pengawal mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan dan menyelenggara rekod dengan lengkap dan kemas kini. Kawalan dan keselamatan sistem perakaunan berkomputer juga hendaklah dipertingkatkan lagi.

4. Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri

Pada tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan di 10 Kementerian/Jabatan Negeri. Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di pejabat berkenaan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Hasil daripada pengauditan itu mendapati pada umumnya ada kemajuan dalam prestasi pengurusan kewangan. Bagaimanapun, aspek kawalan pengurusan seperti penyediaan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan Senarai Tugas belum dipatuhi dan beberapa peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil, kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset masih tidak dipatuhi sepenuhnya.

BAHAGIAN III - AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN NEGERI DAN KAJIAN KHAS

5. Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi : Pengurusan Kompleks Dan Kemudahan Sukan

Kementerian telah melaksanakan rancangan pembangunan sukan yang baik dengan hasrat untuk menyediakan kompleks dan kemudahan sukan di setiap Bahagian dan Daerah di Negeri Sarawak. Bagaimanapun, Kementerian perlu mempertingkatkan tahap penyenggaraan kompleks dan kemudahan sukan kerana kelewatan mengambil tindakan boleh menjejaskan kelancaran aktiviti sukan yang akan dijalankan. Selain itu, penggunaan kompleks dan kemudahan sukan boleh dipertingkatkan lagi melalui usaha promosi yang berterusan. Kementerian juga hendaklah mengambil tindakan serius bagi mengutip balik tunggakan hasil yang kian meningkat.

6. Jabatan Perhutanan :

Projek Hutan-Tani Dan Pembangunan Masyarakat

Projek Hutan-Tani diwujudkan untuk mengatasi masalah pertanian pindah secara haram yang berleluasa di kawasan Hutan Simpan Kerajaan. Sehingga tahun 2003, Jabatan Perhutanan telah membelanjakan sejumlah RM9.95 juta untuk mengurus projek ini. Projek ini telah dilaksanakan di 3 kawasan iaitu di Hutan Simpan Sabal, Hutan Kawalan Balai Ringin dan Hutan Simpan Niah yang melibatkan kawasan seluas 683 hektar dan 160 keluarga. Bagi menjayakan projek ini, Jabatan Perhutanan telah menyediakan tapak projek, pelbagai kemudahan dan membekal stok dan bekalan serta khidmat nasihat kepada peserta. Bagaimanapun, secara keseluruhannya Projek ini belum mencapai matlamatnya yang diharapkan terutama di kawasan Balai Ringin dan Niah kerana peserta tidak memberi komitmen sepenuhnya.

7. Jabatan Kerja Raya :

Pengurusan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Kuching

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching telah membelanjakan sejumlah RM19.27 juta bagi melaksanakan Program Bekalan Air Luar Bandar. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM11.47 juta dibelanjakan untuk projek pembangunan dan RM7.80 juta untuk operasi dan penyenggaraan. Jabatan telah melaksanakan 3 skim/projek lama iaitu projek sambungan Rancangan Malaysia Ketujuh dan 5 skim/projek baru. Antara projek yang dilaksanakan adalah seperti membina loji rawatan air, menggantikan saluran paip lama, memasang saluran paip baru, membina stesen pam penggalak air dan kolam simpanan air. Selain itu, bagi tempoh yang sama sejumlah RM10.16 juta hasil jualan air telah dapat dikutip daripada 15,751 pengguna. Pada keseluruhannya, Program Bekalan Air Luar Bandar di Bahagian Kuching tidak dilaksanakan dengan baik. Projek lewat atau tidak dilaksana seperti yang dijadualkan. Kajian yang teliti tidak dibuat sebelum pembelian peralatan loji. Selain itu, penguatkuasaan terhadap pengurusan bekalan air perlu lagi dipertingkatkan.

8. Kementerian Pelancongan Sarawak :
Program Pelancongan Negeri Sarawak

Kementerian telah mendapat peruntukan sejumlah RM73.90 juta daripada sejumlah RM106.27 juta yang dipohon bagi melaksanakan 6 projek pembangunan pelancongan pada tahun 2001 hingga 2003. Ini termasuk peruntukan sejumlah RM36.50 juta kepada Lembaga Pelancongan Sarawak untuk aktiviti promosi dan pemasaran dan sejumlah RM19 juta kepada Jabatan Perhutanan kerana menguruskan Taman Negara dan Kawasan Lindungan Hidupan Liar yang juga merupakan produk pelancongan. Adalah didapati pelaksanaan program pelancongan kurang memuaskan kecuali acara dan pesta. Dua projek menyediakan kemudahan pelancongan, satu projek menaik taraf tempat perkelahan dan 23 projek *homestay* di bawah program pembangunan produk pelancongan tidak dilaksanakan. Empat daripada 9 projek di bawah program pembangunan sumber manusia juga tidak dilaksanakan. Manakala projek di bawah kajian dan penyelidikan pula hanya 1 daripada 6 projek yang dirancang dilaksanakan. Aktiviti promosi dan pemasaran yang dibuat oleh Lembaga Pelancongan Sarawak meliputi pasaran domestik dan antarabangsa. Pada tahun 2001, seramai 3.49 juta pelancong mengunjungi Sarawak, pada tahun 2002 seramai 3.67 juta dan pada tahun 2003 seramai 3.28 juta. Pelancong dianggarkan berbelanja sejumlah RM6.27 bilion bagi tempoh tersebut.

9. Jabatan Pertanian :
Perolehan Input Pertanian Menerusi Pertubuhan Peladang

Perolehan Input Pertanian Menerusi Pertubuhan Peladang adalah merupakan satu mekanisme dan usaha berterusan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kelewatan pembekalan input pertanian serta memastikan petani mendapat bekalan yang bermutu dan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Secara amnya, perancangan perolehan ini adalah baik. Bagaimanapun adalah didapati pada peringkat pelaksanaan, perolehan input pertanian ini kurang memuaskan dan berlaku kelewatan. Selain itu, harga input pertanian yang dibekalkan oleh Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak adalah lebih mahal berbanding dengan harga pasaran.

Walaupun wujud mekanisme pemantauan di peringkat Jabatan, tetapi ianya masih lemah dan perlu dipertingkatkan lagi.

10. Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak : Aktiviti Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana

Kementerian telah merancang dengan baik program dan aktiviti yang hendak dilaksanakan bagi membantu perkembangan industri kecil dan sederhana di Negeri ini. Bagaimanapun, adalah didapati pelaksanaan beberapa program dan aktiviti tidak memuaskan dan ada juga yang belum dimulakan. Pelaksanaannya pula lebih tertumpu di Bahagian Kuching dan tidak mengikut jadual serta kriteria yang telah ditetapkan. Selain itu, pemantauan terhadap program serta aktiviti juga kurang memuaskan dan masih memerlukan perhatian yang khusus dan berterusan.

BAHAGIAN IV - BADAN BERKANUN, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

11. Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke Dan Lembaga Kemajuan Bintulu : Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke dan Lembaga Kemajuan Bintulu boleh dipertingkatkan lagi. Tumpuan hendaklah diberikan kepada penyediaan Fail Meja, kuasa meluluskan perbelanjaan, garis panduan dan prosedur pelaburan. Penyelenggaraan rekod perakaunan, pelaburan dan pinjaman juga perlu diambil perhatian. Penubuhan Jawatankuasa Pemeriksaan Tahunan/Verifikasi Stok dan Jawatankuasa Khas juga boleh menyumbang kepada pengurusan aset/inventori yang baik seperti pelupusan aset dibuat dengan segera. Selain itu, penyeliaan dan pemantauan yang berterusan berhubung dengan kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun deposit dan pengurusan aset hendaklah diberi perhatian.

12. Dewan Bandaraya Kuching Utara Dan Majlis Daerah Lundu : Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan di Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Majlis Daerah Lundu secara keseluruhannya masih boleh dipertingkatkan. Dewan Bandaraya perlu menyelenggara rekod deposit dengan kemas kini agar dapat menunjukkan kedudukan sebenar deposit yang melebihi 12 bulan dan tidak dituntut oleh pendeposit. Selain itu, Dewan Bandaraya dan Majlis Daerah Lundu perlu mengambil langkah yang lebih agresif untuk memungut tunggakan cukai taksiran. Pemantauan oleh Pegawai Penyelia juga perlu dipertingkatkan supaya peraturan dan prosedur kewangan dipatuhi sepenuhnya.

13. Lembaga Pelabuhan Miri : Pengurusan Pengendalian Kargo

Pada keseluruhannya, pengurusan pengendalian kargo telah dilaksanakan dengan memuaskan. Pemprosesan kargo juga didapati mematuhi Standard Sistem Kualiti MS ISO 9001:2000 yang ditetapkan. Bagaimanapun, penggunaan kemudahan pengendalian kargo Lembaga masih pada tahap rendah kerana hanya kapal yang mempunyai apungan (*draft*) kurang daripada 3 meter boleh masuk berlabuh pada masa air pasang besar. Masalah kecetekan perlulah diatasi dengan segera melalui projek *dredging* supaya kapal yang mempunyai apungan melebihi 3 meter sahaja dapat melaluinya tanpa menunggu air pasang besar. Kini Lembaga juga dalam proses menaikkan taraf perkhidmatannya dengan membangunkan sistem pengkomputeran yang menghala kepada perkhidmatan e-pelabuhan di mana pengguna pelabuhan dapat beroperasi di pangkalan internet secara *on-line* dan tidak perlu berada di pelabuhan untuk urusan perkapalan dan pengendalian kargo.

14. Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak : Pengurusan Ladang Kelapa Sawit Di Bau/Lundu

Pengurusan ladang kelapa sawit di Bau/Lundu pada keseluruhannya masih boleh dipertingkatkan. Adalah didapati Rancangan Kerja Tahunan tidak dilaksanakan sepenuhnya seperti yang dirancang. Aktiviti yang dirancang juga tidak dilaksanakan

mengikut jadual kerja yang ditetapkan. Selain itu, perjanjian pembangunan tanah dan pewartaan tanah perlulah dilaksanakan mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Aspek pemantauan juga perlu dipertingkatkan di semua peringkat pengurusan.

15. Majlis Perbandaran Sibu : Pengurusan Sampah

Di Sarawak, Pihak Berkuasa Tempatan memainkan peranan yang penting mengurus sampah secara berkesan di kawasan pentadbiran masing-masing. Untuk tujuan itu, Majlis Perbandaran Sibu (Majlis) telah melantik kontraktor untuk memungut, melupus dan merawat sampah. Selain itu, Majlis juga telah mengadakan publisiti kebersihan awam dan program kitar semula. Kesemua elemen ini telah menyumbang kepada peningkatan kebersihan kawasan Majlis dan penduduk dalam kawasan pentadbirannya dapat menikmati kehidupan dalam persekitaran yang selesa. Pada keseluruhannya pengurusan sampah Majlis telah diurus dengan memuaskan. Namun untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan dan pelupusan sampah, Majlis perlulah mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja memungut sampah, menyenggara tapak pelupusan dan loji rawatan kumbahan yang dilaksanakan oleh kontraktor.

BAHAGIAN I

PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

1. PENDAHULUAN

1.1 Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri melaporkan kesemua urus niaga kewangan yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam bagi tahun berakhir 31 Disember 2003. Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Akaun Awam secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Seksyen 9 Akta Audit 1957 pula menghendaki penyata tersebut dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan untuk diaudit. Akauntan Negeri Sarawak telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003 pada 12 Mei 2004. Setelah diperiksa, beberapa kesilapan telah ditemui dalam Penyata tersebut dan pihak Akauntan Negeri telah dimaklumkan pada 29 Mei 2004 untuk pembetulan. Pihak Akauntan Negeri telah mengemukakan semula Penyata yang diperbetulkan pada 17 Jun 2004.

1.2 Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Di samping itu, pengauditan bertujuan untuk menentukan sama ada rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Dalam menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah *material*, faktor yang diambil kira ialah jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu berlaku.

1.3 Pada tahun 2003, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

1.3.1 Selaras dengan penambahan 2 lagi bahagian pentadbiran di Negeri Sarawak iaitu Bahagian Betong pada akhir bulan Februari 2002 dan Mukah pada awal bulan Mac 2002, Kerajaan Negeri telah menubuhkan 2 lagi Pejabat Perbendaharaan di Bahagian tersebut pada bulan Januari 2003. Penubuhan pejabat baru ini adalah bertujuan untuk memudahkan urusan orang awam dan Jabatan Kerajaan di kawasan tersebut yang dahulunya terpaksa berurusan di Pejabat Perbendaharaan Bahagian yang lebih jauh dan seterusnya mempercepatkan lagi urusan kewangan yang ingin dilakukan.

1.3.2 Bagi menambah baik pengurusan kewangan di semua peringkat pejabat, Setiausaha Kewangan Negeri dan juga Akauntan Negeri telah mengeluarkan 12 pekeliling pada tahun 2003. Antaranya ialah:

i) Pekeliling berkenaan mewujudkan langkah kawalan dalaman yang perlu dipatuhi oleh Perbendaharaan Kecil semasa menunaikan cek dengan tujuan mengurangkan risiko ke atas perakaunan dan keselamatan wang awam.

ii) Pekeliling bertujuan mengingatkan semua Pegawai Pengawal mengenai permohonan untuk peruntukan tambahan bagi tahun 2003 selaras dengan penutupan akaun bagi tahun yang sama.

iii) Pekeliling kepada semua ketua Badan Berkanun Negeri yang menekankan pentingnya untuk mematuhi sepenuhnya prosedur kerajaan yang sedia ada bagi memastikan pengurusan kewangan yang telus, berakauntabiliti dan berwibawa.

1.3.3 Bahagian Unit Pendaftaran Kontraktor (UPK) telah memudahkan proses untuk kontraktor membuat pembaharuan, naik taraf, perubahan status syarikat dan lain-lain kecuali bagi permohonan baru dengan hanya mengesah dan memperbaharui maklumat syarikat dengan UPK. Selain itu, UPK juga telah mewujudkan laman web sendiri iaitu *Contractors And Suppliers Information System* (COSIS) yang mengandungi maklumat pendaftaran serta profil kontraktor dan pembekal yang berdaftar dengannya. Hanya Jabatan/Agensi yang dipilih dapat mengakses sistem ini dan berkongsi maklumat mengenai rekod pendaftaran serta prestasi kontraktor dan pembekal.

1.3.4 Kerajaan Negeri telah memperkenalkan sistem penilaian prestasi iaitu *Balanced Scorecards (BSC)* mulai tahun 2001 dan memilih Jabatan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Ketua Menteri, Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi dan sebuah syarikat untuk melaksanakan sistem tersebut pada tahun 2003. Daripada 4 Kementerian/Jabatan/Syarikat yang dipilih, hanya Jabatan Perbendaharaan Negeri sahaja yang berjaya melaksanakan sistem tersebut pada tahun 2003 manakala 3 Kementerian/Jabatan/Syarikat belum melaksanakannya. Sistem tersebut menilai prestasi Jabatan dari 4 perspektif iaitu *Customer, Financial, Internal Process* dan *Learning and Growth.* Prestasi Jabatan akan dinilai dari segi keupayaan mencapai objektif dan kriteria yang ditetapkan bagi setiap aspek penilaian, contohnya seperti peratusan baucar bayaran dibayar dalam tempoh 5 hari bekerja, peratusan remitan dibuat dalam tempoh 2 hari dan sebagainya. Bagi Jabatan Perbendaharaan Negeri, sebanyak 40 aktiviti telah disenaraikan berserta dengan objektif dan sistem untuk menilai pencapaian yang telah dibuat. Di samping membolehkan proses penilaian dibuat secara teratur, sistem BSC juga berperanan memantau Jabatan yang tidak menunjukkan prestasi yang sepatutnya dan seterusnya mengambil langkah untuk membantu Jabatan tersebut.

1.4 Jabatan Audit Negara turut berusaha membantu Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan tahap akauntabiliti pengurusan wang awam dengan mengadakan perbincangan dengan pihak Auditi setelah sesuatu pengauditan selesai dijalankan. Ini adalah bertujuan untuk mengatasi kelemahan dan kesilapan yang ditemui hasil daripada pemeriksaan Audit yang dijalankan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga terlibat memberi ceramah dan taklimat. Sepanjang tahun 2003, antara ceramah dan taklimat yang melibatkan Jabatan Audit Negara adalah seperti berikut:

i) Ceramah mengenai Tatacara Pengurusan Aset dan Stor kepada pegawai dan kakitangan Majlis Perbandaran Padawan dan Kementerian Perancangan dan Sumber Manusia.

ii) Taklimat serta latihan kepada 8 Jabatan/Agensi yang dipilih di bawah Program Anak Angkat untuk membantu Jabatan/Agensi dalam pengurusan kewangan.

iii) Taklimat mengenai Pengurusan Kewangan kepada pegawai dan kakitangan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak dan Pustaka Negeri Sarawak.

2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM

Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan Yang Diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada 31 Disember 2003.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun

Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti **Lampiran I** dan **II**.

Prestasi persembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri hendaklah dikekalkan supaya sijil berbentuk bersih masih dapat dikeluarkan pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri terus ditingkatkan.

3. ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM

Analisis Audit adalah berdasarkan maklumat yang ada dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum pada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2003.

3.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Pada tahun 2003, hasil yang diperolehi Kerajaan Negeri berjumlah RM2.65 bilion dan perbelanjaan yang dilakukan berjumlah RM2.48 bilion. Dengan itu, Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun 2003 dengan surplus sejumlah RM167.71 juta berbanding defisit sejumlah RM50.59 juta pada tahun 2002. Ini mengakibatkan lebihan terkumpul bertambah menjadi RM1.47 bilion pada akhir tahun 2003 berbanding RM1.30 bilion pada akhir tahun 2002. Nisbah semasa pada tahun 2003 adalah sebanyak 6.6:1 di mana aset semasa berjumlah RM3.86 bilion berbanding tanggungan semasa yang berjumlah RM587.67 juta. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri mempunyai tahap kecairan yang tinggi untuk menyelesaikan tanggungan kewangan jangka pendek. Di samping itu, Pelaburan dan Pinjaman Boleh Tuntut yang berjumlah RM4.17 bilion adalah tinggi iaitu 3.1 kali melebihi Hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.36 bilion. Ringkasan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2003 adalah seperti di **Jadual 1.**

Jadual 1
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Pada 31 Disember 2003

Perkara	Lembaran Imbangan (RM Juta)	Penyata Akaun Memorandum (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Aset	3,858.10	4,171.13	8,029.23
Tanggungan	587.67	1,360.98	1,948.65
Jumlah Bersih	**3,270.43**	**2,810.15**	**6,080.58**

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2003

Pada pandangan Audit, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak adalah kukuh. Jumlah aset adalah mencukupi untuk menampung jumlah tanggungan. Kerajaan Negeri perlu terus berusaha untuk mengawal perbelanjaan supaya kedudukan surplus berterusan.

LEMBARAN IMBANGAN

3.2 AKAUN HASIL YANG DISATUKAN

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri memperolehi hasil berjumlah RM2.65 bilion dan melakukan perbelanjaan berjumlah RM2.48 bilion. Dengan kedudukan ini, Kerajaan Negeri memperolehi surplus sejumlah RM167.71 juta.

3.2.1 Hasil

Pada keseluruhannya, hasil Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM365.85 juta (16%) menjadi RM2.65 bilion pada tahun 2003 berbanding RM2.29 bilion pada tahun 2002. Jumlah hasil mengikut 4 kategori hasil adalah seperti di **Jadual 2.**

Jadual 2
Jumlah Hasil Negeri Tahun 2002 Dan 2003

Bil.	Kategori	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	Lebihan/ (Kurangan) (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	843.98	867.09	23.11
2.	Hasil Bukan Cukai	1,346.47	1,720.21	373.74
3.	Terimaan Bukan Hasil	5.83	12.88	7.05
4.	Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik	88.42	50.37	(38.05)
Jumlah		**2,284.70**	**2,650.55**	**365.85**

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2002 Dan 2003

Analisis Audit menunjukkan sebanyak 60 butiran hasil meningkat dengan jumlah RM469.94 juta, empat puluh lapan butiran lain mencatatkan penurunan berjumlah RM104.09 juta dan 4 butiran hasil tidak berubah. Prestasi beberapa jenis hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

i) Peningkatan Hasil Yang Ketara

a) Pampasan Gantian Duti Eksais Dan Duti Import Ke Atas Produk Petroleum

Hasil pampasan ke atas gantian duti eksais dan duti import produk petroleum yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM212.82 juta iaitu daripada RM53.50 juta pada tahun 2002 menjadi RM266.32 juta pada tahun 2003. Peningkatan hasil ini adalah kerana tunggakan sejumlah RM157.92 juta pada tahun 2002 telah diterima pada bulan Januari dan bulan Mei 2003.

b) Pampasan Gantian Hak Ke Atas Minyak

Hasil pampasan gantian hak ke atas minyak meningkat sejumlah RM120.25 juta daripada RM280 juta pada tahun 2002 menjadi RM400.25 juta pada tahun 2003. Peningkatan hasil ini disebabkan kenaikan harga purata minyak daripada USD24.56 satu tong pada tahun 2002 menjadi USD29.05 satu tong pada tahun 2003.

Keluaran minyak juga bertambah daripada 65.62 juta tong menjadi 72.71 juta tong setahun.

c) Pampasan Gantian Hak Ke Atas Gas

Hasil pampasan gantian hak ke atas gas meningkat sejumlah RM51.10 juta daripada RM278.36 juta pada tahun 2002 menjadi RM329.46 juta pada tahun 2003. Peningkatan hasil ini disebabkan kenaikan harga purata gas daripada USD1.15 bagi satu *million British Thermal Units* (mmbtu) pada tahun 2002 menjadi USD1.57 bagi satu mmbtu pada tahun 2003. Selain itu, kuantiti jualan meningkat daripada 1,020.48 juta mmbtu pada tahun 2002 menjadi 1,101 juta mmbtu pada tahun 2003.

d) Cukai Jualan Minyak Sawit Mentah

Hasil cukai ke atas keluaran minyak sawit mentah meningkat sejumlah RM27.52 juta daripada RM18.75 juta pada tahun 2002 menjadi RM46.27 juta pada tahun 2003. Peningkatan hasil ini disebabkan kenaikan harga purata minyak sawit ke tahap RM1,540 satu tan metrik pada tahun 2003 dan tiada kadar pelepasan cukai berbanding RM1,353 satu tan metrik pada tahun 2002 yang mana kadar pelepasan cukai adalah 2.5%. Di samping itu, pengeluaran komoditi ini telah meningkat daripada sejumlah 737,864 tan metrik pada tahun 2002 menjadi sejumlah 886,473 tan metrik pada tahun 2003.

e) Sewaan Bangunan Kerajaan

Hasil daripada sewaan bangunan kerajaan meningkat sejumlah RM7.01 juta atau 76.5% daripada RM9.16 juta pada tahun 2002 menjadi RM16.17 juta pada tahun 2003. Peningkatan hasil ini disebabkan oleh tunggakan sewa sejumlah RM9 juta bagi tahun 2000 dan 2001 telah dibayar oleh sebuah syarikat pada tahun 2003.

f) Premium Kayu-Kayan

Premium kayu-kayan meningkat sejumlah RM5.87 juta atau 83.1% daripada RM7.06 juta pada tahun 2002 menjadi RM12.93 juta pada tahun 2003. Peningkatan hasil ini disebabkan peningkatan pengeluaran balak pada tahun 2003 dan juga penerimaan tunggakan premium bagi tahun sebelumnya.

ii) Penurunan Hasil Yang Ketara

a) Dividen

Hasil yang diterima daripada dividen menurun sejumlah RM36.45 juta daripada RM339.67 juta pada tahun 2002 menjadi RM303.22 juta pada tahun 2003. Penurunan pungutan ini disebabkan bayaran balik potongan cukai ke atas dividen yang diperolehi pada tahun 2001 daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri berjumlah RM126.63 juta telah dibayar pada tahun 2002 tetapi sejumlah RM87.15 juta bagi sebahagian tuntutan tahun 2002 belum dibayar balik.

b) Royalti Hutan

Hasil royalti hutan menurun sejumlah RM10.80 juta daripada RM694.74 juta pada tahun 2002 menjadi RM683.94 juta pada tahun 2003. Penurunan pungutan ini disebabkan kebanyakan jenis balak yang dikeluarkan adalah daripada jenis balak yang kadar royaltinya rendah. Selain itu, kuantiti pengeluaran balak pada tahun 2003 tidak banyak berubah berbanding dengan tahun 2002.

c) Premium Tanah

Hasil premium tanah menurun sejumlah RM4.15 juta daripada RM145.83 juta pada tahun 2002 menjadi RM141.68 juta pada tahun 2003. Penurunan hasil ini disebabkan pemilik tanah dengan jumlah ansuran yang besar tidak menjelaskan ansuran premium, pihak yang diluluskan untuk diberi hak milik tidak membayar premium

yang dikenakan serta kurang pemberian milikan tanah untuk tujuan perladangan pada tahun 2003 berbanding tahun sebelumnya.

d) Dius Pelabuhan Lembaga Pelabuhan Miri

Hasil daripada dius Lembaga Pelabuhan Miri juga telah menurun sejumlah RM5.29 juta atau 42.4% berbanding dengan RM12.49 juta pada tahun 2002 menjadi RM7.20 juta pada tahun 2003. Penurunan pungutan ini disebabkan baki kutipan yang tertunggak sejumlah RM5.03 juta bagi tahun 2003 hanya dapat dikutip pada tahun 2004.

3.2.2 Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2003, sejumlah RM1.16 bilion telah dibelanjakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus iaitu meningkat sejumlah RM52.75 juta daripada RM1.11 bilion pada tahun 2002. Jumlah ini tidak termasuk caruman sejumlah RM1.32 bilion kepada Kumpulan Wang Berkanun bagi tahun 2003. Analisis Audit mendapati peningkatan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan emolumen berjumlah RM63.06 juta adalah faktor utama meningkatnya perbelanjaan mengurus, manakala perbelanjaan aset dan perbelanjaan lain menurun sejumlah RM10.31 juta. Butiran perbelanjaan mengurus bagi tahun 2002 dan 2003 adalah seperti di **Jadual 3.**

Jadual 3
Butiran Perbelanjaan Mengurus

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan Tahun 2002 (RM Juta)	Perbelanjaan Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Emolumen	320.36	330.53	10.17
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	420.78	457.69	36.91
3.	Aset	35.24	27.40	(7.84)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	331.37	347.35	15.98
5.	Perbelanjaan Lain	4.35	1.88	(2.47)
Jumlah		**1,112.10**	**1,164.85**	**52.75**

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2002 Dan 2003

3.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Akaun Deposit dan Akaun Kena Bayar. Baki Akaun ini pada tahun 2003 ialah RM2.39 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM71.17 juta berbanding RM2.32 bilion pada tahun 2002.

3.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan

Baki permulaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2003 berjumlah RM1.29 bilion. Adalah didapati pada tahun yang sama sejumlah RM1.65 bilion diterima dan daripadanya sejumlah RM1.64 bilion dibelanjakan. Justeru itu, baki pada akhir tahun 2003 meningkat sejumlah RM13.99 juta menjadi RM1.31 bilion. Perbelanjaan pembangunan meningkat sejumlah RM196.65 juta iaitu daripada RM1.44 bilion pada tahun 2002 menjadi RM1.64 bilion pada tahun 2003. Perbelanjaan mengikut sektor pembangunan adalah seperti di **Jadual 4.**

Jadual 4
Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Sektor

Bil.	Sektor	Perbelanjaan Tahun 2002 (RM Juta)	Perbelanjaan Tahun 2003 (RM Juta)	Peratus Meningkat/ (Menurun) (%)
1.	Perdagangan Dan Perindustrian	360.46	410.41	13.9
2.	Pertanian Dan Kemajuan Tanah	201.10	187.92	(6.6)
3.	Pengangkutan Dan Perhubungan	339.73	437.84	28.9
4.	Sosial Dan Pembangunan Masyarakat	149.10	150.24	0.8
5.	Pentadbiran Am	269.49	310.90	15.4
6.	Kemudahan Awam	120.89	140.11	15.9
Jumlah		**1,440.77**	**1,637.42**	**13.6**

Sumber : Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2002 Dan 2003

Antara sebab berlakunya peningkatan ketara perbelanjaan pembangunan pada tahun 2003 adalah seperti berikut:

i) Perbelanjaan tahun 2003 terhadap mengganti jambatan sementara, membina jalan raya seperti Jalan Ng/Bangkit/Muara Lebaan, Bintangor Fasa I dan pembaikan Jalan Kabong/Nyabor, Roban telah meningkat menjadi RM143.17 juta berbanding RM51.12 juta pada tahun 2002.

ii) Peningkatan pembayaran Geran Dius pelabuhan dan *cess* pembangunan kepada Lembaga Pelabuhan Miri dan geran modal kepada Lembaga Pelabuhan Kuching iaitu daripada RM4 juta pada tahun 2002 menjadi RM12 juta pada tahun 2003.

iii) Pembayaran terhadap kontrak bekalan air seperti Bekalan Air Mukah Tambahan Utama pada tahun 2003 berjumlah RM12.20 juta berbanding RM2.02 juta pada tahun 2002.

iv) Sejumlah RM58 juta dipindah kepada Akaun Amanah Tabung Pengambilan Tanah Khas pada tahun 2003 berbanding RM21 juta pada tahun 2002.

v) Perbelanjaan pembangunan projek Taman Perindustrian Demak Laut Fasa II A berjumlah RM29.24 juta pada tahun 2003 berbanding RM10.43 juta pada tahun 2002.

vi) Bayaran sejumlah RM50.50 juta sebagai ekuiti *Sarawak Specialist Hospital And Medical Centre Sdn. Bhd* pada tahun 2003.

vii) Sumbangan Kerajaan Negeri kepada projek pembesaran Lapangan Terbang Miri sejumlah RM25 juta pada tahun 2003.

viii) Bayaran terhadap projek tanaman pokok pulpa kertas sejumlah RM14.15 juta pada tahun 2003 berbanding RM0.02 juta pada tahun 2002.

3.3.2 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian Kerajaan, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Akaun Dana Kontingensi dan Akaun Amanah Pelbagai. Adalah didapati baki Kumpulan Wang Amanah ini berjumlah RM280.77 juta pada tahun 2003 berbanding RM288.18 juta pada tahun 2002. Penurunan ini adalah kerana peningkatan jumlah pembayaran kepada pembekal bagi Akaun Stor Tidak Teruntuk.

3.3.3 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam adalah wang yang disimpan dan diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri bagi orang awam. Kumpulan Wang ini terdiri daripada Akaun Amanah Khas dan Akaun Amanah Am. Pada akhir tahun 2003, Kumpulan Wang ini berbaki sejumlah RM213.27 juta berbanding RM214.56 juta pada tahun 2002. Penurunan baki ini disebabkan peningkatan jumlah pembayaran kepada penerima pampasan *Bakun Hydro Electric Project* (HEP) dan pembayaran daripada Akaun Pelarasan Cek Yang Dibatalkan.

3.3.4 Deposit

Mengikut Penyata Akaun Awam, baki akaun deposit pada bulan Disember 2003 berjumlah RM125.27 juta berbanding RM131.79 juta pada tahun 2002 iaitu menurun sejumlah RM6.52 juta. Penurunan ini adalah kerana bayaran balik deposit bagi projek jalan raya sejumlah RM2.05 juta kepada Kerajaan Persekutuan dan deposit premium sejumlah RM21.65 juta bagi tapak Kem Tentera Bintulu oleh Kementerian Pertahanan Malaysia telah dipindahkan ke Akaun Hasil pada tahun 2003. Manakala antara deposit baru yang diterima pada

tahun 2003 adalah sejumlah RM8.46 juta bagi projek jalan raya ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Rambungan dan sejumlah RM8.09 juta bagi projek jalan raya Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

3.3.5 Akaun Kena Bayar

Jumlah Akaun Kena Bayar meningkat sejumlah RM72.39 juta daripada RM390.01 juta pada tahun 2002 menjadi RM462.40 juta pada tahun 2003. Perbelanjaan ini terdiri daripada perbelanjaan mengurus sejumlah RM95.54 juta dan perbelanjaan pembangunan sejumlah RM366.87 juta. Pada tahun 2003, Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam, Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan dan Pejabat Ketua Menteri adalah merupakan Kementerian/Jabatan yang melakukan perbelanjaan paling tinggi di bawah Akaun Kena Bayar. Antara sebab pembayaran dikenakan kepada Akaun Kena Bayar adalah:

i) Bil tidak dikemukakan untuk pembayaran mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan 103.

ii) Peruntukan sepenuhnya bagi perbelanjaan bekalan dan pembangunan hanya diterima pada hujung tahun.

iii) Perbelanjaan yang sepatutnya dibayar melalui Arahan Perbendaharaan 58(a) telah dibayar di bawah Akaun Kena Bayar.

3.4 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atau sumber lain. Pada akhir tahun 2003, Akaun ini tidak mempunyai baki, sama seperti pada tahun 2002 dan tahun sebelumnya. Pinjaman sejumlah RM157.50 juta yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan telah diambil kira ke Akaun ini sebelum dipindahkan kesemuanya ke Kumpulan Wang Pembangunan. Sejumlah RM28.38 juta dipinjamkan semula kepada Badan Berkanun Negeri manakala sejumlah

RM129.12 juta adalah bagi membiayai projek yang diurus sendiri oleh Kerajaan Negeri.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

3.5 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

Kerajaan Negeri memberi pinjaman kepada Agensi Negeri bagi membiayai projek dan aktiviti pembangunan yang berdaya maju. Baki pinjaman Kerajaan Negeri kepada Agensi menurun sejumlah RM410.01 juta iaitu daripada RM2.81 bilion pada tahun 2002 menjadi RM2.40 bilion pada tahun 2003. Pengurangan ini disebabkan pinjaman sejumlah RM380 juta ditukar menjadi geran dan bayaran balik pinjaman sejumlah RM30.01 juta.

3.6 PELABURAN

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki pelaburan Kerajaan Negeri dalam 39 buah syarikat dan sebuah Perbadanan yang terdiri daripada saham, unit amanah, ekuiti dan nota janji bernilai RM1.77 bilion pada akhir tahun 2003 berbanding RM1.59 bilion pada akhir tahun 2002. Jumlah ini termasuk pelaburan Kerajaan Negeri dalam bentuk saham terbitan yang mempunyai nilai pasaran sejumlah RM1.33 bilion pada akhir tahun 2003. Kerajaan Negeri telah membuat 2 pelaburan baru dalam bentuk saham dan ekuiti berjumlah RM56.02 juta pada tahun 2003.

3.7 TUNGGAKAN HASIL

Tunggakan hasil Kerajaan Negeri menurun sejumlah RM189.89 juta menjadi RM313.98 juta pada tahun 2003 daripada RM503.87 juta pada tahun 2002. Penurunan ini disebabkan tunggakan pampasan gantian hak ke atas minyak dan gas bagi tahun 2002 diterima pada tahun 2003 dan pelaksanaan penstrukturan semula pinjaman. Kedudukan tunggakan hasil pada akhir tahun 2003 adalah seperti di **Jadual 5.**

Jadual 5
Tunggakan Hasil Negeri Pada 31 Disember 2003

Jenis Hasil	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
Pinjaman Dan Lain-lain	194.29	141.83	(52.46)
Dividen, Pampasan Dan Gantian	176.62	39.38	(137.24)
Cukai Eksais			
Premium Tanah Dan Lain-lain	115.63	118.05	2.42
Jualan Stor Dan Air	14.30	11.64	(2.66)
Royalti Dan Permit	2.71	2.73	0.02
Pelbagai	0.32	0.35	0.03
Jumlah	**503.87**	**313.98**	**(189.89)**

Sumber : Penyata Akaun Belum Terima Disatukan Tahun 2002 Dan 2003

3.8 HUTANG KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri mempunyai baki hutang kepada Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2003 sejumlah RM1.36 bilion berbanding RM1.29 bilion pada tahun 2002. Peningkatan ini adalah kerana pinjaman baru yang diterima pada tahun semasa berjumlah RM157.50 juta melebihi bayaran balik tahun semasa yang berjumlah RM83.76 juta. Kedudukan hutang Negeri pada tahun 2002 dan 2003 mengikut jenis pinjaman adalah seperti di **Jadual 6.**

Jadual 6
Kedudukan Hutang Negeri Tahun 2002 Dan 2003

Bil.	Projek Pembangunan	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)
1.	Perumahan	742.98	791.31
2.	Pertanian	233.85	234.46
3.	Bekalan Air	218.56	283.17
4.	Perindustrian	48.30	11.42
5.	Institusi Pelaburan	20.00	20.00
6.	Pembetungan Najis Dan Perparitan	13.46	12.94
7.	Pembangunan Tanah	9.44	7.08
8.	Pelabuhan	0.64	0.60
Jumlah		**1,287.23**	**1,360.98**

Sumber : Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2002 Dan 2003

4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK8

Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) yang meliputi tempoh tahun 2001 hingga 2005 dirangka dengan mengambil kira dasar Wawasan Negara. Rancangan ini merangkumi strategi, program dan projek yang diatur bagi mencapai status negeri maju melalui pembangunan aktiviti ekonomi yang pesat, keharmonian masyarakat dan pembangunan sosial.

4.1 BILANGAN PROJEK

Setakat tahun 2002, sejumlah RM11.54 bilion telah diluluskan untuk dibelanjakan bagi tempoh 5 tahun bagi melaksanakan 3,363 projek dan membuat pelaburan dalam pelbagai syarikat dan agensi. Bilangan projek tersebut termasuk projek utama, subprojek dan projek kecil. Pada tahun 2003, pihak Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU) telah menyemak semula kriteria penghitungan bilangan projek di mana projek kecil kepada subprojek dikumpulkan di bawah satu subprojek. Justeru itu, bilangan projek yang disemak semula bagi RMK8 adalah 2,310 projek dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM11.94 bilion. Projek tersebut dilaksanakan oleh 54 Jabatan/Agensi di bawah 11 Kementerian seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Pelaksanaan Projek Pembangunan Mengikut Kementerian Dan Jabatan

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bil. Projek Setakat 2002	Bil. Projek 2003	Kos Projek (RM Juta)
1.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	46	41	1,157.02
2.	Jabatan Ketua Menteri	135	93	476.38
3.	Kementerian Luar Bandar Dan Pembangunan Tanah	203	76	513.83
4.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	282	220	420.50
5.	Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	299	279	1,516.00
6.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	732	561	2,115.08
7.	Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam	1,032	493	596.50
8.	Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	58	25	277.88
9.	Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam	354	354	2,659.65
10.	Kementerian Perumahan	86	83	2,102.61
11.	Kementerian Pelancongan	136	85	100.00
	Jumlah Besar	**3,363**	**2,310**	**11,935.45**

Sumber : Senarai Dan Bilangan Projek Sambungan Daripada RMK7 Dan Projek Baru Yang Diluluskan Pada RMK8 (Mengikut Kementerian)
Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2003

4.2 PRESTASI PERBELANJAAN

Analisis Audit mendapati sehingga 31 Disember 2003, sejumlah RM5.25 bilion (44%) telah dibelanjakan daripada peruntukan yang diluluskan bagi RMK8 berjumlah RM11.94 bilion. Perbelanjaan semasa bagi tahun 2003 adalah sejumlah RM1.64 bilion (67.8%) daripada peruntukan sejumlah RM2.41 bilion yang diterima pada tahun 2003. Prestasi perbelanjaan projek pembangunan RMK8 adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK8

Bil.	Kementerian/Jabatan	Anggaran Asal (RM Juta)	Peruntukan Disemak (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2003 (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Jabatan Ketua Menteri	21.00	12.11	10.25	84.6
2.	Kementerian Luar Bandar Dan Pembangunan Tanah	178.64	186.83	95.53	51.1
3.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	529.30	420.50	251.31	59.8
4.	Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	122.44	114.64	73.07	63.7
5.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	2,007.59	2,162.14	1,177.78	54.5
6.	Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	138.40	234.04	81.54	34.8
7.	Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam	8,358.80	8,705.18	3,484.95	40.0
8.	Kementerian Pelancongan	108.41	100.00	73.18	73.2
Jumlah		**11,464.58**	**11,935.44**	**5,247.61**	**44.0**

Sumber : Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2001 Dan 2003
Laporan Akaun Awam Negeri Sarawak Tahun 2001, 2002 Dan 2003

4.3 STATUS PELAKSANAAN PROJEK

Mengikut rekod pemantauan pelaksanaan Projek Pembangunan Negeri yang diselenggarakan oleh Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU), sebanyak 763 projek daripada 2,310 projek yang dirancang telah siap dilaksanakan. Antara projek terbesar yang siap dilaksanakan adalah Projek Pembinaan Loji Baru di Bahagian Bintulu (RM40.62 juta), Projek Perumahan Awam Kos Rendah Semariang di Bahagian Kuching (RM15.71 juta) dan Projek Jambatan Batang Oya di Bahagian Mukah (RM16.15 juta).

Adalah didapati daripada 1,547 projek yang belum siap, sebanyak 87 projek (3.8%) belum bermula, sebanyak 461 projek (20%) masih dalam proses perancangan, sebanyak 277 projek (12%) ditangguh dan 36 projek (1.6%) dibatal. Manakala 465 projek (20.1%) dilaksanakan mengikut jadual, 52 projek (2.3%) mendahului jadual dan 169 projek (7.3%) adalah lewat daripada jadual yang mana 34 (1.5%) daripadanya adalah projek yang ketara kelewatannya

iaitu lebih daripada 12 bulan ataupun 30% lewat daripada jadual. Antara projek terbesar yang lewat adalah Projek *City Fan* Fasa 4 (RM17.15 juta), Projek Pembinaan Loji Rawatan Air Baru (RM13 juta) dan Projek Bekalan Air Bekenu di Bahagian Miri (RM13 juta) dan Projek Pembinaan Jalan Kampung Briwan/Long Tengua, Lawas di Bahagian Limbang (RM18 juta). Antara sebab projek belum bermula atau lewat daripada jadual adalah prestasi kontraktor tidak memuaskan, tapak projek lewat dikenal pasti dan kelewatan dalam penyediaan reka bentuk dan tender. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 9.**

Jadual 9
Status Pelaksanaan Projek RMK8 Setakat 31 Disember 2003

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bil. Projek	Status Pelaksanaan			
			Siap	Sedang Laksana	Belum Mula Dan Dalam Perancangan	Ditangguh/ Dibatal
1.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	41	6	23	12	0
2.	Jabatan Ketua Menteri	93	17	48	22	6
3.	Kementerian Luar Bandar Dan Pembangunan Tanah	76	41	26	9	0
4.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	220	32	184	4	0
5.	Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	279	44	79	61	95
6.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	561	125	101	218	117
7.	Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam	493	308	128	52	5
8.	Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	25	4	8	11	2
9.	Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam	354	115	77	116	46
10.	Kementerian Perumahan	83	11	11	20	41
11.	Kementerian Pelancongan	85	60	1	23	1
	Jumlah	**2,310**	**763**	**686**	**548**	**313**

Sumber : Senarai Dan Bilangan Projek Sambungan Daripada RMK7 Dan Projek Baru Yang Diluluskan Pada RMK8

Pada pandangan Audit, pencapaian perbelanjaan secara keseluruhan Kerajaan Negeri menunjukkan Kementerian/Jabatan terlibat tidak berupaya membelanjakan keseluruhan peruntukan tahunan yang diluluskan. Secara tidak langsung ini menandakan wujudnya kelemahan Kementerian/Jabatan dari segi bajet, perancangan kewangan, kapasiti dan kapabiliti untuk melaksanakan projek.

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Penyediaan Penyata Akaun Awam adalah baik dan Sijil Audit Tanpa Teguran telah dikeluarkan. **Butiran yang ditunjukkan dalam Penyata telah dapat disahkan kerana disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.** Baki Akaun Hasil Yang Disatukan pada 31 Disember 2003 berjumlah RM1.47 bilion. Wang Tunai Dalam Bank, Pelaburan dan Pinjaman Boleh Dituntut adalah 4.1 kali melebihi jumlah Hutang Awam, Akaun Kena Bayar dan Deposit. **Pada pandangan Audit, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 adalah kukuh. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri boleh dipertingkatkan lagi dengan menggandakan usaha untuk menambah kutipan hasil di samping melakukan perbelanjaan secara berhemat.**

BAHAGIAN II
PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN NEGERI

6. PENDAHULUAN

6.1 Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan menetapkan tugas dan tanggungjawab setiap Pegawai Pengawal bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan Jabatan. Jabatan Audit Negara pula dikehendaki menyediakan rancangan Audit dan seterusnya menjalankan pengauditan sejajar dengan rancangan tersebut untuk menilai pematuhan Auditi terhadap Akta, Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta bertujuan untuk memastikan sama ada penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini.

6.2 Pengauditan pengurusan kewangan dijalankan selaras dengan kehendak Seksyen 6 Akta Audit 1957. Pada tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di 12 Kementerian/Jabatan/Pejabat. Hasil pengauditan menunjukkan masih ada kelemahan dalam kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah, deposit dan aset. Kelemahan yang ketara dan isu positif yang ditemui telah dimaklumkan kepada Pegawai Pengawal/Auditi yang terlibat melalui surat pemerhatian audit serta dilaporkan dalam **Bahagian** ini.

6.3 Jabatan Audit Negara juga menjalankan Pemeriksaan Audit Khas *(Audit Presence)* mulai tahun 2003 bagi membantu Kementerian/Jabatan/Pejabat mengatasi dan memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti kewangan. Fokus pengauditan dihadkan kepada aspek tertentu misalnya kawalan hasil atau kawalan perbelanjaan sahaja dan

diselaraskan mengikut tahun. Pada tahun 2003, sebanyak 79 Kementerian/Jabatan/Pejabat telah dipilih untuk diaudit.

6.4 Selain itu, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan program Anak Angkat untuk membantu Jabatan/Agensi meningkatkan pengurusan kewangan. Melalui program ini, Jabatan/Agensi yang dipilih sebagai ‘anak angkat’ Jabatan Audit Negara akan diberi bimbingan dan nasihat supaya memperbaiki segala kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan. Pada tahun 2003, sebanyak 8 Jabatan/Agensi telah dipilih sebagai Anak Angkat.

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN KEMUDAHAN AWAM

7. LATAR BELAKANG

7.1 Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan Perbendaharaan Negeri adalah 2 buah Jabatan di bawah Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam yang bertanggungjawab menetapkan dasar dan peraturan kewangan Kerajaan Negeri. Setiausaha Kewangan Negeri selaku Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab mengawal selia semua Kementerian dan Jabatan Negeri bagi memastikan undang-undang dan peraturan kewangan dipatuhi. Manakala Jabatan Perbendaharaan Negeri pula mengendalikan sistem perakaunan Kerajaan Negeri bagi memastikan semua terimaan dan bayaran dibuat mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Di samping itu, Jabatan Perbendaharaan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan rekod kewangan yang lengkap dan kemas kini di semua Pusat Tanggungjawab.

7.2 Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri diketuai oleh Setiausaha Kewangan Negeri. Struktur organisasi kekal seperti pada tahun 2002 dengan dibahagikan kepada 7 Bahagian utama iaitu Bahagian Pengurusan Am, Belanjawan, Kewangan Dan Pentadbiran, Perolehan, Utiliti, Hal Ehwal Korporat dan Analisis Dan Pemantauan Pelaburan. Pada tahun 2003, hanya 94 jawatan diisi daripada sebanyak 160 perjawatan termasuk perjawatan tambahsentara yang diluluskan. Antara jawatan yang masih kosong adalah sebanyak 5 di Bahagian Pengurusan Am, tujuh di Bahagian Belanjawan, empat belas di Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran, dua puluh lapan di Bahagian Perolehan, enam di Bahagian Utiliti, tiga di Bahagian Hal Ehwal Korporat dan 3 di Bahagian Analisis Dan Pemantauan Pelaburan.

7.3 Jabatan Perbendaharaan Negeri diketuai oleh Akauntan Negeri dan dibantu oleh 212 orang pegawai/kakitangan. Di peringkat Ibu Pejabat, Jabatan ini dibahagi kepada 4 Bahagian utama iaitu Bahagian Akaun, Kewangan, Gaji dan

Perancangan Dan Pentadbiran. Bilangan Pejabat Perbendaharaan Bahagian bertambah menjadi 11 kesemuanya setelah 2 Pejabat Perbendaharaan ditubuhkan di Bahagian Betong dan Bahagian Mukah selaras dengan pengwujudan 2 lagi Bahagian Pentadbiran di Negeri Sarawak. Selain itu, sebanyak 25 Perbendaharaan Kecil beroperasi di Daerah yang tidak mempunyai perkhidmatan bank. Pada tahun 2003, sebanyak 261 jawatan telah diluluskan tetapi hanya sebanyak 212 jawatan yang diisi. Antara jawatan yang tidak diisi adalah 3 jawatan Penolong Akauntan gred W27, tujuh jawatan Pembantu Tadbir gred W22 dan 22 jawatan Pembantu Tadbir gred W17. Kekurangan pegawai kewangan adalah ketara di Perbendaharaan Betong dan Mukah yang baru ditubuhkan pada awal Januari 2003 iaitu hanya 4 daripada 9 jawatan yang diluluskan telah diisi di kedua Perbendaharaan tersebut. Ini mengakibatkan kelemahan seperti rekod perakaunan tidak kemas kini dan peraturan kewangan tidak dipatuhi sepenuhnya.

7.4 Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun pada bulan November tahun 2001 yang dianggotai oleh Setiausaha Kewangan Negeri sebagai pengerusi dan pegawai kanan dari Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Perbendaharaan Negeri. Sejak penubuhannya, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 4 kali bagi tempoh bulan November 2001 hingga akhir tahun 2002. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkenaan prestasi kewangan Kerajaan Negeri keseluruhannya, tindakan terhadap akaun amanah yang tidak aktif, penyerahan Akaun Tunai Bulanan oleh pegawai pengawal, penyerahan penyata kewangan oleh Badan Berkanun Negeri, penambahbaikan kepada sistem perakaunan Kerajaan Negeri dan isu yang dibangkitkan oleh Laporan Ketua Audit Negara. Bagaimanapun, Jawatankuasa ini tidak bermesyuarat sepanjang tahun 2003. Jawatankuasa lain yang ditubuhkan untuk memperbaiki pengurusan kewangan seperti Jawatankuasa Belanjawan, Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Audit juga telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan isu berkaitan dengan kewangan dari semasa ke semasa.

7.5 Sistem Perakaunan Hasil Dan Perbelanjaan dikendalikan oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri. Terimaan dan perakaunan hasil dibuat di stesen yang ada perkhidmatan bank dan juga di Perbendaharaan Kecil yang tidak ada perkhidmatan bank atau Stesen Tunai. Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Perbendaharaan Bahagian juga membuat kutipan dan mengeluarkan resit melalui sistem kutipan berkomputer. Sistem Perakaunan Berkomputer yang diamalkan di stesen yang mempunyai bank dikenali sebagai *Receipts System (RS)* di mana pemungut menyediakan penyata pemungut dan membayar kutipan terus ke bank yang ditetapkan. Manakala, sistem perakaunan secara manual diamalkan di Stesen Tunai. Maklumat kutipan tersebut akan dikemukakan ke Perbendaharaan Bahagian sebelum 3 haribulan bulan berikutnya untuk diakaunkan dalam *Consolidated Accounting System*. Data kutipan bagi kesemua 3 sistem tersebut akan dihantar ke Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri untuk disatukan sebelum 10 haribulan bulan berikutnya.

7.6 Sistem Perakaunan Perbelanjaan pula hanya diurus di peringkat Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Perbendaharaan Bahagian. Satu sistem perakaunan berkomputer dikenali sebagai *Voucher Cheque Management System (VCMS)* diterima pakai untuk mengurus semua bayaran, pengeluaran cek dan menghasilkan Laporan Pembayaran. Data yang direkod dalam sistem tersebut akan dihantar ke Seksyen Lejar Am Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri untuk disatukan. Sistem perakaunan yang digunakan oleh Perbendaharaan Negeri berupaya menyatukan (*consolidate*) data kutipan hasil dan perbelanjaan dari seluruh Negeri dengan tepat.

7.7 Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah melantik sebuah firma akauntan swasta untuk membuat kajian menyeluruh terhadap keberkesanan dan kesesuaian kawalan dalaman di Perbendaharaan Negeri Sarawak bagi mengurangkan risiko dalam operasi utama Jabatan dan memastikan operasi Jabatan dijalankan dengan cekap. Kajian yang menelan belanja sejumlah

RM530,000 ini telah ditandatangani perjanjiannya pada akhir bulan Ogos 2003 dan telahpun selesai dilaksanakan. Kajian dijalankan di Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri, lima Perbendaharaan Bahagian dan 6 Perbendaharaan Kecil dan meliputi 4 aktiviti utama Jabatan iaitu perakaunan, terimaan dan bayaran, kewangan dan gaji. Bagaimanapun, setakat penyediaan Laporan ini, hasil kajian tersebut masih dalam peringkat penyediaan dan perbincangan.

8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

8.1 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada peraturan kewangan telah dipatuhi dan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan bagi mengawal pengurusan kewangan Kerajaan serta rekod kewangan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Di samping itu, pengauditan ini juga bertujuan untuk menilai tahap kawalan dan pemantauan oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan Perbendaharaan Negeri sebagai pengawal kewangan Kerajaan Negeri.

8.2 SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan di Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri, sebelas Perbendaharaan Bahagian dan 12 Perbendaharaan Kecil. Skop pemeriksaan Audit adalah meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember tahun 2003. Rekod bagi tahun sebelumnya juga disemak dan perbincangan dengan pegawai terlibat dijalankan untuk mendapatkan penjelasan. Tatacara semakan Audit adalah seperti berikut:

i) Penilaian sistem kawalan dalaman bagi terimaan, pembayaran dan baucar jurnal dibuat sekali pada tahun 2003 di semua 11 Pejabat Perbendaharaan Bahagian.

ii) Sampel baucar bayaran dipilih dengan menggunakan perisian *Audit Command Language (ACL)* untuk disemak.

iii) Sampel baucar jurnal dipilih untuk disemak secara manual.

iv) Penyata Penyesuaian Bank bagi bulan Disember 2003 untuk kesemua 11 Pejabat Perbendaharaan Bahagian dan Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri disemak secara terperinci.

9. PENEMUAN AUDIT

9.1 KAWALAN BAJET

Penyediaan Anggaran Belanjawan yang baik dapat mengelakkan daripada berulangnya masalah seperti peruntukan tidak dibelanjakan langsung dan pindahan tambahan peruntukan dipohon tetapi tidak dibelanjakan. Bagi penyediaan Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Negeri tahun 2003, Setiausaha Kewangan Negeri telah mengeluarkan Pekeliling Bil. 2 Tahun 2002 mengenai Garis Panduan Penyediaan Dan Penyerahan Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan 2003 pada bulan April 2002 kepada semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sarawak.

9.1.1 Jumlah Bajet

Kerajaan Negeri menganggarkan pada tahun 2003, hasil yang akan dikutip berjumlah RM2.45 bilion manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM2.57 bilion. Dengan itu akan berlaku Bajet defisit sejumlah RM122 juta dan defisit ini akan ditampung oleh lebihan dana daripada Kumpulan Wang Negeri Disatukan. Perbelanjaan pembangunan pula dianggarkan berjumlah RM2.25 bilion dan akan dibiayai melalui geran daripada Kerajaan Persekutuan (RM35.52 juta), Bayaran Balik Pinjaman Kepada Kerajaan Negeri Oleh Agensi/Syarikat (RM190.57 juta), Caruman Dari Hasil (RM1.32 bilion), baki dalam

Kumpulan Wang Pembangunan (RM682.79 juta) dan Pinjaman (RM318.29 juta).

9.1.2 Pembentangan Bajet, Waran Perbelanjaan Dan Kelulusan Anggaran Tambahan

Bajet 2003 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada awal bulan November 2002. Selaras dengan peruntukan Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972), Menteri Kewangan Dan Kemudahan Awam berserta Setiausaha Kewangan Negeri telah menandatangani waran Perbelanjaan Mengurus bagi membenarkan Akauntan Negeri Sarawak mengeluarkan wang sejumlah RM138.48 juta untuk Perbelanjaan Tanggungan dan RM2.43 bilion untuk Perbelanjaan Perbekalan daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2003. Waran bagi Perbelanjaan Pembangunan pula ditandatangani oleh Setiausaha Kewangan Negeri kepada Akauntan Negeri Sarawak sejajar dengan kehendak Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Selain itu, Dewan Undangan Negeri telah meluluskan Anggaran Tambahan sejumlah RM20 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM160.30 juta bagi perbelanjaan pembangunan pada akhir bulan April 2003.

Pada pandangan Audit, Bajet Kerajaan Negeri bagi tahun 2003 telah disediakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

9.2 KAWALAN HASIL

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri mengutip hasil berjumlah RM2.65 bilion berbanding RM2.29 bilion pada tahun 2002. Hasil tersebut terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan pemberian Kerajaan Persekutuan dan bayaran balik hutang. Hasil utama terdiri daripada royalti hutan (RM683.94 juta), pampasan gantian hak ke atas minyak (RM400.25 juta),

pampasan gantian hak ke atas gas (RM329.46 juta), dividen (RM303.22 juta), pampasan gantian duti eksais dan duti import ke atas produk petroleum (RM266.32 juta), premium tanah (RM141.68 juta) dan hasil dan faedah dari pasaran kewangan (RM101.83 juta).

9.2.1 Perakaunan Hasil

Semakan Audit mendapati pengurusan perakaunan hasil secara amnya adalah memuaskan. Namun begitu, beberapa kelemahan yang ditemui seperti di bawah perlulah diberi perhatian dan diambil tindakan segera bagi memperbaikinya.

i) Penyerahan Akaun Tunai Bulanan Oleh Pemungut Hasil

Untuk memantau penyerahan Akaun Tunai Bulanan (Akaun) oleh Pemungut Hasil dalam tempoh yang ditetapkan, semua Perbendaharaan Bahagian hendaklah menyelenggara daftar untuk merekodkan Akaun yang diterima. Jika pemungut hasil tidak menyerahkan Akaun pada 3 haribulan bulan berikutnya, Unit Semakan di Perbendaharaan Bahagian akan mengeluarkan surat peringatan. Pemeriksaan Audit terhadap daftar penyerahan Akaun mendapati 10 Perbendaharaan Bahagian telah menyelenggara daftar tersebut dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, di Perbendaharaan Bahagian Mukah, daftar yang diselenggara tidak lengkap iaitu maklumat mengenai semua pusat tanggungjawab tidak disenaraikan dan Akaun yang diterima tidak direkodkan. Selanjutnya, adalah didapati 28 pemungut hasil masih belum menghantar 66 Akaun Tunai Bulanan bagi tempoh antara 3 hingga 10 bulan. Antara pemungut yang tidak menghantar Akaun ialah Ibu Pejabat Perhutanan dan Jabatan Perikanan Laut Wilayah Satu.

ii) Penyemakan Akaun Tunai Bulanan

Semakan lanjut Audit terhadap sampel satu bulan Akaun yang telah disemak oleh Unit Semakan di Perbendaharaan mendapati secara amnya tahap semakan adalah memuaskan kecuali perkara berikut:

a) Pertanyaan tidak dibuat terhadap pemungut yang tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 80(b) iaitu menjadi kewajipan pemungut untuk memeriksa dan menyemak setiap hari semua catatan yang dibuat dalam buku resit dan lesen, buku tunai dan buku akaun.

b) Laporan Keluaran Borang Terkawal Kerajaan Negeri daripada syarikat Percetakan Nasional Malaysia Berhad tidak diterima untuk tujuan semakan bagi memastikan semua borang hasil yang diterima telah direkodkan dalam Daftar Kawalan Borang Hasil.

iii) Pemprosesan Penyata Pemungut Dan Pengeluaran Resit Perbendaharaan

Penyata pemungut adalah dokumen untuk memasukkan wang kutipan ke dalam bank dan juga memperakaunkan pemindahan wang dari satu akaun bank ke akaun bank yang lain. Pejabat Perbendaharaan bertanggungjawab memastikan maklumat kutipan diperakaunkan dengan segera ke dalam *Receipts System* dan mengemukakan resit berserta Laporan Kutipan Harian kepada pemungut untuk dibuat semakan dan pengesahan. Semakan Audit mendapati secara umumnya sistem kawalan dalaman bagi pemprosesan penyata pemungut adalah memuaskan berdasarkan semakan terhadap satu bulan akaun di Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 11 Perbendaharaan Bahagian. Penyata Pemungut disediakan dengan lengkap kecuali

oleh sebuah bank yang tidak menjelaskan punca kutipan yang diterima. Pihak Perbendaharaan Negeri juga telah menyemak dan mengakaunkan maklumat di Penyata Pemungut ke dalam *Receipts System* dengan segera sebelum mengeluarkan resit berserta Laporan Kutipan Harian kepada pemungut. Salinan penyata pemungut telah difailkan secara teratur dan disimpan dengan selamat.

iv) Pengesahan Laporan Hasil Bulanan Dan Penyata Penyesuaian Hasil

Peraturan kewangan menghendaki setiap Pegawai Pengawal menyediakan rekod kutipan hasil yang betul dan mengesahkan rekod hasil Jabatan dengan Laporan Hasil Bulanan daripada Perbendaharaan Negeri serta membuat penyata penyesuaian sekiranya terdapat perbezaan di antara kedua rekod tersebut. Proses pengesahan dan penyesuaian ini merupakan satu unsur kawalan dalaman yang penting bagi memastikan ketepatan perakaunan hasil dan mengelakkan perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Semakan Audit terhadap rekod di Pejabat Perbendaharaan Negeri mendapati Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi tidak mengemukakan penyesuaian hasil bagi bulan Mei, Jun dan Ogos hingga Disember 2003 walaupun surat peringatan telah dikeluarkan.

v) Penyata Penyesuaian Bank (Terimaan)

Penyediaan penyata penyesuaian bank adalah perlu untuk memastikan ketepatan baki terimaan pada rekod Perbendaharaan Negeri dan baki di penyata bank. Selain itu, ia juga penting untuk mengesan sebarang penyelewengan. Penyata penyesuaian bank hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 2 minggu selepas akhir

setiap bulan. Adalah didapati kesemua 11 Perbendaharaan Bahagian telah mengemukakan penyata tersebut walaupun ada kelewatan bagi bulan tertentu antara 1 hingga 101 hari seperti Perbendaharaan Bahagian Kuching, Betong dan Kapit. Penyata penyesuaian bank yang diterima telah disemak oleh Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri dan pertanyaan dibangkitkan untuk mendapat penjelasan terhadap perkara tertentu. Selain itu, semakan Audit secara terperinci terhadap penyata penyesuaian bank bagi bulan Disember mendapati secara amnya penyata penyesuaian bank disediakan dengan betul kecuali bagi Perbendaharaan Bahagian Betong dan Kapit. Penyata penyesuaian bank bagi Perbendaharaan Bahagian Betong tidak disediakan dengan betul kerana ada kes seperti cek yang telah diambil kira oleh bank masih dianggap belum diselesaikan dan bayaran masuk yang belum diambil kira oleh bank tidak dinyatakan dalam penyata penyesuaian bank. Di Perbendaharaan Bahagian Kapit pula, cek tidak laku tidak dikembalikan berserta *debit advice* oleh pihak bank untuk diambil tindakan oleh Perbendaharaan Bahagian. Perbendaharaan Bahagian juga tidak menyusul perkara tersebut dengan pihak bank.

vi) Rekod Hasil Lain

Untuk memastikan perakaunan hasil adalah berkesan, semua rekod lain seperti Cek Tidak Laku, Kawalan Borang Hasil dan Pembatalan Resit perlu disemak oleh pegawai bertanggungjawab dari semasa ke semasa. Semakan Audit mendapati kesemua 11 Perbendaharaan Bahagian ada menyelenggara Daftar Cek Tidak Laku dengan lengkap dan kemas kini. Daftar Kawalan Borang Hasil ada diselenggarakan tetapi semakan terhadap Laporan Keluaran Resit daripada syarikat Percetakan Nasional Malaysia

Berhad masih tidak dapat dibuat kerana Laporan tersebut tidak diterima daripada syarikat berkenaan. Kesemua Perbendaharaan Bahagian ada menyelenggara Daftar Pembatalan Resit kecuali Perbendaharaan Bahagian Betong. Perbendaharaan Bahagian Bintulu dan Sibu tidak menyelenggara rekod tersebut dengan kemas kini iaitu ada resit yang dibatal tidak direkod dalam Daftar Pembatalan Resit.

9.2.2 Pertanyaan Perbendaharaan

Mengikut Pekeliling Memorandum Perbendaharaan Bil 4 Tahun 2001, Unit Semakan di Perbendaharaan Negeri perlu membuat pertanyaan kepada pemungut yang lewat mengemukakan Akaun Tunai Bulanan, tidak mengemukakan dokumen sokongan dengan lengkap, tidak menyelenggarakan Daftar Kawalan Borang Hasil dan Buku Tunai dengan betul. Fail pertanyaan Perbendaharaan di 11 Perbendaharaan Bahagian dan salinan pertanyaan Perbendaharaan kepada Jabatan Audit Negara menunjukkan isu tersebut adalah isu yang selalu dikemukakan kepada pemungut berkenaan selain daripada isu cek tidak laku belum diganti. Bagi mempertingkatkan keberkesanan kawalan pungutan, pihak Perbendaharaan Negeri telah mengadakan lawatan berjadual seperti yang dilakukan pada tahun sebelumnya dan memberi teguran serta nasihat kepada pemungut yang berkenaan.

9.2.3 Aspek Perundangan

Mengikut *Supplementary Instructions Relating To Accounting Procedure On Financial Control* yang dikeluarkan oleh pihak Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, sumber dan kadar hasil yang boleh dikutip adalah seperti yang dinyatakan dalam Ordinan, Undang-undang Kecil, Warta Kerajaan dan Pekeliling. Sumber dan kadar hasil yang dikenakan itu mestilah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan hendaklah diwartakan. Pemeriksaan Audit mendapati pada tahun

2003, pewartaan perubahan kadar hasil telah dibuat terhadap cukai jualan tiket loteri iaitu daripada sebanyak 5% menjadi 10%. Kadar baru tersebut hanya akan berkuat kuasa mulai tahun 2004.

9.2.4 Tunggakan Hasil

Akauntan Negeri bertanggungjawab memantau tunggakan berhubung dengan pinjaman manakala Pegawai Pengawal Jabatan terlibat memantau tunggakan yang lain. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986, Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil kepada Perbendaharaan Negeri 2 kali setahun. Penyata Tunggakan Hasil yang diterima daripada 15 Pegawai Pengawal menunjukkan tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2003 adalah berjumlah RM313.98 juta berbanding sejumlah RM503.87 juta pada tahun 2002. Pengurangan tunggakan hasil ini adalah kerana Setiausaha Kewangan Negeri dan Pegawai Pengawal telah mengambil tindakan seperti berikut:

i) Penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman Kerajaan Negeri kepada agensi.
ii) Menghantar surat peringatan kepada penghutang.
iii) Mengambil tindakan mahkamah.
iv) Tindakan menghapus kira hutang.

Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2003 adalah seperti di **Jadual 10.**

Jadual 10
Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Pada Tahun 2003

Bil.	Jabatan/ Pejabat	Jenis Hasil	Usia Tunggakan Hasil			Jumlah (RM Juta)
			Kurang Dari 1 Tahun (RM Juta)	Antara 1 Hingga 3 Tahun (RM Juta)	Lebih Dari 3 Tahun (RM Juta)	
1.	Perbendaharaan Negeri	Pinjaman dan lain-lain	52.13	36.08	53.62	141.83
2.	Setiausaha Kewangan Negeri	Pampasan dan Gantian Cukai Eksais	39.38	-	-	39.38
3.	Tanah Dan Survei	Premium Tanah dan lain-lain	16.39	13.44	88.22	118.05
4.	Kerja Raya	Jualan Stor dan Air	5.42	2.63	3.59	11.64
5.	Perhutanan	Royalti dan Permit	-	0.08	2.65	2.73
6.	Jabatan-jabatan Lain	Pelbagai	0.06	0.08	0.21	0.35
Jumlah			**113.38**	**52.31**	**148.29**	**313.98**

Sumber : Penyata Yang Disatukan Bagi Tunggakan Hasil Pada 31 Disember 2003

Pada pandangan Audit, secara amnya kawalan hasil adalah memuaskan. Penyelenggaraan rekod dan perakaunan hasil adalah teratur. Bagaimanapun, tindakan berkesan perlu diambil bagi memungut tunggakan hasil dan memastikan tahap kawalan hasil di Perbendaharaan Bahagian Betong dan Kapit dipertingkatkan dengan segera.

9.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2003 berjumlah RM2.48 bilion iaitu 95.8% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM2.59 bilion. Manakala perbelanjaan pembangunan pula berjumlah RM1.64 bilion berbanding peruntukan berjumlah RM2.41 bilion.

9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus

Semakan Audit mendapati perbelanjaan mengurus telah meningkat sejumlah RM52.75 juta atau 4.7% berbanding tahun 2002 yang berjumlah RM1.11 bilion. Pertambahan perbelanjaan ini disebabkan oleh meningkatnya perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan sejumlah RM36.91 juta, perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap sejumlah RM15.98 juta dan perbelanjaan emolumen sejumlah RM10.17 juta. Selain itu, terdapat juga penurunan ketara perbelanjaan aset dan perbelanjaan lain iaitu dari sejumlah RM39.59 juta pada tahun 2002 menjadi RM29.28 juta pada tahun 2003.

i) Kawalan Peruntukan

Pada tahun 2003, sejumlah RM1.27 bilion diluluskan bagi menampung perbelanjaan mengurus yang terdiri daripada perbelanjaan bekalan dan tanggungan. Jumlah ini tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun yang berjumlah RM1.32 bilion. Sejumlah RM1.16 bilion (91.5%) daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan. Butiran perbelanjaan mengurus adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2003

Bil.	Jenis Perbelanjaan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
1.	Emolumen	345.11	330.53	95.8
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	516.10	457.69	88.7
3.	Aset	34.91	27.40	78.5
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	374.06	347.35	92.9
5.	Perbelanjaan Lain	2.57	1.88	73.2
Jumlah		**1,272.75**	**1,164.85**	**91.5**

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2003

a) Peruntukan Tidak Dibelanjakan Langsung

Pada tahun 2003, peruntukan bagi 6 jenis perbelanjaan bekalan berjumlah RM2.57 juta yang melibatkan 15

Kementerian/Jabatan tidak dibelanjakan langsung berbanding RM1.07 juta pada tahun 2002. Antara Kementerian/Jabatan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 12.**

Jadual 12
Peruntukan Yang Tidak Dibelanjakan Langsung

Bil.	Kementerian/Jabatan	Jenis Perbelanjaan	Peruntukan (RM Juta)
1.	Jabatan Tanah Dan Survei	Kenderaan Dan Jentera	0.63
2.	Jabatan Perhutanan	Tuntutan Dan Pampasan	0.50
3.	Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam	Kenderaan Dan Jentera	0.45
4.	Pentadbiran Bahagian Samarahan	Kenderaan Dan Jentera	0.25
5.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	Kenderaan Dan Jentera	0.20
6.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	Kenderaan Dan Jentera	0.16

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2003

Antara sebab peruntukan tahun 2003 tersebut tidak dibelanjakan adalah:

- Pembelian kereta rasmi tidak sempat dibuat memandangkan permohonan untuk pembelian tersebut belum mendapat kelulusan pihak Setiausaha Kerajaan Negeri.
- Tiada tuntutan dan pampasan bagi kerosakan harta dan nyawa di bawah kawalan Jabatan Perhutanan.

b) Perbelanjaan Kurang 50% Daripada Peruntukan Yang Dibenarkan

Adalah didapati perbelanjaan bagi 23 jenis perbelanjaan oleh 38 Kementerian/Jabatan/Agensi hanya berjumlah RM11.86 juta berbanding sejumlah RM30.20 juta peruntukan yang diluluskan. **Jadual 13** menunjukkan 4 Kementerian/Jabatan yang mempunyai peratusan tertinggi perbelanjaan kurang 50% daripada peruntukan yang dibenarkan.

Jadual 13
Peruntukan Yang Kurang Dibelanjakan

Bil.	Kementerian/ Jabatan	Bilangan Objek	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratusan Perbelanjaan (%)
1.	Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam	3	11.67	5.57	47.7
2.	Jabatan Kerja Raya	3	3.72	1.56	41.9
3.	Jabatan Pentadbiran Bahagian Betong	5	2.89	1.28	44.3
4.	Jabatan Perhutanan	5	2.17	0.72	33.2

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2003

Antara sebab peruntukan kurang dibelanjakan adalah bilangan pegawai yang terlibat dengan pertukaran tempat kerja adalah kurang daripada yang dianggarkan.

c) Perbelanjaan Melebihi Peruntukan

Perbelanjaan melebihi peruntukan berjumlah RM5.49 juta pada akhir tahun 2003, melibatkan sebanyak 14 jenis perbelanjaan di 25 Kementerian/Jabatan. Sebab utama perbelanjaan melebihi peruntukan adalah kerana bayaran bonus khas tahun 2002 telah dicaj sementara ke kod akaun gaji dan upah pada tahun semasa.

d) Justifikasi Tambahan Peruntukan/Waran Pindah Peruntukan

Pada tahun 2003, sejumlah RM20 juta peruntukan tambahan bagi membiayai perbelanjaan bekalan 1 Jabatan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Semakan Audit mendapati peruntukan tambahan ini adalah perlu kerana peruntukan asal berjumlah RM10 juta adalah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar berjumlah RM29.95 juta.

Selain itu, Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan juga dibenarkan membuat pemindahan peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanpa perlu memohon peruntukan tambahan, sama ada pindah peruntukan di antara Objek Am perbelanjaan ataupun Objek Lanjut perbelanjaan. Walaupun begitu, pindah peruntukan di antara Objek Am perbelanjaan memerlukan kelulusan Pihak Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak. Semakan Audit mendapati 16 jenis perbelanjaan di bawah 37 Kementerian/Jabatan dengan pindah peruntukan sejumlah RM5.41 juta adalah tidak perlu kerana peruntukan asal sejumlah RM151.58 juta mencukupi untuk membiayai perbelanjaan sebenar berjumlah RM141.33 juta. Antara Jabatan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 14.**

Jadual 14
Pindah Peruntukan Yang Tidak Diperlukan

Bil.	Jabatan	Bilangan Jenis Perbelanjaan	Peruntukan Asal (RM Juta)	Pindah Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)
1.	Ketua Menteri	9	62.63	3.09	58.88
2.	Tanah Dan Survei	7	8.25	0.52	7.76
3.	Kerja Raya	5	52.45	0.35	49.43
4.	Pengairan Dan Saliran	9	11.60	0.35	11.05

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2003

Antara sebab pihak Kementerian/Jabatan memohon peruntukan tambahan dan pindah peruntukan adalah kerana anggaran tahun semasa dibuat berdasarkan perbelanjaan tahun lepas.

9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan

Sejumlah RM2.41 bilion telah diluluskan untuk perbelanjaan pembangunan pada tahun 2003 berbanding sejumlah RM2.11 bilion pada tahun 2002.

i) Kawalan Peruntukan

Sejumlah RM1.64 bilion dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2003 bagi perbelanjaan pembangunan. Komponen perbelanjaan pembangunan yang terbesar ialah bagi projek jalan raya dan jambatan berjumlah RM405.41 juta, perusahaan dan pelaburan berjumlah RM387.88 juta, projek lain berjumlah RM214.68 juta dan bekalan air berjumlah RM140.11 juta. Semakan Audit mendapati:

a) Peruntukan sejumlah RM95.36 juta yang melibatkan 167 projek di bawah 3 Kementerian seperti di **Jadual 15** tidak dibelanjakan langsung.

Jadual 15
Peruntukan Untuk Projek Tidak Dibelanjakan

Bil.	Kementerian	Bil. Projek	Peruntukan (RM Juta)	Contoh Projek
1.	Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam	43	73.88	- Bekalan Air Nibong-Tada - Pengambilan Tanah (Pinjaman Negeri) - Padi Daro - Muzium Petroleum
2.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	114	18.15	- Sekolah Rendah Agama Majlis Islam Kota Samarahan - Masjid Baru Matu, Sarikei - Jalan Ulu Sungai Kapit
3.	Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	10	3.33	- Dewan Sukan Betong - Pusat Pembangunan Insan Sementara
Jumlah		**167**	**95.36**	

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2003

b) Perbelanjaan bagi peruntukan 126 projek di bawah 6 Kementerian yang berjumlah RM583.07 juta seperti di **Jadual 16** pula adalah kurang daripada 50%.

Jadual 16
Peruntukan Untuk Projek Pembangunan
Dibelanjakan Kurang Daripada 50%

Bil.	Kementerian	Bil. Projek	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratusan Perbelanjaan (%)
1.	Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam	38	464.42	122.47	26.4
2.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	67	60.53	16.01	26.4
3.	Kementerian Perancangan Dan Pembangunan Sumber	4	38.49	14.38	37.4
4.	Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	11	13.93	1.67	12
5.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Kemajuan Tanah	5	5.40	1.46	27
6.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	1	0.30	0.12	40
Jumlah		**126**	**583.07**	**156.11**	**26.8**

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2003

c) Antara sebab peruntukan tidak atau kurang dibelanjakan adalah seperti berikut:

- Kelewatan penyerahan tapak projek kepada kontraktor.
- Kelewatan kontraktor dalam pelaksanaan kerja.
- Tapak projek belum atau lewat diluluskan.

ii) Justifikasi Tambahan Peruntukan

Sejumlah RM388.34 juta peruntukan tambahan dan pindah peruntukan telah diluluskan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan sehingga akhir tahun 2003. Semakan Audit mendapati proses pindah peruntukan telah mendapat kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri atau Pegawai Pengawal dan

mengikut peraturan yang ditetapkan. Namun analisis Audit mendapati peruntukan tambahan dan pindah peruntukan sejumlah RM20.68 juta yang melibatkan sebanyak 13 projek seperti di **Jadual 17** adalah tidak perlu kerana peruntukan asalnya mencukupi.

Jadual 17
Pindah/Tambah Peruntukan Yang Tidak Diperlukan

Bil.	Kementerian/Projek	Peruntukan Asal (RM Juta)	Tambah/ Pindah Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan			
	i. Pejabat Jabatan Kerja Raya Serian	0.01	0.62	0.00
	ii. Menaik Taraf Jalan Bako	0.20	0.46	0.16
	iii. Jalan Bukit Lubok Limbang	1.60	0.50	1.56
	iv. Jalan Baru Matang	0.20	1.00	0.05
2.	Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam			
	i. Empangan Bengoh	0.50	0.20	0.48
	ii. Bekalan Air Serian – Tambahan	0.40	0.05	0.39
	iii. Bekalan Air Nanga Dap	0.20	0.11	0.16
	iv. Bekalan Air Bintulu	6.00	1.90	5.40
	v. Bekalan Air Lawas	0.30	0.20	0.27
	vi. Bekalan Air Kabong	0.80	0.40	0.79
	vii. Skim Penempatan Semula Kapit	2.88	0.23	2.34
	viii. Rumah Kediaman Kerajaan Song	0.00	0.01	0.00
	ix. Geran Modal Kepada Pihak Berkuasa Tempatan	101.00	15.00	100.99
Jumlah		**114.09**	**20.68**	**112.59**

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2003

9.3.3 Kawalan Pembayaran

i) Prosedur Pemprosesan Bayaran

Prosedur pemprosesan baucar bayaran meliputi pembahagian tugas yang menitikberatkan aspek penerimaan, penyemakan, kelulusan, kemasukan data dan penyimpanan baucar bayaran. Adalah didapati 7 daripada 11 Perbendaharaan Bahagian mematuhi prosedur yang ditetapkan kecuali:

a) Perbendaharaan Bahagian Mukah tidak mematuhi sepenuhnya prosedur di mana semakan terhadap cek harian tidak dibuat dan baucar bayaran yang telah dibayar dan dokumen sokongan kepada baucar tersebut tidak ditanda *Perforated Paid* atau “Telah Dibayar”. Sampel baucar yang disemak mendapati ada kes pembayaran yang dibuat tanpa kelulusan daripada pegawai yang bertanggungjawab.

b) Perbendaharaan Bahagian Betong tidak menyediakan Senarai Tugas dan Fail Meja untuk pegawai yang terlibat dalam proses pembayaran. Semakan terhadap baucar bayaran, Laporan *Voucher Cheque Management System* (VCMS) dan cek juga tidak dibuat dengan sempurna. Selain itu, baucar yang telah dibayar tidak dijilid dengan sempurna dan tidak disimpan dalam stor.

c) Di Perbendaharaan Bahagian Kuching dan Sibu pula, ada baucar yang tidak disokong dengan dokumen sokongan sepenuhnya.

Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri hendaklah memantau dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengatasi kelemahan tersebut.

ii) Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran)

Semakan Audit terhadap Rekod Kawalan Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank mendapati Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Perbendaharaan Bahagian telah menyerahkan penyata penyesuaian bank bagi kesemua 17 akaun bank yang diguna pakai untuk tujuan pembayaran kepada Bahagian Kewangan di Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri pada tahun 2003. Bagaimanapun, hanya Ibu Pejabat Perbendaharaan,

Perbendaharaan Bahagian Sibu, Sarikei dan Limbang telah menyerahkan kesemua penyata penyesuaian bank dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 2 minggu pada bulan berikutnya kepada Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri. Perbendaharaan lain lewat menyerahkan penyata tersebut antara 1 hingga 101 hari pada bulan tertentu.

Semakan Audit secara terperinci terhadap penyata penyesuaian bank bagi bulan Disember 2003 mendapati secara amnya penyata penyesuaian bank disediakan dengan betul kecuali bagi Perbendaharaan Bahagian Kapit dan Betong. Di Perbendaharaan Kapit akaun tergantung dan punca debit sejumlah RM685 yang tidak dikenal pasti dicaj ke Akaun Kerajaan Negeri. Perbendaharaan Bahagian tidak mengambil tindakan susulan terhadap perkara tersebut. Di Perbendaharaan Betong pula, jumlah bagi cek belum ditunaikan seperti yang dinyatakan dalam penyata penyesuaian bank berbeza dengan jumlah dalam senarai cek individu yang disertakan.

iii) Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan Dan Penyesuaian Perbelanjaan Oleh Pegawai Pengawal

Mengikut Arahan Perbendaharaan 143 dan Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. SKN 3 1999, Pegawai Pengawal perlu membuat penyesuaian dan pengesahan perbelanjaan dengan penyata perbelanjaan Perbendaharaan Negeri. Pihak Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri menghendaki Pegawai Pengawal untuk mengesahkan penyata perbelanjaan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh ianya diterima. Proses penyemakan dan pengesahan merupakan satu unsur kawalan dalaman yang penting bagi memastikan ketepatan urus niaga serta mengelakkan daripada berlakunya perkara yang tidak diingini. Rekod di Ibu Pejabat

Perbendaharaan Negeri yang disemak mendapati 4 daripada 41 Pegawai Pengawal tidak mengemukakan pengesahan penyata perbelanjaan bagi tempoh antara 3 hingga 11 bulan walaupun surat peringatan telah dikemukakan kepada mereka dari semasa ke semasa. Pegawai Pengawal yang terlibat adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Pegawai Pengawal Yang Tidak Mengesahkan
Penyata Perbelanjaan Bagi Tempoh 3 Hingga 11 Bulan

Bil.	Pegawai Pengawal	Butiran Perbelanjaan/ Bulan Terlibat
1.	Residen Bahagian Betong	Bekalan - Februari, Julai dan Disember
2.	Residen Bahagian Kapit	Bekalan - September hingga Disember
3.	Pengarah Kerja Raya Sarawak	Bekalan - Oktober hingga Disember
4.	Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	Pembangunan (D71 - Kemudahan Kesukanan) - Mei hingga Disember Pembangunan (D72 - Kemudahan Kesukanan) - Mei hingga Jun, Ogos hingga Disember

Sumber: Daftar "Forwarding Advice" Di Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri

iv) Kawalan Stok Cek Oleh Bendahari

Mengikut Arahan Perbendaharaan 116, stok cek yang tidak dikeluarkan untuk digunakan hendaklah disimpan dalam peti besi dengan selamat. Selain itu, cek yang telah dikeluarkan tetapi belum digunakan mesti disimpan di dalam peti besi pada penutupan urusan setiap hari. Pemeriksaan Audit mendapati 10 Perbendaharaan Bahagian menyelenggara rekod penerimaan dan pengeluaran stok cek serta menyimpan stok cek mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan tersebut. Bagaimanapun, adalah didapati Perbendaharaan Bahagian Betong tidak menyimpan rekod penerimaan dan pengeluaran bagi stok cek. Selain itu, cek yang telah dikeluarkan tetapi belum digunakan disimpan dalam bilik *server* yang tidak mempunyai ciri keselamatan seperti tingkap bergril dan sebagainya.

v) Kes Kelewatan Bayaran

Mengikut piagam pelanggan bagi pemprosesan baucar bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri, pengeluaran cek hendaklah dilakukan dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh baucar bayaran diterima. Semakan Audit terhadap sampel baucar bayaran di 11 Perbendaharaan Bahagian mendapati pada amnya norma tersebut telah dipatuhi. Bagaimanapun, adalah didapati pemprosesan baucar bayaran di Perbendaharaan Bahagian Betong, Kapit dan Kuching lewat bagi tempoh antara 1 hingga 10 hari disebabkan masalah kekurangan pegawai. Selain itu, di Perbendaharaan Bahagian Kapit juga pihak Audit mendapati sebanyak 1,640 baucar bayaran bernilai RM5.61 juta yang diterima pada bulan Julai dan Ogos 2003 hanya diproses pada bulan September 2003 kerana kerosakan sistem komputer.

vi) Kawalan Cek Terbatal

Mengikut Arahan Perbendaharaan 118, setiap cek yang tidak ditunaikan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh ia dikeluarkan adalah terbatal dan hendaklah diselaraskan kepada Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. Semakan Audit terhadap penyata penyesuaian bank yang disediakan oleh 11 Perbendaharaan Bahagian mendapati kawalan terhadap cek terbatal adalah mengikut peraturan tersebut kecuali Perbendaharaan Bahagian Betong dan Kuching. Di Perbendaharaan Bahagian Betong, sebanyak 29 cek bernilai RM27,215 bagi bulan April hingga Julai 2003 masih belum dibatalkan. Manakala di Perbendaharaan Bahagian Kuching, sebanyak 114 cek bernilai RM194,252 bagi bulan Mac hingga September 2003 hanya dibatalkan pada bulan Mac 2004.

Bagaimanapun, senarai lengkap cek yang dibatalkan telah dikeluarkan dan disimpan dengan teratur untuk tujuan pemantauan dan tindakan seperti menyediakan cek gantian kelak.

vii) Pembayaran Dengan Kelulusan Khas

Mengikut Arahan Perbendaharaan 58(a), kebenaran daripada Akauntan Negeri hendaklah diperolehi sebelum membayar baucar yang dikemukakan bagi pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lepas bagi perbelanjaan mengurus sahaja. Permohonan hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri perlu diperolehi terlebih dahulu sekiranya baki peruntukan tidak mencukupi. Semakan Audit mendapati sebanyak 1,982 baucar bayaran berjumlah RM5.03 juta telah dibayar melalui arahan ini.

viii) Pembayaran Secara Tunai

Mengikut Arahan Perbendaharaan 96, baucar bayaran secara tunai dan senarai yang ditandatangani oleh penerima bersama baki wang yang tidak dapat diagihkan dalam tempoh 21 hari hendaklah dikembalikan serta merta kepada Perbendaharaan. Adalah didapati kesemua Perbendaharaan Bahagian ada menyelenggara rekod bagi memantau bayaran tersebut kecuali Perbendaharaan Bahagian Betong tidak berbuat demikian. Selain itu, rekod kawalan yang diselenggarakan oleh Perbendaharaan Bahagian Kapit adalah tidak kemas kini di mana 15 baucar bernilai RM170,914 bagi bulan Ogos hingga Disember 2003 tidak direkodkan. Pemantauan terhadap permulangan dokumen sokongan oleh Perbendaharaan Bahagian Limbang adalah tidak mencukupi. Surat peringatan tidak dikeluarkan kepada Pegawai

Pengawal yang tidak mengembalikan dokumen sokongan selepas tempoh yang ditetapkan.

ix) Akaun Kena Bayar

Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 4 Tahun 2003 telah dikeluarkan kepada semua Ketua Kementerian/Jabatan Negeri mengenai peraturan kewangan penutupan akaun tahun 2003. Ketua Jabatan telah diingatkan supaya mematuhi kehendak Arahan Perbendaharaan 103 agar semua bil dibayar dengan segera iaitu tidak lewat 30 hari dari tarikh bil diterima. Perbelanjaan yang telah dikenakan kepada Akaun Kena Bayar (AKB) pada akhir tahun 2003 adalah berjumlah RM462.40 juta melalui 31,085 baucar bayaran. Semakan Audit terhadap 86 baucar bernilai RM42.99 juta yang dibayar di bawah AKB mendapati bayaran tersebut adalah perbelanjaan bagi tempoh bulan Februari hingga November 2003. Perbelanjaan tersebut dijelaskan di bawah AKB kerana baucar lewat dihantar kepada Pejabat Pembayar. Ini menunjukkan Pegawai Pengawal gagal menguruskan pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan. Antara Kementerian/Jabatan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Perbelanjaan Yang Lewat Dijelaskan

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Baucar	Jumlah (RM Juta)
1.	Jabatan Kerja Raya	8	41.57
2.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	1	0.41
3.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	6	0.22
4.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Kemajuan Tanah	1	0.21
5.	Jabatan Ketua Menteri	2	0.19
Jumlah		**18**	**42.60**

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

Pada pandangan Audit, kawalan perbelanjaan secara amnya adalah memuaskan. Bagaimanapun, tahap kawalan perbelanjaan di Perbendaharaan Bahagian Betong perlu dipertingkatkan dari segi pematuhan peraturan dan penyelenggaraan rekod. Kementerian/Jabatan juga perlu menjelaskan bil yang diterima dengan segera.

9.4 PENGURUSAN PINJAMAN

Kerajaan Negeri dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan ataupun institusi kewangan lain untuk membiayai projek pembangunan Negeri. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga boleh memberi pinjaman kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menampung perbelanjaan. Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri mendapat pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM157.50 juta untuk menampung perbelanjaan projek perumahan, perindustrian, pertanian dan bekalan air. Pada tahun yang sama, Kerajaan Negeri memberi pinjaman kepada Agensi sejumlah RM28.38 juta. Semakan Audit terhadap rekod pinjaman mendapati perkara berikut:

9.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan

Pinjaman terkumpul Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2003 adalah RM1.36 bilion. Semua pinjaman telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan digunakan bagi tujuan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati perjanjian pinjaman telah difailkan dengan sempurna dan rekod mengenai pinjaman dan pembayaran balik telah diselenggarakan dengan baik dan teratur. Selain itu, Kerajaan Negeri juga berjaya menjelaskan semua ansuran bayaran balik pinjaman mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan kecuali bagi 2 pinjaman yang dipinjamkan semula kepada Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak berjumlah RM76.60 juta. Ini adalah kerana pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan

Persekutuan mempunyai rekod yang bercanggah mengenai jadual bayaran balik.

9.4.2 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi Dan Syarikat

Pada akhir tahun 2003, baki pinjaman oleh Agensi adalah berjumlah RM2.40 bilion, menurun sejumlah RM410.01 juta berbanding RM2.81 bilion pada tahun 2002. Semakan Audit mendapati rekod pinjaman, perjanjian dan jadual bayaran balik serta penyesuaian baki pinjaman telah diselenggara dengan baik dan kemas kini. Bagaimanapun, perjanjian bagi 1 pinjaman kepada sebuah Agensi untuk melaksanakan projek bernilai RM5 juta yang diluluskan pada tahun 2001 masih belum ditandatangani sehingga tarikh penyediaan Laporan ini.

Adalah didapati tunggakan bayaran balik pinjaman menurun sejumlah RM48.37 juta menjadi RM125.06 juta pada tahun 2003 berbanding sejumlah RM173.43 juta pada tahun 2002. Sejumlah RM39.45 juta (31.5%) daripada jumlah tunggakan tersebut adalah hutang Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak manakala RM25.20 juta (20.2%) adalah hutang oleh sebuah syarikat. Bil tuntutan bayaran balik dan surat peringatan kepada Agensi/Syarikat berkenaan ada dikemukakan oleh pihak Perbendaharaan Negeri. Bagaimanapun, Agensi/Syarikat berkenaan telah mengemukakan permohonan penjadualan semula bayaran balik pinjaman. Pihak Setiausaha Kewangan Negeri sedang mempertimbangkan permohonan tersebut.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya pengurusan pinjaman adalah memuaskan.

9.5 PENGURUSAN PELABURAN

Seksyen 8 Akta Acara Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai wang lebihan dan setelah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Pelaburan. Pada tahun 2003 pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM5.32 bilion. Pelaburan tersebut adalah dalam bentuk simpanan tetap, simpanan khas (REPOs) dan unit amanah berjumlah RM3.55 bilion dan dalam bentuk saham, unit amanah, ekuiti dan nota janji di 39 buah syarikat dan sebuah Perbadanan berjumlah RM1.77 bilion. Ini menunjukkan peningkatan pelaburan sejumlah RM450.58 juta (9.2%) daripada pelaburan pada tahun 2002 sejumlah RM4.87 bilion. Peningkatan pelaburan adalah dibiayai daripada lebihan Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

9.5.1 Pengurusan Pelaburan Dalam Simpanan Tetap

Pemeriksaan Audit mendapati pelaburan dalam simpanan tetap dibuat di bank dan institusi kewangan yang dibenarkan dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelaburan. Di samping itu, Daftar Simpanan Tetap telah diselenggarakan dengan kemas kini dan Sijil Simpanan Tetap disimpan di tempat selamat. Selain itu, adalah didapati tiada simpanan tetap yang dikeluarkan sebelum tempoh tarikh matang. Pada tahun 2003, sejumlah RM101.83 juta faedah telah diterima dan diakaunkan dengan betul dan kemas kini.

9.5.2 Pengurusan Pelaburan Dalam Syer

Semakan Audit mendapati pelaburan Kerajaan Negeri dalam syer, unit amanah, nota janji dan ekuiti telah dibuat setelah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Semakan Audit juga mendapati Sijil Saham dan Perjanjian Untuk Nota Janji disimpan di tempat yang selamat. Daftar Pelaburan Dalam Syer didapati diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Dividen dan faedah sejumlah

RM309.44 juta yang diterima pada tahun 2003 juga telah diakaunkan dengan betul.

Pada pandangan Audit, secara amnya pengurusan pelaburan adalah baik. Pelaburan dibuat mengikut peraturan dan rekod diselenggara dengan teratur.

9.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Seksyen 7 Akta Acara Kewangan menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyelenggara 3 akaun berasingan untuk Kumpulan Wang Disatukan. Salah satu daripadanya ialah Akaun Amanah Disatukan. Akaun ini mengandungi Kumpulan Wang Amanah Awam dan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Seksyen 9 dan 10 Akta Acara Kewangan 1957. Akaun Deposit pula boleh dikategorikan kepada Deposit Am dan Deposit Khas. Pengauditan terhadap pengurusan Akaun Amanah Awam, Kerajaan dan Deposit adalah bagi menentukan sama ada segala terimaan dan bayaran yang dibuat melalui sesuatu akaun tersebut diakaunkan dengan sewajarnya dan rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

9.6.1 Jenis Amanah

Pada tahun 2003, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada sebanyak 60 akaun kecil manakala Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada sebanyak 32 akaun kecil dan 12 jenis Akaun Deposit. Baki bagi kesemua Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit pada 31 Disember 2003 adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Bilangan Dan Baki Akaun Amanah
Pada 31 Disember 2003

Bil.	Jenis Amanah	Bilangan Akaun	Baki Pada 31.12.2003 (RM Juta)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	60	280.77
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	32	213.27
3.	Deposit	12	125.27
Jumlah		**104**	**619.31**

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak 2003

9.6.2 Penyelenggaraan Rekod Amanah

Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab mengurus sebanyak 44 Akaun Amanah Kecil dan Deposit Am dengan baki berjumlah RM76.26 juta pada akhir tahun 2003. Semakan Audit mendapati rekod kewangan bagi kesemua akaun seperti lejar, akaun individu, maklumat pelaburan, terimaan dan pembayaran diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

9.6.3 Penyesuaian Amanah Antara Rekod Perbendaharaan Dengan Jabatan

Arahan Perbendaharaan 143 menghendaki setiap Pegawai Pengawal mengesahkan rekod Jabatan dengan Laporan Bulanan daripada Perbendaharaan Negeri serta membuat Penyata Penyesuaian Amanah sekiranya ada perbezaan antara kedua rekod tersebut. Adalah didapati 5 daripada 16 Pegawai Pengawal tidak mengesahkan ketepatan Penyata Amanah Bulanan untuk tempoh antara 3 bulan berturutan atau lebih walaupun surat peringatan dihantar kepada mereka. Manakala hanya Pengarah Perhutanan Sarawak langsung tidak mengesahkan Penyata Amanah Bulanan bagi tahun 2003.

9.6.4 Pematuhan Terhadap Peraturan Pinjaman/Pendahuluan Diri

Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab membuat bayaran pendahuluan untuk pembelian kenderaan, komputer, peti sejuk, ketuhar dan mesin basuh kepada kakitangan awam Kerajaan Negeri. Pada tahun 2003, sejumlah RM5.44 juta telah dikeluarkan bagi tujuan ini. Semakan Audit terhadap rekod mengenai had pinjaman, kelayakan peminjam dan tujuan pendahuluan diberi mendapati secara amnya pemberian pendahuluan adalah mengikut peraturan. Bayaran hanya akan dibuat oleh Perbendaharaan Negeri setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Ketua Menteri, semua dokumen sokongan disertakan dan segala peraturan pinjaman dipatuhi. Adalah juga didapati kutipan bayaran balik pinjaman telah dilaksanakan dengan cekap dan segera mengikut tempoh dan kadar yang ditetapkan melalui potongan gaji. Bagaimanapun, pihak Jabatan Ketua Menteri perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap tunggakan bayaran balik pendahuluan diri berjumlah RM304,975 dan menyesuaikan Akaun Tergantung sejumlah RM46,763.

9.6.5 Akaun Deposit

Arahan Perbendaharaan 159 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2003 menghendaki semua Pegawai Pengawal mengemukakan senarai baki individu Akaun Deposit pada 31 Disember setiap tahun kepada Akauntan Negeri dan wakil Ketua Audit Negara selewat-lewatnya pada akhir bulan Mac 2004. Akaun Deposit Kerajaan Negeri terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Khas yang diselenggarakan oleh 6 Pegawai Pengawal. Pada akhir tahun 2003, keseluruhan deposit berbaki sejumlah RM125.27 juta iaitu menurun sejumlah RM6.52 juta (4.9%) daripada sejumlah RM131.79 juta pada tahun 2002.

Semakan Audit mendapati semua Pegawai Pengawal telah mengemukakan senarai baki individu. Mengikut senarai baki deposit

berakhir tahun 2003 yang dikemukakan, adalah didapati Jabatan Tanah Dan Survei, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Perhutanan masih menyimpan deposit berjumlah RM6.90 juta yang tidak bergerak lebih daripada 5 tahun. Adalah disyorkan siasatan dijalankan bagi menentukan kedudukan deposit tersebut. Sekiranya deposit tersebut tidak lagi diperlukan, tindakan mewartakannya selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 162 hendaklah diambil.

Pada pandangan Audit, pengurusan Akaun Amanah adalah memuaskan. Bagaimanapun, tindakan perlu diambil untuk memastikan pengesahan Laporan Bulanan bagi setiap Akaun Amanah dikemukakan pada setiap bulan.

10. PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER KERAJAAN NEGERI

10.1 PENGENALAN

Perakaunan Berkomputer Kerajaan Negeri Sarawak bermula pada tahun 1996 dengan pembangunan beberapa modul perakaunan seperti *Voucher Cheque Management System* (*VCMS), Receipting System (RS), Consolidated Accounting System (CAS)* dan *Payroll* dalam *State Integrated Financial Accounting System (SIFAS)* di Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak. Pada tahun 2002, satu sistem perakaunan berkomputer baru dibangunkan untuk menghubung kait Pusat Tanggungjawab dengan Perbendaharaan Negeri. Sistem baru ini dibangunkan oleh sebuah syarikat dengan memperkenalkan modul Vot Lejar (VL), Pengurusan Waran (WM) dan *Expenditure Accrual Accounting System (EASy)* dan dikenali sebagai *State Integrated Financial Budgetary and Account System (SIFBAS).* Sistem yang sedang digunakan oleh Perbendaharaan Negeri akan diintegrasikan dengan

sistem SIFBAS ini. Pada masa kini, sistem VCMS telah dihubung kait dengan sistem EASy. Objektif sistem SIFBAS ialah untuk:

i) mengakaunkan perbelanjaan sebaik sahaja ia dilakukan;

ii) mengawal peruntukan semasa komitmen dibuat;

iii) mengenepikan keperluan membuat penyesuaian Buku Vot Jabatan dengan laporan bulanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri sebab pangkalan dapat berintegrasi dan dikongsi oleh semua pengguna;

iv) memudahkan proses bayaran; dan

v) mempercepatkan pengeluaran laporan bulanan.

10.2 PELAKSANAAN SISTEM PENGKOMPUTERAN

Sistem pengkomputeran ini dilaksanakan melalui 2 fasa. Fasa I merupakan projek perintis di mana 4 Jabatan iaitu Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Perbendaharaan Negeri, Pejabat Residen Samarahan dan Pejabat Daerah Serian telah dipilih untuk menggunakan sistem ini pada awal tahun 2002. Pelaksanaan diperluaskan ke Pusat Tanggungjawab yang lain mulai pertengahan tahun 2003 melalui Fasa II. Pejabat Perbendaharaan Negeri diberi tanggungjawab untuk mengawasi penggunaan sistem dan melapor kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak.

Pemeriksaan Audit mendapati sehingga bulan Mac 2004, sistem SIFBAS telah digunakan oleh 54 Pusat Tanggungjawab daripada 364 Pusat Tanggungjawab. Daripada 310 Pusat Tanggungjawab yang masih belum menggunakan sistem SIFBAS, sebanyak 86 masih belum dihubung kait dengan SarawakNet. Oleh itu tindakan yang berterusan perlulah diambil bagi membolehkan semua Pusat Tanggungjawab menikmati faedah pengkomputeran.

10.3 PENCAPAIAN SISTEM

Pemeriksaan Audit terhadap kawalan umum (*general controls*) sistem SIFBAS di Jabatan Perbendaharaan Negeri mendapati perkara berikut:

10.3.1 Kawalan Pengurusan Dan Organisasi

Kawalan ini adalah untuk memastikan wujudnya penglibatan pengurusan atasan dalam perancangan dan pelaksanaan ICT, perancangan latihan bagi kakitangan dan polisi keselamatan. Sehubungan itu, adalah didapati Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu SIFBAS yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kewangan Negeri. Ahlinya terdiri daripada Akauntan Negeri, Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri, Pengarah Belanjawan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Pengarah Audit Dalam, Pengarah Unit ICT Kerajaan Negeri dan wakil syarikat. Jawatankuasa Teknikal juga telah ditubuhkan. Selain itu, Timbalan Akauntan Negeri juga dilantik sebagai Ketua Pegawai Maklumat (CIO) bagi Jabatan Perbendaharaan Negeri.

Pemeriksaan Audit mendapati walaupun latihan berjadual untuk pengguna sistem ada diberi oleh syarikat, namun masih ada pegawai yang terlibat dengan penggunaan SIFBAS belum mengikuti latihan berkenaan. Pada bulan April 2004, seramai 1,070 pegawai telah diberi latihan. Selain itu, adalah didapati walaupun Modul EASy, Pengurusan Waran dan Lejar Vot mula digunakan pada awal tahun 2002, namun difahamkan penyelenggaraan rekod secara manual masih lagi dibuat.

Peranan dan tugas pengguna Perbendaharaan Negeri Sarawak telah ditetapkan dalam senarai tugas. Adalah diperhatikan pegawai yang mewujud, menyemak dan melulus transaksi adalah pegawai daripada Jabatan berkenaan manakala pegawai yang membangunkan sistem

dan pemprograman aplikasi adalah daripada pihak syarikat. Manual spesifikasi teknikal dan manual pengguna juga disediakan tetapi didapati tidak dikemas kini.

Pada pandangan Audit, usaha untuk melatih pengguna sistem SIFBAS perlulah ditingkatkan.

10.3.2 Kawalan Pengurusan Perubahan

Pemantauan dan penambahbaikan sistem perlu dijalankan secara berterusan untuk mengekalkan keberkesanan dan meningkatkan kecekapan sistem. Perubahan terhadap sistem seperti perubahan prosedur kawalan, perubahan proses, perubahan semakan dan sebagainya perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi, *functionality enhancement,* mengemaskinikan sistem, menambah baik keselamatan sistem atau untuk memudahkan operasi. Semua perubahan yang ingin dilakukan mestilah diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa, diuji keberkesanannya dan didokumenkan sewajarnya untuk mengelakkan pemprosesan dan laporan yang tidak tepat.

Semakan Audit mendapati aduan terhadap kesilapan dan masalah serta semua pindaan dibuat dengan mengisi Borang Aduan Sistem dan dikemukakan kepada pentadbir sistem atau Ketua Pegawai Maklumat untuk kelulusan. Borang Aduan Sistem yang diluluskan itu akan dikemukakan kepada pihak syarikat untuk tindakan pembetulan/pembaikan. Manakala bagi perubahan aplikasi dan perkakasan, *Change Request Form* perlu diisi dan dilulus oleh Akauntan Negeri. Borang ini kemudiannya dikemukakan kepada Majlis Teknologi Dan Sumber Maklumat Negeri Sarawak untuk kelulusan sebelum dikemukakan kepada pihak syarikat untuk tindakan.

Semakan lanjut Audit mendapati pendaftaran baru, pemindahan dan penghapusan *Identification Data* (ID) pengguna di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan semua Pusat Tanggungjawab masih dikawal dan dilakukan oleh pihak syarikat.

Pada pendapat Audit, Perbendaharaan Negeri masih terlalu bergantung kepada pihak syarikat untuk mendaftar pengguna baru, meminda dan menghapuskan ID pengguna serta membuat semua pembetulan kepada transaksi dan masalah yang berbangkit. Keadaan ini boleh menjejaskan keutuhan pangkalan data. Perbendaharaan Negeri sepatutnya memainkan peranan yang lebih besar dalam aspek ini. Capaian kepada aplikasi dan pangkalan data oleh pihak syarikat sepatutnya lebih terkawal dan dihadkan kepada tugas yang perlu sahaja.

10.3.3 Kawalan Operasi

Kawalan operasi adalah untuk memastikan prestasi sistem dan peralatan komputer sentiasa berada dalam keadaan baik supaya dapat digunakan dalam jangka masa yang panjang. Semakan Audit mendapati seorang Pegawai Penyelia perlu *logged-in* ke dalam sistem sebelum pengguna lain dapat *logged-in* untuk menjalankan tugas masing-masing dan data dibuat *back-up*. Di peringkat Ibu Pejabat, proses *back-up* data dijalankan oleh pegawai daripada Unit EDP Jabatan Perbendaharaan Negeri. Data harian (2 salinan) disimpan selama 2 minggu, data mingguan selama 1 bulan dan data bulanan disimpan sejak pelaksanaan sistem. Di peringkat Perbendaharaan Negeri Bahagian Kuching, hanya data harian dibuat *back-up*. Satu kontrak penyenggaraan bagi semua perkakasan komputer juga telah dibuat dengan syarikat yang sama. Sebagai satu langkah untuk melicinkan pelaksanaan dan operasi sistem, seorang pegawai sistem maklumat daripada syarikat berkenaan juga ditempatkan di Ibu Pejabat

Perbendaharaan Negeri. Pihak Audit difahamkan oleh pengguna bahawa masa tindak balas sistem agak lambat, kadangkala terdapat gangguan talian dan sistem kerap tergendala (*hang)*. Masa tindak balas sistem yang lambat dan sistem yang kerap tergendala *(hang)* boleh menghalang kelancaran proses pengkomputeran.

Pada pandangan Audit, penempatan seorang Pegawai Sistem Maklumat di Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri adalah satu langkah yang baik. Namun, pihak Setiausaha Kewangan Negeri perlu menentukan syarikat memantau sistem dengan lebih kerap bagi memastikan sistem berjalan dengan lancar.

10.3.4 Kawalan Capaian Logikal

Kawalan ini adalah untuk melindungi aplikasi dan pangkalan data daripada capaian, pindaan atau penghapusan yang tidak sah bagi memastikan keutuhan data terjamin. Pengguna hanya diberi capaian untuk menjalankan tugas yang ditetapkan sahaja. Capaian pangkalan data dan perisian yang sensitif hanya diberi kepada pengguna tertentu sahaja dan melalui *Identification Data (ID)* dan kata laluan.

Semakan Audit mendapati capaian kepada sistem hanya dihadkan kepada pegawai yang didaftarkan dalam sistem mengikut peringkat capaian mereka. Hanya Ketua Pusat Tanggungjawab diberi kuasa untuk melulus bayaran. Mengikut pegawai daripada syarikat, jika pengguna tersalah *log-in* melebihi 3 kali aplikasi akan tertutup secara automatik tetapi *ID* tidak akan disekat. Semakan lanjut Audit mendapati *terminal automatic time-out* apabila komputer tidak digunakan bagi sesuatu tempoh dan fail log untuk mengesan capaian ke aplikasi oleh pengguna juga tidak diwujudkan dalam sistem.

Pada pandangan Audit, fail log bagi mengesan capaian kepada sistem oleh pegawai perlu diwujudkan dan seorang pegawai perlu ditugaskan untuk memeriksa fail log ini secara berkala untuk memastikan semua capaian adalah sah.

10.3.5 Kawalan Persekitaran Dan Fizikal

Kawalan persekitaran dan fizikal adalah untuk memastikan bahawa perkakasan, data dan perisian komputer sentiasa selamat dan terkawal daripada penyalahgunaan oleh pengguna yang tidak sah dan kerosakan persekitaran seperti terkena api, air dan gangguan bekalan elektrik untuk menjaga keutuhan sistem dan pangkalan data.

Semakan Audit mendapati Bilik EDP di Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri terletak di Tingkat 11 dan di Perbendaharaan Bahagian Kuching di Tingkat 5. Di Ibu Pejabat Perbendaharaan pintu Bilik EDP hanya boleh dibuka dengan menggunakan kod rahsia manakala di Pejabat Perbendaharaan, Bahagian Kuching kad magnetik digunakan. Pihak Audit mendapati hanya pegawai yang dibenarkan sahaja boleh memasuki bilik ini. Peralatan *Uninterrupted Power Supply (UPS)* ada dipasang untuk mengatasi masalah bekalan elektrik terputus dan alat pemadam api jenis air ada disediakan di bilik berkenaan. Semakan lanjut Audit mendapati *server* di Pejabat Perbendaharaan Bahagian Kuching dimatikan selepas waktu pejabat. Adalah diperhatikan juga walaupun aplikasi modul EASy, Pengurusan Waran dan Lejar Vot telah beroperasi secara *live,* ia masih ditempatkan di Pusat Data Syarikat.

Pada pendapat Audit, penempatan aplikasi Modul EASy, Pengurusan Waran dan Lejar Vot di Pusat Data Syarikat adalah kurang sesuai. Secara tidak langsung Kerajaan Negeri kehilangan kawalan ke atas aplikasi dan pangkalan data. Selepas sistem beroperasi secara *live,* semua aplikasi dan pangkalan data

sepatutnya ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri atau di Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri.

10.3.6 Kawalan Perancangan Operasi Yang Berterusan

Objektif kawalan perancangan operasi yang berterusan adalah untuk memastikan operasi dan pemprosesan dapat dijalankan secara berterusan walaupun terdapat gangguan terhadap komputer ataupun perisiannya. Ini termasuk membuat *back-up* terhadap data dan program yang disimpan di tempat yang selamat di luar bangunan operasi dan mengadakan perancangan pemulihan kecemasan yang diakibatkan oleh kehilangan kemudahan komputer sama ada sementara atau tetap.

Pemeriksaan Audit mendapati *back-up* data harian, mingguan dan bulanan dibuat oleh Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri dan *back-up* harian sahaja di buat oleh Perbendaharaan Bahagian Kuching dengan menggunakan pita DDS. Pita terpakai akan digunakan semula untuk menyimpan data yang di *back-up*. Bagaimanapun, *back-up* bagi sistem tidak dibuat. Pita *back-up* bagi data Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri disimpan di Perbendaharaan Bahagian Kuching manakala pita *back-up* data Perbendaharaan Bahagian Kuching disimpan di Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri. Pemeriksaan lanjut Audit mendapati satu *server* disediakan sebagai *standby* di Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri untuk digunakan jika berlaku gangguan atau kerosakan kepada *server* yang sedang digunakan. Dengan demikian jika berlaku sebarang kecemasan, pemprosesan maklumat masih boleh dijalankan di mana-mana Pejabat Perbendaharaan Negeri Bahagian.

Pihak Audit berpendapat kawalan perancangan operasi perlu dipertingkatkan lagi. Sistem juga mesti dibuat *back-up*.

Pemeriksaan juga perlu dibuat ke atas semua pita *back-up* untuk memastikan data/aplikasi yang di *back-up* adalah utuh.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, Jabatan Audit Negara berpendapat kawalan pengurusan kewangan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan Perbendaharaan Negeri adalah baik. Oleh itu, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan Perbendaharaan Negeri hendaklah memastikan pengurusan kewangan yang baik ini dikekalkan malah dipertingkatkan lagi seperti memastikan semua Pegawai Pengawal mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan dan menyelenggara rekod dengan lengkap dan kemas kini. Kawalan dan keselamatan sistem perakaunan berkomputer juga hendaklah dipertingkatkan lagi.

KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN NEGERI

12. LATAR BELAKANG

Seksyen 15 (A) Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, seseorang Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

Pada tahun 2003, pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan di 10 Kementerian/Jabatan iaitu:

i) Jabatan Kerja Raya Bintulu
ii) Jabatan Tanah Dan Survei Miri
iii) Unit Pentadbiran Jabatan Ketua Menteri
iv) Mahkamah Bumiputera
v) Rumah Sarawak Kuala Lumpur
vi) Pejabat Residen Sibu
vii) Pejabat Daerah Sibu
viii) Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Dan Latihan Teknik Jabatan Perhutanan
ix) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
x) Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan

Antara 10 Kementerian/Jabatan itu, Pejabat Residen Sibu telah mendapat Sijil MS ISO 9002 pada tahun 2002 untuk Program Penyelarasan Dan Pemantauan Projek/Program Pembangunan di Bahagian Sibu. Manakala Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mendapat Sijil MS ISO 9002 pada tahun 2000 bagi Aktiviti Pengambilan Ke Jawatan Kosong Dalam Perkhidmatan Awam Negeri.

Pada tahun 2003, Kementerian/Jabatan tersebut telah membelanjakan sejumlah RM72.25 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM61.61 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Manakala jumlah kutipan hasil bagi tahun 2003 ialah RM56.27 juta dan baki Akaun Deposit ialah RM13.12 juta.

13. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

13.1 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan serta wujud kawalan dalaman yang kukuh. Selain itu, pengauditan juga bertujuan untuk memastikan sama ada penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini.

13.2 SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan di kesemua Jabatan yang terlibat dengan memeriksa rekod pengurusan dan rekod kewangan seperti Akaun Tunai Bulanan Pemungut, Buku Vot, Penyata Penyesuaian Akaun, Kumpulan Wang Amanah/Deposit dan Daftar Aset Dan Inventori bagi tahun 2003. Pengauditan adalah dijalankan secara *system based* dan selain itu temu bual dengan pegawai yang terlibat juga telah dilakukan.

14. PENEMUAN AUDIT

14.1 KAWALAN PENGURUSAN

Struktur organisasi yang berkesan dan sistem pengurusan kewangan yang terkawal adalah perlu bagi melaksanakan aktiviti Jabatan dengan baik. Ketua

Jabatan perlu meningkatkan pemantauan dari semasa ke semasa dan menentukan pematuhan kepada arahan dan peraturan yang telah ditetapkan.

14.1.1 Struktur Organisasi

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan yang diaudit telah mewujudkan satu struktur organisasi yang jelas menunjukkan tugas dan tanggungjawab setiap seksyen yang berkaitan. Analisis Audit mendapati 921 daripada 1,090 jawatan yang diluluskan pada tahun 2003 telah diisi. Kementerian/Jabatan telah memohon kepada Jabatan Ketua Menteri untuk mengisi 169 jawatan yang belum diisi yang kebanyakannya daripada kumpulan sokongan. Analisis lanjut Audit mendapati 18 dari 169 jawatan kosong adalah di Seksyen Kewangan Dan Akaun di Jabatan Tanah Dan Survei Miri, Pejabat Residen Sibu, Pejabat Daerah Sibu, Mahkamah Bumiputera dan Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan. Adalah didapati kekosongan ini menyebabkan tambahan beban kerja kepada pegawai dan boleh menjejaskan prestasi Seksyen tersebut. Antara masalah yang diperhatikan ialah tugas menyediakan penyesuaian perbelanjaan, merekod Buku Vot dan menyelenggara Daftar Bil dibuat oleh seorang pegawai sahaja.

14.1.2 Manual Prosedur Kerja, Fail Meja Dan Senarai Tugas

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja disediakan sebagai rujukan utama kakitangan bagi melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan, Jabatan Tanah Dan Survei Miri, Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri dan Mahkamah Bumiputera telah menyediakan Manual Prosedur Kerja. Bagaimanapun, enam Kementerian/Jabatan belum lagi menyediakan Manual tersebut. Adalah didapati juga Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan dan Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam sedang dalam proses menyediakan Fail Meja manakala 8 Kementerian/Jabatan belum lagi menyediakan Fail Meja untuk kakitangan. Selain itu, adalah didapati juga Senarai Tugas yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya Bintulu, Jabatan Tanah Dan Survei Miri, Pejabat Daerah Sibu, Mahkamah Bumiputera dan Rumah Sarawak tidak ditandatangani oleh Pegawai Penyelia. Manakala Pusat Penyelidikan Dan Latihan Teknik langsung tidak menyediakan Senarai Tugas untuk pegawainya.

14.1.3 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Semakan Audit mendapati Kementerian/Jabatan belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun kerana Kerajaan Negeri belum menerima pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Bagaimanapun, Kementerian/Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan selaras dengan Surat Pekeliling Bersama Setiausaha Kerajaan Negeri dan Setiausaha Persekutuan Sarawak. Pekeliling ini juga menetapkan agar Jawatankuasa mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan dan Laporan Mesyuarat dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri. Adalah didapati pada tahun 2003, hanya Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Kerja Raya Bintulu mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali serta menyedia dan mengemukakan laporan seperti yang diarahkan. Semakan lanjut Audit mendapati antara perkara yang dibincangkan adalah termasuk pengurusan kewangan dan hal pentadbiran.

14.1.4 Latihan Kepada Kakitangan

Analisis Audit mendapati pada tahun 2003, sejumlah 859 pegawai/kakitangan telah dihantar untuk menghadiri 181 pelbagai jenis kursus seperti kursus dalam bidang teknikal, pengurusan kewangan, kepimpinan dan pengurusan projek yang dianjurkan oleh Institiut

Tadbiran Awam Negara, Jabatan Ketua Menteri, *Centre For Modern Management* dan pihak swasta. Analisis lanjut Audit mendapati secara keseluruhannya, penekanan kepada latihan pengurusan kewangan agak kurang. Adalah didapati 46 daripada 65 pegawai di Seksyen Kewangan Dan Akaun di Kementerian/Jabatan belum mengikuti latihan mengenai pengurusan kewangan antara tahun 1997 hingga 2003.

Kedudukan kawalan pengurusan di 10 Kementerian/Jabatan adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Kedudukan Kawalan Pengurusan

KEMENTERIAN/JABATAN	KAWALAN PENGURUSAN			
	a	b	c	d
1. Jabatan Tanah Dan Survei Miri	/	x	x	x
2. Jabatan Kerja Raya Bahagian Bintulu	x	x	x	x
3. Unit Pentadbiran Jabatan Ketua Menteri	/	/	x	x
4. Mahkamah Bumiputera Sarawak	/	/	x	x
5. Rumah Sarawak Kuala Lumpur	x	x	x	x
6. Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	/	x	/	x
7. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	x	x	/	x
8. Pejabat Residen Sibu	x	x	x	x
9. Pejabat Daerah Sibu	x	x	x	x
10. Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Dan Latihan Teknik	x	x	x	x

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

a. Manual Prosedur Kerja disediakan
b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini

Pihak Audit berpendapat kawalan pengurusan di semua 10 Kementerian/Jabatan perlu dipertingkatkan lagi terutamanya dari aspek penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Kedua dokumen tersebut adalah penting kerana ia mengandungi proses kerja yang perlu dilaksanakan oleh pegawai yang diberi tanggungjawab bagi membantu Jabatan berfungsi dengan cekap dan berkesan. Selain itu, penekanan

yang lebih hendaklah diberi kepada latihan berkaitan pengurusan kewangan.

14.2 KAWALAN HASIL

Enam daripada 10 Kementerian/Jabatan yang diaudit memungut hasil sejumlah RM56.27 juta. Kementerian/Jabatan yang tidak memungut hasil ialah Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan, Mahkamah Bumiputera, Rumah Sarawak dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pemungut hasil yang utama ialah Jabatan Tanah Dan Survei Miri di mana hasil yang dipungut pada tahun 2003 ialah sejumlah RM55.53 juta terdiri daripada bayaran sewa tanah, premium dan royalti perlombongan. Manakala bakinya RM740,000 adalah kutipan pelbagai hasil seperti hasil jualan air, sewa kantin, permit dan pendaftaran perkahwinan. Kementerian/Jabatan terlibat iaitu Jabatan Kerja Raya Bintulu, Pejabat Residen Sibu, Pejabat Daerah Sibu dan Pusat Penyelidikan Kayu Kayan Dan Latihan Teknik, Jabatan Perhutanan menggunakan sistem pungutan secara manual kecuali Jabatan Tanah Dan Survei Miri yang menggunakan sistem pungutan berkomputer sejak 1996.

Pejabat Residen Sibu dan Unit Pentadbiran Jabatan Ketua Menteri tidak melakukan kutipan hasil kerana kutipan hasil hanya dilakukan oleh Perbendaharaan Negeri. Kedua Jabatan ini hanya mengeluarkan bil kepada pembayar dan bayaran dibuat terus ke Pejabat Perbendaharaan Negeri. Selain itu, kedua Jabatan ini juga mengesah dan mengembalikan Senarai Ringkasan Terimaan daripada Perbendaharaan Negeri pada setiap bulan.

Pada umumnya, kawalan hasil telah dilaksanakan dengan memuaskan di mana rekod dan dokumen kewangan telah diselenggarakan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun, adalah didapati beberapa peraturan kewangan mengenai kawalan hasil yang tidak dipatuhi sepenuhnya seperti pemeriksaan mengejut ke atas wang tunai tidak dijalankan, kuasa

bertulis memungut hasil/menguruskan pungutan tidak dikeluarkan, notis kepada orang awam mengenai keperluan meminta resit tidak dipamerkan dan semakan harian terhadap Buku Tunai dan resit tidak dibuat. Semakan Audit mendapati Pejabat Daerah Sibu dan Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Dan Latihan Teknik tidak menyediakan pengasingan tugas untuk mengutip wang dan menyelenggara rekod hasil. Pengasingan tugas adalah merupakan elemen penting kawalan dalaman. Selain itu, adalah didapati Pegawai Pengawal bagi Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Sarawak, Mahkamah Bumiputera, Rumah Sarawak dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak pernah melakukan pemeriksaan mengejut.

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Hasil

JABATAN/PEJABAT	PERATURAN KAWALAN HASIL						
	a	b	c	d	e	f	g
1. Jabatan Tanah Dan Survei Miri	/	/	/	/	/	x	/
2.Jabatan Kerja Raya Bahagian Bintulu	/	/	/	x	/	x	TB
3. Unit Pentadbiran Jabatan Ketua Menteri	TB	TB	TB	TB	TB	x	/
4. Pejabat Residen Sibu	TB	TB	TB	TB	TB	x	/
5. Pejabat Daerah Sibu	x	x	/	x	/	x	/
6. Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Dan Latihan Teknik	x	x	x	x	/	x	/

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
b. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
c. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
f. Pemeriksaan Mengejut terhadap wang dan barang berharga
g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini

Pada pandangan Audit, kawalan terhadap hasil yang meliputi rekod perakaunan, pengesahan penyata dan pemeriksaan mengejut perlu dipertingkatkan bagi menjamin akauntabiliti pengurusan wang awam.

14.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Pada tahun 2003, Kementerian/Jabatan telah menerima peruntukan sejumlah RM80.69 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM67.68 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM71.76 juta iaitu 89% telah dibelanjakan untuk mengurus dan RM61.61 juta iaitu 91% untuk pembangunan pada tahun 2003.

14.3.1 Kedudukan Kawalan Perbelanjaan

Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan di Kementerian/Jabatan tersebut mendapati beberapa peraturan tidak diikuti. Antaranya ialah mengenai Daftar Bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta tidak diperiksa oleh Pegawai Penyelia. Selain itu, ruangan penting dalam Borang Pesanan Kerajaan seperti tarikh sepatutnya barangan/perkhidmatan dibekalkan dan tarikh sebenarnya diterima serta harga tidak dicatat. Ini menunjukkan tiada perancangan mengenai masa sesuatu bekalan/perkhidmatan diperlukan dan tiada kawalan untuk memastikan barang/perkhidmatan dibekalkan tepat pada masanya. Oleh itu, sebarang kelewatan penerimaan barang tidak dapat ditentukan. Adalah didapati Buku Vot di Jabatan Tanah Dan Survei Miri, Jabatan Kerja Raya Bintulu dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak disemak dan tidak ditandatangani oleh Pegawai Penyelia seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 95. Semakan lanjut Audit mendapati Pejabat Residen Sibu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Dan Latihan Teknik Jabatan Perhutanan tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan yang lengkap dan kemas kini. Antara perkara yang diperhatikan ialah perbezaan antara jumlah dalam Buku Vot dengan jumlah dalam Laporan Terperinci Perbelanjaan Bulanan Perbendaharaan Negeri dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan lewat disediakan antara 1 hingga 3 bulan.

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Perbelanjaan

KEMENTERIAN/JABATAN	PERATURAN KAWALAN PERBELANJAAN						
	a	b	c	d	e	f	g
1. Jabatan Tanah Dan Survei Miri	x	x	/	x	x	x	x
2. Jabatan Kerja Raya Bahagian Bintulu	x	x	/	/	/	/	x
3. Unit Pentadbiran Jabatan Ketua Menteri	/	/	/	x	/	x	x
4. Mahkamah Bumiputera Sarawak	/	/	/	x	/	x	x
5. Rumah Sarawak Kuala Lumpur	/	/	/	x	/	/	/
6. Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	/	/	/	x	/	x	x
7. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	x	x	x	/	/	/	x
8. Pejabat Residen Sibu	/	/	x	x	/	x	x
9. Pejabat Daerah Sibu	/	/	/	x	/	x	x
10. Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Dan Latihan Teknik	/	/	x	/	/	x	x

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab
b. Buku Vot disemak oleh Pegawai Penyelia
c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
d. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap
e. Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Kerajaan
f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan

14.3.2 Kawalan Perolehan

Mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Bil. 5 Tahun 2003, perolehan bekalan dan perkhidmatan bagi 1 jenis item atau kelas yang kurang dari RM10,000 setahun boleh dibuat secara pembelian terus. Perolehan bekalan dan perkhidmatan yang berjumlah RM10,000 ke atas tetapi kurang dari RM50,000 setahun hendaklah dibuat secara mempelawa sebut harga manakala perolehan dan bekalan berjumlah RM50,000 ke atas setahun hendaklah dipelawa secara tender. Pada tahun 2003, Kementerian/Jabatan telah membuat perolehan sejumlah RM6.50 juta melalui pembelian terus dan sebut harga. Perolehan melalui tender bagi Jabatan dilakukan di peringkat Ibu Pejabat.

Bagaimanapun, bagi Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, perolehan melalui tender dibuat oleh Lembaga Tender Negeri. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i) Pembelian Terus

Pembelian terus yang dibuat oleh Kementerian/Jabatan berjumlah RM2.31 juta untuk pelbagai jenis bekalan dan perkhidmatan telah dibuat dengan teratur selaras dengan Surat Pekeliling berkenaan.

ii) Sebut Harga

Pada tahun 2003, Kementerian/Jabatan telah membuat perolehan melalui sebut harga sejumlah RM4.19 juta untuk bekalan dan perkhidmatan. Pihak Audit mendapati kesemua Kementerian/Jabatan tersebut membuat perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 170. Adalah didapati Jawatankuasa Sebut Harga telah ditubuhkan. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati kedua anak kunci peti tawaran dipegang oleh pegawai yang sama di 2 Jabatan iaitu Jabatan Tanah Dan Survei Miri dan Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Dan Latihan Teknik. Ini adalah bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 196 yang menyatakan anak kunci hendaklah dipegang secara berasingan oleh 2 pegawai kanan. Semakan Audit juga mendapati pembayaran yang dibuat adalah mengikut kadar dalam perjanjian/kontrak.

iii) Pesanan Tempatan

Arahan Perbendaharaan 176 menghendaki penggunaan Buku Pesanan Tempatan hendaklah dibuat dengan teratur seperti disimpan di tempat yang berkunci dan selamat dan dikeluarkan

semasa pembelian dilakukan. Semakan Audit mendapati Buku Pesanan Tempatan yang diterima dan dikeluarkan telah direkod dalam Daftar Borang Yang Dikawal dengan kemas kini dan sempurna seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 67.

Secara keseluruhannya, kawalan terhadap perbelanjaan perlu dipertingkatkan dengan memberi perhatian kepada penyelenggaraan Buku Vot, penyediaan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan, penyelenggaraan Daftar Bil dan pengurusan Pesanan Tempatan.

14.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT

Jabatan yang mempunyai Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit perlu mengurus akaun berkenaan mengikut Arahan Amanah dan peraturan yang berkaitan. Penyata Terimaan dan Bayaran bagi sesuatu akaun amanah dan Senarai Baki Akaun Deposit perlu disediakan dengan lengkap dan dikemukakan untuk pengauditan dalam tempoh yang ditetapkan. Rekod individu bagi Kumpulan Wang Amanah seperti Pendahuluan Pinjaman Kenderaan, Pendahuluan Pinjaman Komputer dan Pendahuluan Pinjaman Peralatan Dapur perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk memudahkan pemantauan terhadap bayaran balik yang dibuat.

14.4.1 Pengurusan Deposit

Lima Kementerian/Jabatan iaitu Mahkamah Bumiputera, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Rumah Sarawak dan Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Dan Latihan Teknik Jabatan Perhutanan tidak menyelenggara Akaun Deposit. Baki deposit di 5 Jabatan lain sehingga 31 Disember 2003 berjumlah RM13.12 juta. Antara deposit itu ialah deposit premium tanah dan bayaran pampasan tanah sejumlah RM12.94 juta manakala selebihnya RM70,000 ialah untuk deposit tender.

i) Daftar Deposit

Mengikut Arahan Perbendaharaan 156, Daftar Deposit perlu diselenggarakan bagi merekodkan setiap deposit yang diterima. Semakan Audit mendapati Daftar Deposit diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan Daftar Deposit di 5 Jabatan yang diaudit disemak oleh Pegawai Pengawal.

ii) Penyesuaian Akaun Deposit

Semakan Audit mendapati penyesuaian deposit telah dibuat oleh Jabatan dengan mengesahkan Ringkasan Terimaan yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri dengan Buku Tunai Terimaan dan Daftar Deposit yang diselenggara oleh Jabatan.

iii) Pembayaran Balik Deposit

Arahan Perbendaharaan 162 menetapkan jika tiada sebab khas, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Jika deposit ini tidak dituntut dalam masa 3 bulan selepas pemberitahuan itu, maka ia hendaklah dikredit kepada hasil Kerajaan. Adalah didapati Jabatan Tanah Dan Survei Miri, Pejabat Residen Sibu dan Pejabat Daerah Sibu belum lagi mengambil tindakan mewartakan deposit sejumlah RM13.01 juta yang melebihi 12 bulan.

14.4.2 Pengurusan Rekod Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kakitangan Kerajaan boleh memohon pinjaman untuk membeli rumah, kenderaan, peti sejuk, mesin basuh, ketuhar dan komputer. Syarat pinjaman ditetapkan di bawah Jadual 12, Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996. Permohonan pinjaman diuruskan oleh Jabatan dan kelulusan diberi oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Rekod

perakaunan pinjaman diselenggara oleh Akauntan Negeri manakala rekod dan dokumen berkaitan dengan pinjaman dan pembelian disimpan oleh Kementerian/Jabatan.

Semakan Audit mendapati 118 pinjaman berjumlah RM734,749 telah diberi kepada kakitangan Kementerian/Jabatan tersebut iaitu 38 pinjaman kenderaan berjumlah RM429,000 dan 71 pinjaman peralatan dapur berjumlah RM274,749 serta 9 pinjaman komputer berjumlah RM31,000. Pemeriksaan Audit mendapati semua maklumat pinjaman diselenggarakan melalui sistem berkomputer iaitu *Personnel Management System* di mana rekod bagi jenis pinjaman, tarikh mula dan tamat ansuran adalah kemas kini. Pihak Audit mendapati bayaran balik secara ansuran melalui potongan gaji dibuat dengan teratur. Pinjaman kenderaan pula dilindungi oleh polisi insurans komprehensif dan Sijil Pendaftaran Kenderaan telah dicap dengan 'Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan'.

14.4.3 Pengurusan Akaun Amanah

Semakan Audit mendapati 2 Jabatan menyelenggara Akaun Amanah iaitu Jabatan Kerja Raya mengurus 5 Akaun Amanah manakala Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Suruhanjaya) menyelenggara 1 Akaun Amanah. Adalah didapati Jabatan Kerja Raya mengurus 5 Akaun Amanah dengan teratur mengikut Arahan Amanah dan tujuan akaun tersebut diwujudkan. Daftar Bil dan Buku Vot ada diselenggara bagi merekodkan perbelanjaan dan urus niaga yang dibuat. Setiap perbelanjaan pula diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan dibelanjakan mengikut maksud yang ditentukan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini. Selain itu, Jabatan juga ada menyediakan Penyata Terimaan Dan Bayaran setiap tahun.

Bagaimanapun, semakan Audit terhadap *Hardship Fund Trust Account* yang diselenggara oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mendapati ianya tidak aktif sejak bulan Ogos 1984. Adalah didapati Suruhanjaya menguruskan hal pentadbiran sahaja kerana Pegawai Pengawal Akaun Amanah ini ialah Pegawai Kebajikan Kanan Sarawak di Jabatan Penuntut Malaysia, London. Oleh itu, ia tidak menyimpan sebarang rekod perakaunan mengenai Akaun Amanah ini. Baki Akaun Amanah ini sehingga 31 Disember 2003 ialah £46,351. Daripada jumlah tersebut, sejumlah £8,090 adalah tunggakan pinjaman yang tidak dijelaskan sejak tahun 1990. Pemeriksaan Audit mendapati kali terakhir Suruhanjaya mengeluarkan surat tuntutan kepada peminjam ialah pada tahun 1992.

Secara keseluruhannya, Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Bagaimanapun, pihak Audit berpendapat Suruhanjaya hendaklah mempergiatkan usaha untuk mengutip pinjaman atau menutup *Hardship Fund Trust Account* jika tidak diperlukan lagi.

14.5 PENGURUSAN ASET

Panduan mengenai Tatacara Pengurusan Stor telah menetapkan peraturan pengurusan aset Kerajaan yang perlu dipatuhi oleh setiap pejabat. Peraturan mengenai penggunaan, pengurusan dan penyenggaraan kenderaan Kerajaan pula ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980. Pada tahun 2003, Kementerian/Jabatan telah memperolehi aset dan inventori sejumlah RM1.52 juta. Antara aset dan inventori yang diperolehi ialah mesin fotostat, alat hawa dingin, *overhead projector* dan perabot.

14.5.1 Daftar Aset/Inventori/Bekalan Pejabat

Kerajaan Negeri melalui Surat Pekeliling Bil.18 Tahun 1992 menggesa semua Jabatan dan Agensi Kerajaan mengguna pakai borang baru daftar aset dan inventori seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991. Pemeriksaan Audit mendapati hanya Pejabat Residen Sibu yang sudah mengguna pakai borang daftar aset dan inventori baru manakala 9 Kementerian/Jabatan lain masih menggunakan Daftar Inventori Induk untuk merekod aset dan inventori. Pemeriksaan Audit mendapati kesemua Kementerian/Jabatan tersebut tidak menyelenggara Daftar Inventori Induk atau Borang Daftar Aset dan Inventori dengan lengkap dan kemas kini di mana kos pembelian dan lokasi aset ditempatkan tidak direkodkan dalam daftar tersebut.

14.5.2 Tanda Hak Milik Kerajaan

Tatacara Pengurusan Stor menghendaki semua aset Kerajaan ditanda dengan “Hak Milik Kerajaan”. Pemeriksaan Audit terhadap aset dan inventori di semua 10 Kementerian/Jabatan mendapati hanya Jabatan Kerja Raya Bintulu dan Jabatan Tanah Dan Survei Miri memberi tanda “Hak Milik Kerajaan” dan nombor siri pada aset dan inventori.

14.5.3 Pemeriksaan Tahunan

Ketua Jabatan dikehendaki mengatur pemeriksaan terhadap aset sekurang-kurangnya sekali dalam 2 tahun selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 dan Perenggan 238, 239 dan 240 Tatacara Pengurusan Stor. Semakan Audit mendapati semua 10 Kementerian/Jabatan masih belum mengadakan pemeriksaan tersebut.

14.5.4 Pengurusan Kenderaan

Pada tahun 2003, Kementerian/Jabatan mempunyai 114 kenderaan iaitu 43 buah pacuan empat roda, tiga puluh sembilan buah kereta

salon, tiga puluh satu buah lori dan sebuah bas. Pekeliling Bersama Setiausaha Kerajaan Negeri dan Setiausaha Persekutuan Sarawak Bil. 138/PKM/1090/2 Tahun 1976 menghendaki Buku Log diselenggarakan dengan sempurna dan kemas kini. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 1980 menghendaki pegawai yang memberi kuasa bertanggungjawab memastikan Buku Log diselenggara untuk semua kenderaan. Maklumat mengenai tempat dilawati, jarak perjalanan dan waktu bertolak/pergi/balik bagi setiap perjalanan hendaklah dicatat dengan lengkap ke dalam Buku Log. Catatan tersebut hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang membenarkan perjalanan tersebut.

i) Buku Log

Semakan Audit terhadap 105 Buku Log di semua 10 Kementerian/Jabatan mendapati 24 Buku Log di Pejabat Residen Sibu, Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Dan Latihan Teknik Jabatan Perhutanan, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Mahkamah Bumiputera tidak diselenggara dengan sempurna dan kemas kini. Antara perkara yang tidak direkod ialah jarak perjalanan dan waktu bertolak/pergi/balik bagi setiap perjalanan. Selain itu, buku Log tidak ditandatangani oleh pegawai yang membenarkan perjalanan dibuat.

ii) Rekod Perjalanan Bulanan

Rekod Perjalanan Bulanan adalah untuk mencatat jumlah bahan api, kos pembaikan dan kos penyenggaraan kenderaan setiap bulan. Pemeriksaan Audit terhadap Rekod Perjalanan Bulanan untuk 26 buah kenderaan di Pejabat Residen Sibu, Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Dan Latihan Teknik, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan, Suruhanjaya Perkhidmatan

Awam dan Mahkamah Bumiputera mendapati ianya tidak diselenggara dengan sempurna dan kemas kini. Adalah didapati kos pembaikan dan penyelenggaraan tidak dicatat dalam Rekod Perjalanan Bulanan.

14.5.5 Pelupusan

Memorandum Pekeliling Bersama Setiausaha Kewangan Negeri bertarikh 19 Jun 1998 telah mengarahkan supaya Jabatan/Agensi Negeri melantik seorang pegawai khas untuk menyelia dan melaporkan kepada Ketua Jabatan mengenai barangan yang perlu dilupuskan. Selain itu, Perenggan 226 Tatacara Pengurusan Stor menghendaki Pegawai Pengawal bertanggungjawab menentukan semua aset Kerajaan di bawah kawalannya yang rosak dan tidak ekonomi lagi untuk digunakan diambil tindakan pelupusan dengan cara yang paling berfaedah.

Pemeriksaan Audit mendapati hanya Jabatan Kerja Raya Bintulu dan Mahkamah Bumiputera ada menubuhkan Jawatankuasa Pelupusan di peringkat Jabatan. Manakala 8 Kementerian/Jabatan masih belum menubuhkan Jawatankuasa tersebut. Adalah didapati pada tahun 2003, Jabatan Kerja Raya Bintulu telah mengambil tindakan untuk melupus 13 buah kenderaan dan 1 tangki air manakala Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri telah mengambil tindakan untuk melupus sebuah enjin motor sangkut. Pihak Audit mendapati Jabatan Tanah Dan Survei Miri masih belum lagi mengambil tindakan untuk melupus mesin *Multilab Master, Houston Fearless* dan *Microfilm Processor Unit* yang dibeli pada tahun 1993. Aset tersebut tidak dapat digunakan kerana tidak sesuai dengan iklim Malaysia. Selain itu, aset lain seperti lori, komputer, mesin fotostat dan perabot yang telah usang dan rosak di Pusat Penyelidikan Kayu-kayan Dan Latihan Teknik

Jabatan Perhutanan, Pejabat Residen Sibu dan Pejabat Daerah Sibu belum lagi diambil tindakan untuk dilupuskan.

Kedudukan mengenai pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Pengurusan Aset

KEMENTERIAN/JABATAN	PERATURAN PENGURUSAN ASET								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
1. Jabatan Tanah Dan Survei Miri	x	x	/	x	/	/	/	x	x
2. Jabatan Kerja Raya Bahagian Bintulu	x	x	/	x	/	/	/	/	/
3. Unit Pentadbiran Jabatan Ketua Menteri	x	x	x	x	TB	TB	TB	/	x
4. Mahkamah Bumiputera Sarawak	x	x	x	x	/	/	x	TB	TB
5. Rumah Sarawak Kuala Lumpur	x	x	x	x	/	/	/	x	x
6. Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	x	x	x	x	/	/	x	x	x
7. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	x	x	x	x	/	/	x	/	/
8. Pejabat Residen Sibu	x	x	x	x	/	/	x	x	x
9. Pejabat Daerah Sibu	x	x	x	x	/	/	/	x	x
10. Pusat Penyelidikan Kayu -Kayan Dan Latihan Teknik	x	x	x	x	/	x	x	x	x

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
c. Aset mempunyai tanda pengenalan “Hak Milik Kerajaan”
d. Verifikasi stok dijalankan
e. Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis
f. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
g. Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
h. Aset usang diambil tindakan pelupusan
i. Pelupusan aset disegerakan

Pada pandangan Audit, pengurusan aset boleh dimantapkan apabila borang baru daftar aset dan inventori digunakan sepenuhnya. Pihak pengurusan perlu mengemaskinikan maklumat aset dan menjalankan pemeriksaan sekurang-kurangnya 2 tahun sekali. Selain itu, Jawatankuasa Pelupusan hendaklah ditubuhkan dengan segera.

15. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan yang diaudit perlu dipertingkatkan lagi khususnya aspek kawalan pengurusan, kawalan perbelanjaan serta pengurusan aset. Kelemahan yang ketara adalah berkaitan penyediaan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan Senarai Tugas serta penyelenggaraan aset dan inventori. Pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan tersebut boleh diperbaiki lagi jika tindakan sewajarnya diambil untuk memastikan prosedur kewangan dipatuhi sepenuhnya. Sehubungan itu, pihak pengurusan perlu membuat semakan dan penyeliaan dari semasa ke semasa bagi menentukan peraturan kewangan dipatuhi dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, latihan yang berterusan perlu diberi kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

16. PROGRAM PEMERIKSAAN AUDIT KHAS (*AUDIT PRESENCE*)

Pada setiap tahun, Jabatan tertentu telah dipilih secara giliran (*cyclical basis)* kecuali Perbendaharaan Negeri yang dibuat setiap tahun bagi tujuan pengauditan pengurusan kewangan. Hasil pengauditan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Bagaimanapun, pemilihan secara giliran ini ditumpukan kepada Jabatan/Agensi bersaiz besar menyebabkan ada sesetengah Jabatan/Agensi terutamanya pejabat cawangan di peringkat Bahagian atau Daerah tidak dapat dilawati atau lewat dilawati. Kesannya kehadiran Jabatan Audit Negara tidak dirasai oleh pejabat cawangan dan peranan Audit menjadi kurang berkesan. Oleh itu, mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah membuat keputusan untuk menjalankan Pemeriksaan Audit Khas terhadap Jabatan/Agensi yang tidak terlibat dengan pengauditan pengurusan kewangan. Pemeriksaan Audit Khas diharap dapat membantu Jabatan/Pejabat mengatasi dan memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti kewangan di Jabatan/Pejabat masing-masing.

16.1 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif Pemeriksaan Audit Khas adalah untuk memantau dan menasihati Auditi mengenai pengurusan kewangannya supaya wujud kesedaran terhadap pentingnya mengurus kewangan dan harta benda dengan cermat dan berhemat. Selain itu, ia dapat mencegah daripada berlakunya amalan pengurusan kewangan yang lemah dan tidak mematuhi peraturan.

16.2 PELAKSANAAN DAN PENDEKATAN AUDIT

Pada tahun 2003, sejumlah 79 pejabat terdiri daripada Suruhanjaya, Kementerian dan Jabatan termasuk pejabat di bawah tanggungjawabnya telah dipilih untuk Pemeriksaan Audit Khas. Pemilihan Jabatan/Pejabat ini adalah berdasarkan keutamaannya kerana belum pernah dilawati terutama yang

terletak di Daerah, sudah lama tidak dilawati (melebihi 3 tahun) dan aktiviti utamanya ialah mengutip hasil. Pengauditan dijalankan dengan memeriksa rekod tahun 2003 bagi beberapa komponen pengurusan kewangan secara terpilih iaitu sama ada kawalan pengurusan, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan atau kawalan aset dengan memberi tumpuan kepada urus niaga teras Jabatan/Agensi.

16.3 PENEMUAN AUDIT

Hasil pemeriksaan audit khas terhadap kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan dan aset di 79 pejabat yang dilawati mendapati tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan secara amnya adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bil. Pejabat Dilawati	Kawalan Pengurusan		Kawalan Hasil		Kawalan Perbelanjaan		Pengurusan Aset	
			M	TM	M	TM	M	TM	M	TM
1.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	1	0	1	0	1	1	0	1	0
2.	Kem.Pembangunan Perindustrian	1	0	1	0	1	0	1	0	1
3.	Kem. Pembangunan Luar Bandar Dan Kemajuan Tanah	1	0	1	0	1	0	1	0	1
4.	Kem. Pertanian Dan Industri Makanan	1	TDP	TDP	TB	TB	1	0	TDP	TDP
5.	Kem. Perumahan	1	0	1	0	1	1	0	0	1
6.	Kem. Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	1	0	1	TB	TB	1	0	0	1
7.	Kem. Perancangan Dan Pengurusan Sumber	1	1	0	TB	TB	1	0	0	1
8.	Jab. Undang-undang	1	TB	TB	TB	TB	1	0	TDP	TDP
9.	Jab. Pengairan Dan Saliran	1	0	1	TB	TB	TDP	TDP	0	1
10.	Pejabat Residen	1	TDP	TDP	TB	TB	0	1	TDP	TDP
11.	Jabatan Tanah Dan Survei	2	TDP	TDP	2	0	2	0	2	0
12	Jabatan Kerja Raya	6	0	3	1	1	3	3	3	1
13.	Jabatan Perhutanan	6	0	6	2	0	4	1	2	4
14.	Jab. Kebajikan Masyarakat	6	0	4	1	1	4	1	2	4
15.	Dewan Suarah	6	0	4	1	5	2	2	0	4
16.	Jabatan Agama Islam/Mahkamah Syariah	7	TDP	TDP	7	0	5	0	5	0
17.	Jabatan Pertanian	14	0	6	5	4	8	0	8	3
18.	Pejabat Daerah/Kecil	22	1	10	9	10	12	7	8	10
JUMLAH		**79**	**2**	**39**	**28**	**25**	**46**	**17**	**31**	**32**

Nota:
M = Memuaskan, TM = Tidak Memuaskan, TB = Tidak Berkenaan (tiada urus niaga berkaitan),
TDP= Tidak Diperiksa

16.4 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Pada keseluruhannya, hasil analisis Audit terhadap pematuhan peraturan pengurusan dan kewangan di 79 pejabat adalah seperti berikut:

16.4.1 Kawalan Pengurusan

Kawalan pengurusan di 39 daripada 41 pejabat yang diperiksa tidak memuaskan. Sembilan daripadanya iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, Kementerian Pembangunan Perindustrian, empat pejabat di Jabatan Pertanian dan 3 Pejabat Daerah tidak mematuhi sepenuhnya kawalan pengurusan yang menghendaki Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja disediakan dengan lengkap dan kemas kini serta Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun ditubuhkan dan bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali. Bagaimanapun, kebanyakan Jabatan/Agensi ada menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan seperti diarahkan oleh Kerajaan Negeri. Kedudukan keseluruhan berhubung pematuhan terhadap kawalan pengurusan adalah seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Kelemahan Pematuhan Peraturan Berkaitan Kawalan Pengurusan

Peraturan Kewangan	Bil. Pejabat Diperiksa	Bil. Pejabat Yang Tidak Mematuhi Peraturan
a. Manual Prosedur Kerja disediakan	41	25
b. Manual Prosedur Kerja lengkap dan kemas kini	39	27
c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota	41	36
d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini	34	31
e. J/K Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JKPA) ditubuhkan	14	13
f. JKPA bermesyuarat setiap bulan atau 2 bulan sekali	14	13

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

16.4.2 Kawalan Hasil

Pematuhan terhadap peraturan kutipan hasil di beberapa pejabat adalah kurang memuaskan iaitu melibatkan 47 pejabat daripada 53 pejabat yang diperiksa. Peraturan kewangan yang tidak dipatuhi antara lain ialah seperti resit tidak ditulis dan ditandatangani oleh 2 pegawai yang berasingan, Buku Tunai tidak disemak dengan resit pada tiap-tiap hari, wang kutipan tidak dibankkan segera dan penyata penyesuaian

hasil tidak disediakan. Adalah didapati pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga tidak dilaksanakan oleh pegawai bertanggungjawab di 47 pejabat. Selain itu, peraturan kewangan yang menghendaki resit kutipan hasil ditulis dan ditandatangani oleh 2 pegawai berasingan tidak dipatuhi oleh 31 daripada 44 pejabat yang dilawati. Begitu juga semakan harian antara Buku Tunai dengan resit tidak dibuat oleh 31 daripada 49 pejabat. Kedudukan mengenai pematuhan terhadap peraturan berkaitan dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Pematuhan Peraturan Kewangan Berkaitan Kawalan Hasil

Peraturan Kewangan	Bil. Pejabat Diperiksa	Bil. Pejabat Yang Tidak Mematuhi Peraturan
a. Resit ditulis dan ditanda tangani oleh 2 pegawai berasingan	44	31
b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit	49	31
c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang	49	20
d. Notis meminta resit dipamer untuk pengetahuan awam	46	17
e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera	44	6
f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga	53	47
g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini	49	17
h. Kebenaran khusus mengurus sendiri pungutan hasil	29	22

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

16.4.3 Kawalan Perbelanjaan

Peraturan kewangan berkaitan perbelanjaan yang tidak dipatuhi antaranya seperti transaksi di Buku Vot tidak ditandatangani oleh 2 pegawai bertanggungjawab, Buku Vot tidak disemak oleh Pegawai Penyelia dan Daftar Bil tidak diselenggara dan diperiksa oleh pegawai kanan. Sejumlah 33 daripada 59 pejabat yang diperiksa tidak menyelenggara Daftar Bil dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, Daftar Bil tidak diperiksa oleh pegawai kanan yang diberi tanggungjawab di 35 daripada 53 pejabat yang diperiksa. Kedudukan mengenai pematuhan terhadap peraturan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Pematuhan Peraturan Kewangan Berkaitan Kawalan Perbelanjaan

Peraturan Kewangan	Bil. Pejabat Diperiksa	Bil. Pejabat Yang Tidak Mematuhi Peraturan
a. 2 orang tandatangan transaksi di Buku Vot	63	17
b. Buku Vot disemak oleh Pegawai Penyelia	62	9
c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disedia dengan lengkap	50	12
d. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap	48	8
e. Ada surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Kerajaan	51	17
f. Daftar Bil diselenggara dengan lengkap dan kemas kini	59	33
g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan	53	35

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

16.4.4 Pengurusan Aset

Peraturan pengurusan aset yang tidak dipatuhi antaranya seperti Daftar Harta Modal Dan Inventori tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini, pemeriksaan fizikal dan verifikasi stok tidak dijalankan serta tindakan pelupusan tidak dibuat dengan segera. Verifikasi stok oleh pegawai yang bertanggungjawab tidak dibuat pada setiap tahun oleh 32 daripada 41 pejabat. Selain itu, sebanyak 48 daripada 63 pejabat tidak membuat pemeriksaan fizikal terhadap aset dan inventori masing-masing. Manakala tanda “Hak Milik Kerajaan” terhadap aset tidak dilaksanakan di 38 daripada 63 pejabat yang dilawati. Kedudukan mengenai pematuhan terhadap peraturan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Pematuhan Terhadap Pengurusan Aset

Peraturan Kewangan	Bil. Pejabat Diperiksa	Bil. Pejabat Yang Tidak Mematuhi Peraturan
a. Daftar Harta Modal Dan Inventori diselenggara dengan lengkap	63	31
b. Pemeriksaan fizikal ke atas aset dan inventori dijalankan	63	48
c. .Aset mempunyai tanda pengenalan “Hak Milik Kerajaan”	63	38
d. Verifikasi stok dijalankan	41	32
e. Pelantikan Pegawai pengangkutan dibuat secara bertulis	10	0
f. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan	40	2
g. Buku Log kenderaan diselenggara lengkap dan kemas kini	40	6
h. Aset usang diambil tindakan pelupusan	31	0
i. Pelupusan aset disegerakan	25	1

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Pemeriksaan Audit serta temu bual dengan pegawai di pejabat yang dilawati mendapati antara sebab peraturan pengurusan kewangan ini tidak dipatuhi kerana pegawai kurang memahami peraturan kewangan, kurang penyeliaan oleh pegawai atasan, kerja kewangan dilakukan oleh kakitangan teknikal, kekurangan pegawai dan pegawai tidak pernah mengikuti kursus atau latihan berkaitan kewangan.

16.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan di pejabat yang dilawati masih perlu dipertingkatkan. Kelemahan yang diperhatikan ialah Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak ditubuhkan, Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini, pemeriksaan mengejut tidak dibuat dan kebenaran khusus tidak diberi kepada seorang pegawai yang perlu melaksanakan sendiri semua aktiviti pungutan hasil. Selain itu, Daftar Bil tidak disediakan dan diperiksa manakala pemeriksaan fizikal terhadap aset serta verifikasi stok tidak dijalankan. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal atau Ketua Pejabat adalah disyorkan:

i) membuat penyeliaan terhadap kakitangannya pada setiap masa;

ii) menentukan prosedur kewangan dipatuhi dan rekod kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini;

iii) menjalankan pemeriksaan terhadap aset pada setiap masa atau mengikut tempoh yang ditetapkan; dan

iv) menghadiri dan memberi latihan yang berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan.

17. PROGRAM ANAK ANGKAT

Pelaksanaan Program Anak Angkat adalah merupakan satu pendekatan baru yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan awam kepada Jabatan/Agensi yang mempunyai masalah dalam pengurusan kewangan dengan memberi bimbingan dan nasihat secara lebih sistematik. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2003 dengan membuat penilaian secara menyeluruh terhadap pengurusan kewangan dari aspek kawalan pengurusan organisasi, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan pengurusan aset di Jabatan/Agensi yang menyertai program ini. Di samping itu taklimat, latihan dan lawatan susulan serta perbincangan dengan Ketua Jabatan dan pegawai terlibat juga dijalankan dari semasa ke semasa.

17.1 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif Program Anak Angkat adalah untuk membantu Jabatan/Agensi Kerajaan dalam meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan masing-masing terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan.

17.2 PELAKSANAAN DAN PENDEKATAN AUDIT

Pendekatan yang diambil oleh Jabatan Audit Negara bagi melaksanakan program ini adalah seperti berikut:

17.2.1 Pemilihan Jabatan/Agensi

Pemilihan Jabatan/Agensi untuk dijadikan “anak angkat” adalah dibuat berasaskan penilaian secara menyeluruh terhadap pengurusan kewangan yang meliputi kawalan pengurusan, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan pengurusan aset. Sehubungan itu, pemerhatian Audit tahun sebelumnya telah dijadikan rujukan dan asas penilaian. Pada tahun 2003, sebanyak 8

Jabatan/Agensi yang didapati perlu meningkatkan pengurusan kewangan mereka telah dipilih untuk menyertai Program Anak Angkat. Jabatan/Agensi tersebut ialah Jabatan Muzium Sarawak, Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Sarikei, Pejabat Residen Sri Aman, Lembaga Sungai-sungai Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Majlis Daerah Samarahan dan Majlis Daerah Marudi.

17.2.2 Tatacara Dan Proses Pelaksanaan

Satu taklimat Program Anak Angkat telah diadakan oleh Jabatan Audit Negara kepada semua 8 Jabatan/Agensi berkenaan pada pertengahan bulan Mei 2003. Tujuan taklimat adalah untuk memberi gambaran secara menyeluruh tentang konsep Program Anak Angkat, peranan serta tanggungjawab pegawai Audit dan Ketua Jabatan terlibat bagi memastikan program ini berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya. Selain itu, perbincangan juga diadakan bagi menentukan aspek yang perlu diberi bimbingan oleh Jabatan Audit Negara.

Sepanjang tahun 2003, seramai 68 kakitangan Jabatan/Agensi telah diberi bimbingan dan latihan amali. Sebanyak 15 perjumpaan telah diadakan dengan pihak pengurusan Jabatan/Agensi tersebut dan sebanyak 31 lawatan Audit telah dilakukan untuk memastikan perkara yang diberi bimbingan dan tunjuk ajar ada dipraktikkan serta meninjau kemajuan yang dicapai. Jenis latihan dan bilangan kakitangan yang diberi latihan adalah seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Jenis Latihan Dan Bilangan Kakitangan Yang Diberi Latihan

Bil.	Jenis Latihan	Bilangan Kakitangan
1	Penyediaan Fail Meja Dan Senarai Tugas	27
2	Penyediaan Buku Tunai	12
3	Penyediaan Daftar Pemeriksaan Mengejut	4
4	Merekod Borang Hasil Ke Dalam Daftar Borang Hasil	6
5	Tatacara Penyelenggaraan Buku Vot	14
6	Penyediaan Daftar Bil	12
7	Penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Dan Perbelanjaan Bulanan	10
8	Penyediaan Daftar Kontrak Dan Daftar Mel	4
9	Penyelenggaraan Daftar Deposit	2
10	Penyediaan Daftar Aset, Inventori Dan Bekalan Pejabat	14
11	Tatacara Pemeriksaan Aset Dan Inventori	8
12	Penyediaan Rekod Perjalanan Bulanan Kenderaan	16

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

17.3 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI DAN TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN/AGENSI

Kelemahan dalam pengurusan kewangan di 8 Jabatan/Agensi berkenaan serta tindakan pembetulan yang diambil sepanjang tempoh Program Anak Angkat dijalankan adalah seperti berikut:

17.3.1 Kawalan Pengurusan

Sebanyak 6 Jabatan/Agensi iaitu Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Sarikei, Pejabat Residen Sri Aman, Lembaga Sungai-sungai Sarawak, Majlis Daerah Samarahan dan Majlis Daerah Marudi sama ada tidak menyediakan langsung atau tidak menyediakan dengan lengkap Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Senarai Tugas dan belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Bagaimanapun selepas mendapat bimbingan Audit, pada penghujung tahun 2003, adalah didapati kesemua Jabatan/Agensi tersebut kecuali Majlis Daerah Samarahan dan Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan

telah menyediakan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Senarai Tugas dan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

17.3.2 Kawalan Hasil

Secara keseluruhannya, Jabatan/Agensi telah memberi perhatian terhadap kawalan hasil kecuali Jabatan Muzium Sarawak dan Pustaka Negeri Sarawak. Lawatan susulan Audit mendapati Jabatan Muzium Sarawak telah mengambil tindakan dengan melantik Pegawai Penyelia untuk memeriksa dan menyemak Buku Tunai, menyedia Penyata Hasil Bulanan dengan betul dan kemas kini serta mengemukakan Penyata berkenaan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala Pustaka Negeri Sarawak telah mengambil tindakan mempamerkan notis mengenai keperluan meminta resit di semua kaunter pembayarannya.

17.3.3 Kawalan Perbelanjaan

Analisis Audit mendapati kesemua Jabatan/Agensi kecuali Lembaga Sungai-sungai Sarawak tidak memberi perhatian terhadap kawalan perbelanjaan seperti penyelenggaraan Buku Vot, penyediaan Pesanan Kerajaan, penyelenggaraan Daftar Bil dan penyediaan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Bulanan. Hasil daripada bimbingan Audit, kesemua Jabatan/Agensi berkenaan telah mengambil tindakan menyedia/menyelenggara dan mengemas kini rekod berkenaan.

17.3.4 Pengurusan Akaun Amanah/Deposit

Lima daripada 8 Jabatan/Agensi tidak menyelenggara rekod Akaun Amanah/Deposit dengan kemas kini. Majlis Daerah Samarahan dan Majlis Daerah Marudi tidak mewartakan deposit yang melebihi 12 bulan yang tidak dituntut oleh pendeposit. Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Sarikei tidak menyelenggara Daftar Pinjaman untuk merekod pinjaman kepada kakitangannya manakala Pustaka Negeri Sarawak tidak mewujudkan Akaun Pendahuluan Diri dalam Lejar Am sebaliknya

semua pendahuluan diri dicaj terus kepada akaun bagi aktiviti berkenaan. Lembaga Sungai-sungai pula tidak menyelenggara rekod subsidiari untuk deposit tender dan cek batal. Lawatan susulan Audit pada penghujung tahun 2003 mendapati 2 Majlis Daerah tersebut sedang dalam proses mengenal pasti pendeposit dan Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Sarikei telah menyelenggara Daftar Pinjaman. Pustaka Negeri Sarawak juga telah mewujudkan Akaun Pendahuluan Diri dalam Lejar Am serta menyelenggarakan Daftar Pendahuluan Diri. Begitu juga Lembaga Sungai-sungai telah menyelenggara rekod subsidiari untuk deposit tender dan cek batal.

17.3.5 Pengurusan Aset

Enam daripada 8 Jabatan/Agensi terlibat tidak menyelenggara Daftar Harta Modal Dan Inventori dengan lengkap dan kemas kini kecuali Lembaga Sungai-sungai dan Majlis Daerah Marudi. Jabatan/Agensi berkenaan masih mengguna daftar lama iaitu Daftar Inventori Induk bagi merekod aset Kerajaan. Adalah didapati juga Jabatan/Agensi tidak menanda “Hak Milik Kerajaan” dan tidak menjalankan pemeriksaan terhadap aset. Selain itu, empat Jabatan/Agensi iaitu Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Sarikei, Pejabat Residen Sri Aman dan Pustaka Negeri Sarawak tidak menyelenggara Buku Log bagi kenderaan Pejabat dengan sempurna dan kemas kini.

Hasil daripada bimbingan yang diberikan, Jabatan/Agensi berkenaan telah mula memindahkan maklumat rekod aset dari daftar lama ke dalam daftar baru kecuali Majlis Daerah Samarahan yang belum mengemas kini Daftar Inventori Induk dan Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan yang masih menunggu keputusan lanjut daripada Ibu Pejabatnya. Selain itu, Jabatan/Agensi juga dalam proses menanda “Hak Milik Kerajaan” dan menjalankan pemeriksaan terhadap

aset selaras dengan kehendak Pekeliling berkaitan. Lawatan susulan Audit juga mendapati Buku Log telah diselenggara dengan kemas kini oleh Jabatan/Agensi berkenaan.

17.4 PENCAPAIAN

Adalah didapati kesemua Jabatan/Agensi terlibat telah memberi kerjasama yang menggalakkan di mana setiap syor dan nasihat Jabatan Audit Negara telah diambil tindakan segera bagi memperkemaskan pengurusan kewangan mereka. Program Anak Angkat ini telah berjaya meningkatkan kefahaman di pihak pengurusan dan pegawai/kakitangan terlibat mengenai peranan dan tanggungjawab mereka.

Enam daripada 8 Jabatan/Agensi yang dijadikan “anak angkat” telah berjaya memperbaiki pengurusan kewangannya dan menyelenggara rekod perakaunan dengan teratur dan kemas kini dalam tempoh 1 tahun dari tarikh program ini bermula. Jabatan/Agensi tersebut ialah Jabatan Muzium Sarawak, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Sarikei, Pejabat Residen Sri Aman, Lembaga Sungai-sungai Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak dan Majlis Daerah Marudi. Pihak Audit akan terus memberi perhatian dan bimbingan kepada Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan dan Majlis Daerah Samarahan dalam perkara seperti penyediaan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Senarai Tugas dan pengurusan aset.

17.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, melalui bimbingan dan khidmat nasihat, Program Anak Angkat ini telah berjaya membantu Jabatan/Agensi terlibat memperkemas dan meningkatkan pengurusan kewangan. Oleh itu, Ketua Jabatan perlu terus melibatkan diri secara langsung terhadap pengurusan kewangan Jabatan dan membuat pemantauan secara berterusan terhadap tugas pegawai bawahannya.

BAHAGIAN III
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN KAJIAN KHAS

18. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6 Akta Audit 1957 mengaudit program atau aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak Akta tersebut, sebanyak 6 program/aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri telah dipilih untuk diaudit sepanjang tahun 2003. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian, Jabatan serta Agensi yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya diselesaikan. Perkara penting hasil daripada kajian tersebut dilaporkan di **Bahagian** ini.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOSIAL DAN URBANISASI

PENGURUSAN KOMPLEKS DAN KEMUDAHAN SUKAN

19. LATAR BELAKANG

Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi (Kementerian) bertanggungjawab dalam hal yang berkaitan dengan sukan, belia, kebudayaan, kebajikan masyarakat, hal ehwal wanita, muzium dan urbanisasi. Peranan utama Kementerian antara lain adalah untuk menggubal dasar yang menjurus kepada pembangunan masyarakat yang mengamal gaya hidup sihat dan aktif. Untuk tujuan ini, Kementerian menyediakan kemudahan sukan, mempromosi pembangunan sukan

dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam kegiatan sukan termasuk rekreasi melalui sukan tradisional dan sukan massa (senamrobik, program kecergasan komuniti dan program sukan rakyat).

Kementerian juga berperanan mencungkil dan mengasah bakat mereka yang berpotensi dalam bidang sukan bagi melahirkan pemimpin di peringkat pengurusan, penganjuran kejohanan, kejurulatihan serta mengeratkan silaturahim di kalangan rakyat. Sehingga tahun 2003, sebanyak 84 buah kompleks dan kemudahan sukan serta rekreasi telah dibina di 11 Bahagian di seluruh Negeri Sarawak. Pada tahun 2003, Kementerian juga telah membelanjakan sejumlah RM38.36 juta di bawah RMK8 untuk membina kompleks sukan dan rekreasi ini.

20. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian Audit adalah untuk menentukan sama ada pembangunan, pengurusan dan penyenggaraan kompleks dan kemudahan sukan di Negeri Sarawak telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan teratur serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

21. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian Audit meliputi transaksi kewangan dan aktiviti Kementerian dalam membangun, mengurus dan menyenggara kompleks dan kemudahan sukan dari tahun 2001 sehingga 2003 termasuk kompleks sukan yang dibina semasa RMK5 dan RMK6. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi di Kuching, cawangannya di Sibu, Kapit, Kota Samarahan dan Miri. Selain itu, pengauditan juga dijalankan di Pejabat Perbadanan Stadium Negeri Sarawak, Majlis Sukan Negeri dan Dewan Suarah. Pasukan Audit juga meninjau beberapa kompleks dan kemudahan sukan di setiap Bahagian yang dilawati. Pemeriksaan dibuat terhadap fail, rekod kewangan, Buku Vot, laporan dan dokumen

lain yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dijalankan bagi mendapat keterangan dan maklumat yang lebih jelas.

22. PENEMUAN AUDIT

22.1 PERANCANGAN

Kementerian telah merancang pembangunan kemudahan sukan secara bersistem, sederhana, mengikut keutamaan dan keperluan semasa di samping memastikan semua kompleks sukan disenggara dengan teratur dan dalam keadaan baik sepanjang masa. Selain itu, penggunaannya ditentukan supaya berada pada tahap maksima. Semakan Audit terhadap perancangan Kementerian berkaitan perkara tersebut adalah seperti berikut:

22.1.1 Perancangan Di Bawah RMK7 Dan RMK8

Di bawah RMK7, Kementerian merancang untuk membina 24 kompleks dan kemudahan sukan di seluruh Negeri Sarawak dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM309.18 juta. Antara kompleks dan kemudahan sukan tersebut ialah stadium terbuka, stadium tertutup, kolam renang, pusat tenis dan mini stadium. Kerajaan terus prihatin dan komited dalam pembangunan sukan dan di bawah RMK8, Kementerian telah merancang untuk membina 38 kompleks dan kemudahan sukan yang terdiri daripada 13 projek sambungan RMK7 dan 25 projek RMK8 dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM160.55 juta. Sebanyak 32 daripada 38 kompleks dan kemudahan sukan adalah dirancang untuk dibina bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM65.56 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Rancangan Pembinaan Kompleks Dan Kemudahan Sukan
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003

Tahun	Jenis Kompleks Dan Kemudahan Sukan Mengikut Kategori	Tempat	Bil. Projek	Anggaran Kos (RM Juta)
2001	**Kategori A**			
	- Kompleks Sukan	Miri	1	2.20
	- Kolam Renang	Sibu	1	1.00
	Kategori C			
	- Kompleks Sukan	Samarahan	1	6.50
	Mini Kompleks			
	- Kompleks Sukan	Lawas, Lubok Antu, Daro, Kanowit,Tatau, Asajaya	6	17.25
2002	**Kategori A**			
	- Kompleks Sukan Bersepadu	Sibu	1	1.50
	- Gelanggang Bola Keranjang	Sibu	1	0.50
	- Padang Hoki	Sibu	1	1.20
	- Naik Taraf Trek Larian	Miri	1	2.79
	- Pembinaan Tempat Duduk Stadium Terbuka	Miri	1	4.50
	Kategori B			
	- Kompleks Sukan	Sri Aman	1	4.00
	- Kolam Renang	Sri Aman	1	3.10
	- Kompleks Sukan	Sarikei	1	1.50
	Kategori C			
	- Stadium Terbuka	Kapit	1	3.00
	Mini Kompleks			
	- Kompleks Sukan	Marudi, Bintangor, Bakun, Matu, Saratok, Simunjan, Song	7	6.40
	- Naik Taraf Trek Larian	Betong	1	2.12
	- Pembinaan Tempat Duduk Stadium Terbuka	Betong	1	3.20
	- Stadium Terbuka	Mukah, Tebedu	2	3.70
2003	**Mini Kompleks**			
	- Kompleks Sukan	Selangau, Kota Padawan	2	0.60
	- Dewan Sukan	Betong	1	0.50
Jumlah			**32**	**65.56**

Sumber : Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi
Nota: Kategori A - Anggaran Kos Maksimum RM24 juta
Kategori B - Anggaran Kos Maksimum RM19 juta
Kategori C - Anggaran Kos Maksimum RM18 juta

Mengikut perancangan Kementerian, pembangunan kompleks atau kemudahan sukan tersebut sama ada di peringkat Bahagian atau Daerah akan mengambil kira aspek reka bentuk yang berkonsepkan pelbagai guna (*functional sport facilities),* yang bersesuaian dengan

keadaan cuaca, praktikal dan murah serta mudah disenggarakan. Selain itu, pemilihan tempat pembinaan projek akan berdasarkan kepada kepadatan penduduk dan sosioekonomi sesuatu kawasan. Matlamat projek adalah untuk menyemarakkan semangat perpaduan dan menggalakkan aktiviti sosial di kalangan masyarakat tempatan.

Pada pandangan Audit, Kementerian telah merancang pembangunan kompleks sukan di peringkat Bahagian dan Daerah dengan menyeluruh.

22.1.2 Struktur Pengurusan Kompleks Sukan

Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Kementerian adalah bertanggungjawab untuk merancang dan melaksana projek kemudahan sukan dan rekreasi serta mengurus dan menyenggarakan kompleks sukan. Sebanyak 4 jawatan yang terdiri daripada 2 jawatan kumpulan pengurusan dan profesional dan 2 jawatan kumpulan sokongan diwujudkan di Bahagian ini.

Bagi memastikan kompleks dan kemudahan sukan berada dalam keadaan baik sepanjang masa, Kementerian juga akan memberi tanggungjawab kepada Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi di peringkat Bahagian, Perbadanan Stadium Negeri Sarawak, Majlis Sukan Negeri, Dewan Suarah dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyenggara kompleks dan kemudahan sukan seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Agensi Pengurusan Kompleks Sukan

Bil.	Agensi	Komponen
1.	Pejabat Kementerian Di Peringkat Bahagian	• Stadium Terbuka Samarahan, Sri Aman, Sarikei, Sibu, Kapit, Bintulu, Limbang • Stadium Tertutup Kapit, Bintulu, Limbang, Miri • Mini Stadium Terbuka Asajaya, Sarikei, Sibu, Tatau • Padang Sukan Sibu, Belaga • Kolam Renang Samarahan, Kapit • Pusat Tenis Miri, Sarikei
2.	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak	• Stadium Terbuka - Stadium Sarawak dan Stadium Negeri, Kuching • Stadium Perpaduan, Kuching • Stadium Hoki, Kuching • Gelanggang Boling Padang • Padang Sukan, Kuching (bersebelahan Stadium Sarawak)
3.	Dewan Suarah	• Stadium Tertutup dan Terbuka Dalat • Stadium Terbuka Miri • Mini Stadium Terbuka Bau dan Balingian • Mini Stadium Tertutup Bau, Mukah • Padang Sukan Sri Aman, Mukah • Kolam Renang Sri Aman, Miri, Limbang, Sarikei • Kampung Sukan Miri • Gelanggang Tenis Dalat
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	• Mini Stadium Terbuka Lundu, Serian, Betong, Meradong, Song, Daro, Kanowit • Mini Stadium Tertutup Lundu, Lubok Antu, Lawas

Sumber : Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengkaji semula fungsi dan perjawatan di Bahagian Perancangan Dan Pembangunan dengan bertambahnya jumlah kompleks sukan di Sarawak.

22.1.3 Garis Panduan Pembinaan Dan Penyenggaraan Kompleks Sukan

Kementerian telah mengguna pakai *Standards And Costs Guidelines For Sports Complexes* bagi menetapkan jenis dan saiz kompleks sukan yang patut dibina di peringkat Bahagian atau Daerah. Mengikut standard dan panduan tersebut, Kerajaan Negeri menetapkan supaya semua Bahagian hendaklah mempunyai kompleks sukan, manakala peringkat Daerah hendaklah mempunyai mini kompleks sukan. Mengikut standard dan panduan tersebut juga, anggaran kos

maksimum yang ditetapkan bagi pembinaan kompleks sukan Bahagian di bawah kategori A ialah RM24 juta di Sibu dan Miri dan kategori B ialah RM19 juta iaitu di Bintulu, Sri Aman dan Sarikei. Manakala kategori C ialah RM18 juta iaitu di Kapit, Limbang dan Kota Samarahan. Anggaran kos maksimum di peringkat Daerah pula ialah RM3.50 juta.

Bagaimanapun, adalah didapati Kementerian belum menyediakan garis panduan penyenggaraan kompleks dan kemudahan sukan untuk semua Agensi yang mengurus kompleks sukan yang antaranya akan menetapkan jadual dan skop penyenggaraan kompleks sukan. Temu bual dengan pegawai di beberapa Agensi berkenaan mendapati penyenggaraan kompleks dan kemudahan sukan terletak kepada budi bicara mereka.

Pihak Audit berpendapat Kementerian perlu menyediakan garis panduan penyenggaraan kompleks dan kemudahan sukan untuk diguna pakai oleh semua Agensi yang terlibat.

22.1.4 Kaedah Penyenggaraan Kompleks Sukan

Jenis penyenggaraan yang diperlukan bagi kompleks sukan adalah seperti penyenggaraan landskap, penyenggaraan padang bola sepak (*cutting, weeding, hollow tining, levelling, rolling, watering, sanding, fertilizing)*, penyenggaraan peralatan elektrik/elektronik, pembersihan dalaman dan luaran bangunan, penyenggaraan kolam renang, pembersihan balapan, penyenggaraan asrama dan lain-lain pembaikan kecil.

Perkhidmatan penyenggaraan ini akan dikontrakkan dan pemilihan kontraktor akan diurus oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Tender Kementerian. Bagaimanapun, ada beberapa kerja penyenggaraan

akan dilakukan sendiri oleh pekerja kompleks sukan iaitu seperti pembersihan dalaman dan luaran bangunan kompleks sukan.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan kaedah penyenggaraan kompleks sukan yang akan dijalankan oleh Agensi berkenaan adalah seragam dan jelas.

22.1.5 Keperluan Kewangan

Kementerian menganggarkan sejumlah RM65.56 juta adalah diperlukan untuk membina 32 kompleks dan kemudahan sukan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Keperluan ini adalah sebahagian daripada anggaran keseluruhan projek pembinaan kompleks dan kemudahan sukan di bawah RMK8 yang berjumlah RM160.55 juta. Manakala peruntukan yang diperlukan untuk penyenggaraan kompleks sukan bagi tempoh yang sama adalah berjumlah RM59.90 juta. Keperluan kewangan ini telah dimasukkan dalam bajet Kementerian yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam.

Pada pandangan Audit, proses penyediaan anggaran perbelanjaan adalah teratur.

22.1.6 Keperluan Tenaga Kerja

Keperluan tenaga kerja perlu dirancang dari semasa ke semasa dan ditentukan sama ada mencukupi untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang akan dijalankan. Kementerian dan Agensi yang terlibat perlu menentukan tenaga kerja yang diperlukan bagi mengurus dan menyenggara semua kompleks sukan yang akan beroperasi selepas siap dibina. Pihak Audit mendapati keperluan tenaga kerja bagi mengurus dan menyenggara kompleks sukan tidak dirancang lebih awal sebelum kompleks sukan berkenaan siap dibina. Ini boleh

menyebabkan Agensi yang terlibat menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja untuk melaksanakan tambahan beban kerja. Selain itu, ketiadaan tenaga mahir di Agensi berkenaan juga akan menyebabkan kerja penyenggaraan menjadi kurang sempurna atau tidak memuaskan.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu merancang dengan teliti keperluan tenaga kerja bagi setiap projek kompleks sukan yang akan dibina.

22.1.7 Penggunaan Kompleks Sukan

Kompleks sukan akan digunakan untuk pelbagai kegiatan sukan dan sosial seperti pertandingan/latihan bola sepak, olahraga, raptai, pertunjukan, pameran, ekspo, sukaneka dan aktiviti kebudayaan. Oleh itu, Kementerian telah menetapkan prosedur yang perlu diikuti bagi penggunaan kompleks sukan serta kadar bayarannya.

i) Prosedur Penggunaan Kompleks Sukan

Prosedur penggunaan kompleks sukan menggariskan cara memohon, syarat kelulusan dan penggunaannya. Bagi penggunaan stadium, permohonan dibuat secara bertulis untuk penganjuran acara besar atau melalui telefon untuk acara biasa. Setelah permohonan diluluskan, pemohon dikehendaki mengisi Borang Permohonan dan borang tersebut yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada Kerani Tempahan sebelum tarikh penggunaan berserta dengan wang bayaran.

ii) Kadar Bayaran

Bayaran akan dikenakan bagi penggunaan padang bola sepak, gelanggang badminton, kolam renang dan gelanggang tenis. Adalah didapati kadar bayaran yang ditetapkan pada tahun 1983

belum pernah dikaji semula kecuali kompleks sukan di bawah kawalan Perbadanan Stadium Negeri. Semakan Audit mendapati kadar sewa adalah tidak seragam di mana setiap Bahagian mempunyai kadar sewa sendiri. Contoh kadar sewa bagi penggunaan padang bola sepak dan gelanggang badminton seperti di **Jadual 33.**

Jadual 33
Kadar Sewa Penggunaan Kemudahan

Kemudahan	Stadium	Kadar Sewa		
		Sekolah/Institusi Pengajian Tinggi (RM)	Persatuan/Jabatan/ Kelab/Individu (RM)	Syarikat/Firma (RM)
Padang Bola Sepak	Stadium Sarawak, Kuching	150.00 (1 sesi)	150.00 (1 sesi)	150.00 (1 sesi)
	Stadium Negeri Sarawak, Kuching	50.00 (1 sesi/2 jam)	100.00 (1 sesi/2 jam)	100.00 (1 sesi/2 jam)
	Stadium Terbuka, Kota Samarahan	30.00 (satu perlawanan)	30.00 (satu perlawanan)	30.00 (satu perlawanan)
	Stadium Terbuka, Miri	30.00 (sehari)	60.00 (sehari)	120.00 (sehari)
Gelanggang Badminton	Stadium Perpaduan, Kuching	3.00 (sejam)	5.00 (sejam)	10.00 (sejam)
	Stadium Tertutup, Sibu	8.00 (sejam)	8.00 (sejam)	8.00 (sejam)
	Stadium Tertutup, Miri	3.00 (sejam)	5.00 (sejam)	10.00 (sejam)
	Stadium Tertutup, Kapit	4.00 (sejam)	4.00 (sejam)	4.00 (sejam)

Sumber : Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi

Selain daripada kadar sewa, caj perkhidmatan 15% juga akan dikenakan kepada penganjur yang menganjurkan acara besar yang melibatkan penggunaan kompleks sukan pada waktu malam, hari kelepasan am dan cuti umum. Manakala kadar levi 20% daripada hasil jualan tiket akan dikenakan kepada penganjur yang mengenakan bayaran masuk/jualan tiket kepada penonton.

Bayaran sewa penggunaan stadium hendaklah dibayar selewat-lewatnya 7 hari sebelum hari penggunaan atau membayar wang pendahuluan 10% hingga 50% apabila tempahan permohonan diluluskan. Sementara bagi penggunaan kolam renang, kupon bernilai RM1.00 akan diberi kepada pengguna sebagai bayaran masuk.

Pada pendapat Audit, kadar sewa di setiap kompleks sukan hendaklah dikaji semula dan diselaraskan di setiap Bahagian dan Daerah.

22.1.8 Strategi Pemasaran/Promosi

Kementerian telah merancang strategi untuk mempromosikan kemudahan sukan dengan mengedar, mempamer dan mengiklankan aktiviti yang diadakan di kompleks sukan. Pemeriksaan Audit mendapati bagi tujuan tersebut, Kementerian telah menganggarkan sejumlah RM234,000 bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 untuk mencetak risalah, iklan dan kain rentang. Risalah tersebut mengandungi latar belakang kompleks sukan, kemudahan yang disediakan dan kadar bayaran yang dikenakan. Risalah berkenaan akan diserahkan kepada semua Bahagian di seluruh Sarawak dan juga Agensi yang bertanggungjawab mengurus kompleks dan kemudahan sukan.

Pihak Audit berpendapat usaha Kementerian untuk membuat publisiti mengenai kemudahan sukan adalah satu langkah yang baik.

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat Kementerian telah membuat perancangan pembangunan sukan yang baik di mana semua

Bahagian dan Daerah di Negeri Sarawak akan mempunyai kompleks dan kemudahan sukan yang lengkap.

22.2 PELAKSANAAN

Pembinaan kompleks dan kemudahan sukan di seluruh Negeri Sarawak berjalan dengan baik bagi tempoh RMK7 dan RMK8. Semua kemudahan sukan perlu diurus dan disenggara dengan cekap. Semakan Audit terhadap pelaksanaannya mendapati perkara berikut:

22.2.1 Kemudahan Sukan Yang Disediakan Di Bawah RMK7 Dan RMK8

Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Pemantauan Projek Pembangunan (SIMU) Bil. 2 Tahun 2003 mendapati hanya 5 daripada 38 projek yang dirancang berjumlah RM9.88 juta telah siap pembinaannya. Projek tersebut ialah Kompleks Sukan Miri, Kompleks Sukan Lubok Antu, Kompleks Sukan Daro, Pusat Tenis Miri dan Kemudahan *Extreme Game* (sukan lasak) di Kuching. Pembinaan projek agak perlahan kerana Kerajaan Negeri mengambil pendekatan berhati-hati dan berhemat membuat perbelanjaan. Bagaimanapun, pembinaan Pusat Tenis Miri dan Kemudahan *Extreme Game* di Kuching yang menelan belanja sejumlah RM2.40 juta dan RM400,000 setiap satu merupakan projek khas yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang mana pada asalnya tidak termasuk di bawah RMK8. Manakala 28 projek sedang dilaksanakan antaranya Stadium Terbuka Kapit, Stadium Terbuka Tebedu, Kolam Renang Sri Aman, Kompleks Sukan Matu dan Dewan Sukan Betong. Sementara itu, sebanyak 5 projek lagi ditangguhkan atau tidak dilaksanakan semasa RMK8 iaitu Kompleks Sukan Bersepadu Sibu, Kompleks Sukan Sarikei Fasa 2, Padang Hoki Sibu, Pusat Sukan Miri dan Gelanggang Bola Keranjang Sibu.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlulah mengambil tindakan yang lebih agresif bagi memastikan projek siap seperti yang dirancangkan.

22.2.2 Penyenggaraan Kompleks Sukan

Semakan Audit mendapati pemilihan kontraktor untuk pelaksanaan kerja penyenggaraan yang meliputi semua perolehan sama ada kerja, bekalan atau perkhidmatan yang melebihi RM10,000 hingga RM50,000 adalah dibuat secara sebut harga manakala bagi kerja yang melebihi RM50,000 setahun dibuat secara tender. Adalah didapati pada tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM33.99 juta telah dibelanjakan untuk penyenggaraan kompleks dan kemudahan sukan. Semakan Audit secara rambang mendapati kerja penyenggaraan yang dijalankan adalah mengikut jadual dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pada pandangan Audit, proses pemilihan kontraktor diurus dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

22.2.3 Prestasi Penyenggaraan Kompleks Sukan

Lawatan Audit ke kompleks dan kemudahan sukan yang diurus oleh Perbadanan Stadium Negeri Sarawak, Pejabat Kementerian di Peringkat Bahagian, Majlis Sukan Negeri dan Dewan Suarah di Kuching, Kota Samarahan, Sibu, Kapit dan Miri telah dilakukan untuk mengkaji dan meneliti tahap pengurusan dan penyenggaraan yang dilakukan. Hasil kajian dan pemeriksaan Audit adalah seperti berikut:

i) Perbadanan Stadium Negeri Sarawak

Perbadanan Stadium Negeri Sarawak bertanggungjawab mengurus dan menyenggara Stadium Sarawak, Stadium Negeri Sarawak, Stadium Perpaduan dan Stadium Hoki. Semua stadium

dan kemudahan tersebut terletak di Bandar Raya Kuching. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

a) Stadium Sarawak

Stadium Sarawak yang terletak di Petra Jaya mempunyai kapasiti 40,000 tempat duduk, telah siap dibina pada pertengahan tahun 1997 dengan kos RM120 juta. Stadium ini mempunyai padang bola sepak *cellsystem*, papan skor elektronik, lampu limpah, bilik kawalan, bilik pemeriksaan, bilik persalinan, bilik gimnasium, bilik klinik, bilik *anti doping*, bilik mesyuarat dan bilik ruang legar untuk orang kenamaan. Pengurusan stadium ini telah diambil alih oleh Perbadanan Stadium Negeri Sarawak daripada Jabatan Kerja Raya pada bulan Jun 2001.

Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan stadium seperti *cutting, weeding, hollow tining, levelling and sanding, fertilizing* dan *watering* telah dijalankan mengikut jadual. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati ada kebocoran yang serius di bilik kawalan siaraya, bilik kawalan keselamatan, bilik pemeriksaan, bilik persalinan dan bilik gimnasium. Semua bilik tersebut tidak dapat digunakan kerana siling dan saluran hawa dingin jatuh, pintu reput dan terdapat takungan air pada lantai seperti **Foto 1.**

Foto 1

Air Bertakung Di Bilik Keselamatan **Pintu Reput Di Bilik Gimnasium**

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh: 11 November 2003

Sehubungan itu, bekalan elektrik telah diputuskan di 5 bilik tersebut bagi mengelakkan kejadian litar pintas. Semakan lanjut Audit terhadap rekod dan temu bual dengan pegawai yang terlibat mendapati masalah ini berlaku sejak stadium siap dibina sehinggalah sekarang. Kementerian telah memaklumkan masalah tersebut pada awal tahun 2002 kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan tetapi tiada tindakan diambil. Nilai peralatan seperti peralatan siaraya dan *CCTV Monitor* yang terdapat di bilik kawalan siaraya dan bilik keselamatan tidak dapat ditentukan kerana pihak Audit dimaklumkan pembelian peralatan tersebut termasuk dalam kos pembinaan stadium. Manakala 3 bilik lain tidak mempunyai peralatan.

b) Stadium Negeri Sarawak

Stadium Negeri Sarawak yang juga terletak di Petra Jaya dibina pada tahun 1991 dengan kos pembinaan sejumlah RM22.60 juta. Stadium ini mempunyai kapasiti 26,000 tempat

duduk dengan kemudahan sukan seperti padang bola sepak, papan skor elektronik, lampu limpah, balapan untuk acara olahraga, bilik persalinan, bilik urus setia, bilik mesyuarat dan bilik ruang legar untuk orang kenamaan. Pemeriksaan Audit mendapati kemudahan di stadium ini berada dalam keadaan memuaskan kecuali papan skor elektronik telah rosak dan lampu limpah tidak berfungsi sejak tahun 1998. Jabatan Kerja Raya telah dilantik untuk memasang papan skor elektronik yang baru pada akhir tahun 2002 tetapi sehingga akhir tahun 2003 kerja tersebut belum dimulakan.

c) Stadium Perpaduan

Stadium Perpaduan disiapkan pada tahun 1988 dengan perbelanjaan sejumlah RM22 juta. Stadium ini berhawa dingin dan mempunyai kapasiti 4,525 tempat duduk, kawasan arena yang boleh menempatkan 1,000 kerusi biasa dan gelanggangnya boleh digunakan untuk permainan badminton, bola tampar, bola keranjang dan sepak takraw. Pemeriksaan Audit mendapati papan skor elektronik, lampu limpah, pentas mudah alih, pentas pandang untuk orang kenamaan, bilik persalinan, bilik mesyuarat dan bilik kawalan komputer di stadium ini disenggara dengan baik.

d) Stadium Hoki

Stadium Hoki terletak di Jalan Tun Razak, Kuching dibina dengan kos sejumlah RM5.90 juta pada tahun 1991. Stadium ini boleh menempatkan 1,000 orang penonton dan mempunyai kemudahan padang *astroturf*, *grandstand*, bilik mesyuarat, sistem siaraya, lampu skor, mini gimnasium, bilik persalinan dan bilik pengadil. Pemeriksaan Audit mendapati semua

kemudahan disenggara dengan sempurna dan berada dalam keadaan baik dan memuaskan.

Pada pandangan Audit, pengurusan kompleks sukan di bawah Perbadanan Stadium Negeri Sarawak pada keseluruhannya adalah memuaskan.

ii) Pejabat Kementerian Di Peringkat Bahagian

Di setiap 11 Bahagian, Kementerian mempunyai Pejabat untuk mengurus dan menyenggara kompleks dan kemudahan sukan. Lawatan Audit ke kompleks dan kemudahan sukan di Bahagian Sibu, Miri, Kapit dan Samarahan mendapati secara keseluruhannya pengurusan dan penyenggaraan terhadap kompleks dan kemudahan sukan adalah memuaskan. Bagaimanapun, perkara seperti berikut perlu diambil perhatian yang sewajarnya:

a) Stadium Tun Zaidi, Sibu

Stadium Tun Zaidi mempunyai 16 kakitangan dan 9 daripadanya adalah kakitangan sementara. Stadium ini dibina pada tahun 1999 dengan kos pembinaan sejumlah RM10.30 juta. Ianya mempunyai balapan sintetik, padang bola sepak, *grand stand* berbumbung, ruang pandang untuk orang kenamaan, bilik siaraya, bilik mesyuarat, bilik persalinan dan stor. Pihak Audit mendapati kemudahan tersebut berada dalam keadaan baik kecuali balapan. Balapan tersebut rosak mulai awal tahun 2002 disebabkan struktur tanah yang tidak kukuh kerana dibina atas kawasan berpaya. Walaupun Kementerian telah meminta Jabatan Kerja Raya membaiki balapan pada awal tahun 2002 tetapi tindakan pembaikan hanya disiapkan pada awal bulan Januari 2004. Selain itu, pemeriksaan Audit juga mendapati peralatan sukan seperti *landing mat* dan *hurdle* yang dianggarkan bernilai RM5,000

disimpan di bilik persalinan kerana stor yang ada kecil untuk menampung peralatan sukan. Ini menyebabkan bilik persalinan tersebut tidak dapat digunakan sepertimana tujuan asal ianya dibina.

b) Pusat Tenis, Miri

Di Bahagian Miri, Pejabat Kementerian hanya menyenggara Pusat Tenis yang mempunyai 6 gelanggang dan dibina pada pertengahan bulan April 2002 dengan kos RM2.40 juta. Pusat ini pernah digunakan untuk menganjur Kejohanan Tenis Remaja Sedunia *(ITF World Junior Circuit)* pada awal tahun 2003. Secara keseluruhannya, penyenggaraan Pusat ini adalah baik. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kelengkapan pejabat seperti kerusi, meja, tirai, kabinet dan rak belum disediakan. Pejabat Bahagian Miri telah memohon untuk mendapatkan peralatan berkenaan tetapi sehingga akhir tahun 2003 belum ada sebarang kelulusan daripada Kementerian.

c) Kompleks Sukan Kapit

Kompleks Sukan Kapit terdiri daripada Stadium Terbuka, Stadium Tertutup dan Kompleks Kolam Renang. Pengurusan dan penyenggaraan Kompleks ini diambil alih oleh Pejabat Kementerian Bahagian Kapit daripada Dewan Suarah Kapit mulai awal tahun 2002. Pihak Audit mendapati Stadium Terbuka yang dibina pada tahun 1988 dengan kos sejumlah RM8.50 juta telah diroboh untuk tujuan menaik taraf stadium. Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan stadium ada dilaksanakan sebelum itu.

Stadium Tertutup pula dibina pada bulan September 2000 dengan kos sejumlah RM14.50 juta. Manakala Kompleks Kolam Renang

dibina pada bulan Julai 1997 dengan kos sejumlah RM3.74 juta. Pemeriksaan Audit mendapati penyenggaraan kemudahan dan peralatan sukan di Stadium Tertutup dan tahap kualiti air yang disenggarakan di Kompleks Kolam Renang adalah memuaskan.

d) Mini Stadium Terbuka Dan Kompleks Kolam Renang, Samarahan

Bagi mengurus dan menyenggara Mini Stadium Terbuka dan Kompleks Kolam Renang, Pejabat Bahagian mempunyai 26 kakitangan. Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan seperti memotong rumput dan menyenggara landskap diberi kepada kontraktor. Secara keseluruhannya, pemeriksaan Audit mendapati penyenggaraan dilakukan dengan teratur kecuali perkara berikut:

- Mini Stadium Terbuka dibina pada tahun 1992 dengan kos sejumlah RM2.53 juta. Mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pembekal, balapan jenis *Spurtan* hendaklah dibersihkan setiap 6 bulan dengan menggunakan mesin pembersih *Hako Variette* dan pembersih hampagas *Billy Goat BG 60 P* serta menggunakan serbuk pencuci tanpa buih. Temu bual Audit dengan pegawai di kompleks sukan menjelaskan bahawa kerja mencuci balapan dibuat dengan menggunakan pencuci air tekanan tinggi *(water jet spray)* dan ini menyebabkan balapan cepat rosak seperti koyak, terkopek dan kurang anjal seperti **Foto 2**. Pihak Kementerian tidak mengemukakan garis panduan penyenggaraan balapan kepada penyenggara kompleks sukan Samarahan. Kerosakan ini telah dilaporkan kepada Kementerian pada pertengahan tahun 2002 tetapi sehingga kini belum ada tindakan diambil.

Foto 2
Balapan Yang Koyak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 29 Oktober 2003

Pihak Audit juga mendapati sebahagian besar peralatan sukan seperti *hurdles, landing mat* dan *starting block* yang dianggarkan bernilai RM40,300 disimpan di bawah platform tempat duduk penonton. Ini kerana stor peralatan sukan sesak dan tiada ruang untuk menyimpan peralatan sukan. Keadaan ini boleh mengakibatkan kerosakan terhadap peralatan sukan tersebut.

- Kompleks Kolam Renang dibina pada tahun 1992 dengan kos sejumlah RM10.44 juta. Semakan Audit mendapati tahap kualiti air kolam renang yang disenggarakan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan di mana kandungan bahan kimia dalam air adalah pada lingkungan 7.5pH hingga 8.5pH. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati sebahagian jubin di sekeliling kolam renang sudah pecah kesan daripada mendapan tanah seperti **Foto 3**. Keadaan ini jika tidak diberi perhatian akan membahayakan penggunanya. Mengikut penjelasan pegawai Pejabat Bahagian, masalah ini telah

dimaklumkan kepada Kementerian pada pertengahan tahun 2001 tetapi tiada tindakan diambil sehingga kini.

Foto 3
Lantai Yang Retak Di Sekeliling Kolam Renang



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 29 Oktober 2003

Selain itu, pihak Audit juga mendapati pihak pengurusan telah menukarkan bilik gimnasium menjadi pejabat. Akibatnya peralatan gimnasium yang diterima daripada Ibu Pejabat disimpan di bilik persalinan Mini Stadium Terbuka dan ruang pejabat di Kompleks Kolam Renang. Keadaan ini menyebabkan peralatan gimnasium tidak dapat digunakan seperti tujuan asalnya.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya penyenggaraan oleh Pejabat Kementerian di peringkat Bahagian adalah memuaskan. Bagaimanapun, Kementerian perlu membaiki balapan dan jubin kolam renang yang rosak dengan segera supaya orang awam dapat menggunakan kemudahan dengan selamat dan selesa. Selain itu, Kementerian juga perlu mengambil kira keperluan untuk menyediakan stor bagi menyimpan peralatan sukan.

iii) Majlis Sukan Negeri

Bagi memastikan pengurusan dan penyenggaraan kemudahan serta pembangunan sukan sempurna dan teratur, Kementerian juga telah meminta bantuan Majlis Sukan Negeri (Majlis) menjalankan tanggungjawab ini. Majlis mempunyai Pejabat di Bahagian Kuching, Sibu dan Miri. Lawatan Audit telah dilakukan di 2 Pejabat Majlis iaitu di Bahagian Sibu dan Miri dan hasil pemeriksaan Audit adalah seperti berikut:

a) Dewan Sukan Sibu

Majlis dianggotai 8 kakitangan yang bertanggungjawab mengurus dan menyenggara Dewan Sukan Sibu yang dibina pada tahun 1999 dengan kos sejumlah RM2.53 juta. Dewan Sukan ini mempunyai arena sukan, pentas persembahan, bilik persalinan, tempat duduk untuk 1,000 penonton dan stor peralatan. Pada awal tahun 2003, pengurusan dan penyenggaraan Dewan Sukan adalah di bawah Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi, Bahagian Sibu. Pemeriksaan Audit mendapati semua kemudahan sukan dan peralatan sukan yang berada di Dewan ini telah disenggara dengan baik, tersusun dan teratur.

b) Stadium Tertutup Miri

Di Bahagian Miri, Majlis Sukan Negeri dianggotai 7 kakitangan yang bertanggungjawab mengurus dan menyenggara Stadium Tertutup Miri yang dibina pada bulan September 2000 dengan kos sejumlah RM14.58 juta. Pemeriksaan Audit mendapati tandas dan bilik kuliah mengalami kebocoran sejak tahun 2001 dan tidak dapat digunakan. Sila lihat **Foto 4.** Menurut pihak Majlis Sukan Negeri, perkara ini telah dimaklumkan kepada Kementerian pada tahun 2002 tetapi belum ada tindakan diambil untuk membaiki kerosakan. Bagaimanapun, pengurusan Stadium Tertutup diambil

alih oleh Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi, Bahagian Miri pada tahun 2003.

Foto 4
Bilik Kuliah Yang Bocor

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 15 Oktober 2003

Pihak Audit berpendapat penyenggaraan Dewan Sukan Sibu dan Stadium Tertutup Miri adalah memuaskan kecuali kebocoran pada bilik kuliah. Bagi memastikan kebocoran ini tidak menjadi semakin serius dan bilik ini dapat digunakan, Kementerian perlu mengambil tindakan segera memperbaikinya.

iv) Dewan Suarah

Semakan Audit mendapati di Bahagian Miri, pengurusan dan penyenggaraan Stadium Terbuka Miri, Kompleks Kolam Renang dan Kampung Sukan diletak di bawah pengawasan Dewan Suarah Miri yang dianggotai 33 kakitangan. Pemerhatian Audit terhadap pengurusan dan penyenggaraan oleh Dewan Suarah adalah seperti berikut:

a) Kompleks Kolam Renang, Miri

Kos pembinaan Kompleks Kolam Renang adalah sejumlah RM4.50 juta. Ianya digunakan sebagai gelanggang utama bagi penganjuran sukan air dan renang untuk pertandingan peringkat Negeri dan aktiviti latihan. Semakan Audit mendapati tahap kualiti air yang disenggarakan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, tinjauan Audit mendapati kolam yang disediakan untuk kanak-kanak retak dan kedudukan tanahnya mendap. Ini boleh membahayakan pengguna. Pihak Dewan menjelaskan bahawa perkara ini telah dimaklumkan kepada Kementerian dan Jabatan Kerja Raya Bahagian Miri pada awal bulan Januari 2003, namun sehingga akhir tahun 2003 tiada sebarang pembaikan dilakukan.

b) Stadium Terbuka Miri

Stadium ini dibina pada tahun 1992 dengan kos sejumlah RM13.39 juta. Semasa lawatan Audit, Stadium sedang dalam proses dinaikkan taraf. Semakan Audit terhadap rekod penyenggaraan sebelum kerja menaik taraf stadium pada awal bulan September 2003 mendapati kerja penyenggaraan ada dilaksanakan.

c) Kampung Sukan, Miri

Kos pembinaan Kampung Sukan pula menelan belanja sejumlah RM3.30 juta. Lawatan Audit mendapati kemudahan seperti bilik persalinan, bilik tetamu kenamaan, bilik menunggu, bilik persidangan akhbar dan dewan tertutup di Kampung Sukan disenggara dengan teratur dan bersih.

Pada pandangan Audit, pihak pengurusan Dewan Suarah Miri telah menyenggara kemudahan sukan dengan baik kecuali

kolam renang kanak-kanak yang sudah retak. Oleh itu, tindakan segera perlu diambil bagi mengelakkan perkara yang tidak baik berlaku.

Pada pandangan Audit, pengurusan dan penyenggaraan kompleks dan kemudahan sukan pada keseluruhannya perlu dipertingkatkan. Kementerian perlu menjalankan kerja pembaikan terhadap kebocoran pada bilik, kerosakan balapan dan keretakan pada kolam renang dengan segera. Kelewatan mengambil tindakan boleh menjejaskan kelancaran aktiviti sukan yang akan dijalankan. Selain itu, Kementerian perlu juga mengambil kira saiz dan reka bentuk stor pada masa akan datang bagi memudahkan penyimpanan peralatan sukan.

22.2.4 Penggunaan Kompleks Sukan

Kompleks sukan lazimnya digunakan untuk tujuan mengendalikan pertandingan/latihan bola sepak, olahraga, perayaan Hari Kebangsaan, perhimpunan keagamaan, pameran, ekspo, sukaneka dan aktiviti kebudayaan sama ada di peringkat Negeri, Kebangsaan atau Antarabangsa. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap laporan bulanan tentang penggunaan Stadium Terbuka, Stadium Tertutup, Padang Sukan dan Kolam Renang mendapati sebahagian besar penggunaan kompleks dan kemudahan sukan adalah untuk latihan sukan, sukaneka dan perlawanan bola sepak. Analisis Audit mendapati penggunaan harian stadium secara purata telah meningkat iaitu daripada 33.4% pada tahun 2001 menjadi 46.2% pada tahun 2002 dan 47.4% pada tahun 2003. Manakala penggunaan harian padang sukan secara purata menurun daripada 69.7% pada tahun 2001 menjadi 67.8% tahun 2002 dan 54.2% tahun 2003. Bagaimanapun, penggunaan kolam renang menunjukkan peningkatan daripada 82.7% pada tahun 2001 dan 2002 menjadi 86.6% pada tahun 2003.

Sepanjang tahun 2001 hingga 2003, sejumlah 18,635 acara telah dilangsungkan di kompleks sukan. Kekerapan penggunaan kompleks sukan pada tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Kekerapan Penggunaan Kompleks Sukan Negeri Dan Bahagian

Komponen	Tahun 2001		Tahun 2002		Tahun 2003	
	Bil. Hari Diguna	Bil. Acara	Bil. Hari Diguna	Bil. Acara	Bil. Hari Diguna	Bil. Acara
Stadium Negeri Sarawak	305	1,350	275	430	201	246
Stadium Sarawak	TB	TB	187	135	185	185
Stadium Perpaduan	35	51	25	34	40	40
Stadium Hoki	120	100	95	345	92	153
Stadium Terbuka Samarahan	86	100	243	292	209	268
Stadium Tun Zaidi Sibu	209	190	154	105	343	168
Stadium Terbuka Miri	316	316	260	260	112	112
Stadium Tertutup Miri	10	10	25	25	144	164
Stadium Tertutup Kapit	17	17	254	254	232	411
Jumlah Kecil Stadium	***1,098***	***2,134***	***1,518***	***1,880***	***1,558***	***1,747***
Padang Sukan Sibu	132	132	85	85	52	52
Padang Sukan B Kuching	275	1,400	305	1,100	246	1,071
Padang Sukan C Kuching	305	1,250	300	850	238	769
Padang Sukan D Kuching	305	1,150	300	1,250	255	1,005
Jumlah Kecil Padang Sukan	***1,017***	***3,932***	***990***	***3,285***	***791***	***2,897***
Kolam Renang Samarahan	278	278	288	288	330	330
Kolam Renang Kapit	310	310	298	298	306	306
Kolam Renang Miri	318	318	320	320	312	312
Jumlah Kecil Kolam Renang	***906***	***906***	***906***	***906***	***948***	***948***
Jumlah Besar	**3,021**	**6,972**	**3,414**	**6,071**	**3,297**	**5,592**

Sumber : Laporan Bulanan Pejabat Bahagian, Dewan Suarah, Perbadanan dan Majlis
Nota : TB - Tidak Berkenaan kerana maklumat tidak diperolehi/tiada rekod disimpan. Kementerian ambil alih stadium daripada pihak JKR pada pertengahan tahun 2001.

Pada pendapat Audit, penggunaan kompleks dan kemudahan sukan adalah memuaskan. Kompleks dan kemudahan sukan digunakan untuk pelbagai aktiviti sepanjang tahun.

22.2.5 Pemasaran/Promosi

Kementerian ada mengedarkan risalah, mengadakan aktiviti kesukanan dan kebudayaan, mengadakan pameran atau ekspo bagi

mempromosikan kemudahan yang disediakan di kompleks untuk kegunaan semua pihak. Perbelanjaan bagi aktiviti pemasaran dan promosi sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2003 berjumlah RM123,660. Semakan Audit mendapati pengedaran risalah agak terhad kerana ia hanya diletak di kaunter Pejabat berkaitan. Pengedarannya secara meluas kepada orang awam hanya dibuat semasa Ekspo dan Hari Keluarga. Bagaimanapun, adalah didapati Kementerian telah mengambil langkah mengiklan melalui *Yellow Pages* dan laman web bagi membolehkan maklumat sampai kepada masyarakat agar kemudahan sukan tersebut dapat dimanfaatkan.

Pada pendapat Audit, publisiti mengenai kemudahan sukan dan aktiviti yang disediakan oleh Kementerian perlu diperluaskan lagi termasuk kepada syarikat, sekolah dan pertubuhan bukan Kerajaan.

22.2.6 Pengurusan Kutipan Hasil

Semakan Audit secara rambang mendapati permohonan dan kelulusan penggunaan stadium oleh pihak persatuan atau persendirian telah direkod dengan kemas kini. Selain itu, caj perkhidmatan 15% dan kadar levi 20% daripada jualan tiket juga telah dikenakan kepada penganjur. Bagaimanapun, adalah didapati kutipan pembayaran wang pendahuluan tidak seragam antara kompleks sukan Bahagian dan Daerah. Contohnya Pihak Perbadanan Stadium Negeri mengenakan bayaran pendahuluan RM2,000 hingga RM8,000 sementara Stadium Tertutup Miri mengenakan bayaran pendahuluan 50% daripada sewa penggunaan yang dijangkakan dan Stadium Samarahan tidak mengenakan bayaran pendahuluan. Pihak Audit juga mendapati atas kelulusan Kementerian, tiada caj atau bayaran dikenakan bagi penggunaan Stadium Tun Zaidi, Sibu yang siap dibina pada tahun 1999. Pengecualian ini perlulah dikaji semula memandangkan Stadium

telah beroperasi selama lebih 4 tahun. Kementerian perlulah berlaku adil kepada pengguna kompleks sukan di Bahagian dan Daerah lain yang membayar penggunaan kemudahan yang sama.

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Perbadanan Stadium Sarawak, Stadium Tertutup Miri, Dewan Sukan Sibu, Stadium Terbuka Miri dan Kampung Sukan Miri telah memungut hasil daripada bayaran penggunaan kompleks sukan berjumlah RM944,617 seperti butiran di **Jadual 35**.

Jadual 35
Hasil Diterima Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

Komponen	Hasil (RM)		
	Tahun 2001	Tahun 2002	Tahun 2003
Perbadanan Stadium Sarawak	213,957	244,667	198,587
Stadium Tertutup Miri	39,582	46,888	20,518
Dewan Sukan Sibu	6,848	4,075	1,425
Stadium Terbuka Miri	6,047	5,782	3,865
Kampung Sukan Miri	46,014	81,306	25,056
Jumlah	**312,448**	**382,718**	**249,451**

Sumber : Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi

Manakala tunggakan hasil sehingga akhir tahun 2003 berjumlah RM856,676 adalah termasuk tunggakan sebelum tahun 2001 yang berjumlah RM630,353. Semakan Audit terhadap rekod di Perbadanan Stadium Negeri Sarawak mendapati sejumlah RM765,274 daripada jumlah tersebut adalah tunggakan oleh Persatuan Bola Sepak Sarawak. Adalah didapati Perbadanan Stadium Negeri Sarawak telah menghantar 3 surat peringatan kepada Persatuan Bola Sepak Sarawak pada tahun 2003.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengkaji semula sistem pengurusan kutipan hasil. Kutipan hasil penggunaan kemudahan sukan di seluruh Sarawak adalah tidak memuaskan.

Tindakan yang serius hendaklah diambil bagi mengutip balik tunggakan hasil berkenaan.

22.2.7 Keperluan Tenaga Kerja Dan Latihan

Kementerian meletakkan tanggungjawab kepada Bahagian Perancangan Dan Pembangunan yang dianggotai oleh 4 orang kakitangan untuk memantau keseluruhan kompleks sukan di Sarawak. Antara latihan/kursus yang pernah dihadiri ialah Kursus Pengurusan Kompleks Sukan anjuran Kementerian dengan kerjasama Perbadanan Stadium Merdeka, Ceramah Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Dan Kemudahan Sukan Dan Rekreasi Oleh Konsultan anjuran Kementerian, *Sports Science Level I And II* anjuran Majlis Sukan Negara dan *Sports Specific Swimming Level I And II* anjuran *Amateur Swimming Union Of Malaysia* (ASUM).

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mengkaji semula keperluan tenaga kerja dan bentuk latihan yang diperlukan.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu lebih agresif bagi memastikan kompleks sukan dapat disiapkan mengikut jadual, menjalankan kerja pembaikan dengan segera, menyediakan kertas kerja projek secara mendalam dengan mengenal pasti kerja yang hendak dijalankan dan perjawatan yang mencukupi dapat disediakan serta mengambil kira reka bentuk stor peralatan sukan. Selain itu, Kementerian juga perlu meningkatkan promosi penggunaan kompleks sukan dan mengambil tindakan segera mengutip balik tunggakan hasil.

22.3 PEMANTAUAN

Pemantauan merupakan elemen pengurusan yang penting. Sekiranya pengurusan dan penyenggaraan kompleks sukan dipantau dengan berkesan,

pihak Kementerian dapat mengenal pasti kelemahan dan masalah di peringkat awal dan dapat mengambil tindakan serta-merta untuk mengatasinya. Di peringkat Kementerian, Bahagian Perancangan Dan Pembangunan bertanggungjawab memeriksa dan menilai semua aduan kerosakan yang dibuat oleh Agensi yang mengurus kompleks sukan berkenaan.

22.3.1 Pemantauan Di Peringkat Kementerian

Kementerian bertanggungjawab secara keseluruhannya terhadap pengurusan dan penyenggaraan kompleks dan kemudahan sukan yang dijaga oleh Agensi seperti Dewan Suarah, Majlis Sukan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Kementerian di peringkat Bahagian. Di peringkat Kementerian, Bahagian Perancangan Dan Pembangunan akan meneliti permohonan membaiki kerosakan atau aduan kerosakan pada balapan, padang bola, padang tenis dan kolam renang daripada Agensi yang mengurus sebelum kelulusan diberi oleh Kementerian. Semakan Audit secara rambang bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 mendapati sejumlah 9 permohonan atau aduan telah diterima oleh pihak Kementerian. Antara permohonan atau aduan yang diterima adalah mengenai kerosakan lantai gelanggang badminton di Stadium Kapit, lampu tidak berfungsi di Pusat Tenis Miri, stor yang sempit di Dewan Sukan Sibu, kebocoran yang membabitkan *reinforced concrete structure*' termasuk *columns* dan *beams*, kebocoran atap *pre-coated fabric membrane* termasuk *rusty gutters, wasted water supply* di tandas awam di Stadium Sarawak, kerosakan balapan di Stadium Terbuka Samarahan dan jubin pecah di sekeliling kolam renang di Kompleks Kolam Renang Samarahan. Adalah didapati Kementerian telah mengambil tindakan susulan terhadap permohonan atau aduan tersebut kecuali kerosakan yang berlaku di Stadium Sarawak, Stadium Terbuka Samarahan dan Kompleks Kolam Renang Samarahan.

Selain itu, semakan Audit mendapati tiada bukti yang menunjukkan pemeriksaan mengejut ada dijalankan walaupun mengikut penjelasan pegawai yang terlibat di Kementerian pemeriksaan ada dijalankan. Kementerian sepatutnya membuat pemeriksaan mengejut terhadap kompleks dan kemudahan sukan di 11 Bahagian di Sarawak dari semasa ke semasa untuk menentukan sejauh mana pengurusan dan penyenggaraan kompleks sukan dilakukan.

Pada pandangan Audit, pemantauan di semua peringkat terhadap pelaksanaan, pengurusan dan penyenggaraan kompleks dan kemudahan sukan adalah sederhana dan belum mencukupi sepenuhnya. Kementerian boleh melaksanakan tugas tersebut dengan baik jika mempunyai kakitangan yang mencukupi.

22.3.2 Pemantauan Peringkat Perbadanan Stadium Negeri Sarawak

Perbadanan Stadium Negeri Sarawak bertanggungjawab memantau penyenggaraan kompleks dan kemudahan sukan di bawah kawalannya. Pemantauan dibuat oleh Jawatankuasa Pemandu yang bermesyuarat sekali sebulan dan membincangkan perkara seperti pentadbiran pejabat, penyenggaraan stadium dan perolehan kerja/perkhidmatan. Selain itu, pemantauan juga dibuat oleh Lembaga Pengarah Perbadanan yang bermesyuarat 3 kali setahun. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan 2 kali iaitu pada tahun 2001 dan 2002. Antara perkara yang dibincangkan ialah penyenggaraan kompleks sukan, tunggakan hasil, kadar bayaran dan caj perkhidmatan penggunaan kemudahan sukan.

Pada pendapat Audit, pemantauan di peringkat Perbadanan adalah memuaskan.

Pada pandangan Audit, Kementerian seharusnya menyediakan sistem maklumat yang teratur untuk menyimpan segala maklumat penting mengenai kemajuan dan penyenggaraan kompleks sukan. Selain itu, pemeriksaan berterusan hendaklah dijalankan dan mengambil tindakan segera terhadap aduan yang dibangkitkan.

23. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi telah berjaya menyediakan kompleks dan kemudahan sukan bagi tujuan pembangunan sukan di Sarawak. Secara keseluruhannya, pengurusan dan penyenggaraan kompleks dan kemudahan sukan perlu dipertingkatkan untuk memastikan kemudahan sukan sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan Kementerian mengambil perhatian terhadap perkara berikut:

i) Mengambil kira kemampuan Agensi yang akan mengurus dan menyenggara kompleks dan kemudahan sukan bagi menjamin kemudahan tersebut sentiasa berada dalam keadaan boleh guna.

ii) Menyediakan sistem maklumat di peringkat Kementerian bagi mengkoordinasi maklumat seperti penyenggaraan yang dilakukan oleh Agensi yang mengurus kompleks sukan. Sistem ini hendaklah mempunyai maklumat seperti Jadual Penyenggaraan, Jadual Lawatan, baki peruntukan dan lain-lain.

iii) Mengambil tindakan segera bagi membaiki kerosakan atau kebocoran yang dilaporkan oleh pihak terlibat.

iv) Meningkatkan promosi penggunaan kompleks dan kemudahan sukan dengan lebih meluas, berterusan dan sesekali dibuat melalui media massa tempatan.

v) Menambah perjawatan atau mewujudkan jawatan baru yang lebih sesuai serta melantik pegawai secara tetap bagi mengendalikan urusan penyenggaraan kompleks sukan.

JABATAN PERHUTANAN

PROJEK HUTAN-TANI DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

24. LATAR BELAKANG

Projek Hutan-Tani diwujudkan untuk mengatasi masalah pertanian pindah secara haram yang berleluasa di kawasan Hutan Simpan Kekal Kerajaan. Mengikut rekod Jabatan Perhutanan Sarawak tahun 1985, keluasan kawasan hutan yang dicerobohi adalah 3.32 juta hektar dan 116,000 hektar daripadanya berlaku di kawasan Hutan Simpan. Selain untuk membendung pencerobohan terhadap Hutan Simpan disebabkan aktiviti pertanian pindah, Jabatan Perhutanan (Jabatan) juga berharap projek ini boleh membantu meningkatkan taraf hidup penduduk terlibat. Projek Hutan-Tani adalah merupakan satu sistem pengurusan tanah berkekalan untuk menambah hasil dan pengeluaran dengan cara menggabungkan pertanian dan ladang hutan atau ternakan binatang di atas tapak tanah yang sama atau bersebelahan. Projek ini juga merupakan salah satu strategi Dasar Pertanian Negara Ke 3 (1998 hingga 2010) yang dijangka dapat meningkatkan taraf hidup penduduk berpendapatan rendah selain menyumbang ke arah industri eko-pelancongan.

Jabatan mula menjalankan projek ini pada tahun 1987 dan dijangka berterusan sehingga tahun 2010. Pada mulanya projek ini dijalankan di Hutan Simpan Sabal, Hutan Kawalan Balai Ringin dan Hutan Simpan Niah dan melibatkan kawasan seluas 683 hektar. Projek yang sama juga dirancangkan semasa RMK7 di 3 kawasan berhampiran iaitu Hutan Kawalan Karangan dan Hutan Simpan Silantek dan Gunung Apeng. Program ini dijangka diperluaskan lagi semasa RMK8 dengan melaksanakan projek di Hutan Simpan Labang dan Bukit Mukah. Sehingga tahun 2003, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM9.95 juta untuk mengurus projek ini.

25. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian Audit adalah untuk menentukan sama ada Projek Hutan-Tani telah dilaksanakan dengan cekap dan berekonomi serta mencapai matlamatnya untuk membendung pertanian pindah sekali gus menaik taraf ekonomi penduduk tempatan yang terlibat.

26. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pemeriksaan Audit dijalankan di Unit Hutan-Tani Dan Pembangunan Masyarakat, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Sarawak. Semakan telah dibuat terhadap rekod kewangan, fail, laporan, dokumen dan minit mesyuarat yang berkaitan bagi tempoh tahun 2001 sehingga 2003 serta tahun sebelumnya, jika diperlukan. Pasukan Audit bersama pegawai Jabatan Perhutanan juga telah melawat tapak Projek Hutan-Tani di Sabal, Balai Ringin dan Niah bagi meninjau kemajuan fizikal yang telah dicapai. Selain itu, perbincangan dengan pegawai Jabatan yang terlibat secara langsung dengan projek ini juga diadakan dari semasa ke semasa untuk mendapat penjelasan lanjut atau pengesahan maklumat. Temu bual dengan beberapa peserta yang terlibat juga dibuat semasa lawatan ke tapak projek.

27. PENEMUAN AUDIT

27.1 PERANCANGAN

Pada tahun 1987, Jabatan telah memperkenalkan Projek Hutan- Tani sebagai salah satu langkah untuk menangani masalah pencerobohan Hutan Simpan yang disebabkan aktiviti pertanian pindah. Mengikut Ordinan Perhutanan Sarawak Tahun 1954, Jabatan boleh mengeluarkan permit kepada individu bagi menggunakan tanah di kawasan Hutan Simpan Kekal bagi tempoh yang tertentu. Dengan kelonggaran ini, pihak Jabatan telah merancang untuk

membenarkan beberapa kawasan di Hutan Simpan Kekal digunakan untuk aktiviti pertanian serta penternakan oleh peserta Projek Hutan-Tani.

27.1.1 Struktur Pengurusan Projek Hutan-Tani

Bagi merancang, melaksana dan memantau projek ini, Jabatan telah menubuhkan Unit Hutan-Tani Dan Pembangunan Masyarakat yang dikawal selia oleh Cawangan Penghutanan Semula Dan Pemulihan Hutan. Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Pemelihara Hutan dan dibantu oleh 2 kakitangan lain. Jabatan juga telah menubuhkan Pusat Hutan-Tani Sabal (Pusat) sebagai pusat membangunkan kemahiran, menjalankan penyelidikan dan percubaan tanaman dan ternakan serta menyedia latihan dan kemudahan untuk pelaksanaan projek dengan lebih berkesan. Pusat ini diketuai oleh seorang Pegawai Pemelihara Hutan yang disokong oleh 11 kakitangan tetap dan 32 kakitangan sementara adalah bertanggungjawab terhadap pengurusan projek di Sabal dan Balai Ringin. Manakala tapak Projek Hutan-Tani di Niah adalah di bawah seliaan Stesen Penyelidikan Hutan Niah, Pejabat Hutan Bahagian Miri. Stesen ini diketuai oleh seorang Pegawai Hutan dan dibantu oleh 6 kakitangan tetap dan 10 kakitangan sementara. Selain itu, pekerja secara kontrak juga diambil bila diperlukan.

Pada pandangan Audit, Jabatan mempunyai struktur pengurusan yang baik untuk mengurus dan menyelia Projek Hutan-Tani. Bagaimanapun, Jabatan kekurangan kakitangan khas untuk memberi khidmat teknikal yang diperlukan.

27.1.2 Pemilihan Tapak Projek Hutan-Tani Dan Peserta

Pemeriksaan Audit mendapati pemilihan tapak untuk Projek Hutan-Tani adalah bergantung kepada kekerapan berlakunya aktiviti pertanian pindah di sesuatu kawasan. Berdasarkan kriteria ini, adalah didapati Jabatan pada tahun 1987 telah merancang untuk memilih

kawasan seluas 683 hektar iaitu 328 hektar di kawasan Hutan Simpan Sabal, lima puluh lima hektar di kawasan Hutan Kawalan Balai Ringin dan 300 hektar di kawasan Hutan Simpan Niah untuk projek ini. Selain itu, tapak seluas 1,050 hektar yang dicerobohi di kawasan Hutan Kawalan Karangan, Hutan Simpan Silantek dan Gunung Apeng telah dirancang untuk Projek Hutan-Tani semasa RMK7 (1996 hingga 2000). Projek ini juga dirancang untuk dilaksanakan di kawasan Hutan Simpan Labang dan Bukit Mukah bagi tempoh RMK8 (2001 hingga 2005). Seluas 14,826 hektar di 2 kawasan ini telah dicerobohi oleh aktiviti pertanian pindah. Bagaimanapun, luas sebenar kawasan yang akan disediakan untuk projek di 5 kawasan ini tidak ditentukan oleh Jabatan. Peserta yang layak untuk menyertai projek ini adalah mereka yang mengamalkan aktiviti pertanian pindah dan tinggal berdekatan kawasan Hutan Simpan. Sebanyak 160 keluarga telah dikenal pasti.

Pada pandangan Audit, pemilihan tapak projek di kawasan yang dicerobohi bagi menghalang pencerobohan berleluasa adalah satu usaha yang baik.

27.1.3 Perancangan Projek RMK8

Jabatan menganggarkan sejumlah RM4 juta adalah diperlukan untuk tujuan melaksanakan Projek Hutan-Tani bagi tempoh RMK8. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2.40 juta diperlukan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 untuk melaksanakan Projek Hutan-Tani. Butiran anggaran perbelanjaan seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36
Anggaran Perbelanjaan Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2005

Bil	Komponen Projek	Tahun (RM'000)					Jumlah (RM'000)
		2001	2002	2003	2004	2005	
1.	Penyelidikan, Survei Dan Khidmat Konsultan	100	100	100	100	100	500
2.	Bangunan Dan Infrastruktur	120	120	120	120	120	600
3.	Latihan	60	60	60	60	60	300
4.	Mesin Dan Peralatan	40	40	40	40	40	200
5.	Projek di Sabal	100	100	100	100	100	500
6.	Projek di Balai Ringin	100	100	100	100	100	500
7.	Projek di Niah	150	150	150	150	150	750
8.	Kos Operasi	130	130	130	130	130	650
Jumlah		**800**	**800**	**800**	**800**	**800**	**4,000**

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan - New Project And Program Report For RMK8

i) Penyelidikan, Survei Dan Khidmat Konsultan

Jabatan memerlukan sejumlah RM300,000 bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 untuk tujuan menjalankan penyelidikan sosioekonomi peserta dan penduduk tempatan berdekatan, membuat survei untuk kawasan projek dan membayar khidmat konsultan untuk mendirikan bangunan dan infrastruktur.

ii) Bangunan Dan Infrastruktur

Kebanyakan bangunan, infrastruktur dan kemudahan asas seperti bangunan pejabat, rumah kediaman pegawai, bengkel, rumah kaca, jalan raya, termasuk bekalan elektrik dan air telah disedia semasa RMK7 di Pusat Hutan-Tani Sabal. Selain itu, Jabatan menganggarkan sejumlah RM360,000 diperlukan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 untuk membiayai kos penyelenggaraan bangunan dan infrastruktur.

Untuk menambah baik kemudahan dan infrastruktur yang sedia ada, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sejumlah RM2.50 juta bagi tempoh RMK8 untuk pembinaan

asrama, dewan makan dan kediaman pegawai. Semakan Audit mendapati jadual pelaksanaan pembinaan dan penyediaan kemudahan akan bermula pada bulan Januari 2002 dan dijangka siap pada bulan Julai 2004. Selain itu, Jabatan telah memohon anggaran tambahan sejumlah RM15 juta daripada Kerajaan Persekutuan pada bulan Oktober 2002. Tambahan ini adalah untuk tujuan perubahan skop kerja bagi pembinaan Kompleks Latihan Dan Penginapan, Bangunan Makmal, Plot Kajian Ekologi In-Situ, tempat perkhemahan dan kemudahan rehat dan riadah di Pusat Hutan-Tani Sabal. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2003, maklum balas mengenai permohonan tersebut belum diperolehi.

iii) Program Latihan

Bagi tempoh RMK8, Jabatan telah merancang untuk melatih 290 pegawai dan kakitangannya dengan mengikuti pelbagai latihan berkaitan dengan perladangan seperti penilaian tapak semaian dan penuaian. Semakan Audit mendapati Jabatan membuat anggaran sejumlah RM180,000 untuk tujuan latihan pegawai dan peserta bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Bagaimanapun, Jabatan tidak menyediakan program latihan secara terperinci.

iv) Mesin Dan Peralatan

Peruntukan RM40,000 setahun dianggarkan untuk Jabatan membeli dan menyenggara mesin dan peralatan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyediakan butiran terperinci untuk perolehan dan kerja penyenggaraan mesin dan peralatan.

v) Projek Di Sabal, Balai Ringin Dan Niah

Untuk tujuan pengurusan aktiviti di 3 kawasan projek berkenaan, Jabatan menganggarkan peruntukan sejumlah RM1.05 juta diperlukan bagi tahun 2001 hingga 2003. Semakan Audit mendapati tujuan peruntukan ini adalah untuk perolehan stok dan bekalan. Jabatan akan membekal stok benih, baka ternakan dan keperluan lain seperti baja, racun serangga dan racun rumput. Perolehan stok dan baka ternakan dan bekalan benih tanaman akan dibuat melalui Jabatan Pertanian dan pembekal tempatan. Selain itu, Jabatan juga menyediakan 10 hektar tapak semaian dan kebun pangkas untuk benih tanaman seperti durian, getah cantuman, anak pokok hutan dan sebagainya.

vi) Kos Operasi

Sejumlah RM390,000 diperlukan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 untuk membiayai kos operasi. Semakan Audit mendapati sejumlah besar kos ini adalah untuk membayar gaji dan elaun perjalanan kakitangan. Selain itu, kos ini juga melibatkan pembayaran kepada peserta untuk upah menjalankan kerja penyenggaraan projek.

Pada pandangan Audit, Jabatan telah menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menjayakan Projek Hutan-Tani.

27.1.4 Pemilihan Aktiviti Projek

Jabatan Perhutanan dengan bantuan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian akan memilih berbagai aktiviti pertanian dan penternakan untuk dijalankan secara percubaan (*on-farm trials*). Butiran lanjut seperti di **Jadual 37.**

Jadual 37
Pengagihan Aktiviti Untuk Kawasan/Keluarga

Bil.	Pusat Hutan-Tani	Aktiviti Pertanian Yang Dirancang	Bil. Keluarga
1.	Sabal	1. *Agri-Silviculture* 2. *Silvi-Pastoral* 3. *Aqua/Poultry/Fruits* 4. Tanaman Integrasi 5. Kulat 6. Herba 7. Ternakan Rusa Dan Babi Hutan 8. Lebah Madu	92 138 149 92 @ @ 19 @
2.	Balai Ringin	1. Ternakan Ayam 2. Tanaman Pokok Buah-buahan 3. Pemeliharaan Ikan Kolam	153@
3.	Niah	1. Ternakan Ayam, Kambing, Lembu, Biri-biri Dan Rusa 2. Tanaman Pokok Buah-buahan Dan Getah 3. Pemeliharaan Ikan Kolam	21@

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan
Nota: @ - Dijalankan oleh Peserta secara berkongsi

Pemeriksaan Audit mendapati sejak tahun 1987 sehingga 2003, aktiviti yang dicadangkan adalah seperti tanaman pokok secara bercampur seperti koko, durian dan belian *(agri-silviculture),* ternakan dan tanaman (s*ilvi-pastoral),* pemeliharaan ikan, ayam, itik dan tanaman pokok buah-buahan *(aqua/poultry/fruits),* tanaman integrasi seperti nenas, ubi kayu dan petai, tanaman kulat dan herba dan pemeliharaan rusa, babi hutan serta lebah madu. Jabatan akan memberi bantuan kewangan, khidmat teknikal, bekalan peralatan dan bahan pertanian serta latihan yang bersesuaian. Penyenggaraan projek dan pengurusan jualan hasil seterusnya akan dibuat oleh peserta sendiri. Untuk rawatan ternakan, Jabatan akan menggunakan khidmat veterinar daripada Jabatan Pertanian dan jika perlu khidmat kepakaran luar.

Pada pandangan Audit, pemilihan aktiviti projek hendaklah yang diminati oleh peserta. Selain itu, kesesuaian jenis tanaman dan

ternakan dan keupayaan Jabatan untuk memberi khidmat teknikal juga perlu diberi perhatian untuk menentukan kejayaan projek.

27.1.5 Sasaran Pengeluaran Hasil

Jabatan tidak membuat perancangan terhadap sasaran pengeluaran hasil bagi aktiviti yang dijalankan kecuali ternakan ikan kolam. Ternakan ikan kolam dijangka akan menghasilkan 3,000 kilogram ikan setahun. Bagaimanapun, perancangan terperinci seperti hasil yang boleh dituai dari sebuah kolam untuk tahun tertentu tidak disediakan.

Pada pandangan Audit, Jabatan wajar mempunyai sasaran pengeluaran hasil untuk setiap aktiviti supaya pencapaian pelaksanaan sesuatu aktiviti dapat dinilai.

Pada pandangan Audit, perancangan Projek Hutan-Tani bagi membendung pencerobohan kawasan Hutan Simpan adalah baik. Jabatan perlulah memilih aktiviti yang bersesuaian dengan mengambil kira keupayaan untuk menyedia tenaga kerja dan khidmat teknikal. Selain itu, keperluan latihan serta peluang pemasaran hasil juga hendaklah diambil kira semasa merancang Projek Hutan-Tani.

27.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan Projek Hutan-Tani telah dimulakan kira-kira 16 tahun yang lepas iaitu sejak tahun 1987 dan telah menelan belanja sejumlah RM9.95 juta setakat akhir tahun 2003. Semakan Audit terhadap kesinambungan aktiviti Projek Hutan-Tani mendapati perkara berikut:

27.2.1 Struktur Pengurusan Projek Hutan-Tani

Unit Hutan-Tani Dan Pembangunan Masyarakat adalah bertanggungjawab terhadap pengurusan, pelaksanaan serta penyeliaan aktiviti di tapak projek. Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Pemelihara Hutan dan dibantu oleh 2 pegawai di peringkat Ibu Pejabat dan 19 pegawai tetap serta 42 pekerja sementara di Pusat Hutan-Tani Sabal dan Stesen Penyelidikan Hutan Niah. Semakan Audit mendapati kebanyakan pekerja sementara diupah secara bergaji hari untuk menjaga ternakan atau menyenggara kawasan pertanian. Pekerja sementara ini setelah mendapat latihan dalam bidang kerja akan diserap menjadi peserta projek.

Pada pandangan Audit, Jabatan telah menyedia tenaga kerja yang mencukupi untuk mengurus projek ini. Bagaimanapun, Jabatan perlulah menyediakan kakitangan teknikal untuk memastikan kejayaan aktiviti yang dilaksanakan.

27.2.2 Penyediaan Tapak Projek Hutan-Tani

Penyediaan tapak projek Hutan Simpan Sabal seluas 328 hektar dimulakan pada bulan Jun 1988 seperti yang dijadualkan. Penyediaan tapak projek Hutan Simpan Niah seluas 300 hektar hanya bermula pada tahun 1994 dan kerja pembersihan kawasan hutan ditender kepada kontraktor tempatan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan kos yang terlibat dan sama ada prosedur tender dipatuhi kerana maklumat tidak dapat diperolehi. Rekod dan dokumen berkaitan tidak diselenggarakan lagi memandangkan kerja pembersihan kawasan dijalankan sejak 16 tahun yang lalu.Manakala kerja menyedia kawasan Hutan Kawalan Balai Ringin seluas 55 hektar dimulakan pada tahun 1996. Semakan Audit mendapati kos penyediaan tapak projek ditanggung oleh Jabatan iaitu dengan membayar upah kepada peserta projek untuk menjalankan kerja pembersihan kawasan.

Semakan Audit mendapati Projek Hutan-Tani yang dirancang bagi tempoh RMK7 dan RMK8 di Hutan Simpan Silantek, Karangan, Gunung Apeng, Labang dan Bukit Mukah tidak dilaksanakan. Hutan Kawalan Karangan seluas 1,171 hektar telah diwartakan untuk penanaman kelapa sawit sejak tahun 2001. Manakala aktiviti menanam semula hutan dijalankan di Hutan Simpan Bukit Mukah dan Labang. Sementara di Hutan Simpan Silantek dan Gunung Apeng tiada Projek Hutan-Tani dijalankan. Penduduk di kawasan tersebut menjalankan aktiviti penanaman padi paya dan tidak memerlukan bantuan.

Pada pandangan Audit, penyediaan tapak Projek Hutan-Tani adalah memuaskan.

27.2.3 Pemilihan Peserta

i) Prosedur Pemilihan

Kumpulan sasaran Projek Hutan-Tani adalah 160 daripada 333 keluarga miskin yang tinggal berhampiran dengan kawasan Hutan Simpan. Pemilihan dibuat berdasarkan komitmen yang diberi oleh peserta semasa tinjauan dan temu duga dijalankan oleh Jabatan. Adalah didapati tiada perjanjian atau ikatan secara rasmi/berdokumen dibuat antara Jabatan dengan peserta projek.

ii) Pengeluaran Permit Pertanian Sementara

Pemeriksaan Audit mendapati 94 keluarga di Sabal telah diberi permit pertanian sementara pada tahun 1989 sehingga 1999 oleh Jabatan. Permit yang dikeluarkan tidak dikenakan sebarang bayaran dan sah untuk tempoh 10 tahun. Selaras dengan peraturan Ordinan Perhutanan Sarawak Tahun 1954, permit ini membolehkan mereka menanam pokok lada, koko, durian dan getah di kawasan seluas 127 hektar di Hutan Simpan Sabal. Bagaimanapun, pada pertengahan tahun 2003, hanya 48

keluarga masih memegang permit yang sah bagi membenarkan mereka menjalankan aktiviti pertanian sehingga tahun 2009. Sementara 46 permit lain tidak diperbaharui kerana kebun mereka terbiar dan tidak lagi produktif. Selain itu, permit sementara tidak diberi kepada peserta di kawasan Hutan Kawalan Balai Ringin dan Hutan Simpan Niah kerana mereka tidak menjalankan aktiviti pertanian di kawasan yang ditentukan oleh Jabatan. Adalah didapati Jabatan hanya mencapai 30% daripada sasaran 160 keluarga untuk menyertai Projek Hutan-Tani sungguhpun sudah hampir 16 tahun dilaksanakan. Walaupun peserta menunjukkan minat pada peringkat awal, sebahagian daripada mereka lebih cenderung menjalankan aktiviti secara persendirian dan sebahagian lagi telah berhijrah untuk bekerja di tempat lain.

Pada pandangan Audit, Jabatan boleh meningkatkan komitmen peserta melalui perjanjian secara rasmi.

27.2.4 Penyediaan Dan Penggunaan Kemudahan

Jabatan telah membelanjakan RM6.30 juta semasa RMK7 untuk menyedia pelbagai infrastruktur seperti bengkel pelbagai guna, rumah kaca, bilik kuliah, berek kediaman dan bilik latihan di Pusat Hutan-Tani Sabal. Contoh kemudahan iaitu bilik kuliah adalah seperti **Foto 5**.

Foto 5
Kemudahan Bilik Kuliah Di Pusat Hutan-Tani Sabal

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 2 Oktober 2003

Lawatan Audit mendapati rumah kaca digunakan untuk menyimpan benih semaian dan tanaman untuk penyelidikan. Manakala bengkel yang ada digunakan untuk menyimpan peralatan dan mesin dan tempat membuat kerja berkaitan dengan penyenggaraan seperti memperbaiki pagar kandang ternakan. Bilik kuliah dilengkapkan dengan peralatan mengajar dan visual seperti alat pandang dengar, projektor dan sebagainya. Semakan Audit terhadap rekod penggunaan bilik kuliah bagi tahun 2001 hingga 2003 mendapati ianya telah digunakan sebanyak 42 kali untuk memberi ceramah atau latihan.

Semakan lanjut Audit mendapati pembinaan infrastruktur bangunan dan kemudahan lain yang sepatutnya bermula pada bulan Januari 2002 tetapi masih di peringkat tawaran tender pada akhir tahun 2003. Kerja pembinaan lewat dijalankan kerana kelulusan untuk tapak lewat diterima daripada Suruhanjaya Perancangan Negeri. Susulan terhadap permohonan hanya dibuat oleh Jabatan pada bulan Oktober 2002.

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, perbelanjaan untuk bayaran pakar runding, pelan dan infrastruktur lain berjumlah RM896,000.

Pada pandangan Audit, Jabatan hendaklah memantau dengan lebih rapi supaya kemudahan dapat disedia dengan secepat mungkin.

27.2.5 Perolehan Dan Pengagihan Stok Dan Bekalan

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, perolehan stok dan bekalan daripada pembekal dibuat secara pembelian terus atau melalui sebut harga dan juga tender. Adalah didapati perolehan tersebut dibuat secara teratur dan selaras dengan peraturan kewangan. Sejumlah RM762,465 telah dibelanjakan untuk tujuan perolehan stok dan bekalan bagi tahun 2001 hingga 2003. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati selain daripada jumlah tersebut, pembelian baka dan makanan ternakan sejumlah RM45,814 bagi tempoh yang sama telah dicaj kepada perbelanjaan mengurus Jabatan. Perbelanjaan ini sepatutnya dicajkan kepada projek ini kerana peruntukan yang disedia adalah mencukupi. Selain itu, semakan Audit terhadap rekod Jabatan mendapati pengurusan pengagihan stok baka dan tanaman kepada peserta dibuat dengan teratur.

Pada pandangan Audit, perolehan stok dan bekalan telah dibuat dengan teratur. Bagaimanapun, perbelanjaan hendaklah dikenakan kepada peruntukan projek dan bukan kepada pengurusan Jabatan.

27.2.6 Bantuan Khidmat Teknikal

i) Penjagaan Tanaman

Selain mendapat nasihat daripada kakitangan Jabatan Pertanian di peringkat permulaan projek/aktiviti, penjagaan tanaman seterusnya dilakukan oleh peserta sendiri. Ini disebabkan Jabatan tidak mempunyai kakitangan yang pakar dalam bidang penanaman dan juga tidak menyedia khidmat luar untuk tujuan bantuan nasihat.

ii) Penjagaan Ternakan

a) Khidmat Veterinar

Semakan Audit terhadap rekod Jabatan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab mendapati khidmat veterinar Jabatan Pertanian tidak pernah digunakan. Semua rawatan terhadap ternakan yang sakit dilakukan oleh peserta projek dan kakitangan Jabatan sendiri. Bagaimanapun, Jabatan telah membayar sejumlah RM700 kepada 2 veterinar luar untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan terhadap binatang peliharaan pada tahun 2001 dan 2002.

b) Kawalan Penyakit

Semakan Audit terhadap laporan hasil pemeriksaan veterinar luar mendapati binatang seperti rusa dan lembu memerlukan rawatan veterinar dari semasa ke semasa. Adalah didapati Jabatan ada membuat pemantauan kesihatan dengan menghantar sampel tahi/kencing/darah binatang ternakan ke Makmal Diagnostik Samarahan untuk dianalisa dan sampel bangkai untuk diagnosis kematian. Namun pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan sebenar binatang peliharaan

yang telah mati akibat penyakit kerana Jabatan tidak menyelenggara rekod yang lengkap.

Pada pandangan Audit, Jabatan sepatutnya bekerjasama dengan Jabatan Pertanian untuk menyedia khidmat nasihat dan teknikal kepada peserta.

27.2.7 Program Latihan

Bagi meningkatkan pengetahuan kakitangan Jabatan dan peserta projek, Jabatan telah mengadakan beberapa kursus dan lawatan pada tahun 2001 sehingga 2003. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kos untuk latihan tidak ditunjukkan secara berasingan di dalam penyata perbelanjaan projek sebaliknya dicaj di bawah peruntukan perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan kakitangan. Semakan Audit terhadap program latihan mendapati perkara berikut:

i) Pada tahun 2001, seramai 16 orang kakitangan telah menghadiri seminar dan kursus seperti *National Seminar On Agroforestry, Clone Identification For RRIM 2000 Series And Bud Grafting Techniques*, Botani, Kursus Penuaian Tanduk Rusa, *Course In Vegetative Propagation* dan kursus membuat biji benih cendawan. Selain itu, seorang pegawai juga telah menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Mengenai Pengeluaran Dan Pemasaran Untuk Hasil Hutan-Tani yang dianjurkan oleh FAMA pada tahun 2001. Pada tahun 2002, seorang pegawai telah menjalani latihan *Course In Forest Plantation Practices For Field Supervisors* di Stesen Penyelidikan Hutan Niah, manakala seorang lagi telah menjalankan kajian *Crossbreeding Of Deer For Commercialization* di Universiti Putra Malaysia. Pada tahun 2003 pula, seramai 3 orang pegawai telah menghadiri taklimat dan seminar berkaitan dengan pengeluaran produk hutan. Dengan

demikian, semua pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan Projek Hutan-Tani telah berpeluang menambah ilmu pengetahuan mereka berhubung dengan pengurusan pertanian.

ii) Jabatan tidak mengadakan latihan berkaitan dengan pengurusan projek untuk peserta projek pada tahun 2001 dan 2002. Bagaimanapun, Pusat Latihan Sabal telah menganjurkan 2 bengkel pada tahun 2003 iaitu Bengkel Latihan Ketua Kaum yang melibatkan 66 peserta dan Bengkel Pengurusan Alam Sekitar yang dihadiri oleh 30 peserta. Mereka yang terlibat adalah Ketua Kaum dan ahli Jawatankuasa Kerja Kampung. Selain itu, tunjuk ajar dan nasihat hanya diberi oleh kakitangan Jabatan secara *in situ* kepada peserta apabila diperlukan.

Pada pandangan Audit, Jabatan masih memerlukan tenaga pekerja yang berpengetahuan untuk merancang dan menjalankan strategi tertentu seperti pemasaran produk. Kursus untuk peserta juga perlu dipertingkatkan bagi memastikan kejayaan projek yang mereka ceburi kerana kemudahan untuk latihan telah disediakan dengan secukupnya di Pusat Hutan-Tani Sabal.

27.2.8 Prestasi Projek

Adalah didapati pada akhir tahun 2003, hanya aktiviti pemeliharaan ikan kolam di Balai Ringin diteruskan. Manakala semua aktiviti di Niah telah diarah oleh Jabatan ditangguhkan pada awal tahun 2002 kerana berlakunya kes perbicaraan perbalahan tuntutan hak tanah (*land dispute)* oleh penduduk. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perbelanjaan berjumlah RM173,720 telah dibuat bagi projek ini bagi tempoh tahun 2002 hingga 2003. Perbelanjaan adalah untuk bayaran gaji dan upah, perolehan bekalan dan bahan, kos kerja penyenggaraan dan kos melaksanakan projek pembangunan masyarakat. Lawatan Audit mendapati peserta hanya menyenggara pokok buah-buahan dan

4 kolam ikan. Pihak Audit tidak dapat menentukan hasil daripada kedua aktiviti ini kerana rekod tidak disimpan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, temu bual dengan peserta mendapati secara keseluruhannya kebanyakan hasil tanaman dan ternakan adalah untuk kegunaan sendiri dan selebihnya dijual secara runcit.

Semakan lanjut Audit terhadap rekod prestasi projek serta lawatan Audit ke ladang di Hutan-Tani Sabal, Balai Ringin dan Niah mendapati perkara berikut:

i) Ternakan Rusa Dan Babi Hutan

Seluas 25 hektar kawasan Hutan Simpan Sabal-Tapang dipilih sebagai tapak projek pemeliharaan rusa dan 5.2 hektar untuk kawasan babi hutan yang melibatkan 19 keluarga. Projek ternakan rusa dimulakan dengan pemeliharaan 4 ekor rusa pada tahun 1989 dan populasi pada pertengahan tahun 2003 adalah 139 ekor. Sila lihat **Foto 6**.

Foto 6
Projek Ternakan Rusa Di Tapak Hutan-Tani Sabal

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 2 Oktober 2003

Sementara itu, projek pemeliharaan babi hutan dimulakan pada pertengahan tahun 1988 dengan 5 ekor babi hutan. Sehingga pertengahan tahun 2003, bilangan babi hutan dalam peliharaan adalah 56 ekor. Kos untuk permulaan aktiviti ini ialah RM20,833.

Mengikut penerangan Jabatan Pertanian, seekor rusa betina berusia 2 tahun boleh melahirkan 2 ekor anak secara purata dalam tempoh 3 tahun. Manakala babi hutan berusia 3 tahun boleh melahirkan 4 ekor anak secara purata setahun. Menurut pegawai yang bertanggungjawab terhadap projek, bilangan ternakan yang ada sekarang agak rendah kerana kadar kematian ternakan rusa agak tinggi iaitu 40% disebabkan tiada penjagaan rusa betina/ibu dan selalu berlaku serangan oleh rusa jantan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak mendapat bukti untuk menyokong perkara ini. Semakan Audit terhadap laporan prestasi projek bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 mendapati bilangan rusa yang mati adalah 54 ekor dan 8 ekor disembelih semasa majlis rasmi dan sebagainya. Sementara maklumat mengenai kadar kelahiran dan bilangan kematian babi hutan tidak dapat diperolehi kerana rekod tidak diselenggarakan. Pegawai bertanggungjawab menjelaskan bilangan ternakan babi hutan agak rendah disebabkan sifat karnivora babi dewasa yang memakan anak. Selain itu, ada juga babi hutan yang terlepas melalui pagar yang roboh, misalnya sebanyak 12 ekor telah terlepas pada tahun 2003.

Adalah didapati Jabatan tidak menetapkan sasaran jumlah tahunan untuk kedua ternakan ini. Selain itu, pihak Audit tidak dapat menentukan perkembangan populasi kedua ternakan ini seperti bilangan kelahiran, kematian, kehilangan dan sebagainya kerana rekod tidak diselenggara dengan lengkap. Semakan Audit

seterusnya mendapati belum ada hasil jualan daripada kedua binatang ternakan tersebut. Selain daripada mengutamakan proses pembiakan, pegawai yang bertanggungjawab menjelaskan pemeliharaan kedua ternakan ini memberi peluang kepada Jabatan untuk mengkaji tindak balas dan pembiakan binatang liar dalam keadaan terkurung. **Pada pandangan Audit, amalan ini sudah bercanggah dengan objektif projek untuk meningkatkan pendapatan peserta.** Aktiviti ini belum menunjukkan sebarang pencapaian sungguhpun sudah beroperasi melebihi 14 tahun dan para peserta belum mendapat hasil daripadanya.

ii) Tanaman Durian Dan Koko

Projek penanaman durian dan koko di Hutan Simpan Sabal bermula pada tahun 1988 di 3 kawasan seluas 127 hektar iaitu Sabal Kruin, Sabal Apeng dan Sungai Kura. Biji durian dan koko dibekalkan oleh Unit Semaian Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pertanian. Semakan Audit terhadap laporan tahun 2001 menunjukkan projek telah menghasilkan 2,750 biji durian. Selain kegunaan sendiri, hasil jualan yang diperolehi berjumlah RM2,000. Bagaimanapun, laporan kedudukan hasil pada tahun 2002 dan 2003 tidak dapat diperolehi semasa auditan kerana rekod yang diselenggara tidak lengkap. Manakala penanaman koko agak kurang berjaya disebabkan benih koko yang digunakan kurang berkualiti, kawasan penanaman tidak sesuai dan terdapat banyak serangga perosak berserta kurang jagaan oleh peserta. Oleh yang demikian, banyak pokok koko telah mati dan pada bulan September 1999, penanaman ini diganti dengan tanaman pokok getah.

iii) Ternakan Ikan Kolam Dan Pemeliharaan Ayam/Itik

Tanah yang tidak sesuai untuk pertanian telah digunakan untuk projek pemeliharaan ikan dan ternakan ayam serta itik. Aktiviti ini dimulakan pada tahun 1990 di kawasan seluas 0.65 hektar di Sabal dan di tapak seluas 4 hektar di Hutan Kawalan Balai Ringin. Sementara di Niah aktiviti ini dimulakan pada tahun 1996 dengan keluasan kolam 0.5 hektar.

Semakan Audit mendapati sebahagian besar dari peruntukan perbelanjaan adalah untuk membekalkan anak ayam dan benih ikan. Selain itu, Jabatan juga membantu menyediakan kolam ikan tetapi penyenggaraannya dikendali sendiri oleh para peserta. Pada tahun 2003, ada 9 kolam ikan seluas 4 hektar di Sabal, lapan kolam seluas 1.6 hektar di Balai Ringin dan 4 kolam seluas 0.5 hektar di Niah. Tinjauan Audit di 2 tapak kolam ikan di Balai Ringin mendapati persekitarannya ditumbuhi oleh rumput panjang dan tidak disenggarakan dengan baik oleh peserta seperti **Foto 7.**

Foto 7
Kolam Ikan Di Tapak Hutan-Tani Balai Ringin

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 2 Oktober 2003

Mengikut laporan Jabatan, faktor yang menyebabkan projek ini kurang berjaya adalah disebabkan hasil keluaran ikan tidak mencapai sasaran 3,000 kilogram setahun sedangkan hasilnya perlu dikongsi oleh terlalu ramai peserta iaitu 21 keluarga. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan hasil sebenar ikan kerana rekod yang diselenggara tidak lengkap dan tidak kemas kini. Manakala aktiviti pemeliharaan ternakan ayam dan itik juga menghadapi kegagalan disebabkan peserta tidak berminat untuk memajukan penternakan tersebut. Lawatan Audit ke ladang di Niah mendapati reban ayam yang disediakan tidak digunakan kerana ternakan ayam tidak diusahakan lagi. Temu bual Audit dengan beberapa peserta mendapati mereka lebih suka membuat aktiviti pertanian secara persendirian daripada aktiviti berkelompok/berkongsi.

iv) Tanaman Berintegrasi/Berlapis

Projek tanaman berintegrasi/berlapis dimulakan pada tahun 1995 di kawasan seluas 17 hektar di tapak Hutan-Tani Sabal dan 50 hektar di tapak projek Hutan Simpan Niah pada tahun 1994. Di Sabal, aktiviti yang dijalankan merupakan tanaman nenas, petai, ubi kayu dan buah-buahan lain dalam ladang *Acacia Mangium* dan engkabang. Laporan prestasi projek pada tahun 2002 menunjukkan hasil ubi kayu berjumlah 3,647 kilogram. Hasil ini menurun pada pertengahan tahun 2003 menjadi hanya 960 kilogram. Hasil tanaman ini selain untuk kegunaan sendiri dan jualan, juga dijadikan makanan babi hutan dan rusa. Adalah didapati tiada laporan disediakan mengenai jenis tanaman yang lain. Manakala di Niah, penanaman 7,000 pokok pisang dan 1,440 pokok buah-buahan seperti nangka, cempedak dan durian telah diusahakan. Bagaimanapun, tiada laporan prestasi yang lengkap disediakan mengenai aktiviti ini.

v) Pemeliharaan Lebah Madu

Aktiviti ini dimulakan dengan pemeliharaan 19 koloni lebah pada bulan Disember 2001 di kawasan seluas 2 hektar di Hutan-Tani Sabal. Aktiviti ini adalah usaha bersama Jabatan dengan Jabatan Pertanian. Pada tahun 2003, aktiviti ini masih di bawah pengawasan Jabatan dan peserta terlibat hanya diupah sebagai pembantu.

Pemeriksaan Audit terhadap laporan prestasi projek menunjukkan sehingga bulan Disember 2002, hanya 16 koloni masih dalam pembiakan manakala 3 koloni telah musnah semasa musim hujan. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Oktober 2003 mendapati 24 koloni lebah dalam pemeliharaan iaitu bertambah 8 koloni baru. Sehingga pertengahan tahun 2003, jumlah madu yang telah dituai hanya 5 kilogram. Jumlah hasil ini adalah terlalu rendah kerana mengikut penerangan Jabatan Pertanian, hasil purata yang boleh dikeluarkan oleh satu koloni adalah 10 kilogram satu tahun. Selain itu, hasil ini hanya disimpan kerana ianya belum mencapai tahap komersial untuk dipasarkan.

vi) Tanaman Cendawan

Penyelidikan untuk mengusahakan projek cendawan telah dimulakan pada tahun 1996 dengan bantuan nasihat teknikal daripada Jabatan Pertanian dan MARDI. Lawatan Audit ke tapak projek di Hutan-Tani Sabal pada pertengahan tahun 2003 mendapati aktiviti penanaman telah diberhentikan untuk sementara waktu kerana Jabatan sedang menjalankan kerja pengubahsuaian rumah penanaman dan tempat pengukusan tabung cendawan dan makmal untuk benih. Pada masa kini, projek ini belum diserah kepada peserta kerana menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang berpengetahuan teknikal

untuk mengendalikannya. Peserta projek dibayar upah untuk mengendali kerja berkaitan.

vii) Ternakan Lembu, Kambing Dan Bebiri

Projek pemeliharaan lembu, kambing dan biri-biri dimulakan pada tahun 1987 di Sabal dalam kawasan penanaman *Acacia Mangium* seluas 20 hektar. Projek yang sama telah dimulakan pada tahun 1994 di Niah di dalam kawasan setempat seluas 15 hektar. Adalah didapati aktiviti di Sabal telah dihentikan pada pertengahan tahun 2001 kerana masalah penyakit, padang ragut yang tidak subur dan kekurangan tenaga mahir. Semakan Audit terhadap laporan prestasi untuk aktiviti di Niah mendapati pada bulan Mac 2003, ada 12 ekor lembu dan 10 ekor bebiri dalam peliharaan. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Oktober 2003 mendapati projek ini tidak beroperasi lagi dan kemudahan seperti kandang terbiar kosong kerana semua ternakan telah dijual. Sila lihat **Foto 8**.

Foto 8
Kandang Kambing Yang Terbiar Kosong-Tapak Hutan-Tani Niah

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh: 14 Oktober 2003

viii) Projek Pembangunan Masyarakat

Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM323,247 bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 untuk menjalankan projek pembangunan masyarakat di kampung persekitaran Hutan Simpan. Kemudahan yang diberi adalah seperti pembekalan air bukit, membuat perparitan, membina jambatan kampung, membaik pulih jalan kampung dan sebagainya. Kebanyakan projek yang dijalankan adalah atas permintaan penduduk tempatan dan selainnya sumbangan khas Jabatan berdasarkan keperluan semasa. Pelaksanaan projek dibuat secara gotong-royong atau dikontrakkan melalui Jabatan Kerja Raya. Hasil temu bual dan tinjauan Audit semasa membuat lawatan ke tapak projek mendapati penduduk berpuas hati terhadap kemudahan yang diberi.

Pada pandangan Audit, prestasi Projek Hutan-Tani Dan Pembangunan Masyarakat kurang berjaya kerana tidak mendapat sambutan sepenuhnya daripada peserta terutamanya di Balai Ringin dan Niah. Oleh itu, Jabatan perlu mengkaji semula kesesuaian jenis tanaman dan ternakan yang dicadangkan supaya boleh menjanakan hasil dan diminati oleh peserta bagi meningkatkan pendapatan dan penyertaan penduduk kampung.

27.2.9 Pencapaian Objektif Projek

i) Pencerobohan Hutan Simpan

Pada awal tahun lapan puluhan, seluas 2,000 hektar daripada 7,833 hektar kawasan Hutan Simpan Sabal telah dicerobohi oleh pengamal pertanian pindah. Manakala 4,500 hektar daripada 11,733 hektar Hutan Kawalan Balai Ringin dan 3,257 hektar daripada 10,855 hektar di Hutan Simpan Niah telah dicerobohi. Selepas 16 tahun projek dilaksanakan, tiada lagi pencerobohan di kawasan Hutan Simpan Sabal. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati amalan pertanian pindah masih berlaku di kawasan Hutan Kawalan Balai Ringin dan Hutan Simpan Niah. Luas kawasan sebenar yang dicerobohi tidak diketahui kerana Jabatan tidak mempunyai rekod berkenaan.

ii) Pendapatan Penduduk

Selain daripada menjalankan kajian sendiri, Jabatan juga telah melantik sebuah firma konsultan pada tahun 1994 untuk menjalankan kajian terhadap peningkatan sosioekonomi peserta di Hutan-Tani Sabal. Semakan Audit terhadap laporan hasil kajian tersebut mendapati kedudukan sosioekonomi penduduk di Hutan-Tani Sabal telah meningkat selepas projek dilaksanakan. Pendapatan purata bulanan peserta telah meningkat daripada RM196 pada tahun 1985 menjadi RM793 pada tahun 1999.

Manakala taraf kemiskinan telah jatuh dari 80% pada tahun 1985 menjadi 35.2% pada tahun 1998. Kedudukan seterusnya tidak dapat ditentukan kerana tiada laporan disediakan oleh Jabatan. Pihak Audit mendapati taraf hidup penduduk terutamanya di Sabal telah meningkat memandangkan penduduk mempunyai kenderaan dan peralatan rumah yang lengkap. Bagaimanapun, sumbangan projek ini terhadap peningkatan taraf hidup penduduk tersebut tidak jelas kerana peserta juga telah dibayar gaji dan upah untuk menjalankan aktiviti projek di samping membuat kerja luar yang lain.

Pada pandangan Audit, Jabatan belum mencapai matlamatnya untuk membendung pencerobohan terhadap Hutan Simpan dengan sepenuhnya kerana amalan ini masih berleluasa di Balai Ringin dan Niah. Selain itu, peningkatan pendapatan yang ketara bukan disebabkan hasil tani sahaja tetapi juga daripada hasil bayaran upah oleh Jabatan untuk kerja penyenggaraan projek.

Pada pandangan Audit, Jabatan Perhutanan perlu bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dan Jabatan teknikal lain bagi mendapat khidmat nasihat dan bantuan teknikal secara berterusan supaya Projek Hutan-Tani dapat mencapai matlamatnya. Tahap pengurusan projek secara amnya masih tidak rapi dan perlu diberi pendekatan baru. Sebagai contoh, ternakan rusa dan lebah lebih merupakan aktiviti Jabatan sendiri dan peserta hanya dibayar gaji sebagai pembantu. Selain itu, Jabatan perlu merancang pemasaran hasil untuk memberi dorongan kepada peserta untuk lebih berusaha. Jabatan juga perlu menyelenggara rekod dengan sempurna dan kemas kini untuk tujuan pemantauan.

27.3 PEMANTAUAN

Unit Hutan-Tani Dan Pembangunan Masyarakat adalah bertanggungjawab melaksana dan mengurus Projek Hutan-Tani. Prestasi dan kemajuan projek ini dipantau oleh pihak bertanggungjawab sama ada di peringkat Ibu Pejabat, Kementerian dan Kerajaan Negeri melalui berbagai laporan dan perbincangan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kedua pihak tersebut.

27.3.1 Pemantauan Di Peringkat Ibu Pejabat

Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Projek di peringkat Ibu Pejabat, Kuching. Jawatankuasa ini dipengerusi oleh Pengarah dan ahlinya terdiri daripada semua Ketua Bahagian termasuk Ketua Unit Hutan-Tani Dan Pembangunan Masyarakat. Semakan Audit mendapati pada tahun 2001 hingga 2003, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat setiap bulan seperti yang dijadualkan. Antara perkara yang dibincangkan seperti laporan pemeriksaan tapak projek, laporan prestasi projek dan perbelanjaan. Selain itu, pegawai bertanggungjawab dengan projek ini juga akan bermesyuarat dengan ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung bila diperlukan untuk mendapat maklumat dan pandangan terus daripada wakil peserta. Bagaimanapun, laporan hasil perbincangan tidak disediakan.

Jabatan juga ada menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Dan Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan yang telah bermesyuarat setiap suku tahun. Mesyuarat ini juga dihadiri oleh wakil dari Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Perancangan Ekonomi dan Jabatan Kerja Raya.

27.3.2 Pemantauan Di Peringkat Kementerian Dan Kerajaan Negeri

Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber memantau prestasi projek melalui laporan bulanan projek dan mesyuarat bersama dengan Jabatan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga membuat pemantauan melalui Jawatankuasa Pemantauan Projek Negeri dan mengadakan mesyuarat bulanan bersama dengan Jabatan. Jawatankuasa ini antara lain membincang mengenai laporan perbelanjaan dan kemajuan Projek Hutan-Tani yang dikemukakan oleh Jabatan Perhutanan.

Pada pandangan Audit, pada keseluruhannya sistem pemantauan yang diamalkan oleh Jabatan adalah mencukupi. Bagaimanapun, Jabatan perlu membuat tinjauan terhadap jenis tanaman dan ternakan yang diminati oleh penduduk/peserta untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek. Selain itu, Jabatan juga perlu meningkatkan penguatkuasaan terhadap pencerobohan yang masih berlaku di Hutan Kawalan Balai Ringin dan Hutan Simpan Niah.

28. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pihak Audit berpendapat Jabatan telah berusaha untuk memberi peluang kepada peserta untuk menjayakan Projek Hutan-Tani. Bagaimanapun, secara keseluruhannya Projek ini belum mencapai matlamat yang diharapkan. Bagi memantapkan pelaksanaan projek ini, adalah disyorkan supaya Jabatan mengambil tindakan berikut :

i) mendapat khidmat nasihat dan teknikal secara berterusan daripada Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan teknikal lain jika diperlukan;

ii) menimbang cadangan peserta mengenai tanaman dan penternakan yang ingin diceburi dan memastikan aktiviti tersebut dapat menghasilkan keuntungan kepada mereka dengan mengambil kira peluang pemasaran semasa;

iii) mempertingkatkan latihan para peserta supaya mereka sedar akan tanggungjawab menjaga keutuhan Hutan Simpan;

iv) menggunakan sepenuhnya kemudahan latihan yang ada di Pusat Hutan-Tani Sabal;

v) mengemas kini statistik kawasan Hutan Simpan yang dicerobohi bagi mengukur kejayaan atau kegagalan projek yang dilaksanakan;

vi) menyelenggara rekod berkaitan yang lengkap dan kemas kini untuk memantau prestasi projek; dan

vii) menyedia projek/program alternatif untuk peserta selanjutnya apabila tempoh permit sudah tamat nanti.

JABATAN KERJA RAYA

PENGURUSAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR BAHAGIAN KUCHING

29. LATAR BELAKANG

Program bekalan air luar bandar di Sarawak adalah bertujuan membekalkan air bersih terawat yang mencukupi untuk minuman dan pelbagai kegunaan lain bagi penduduk yang tinggal di luar kawasan bekalan air yang disediakan oleh Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu dan Lembaga Air Kawasan Utara di kawasan Miri. Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya (Jabatan) telah diberi tanggungjawab mengurus bekalan air bersih ke semua kawasan yang bukan tanggungjawab Lembaga berkenaan. Bekalan air bagi Bahagian Kuching yang meliputi Daerah Kuching, Bau dan Lundu adalah diperolehi daripada 7 buah loji rawatan air milik Jabatan. Loji tersebut berupaya mengeluarkan air sebanyak 22.43 juta liter sehari untuk dibekalkan ke Daerah berkenaan.

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching telah membelanjakan sejumlah RM11.47 juta untuk projek pembangunan bekalan air luar bandar dan sejumlah RM7.80 juta untuk operasi dan penyenggaraan seperti pembelian bahan kimia, pembelian air bersih, gaji dan lain-lain. Bagi tempoh yang sama, jumlah kutipan hasil air ialah RM10.16 juta.

30. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan bekalan air dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat untuk membekalkan air bersih terawat kepada penduduk luar bandar.

31. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di Cawangan Bekalan Air Dan Pembetungan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya dan Seksyen Bekalan Air Bahagian/Daerah Kuching, Bau dan Lundu dengan menyemak rekod berkaitan pengurusan bekalan air terawat luar bandar bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 serta rekod tahun sebelumnya jika berkenaan. Pengauditan bertumpu kepada program pembangunan yang dilaksanakan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri, mutu perkhidmatan seperti kawalan kualiti air, tindakan terhadap aduan pengguna, proses pengeluaran bil dan tindakan penguatkuasaan. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan ke loji di Kuching, Bau dan Lundu juga diadakan.

32. PENEMUAN AUDIT

32.1 PERANCANGAN

Perancangan adalah penting bagi mencapai objektif program. Ia meliputi rancangan untuk menyediakan kemudahan sistem bekalan air seperti membina empangan, membina atau membaik pulih loji, menyediakan tangki simpanan air dan saluran paip. Pemerhatian Audit terhadap perancangan Jabatan adalah seperti berikut:

32.1.1 Struktur Pengurusan Program

Program Bekalan Air Luar Bandar di peringkat Ibu Pejabat Jabatan diuruskan oleh Cawangan Bekalan Air Dan Pembetungan, manakala di peringkat Bahagian pula diuruskan oleh Seksyen Bekalan Air. Cawangan Bekalan Air Dan Pembetungan di Ibu Pejabat diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Gred J48 dan dibantu oleh 22 Jurutera serta 39 kakitangan teknikal dan sokongan lain. Cawangan ini bertanggungjawab merancang, membangun dan mengurus bekalan air di seluruh Sarawak. Manakala Seksyen Bekalan Air di peringkat

Bahagian Kuching pula terbahagi kepada 4 Unit iaitu Unit Operasi Dan Penyenggaraan Bekalan Air, Unit Kerja Pembinaan Dan Pembangunan Projek, Unit Pentadbiran Am Dan Akaun dan Unit Khidmat Pengguna. Seksyen ini diketuai oleh seorang Jurutera Bahagian Gred J48 dan dibantu oleh seorang Jurutera Air Gred J41 serta 89 kakitangan. Antara tugas utama Seksyen adalah menyelia projek, menyenggara loji, memproses permohonan dan membekalkan air bersih, mengurus kutipan hasil, mengemas kini akaun pengguna dan melaksanakan kerja penyenggaraan lain seperti membaiki paip rosak serta memasang meter. Manakala tugas penguatkuasaan dilaksanakan oleh Unit Operasi Dan Penyenggaraan Bekalan Air dan Unit Khidmat Pengguna (Pembaca Meter).

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan Program di peringkat Ibu Pejabat dan Bahagian adalah memuaskan. Tenaga kerja yang ada dijangka berupaya merancang dan melaksanakan aktiviti berkaitan Program Bekalan Air Luar Bandar dengan cekap dan berkesan. Namun begitu, Jabatan perlu mengkaji untuk menubuhkan Unit Penguatkuasaan agar aktiviti penguatkuasaan dapat dirancang dengan lebih tersusun.

32.1.2 Matlamat Program

Matlamat utama program ini adalah untuk membekalkan air bersih yang dirawat kepada penduduk luar bandar. Semakan Audit mendapati bekalan air bersih yang dirawat tidak mencukupi bagi keperluan penduduk Daerah Kuching, Bau dan Lundu yang memerlukan kira-kira 21.07 juta liter air sehari berbanding dengan pengeluaran air bersih berjumlah 19.87 juta liter air sehari (selepas diambil kira 22% kehilangan hasil air). Bekalan air bersih diperolehi daripada 7 buah loji rawatan air yang beroperasi iaitu Tapah/Beratok/Siburan (9.07 juta liter air sehari), Bako (0.44 juta liter

air sehari), Muara Tebas (0.29 juta liter air sehari), Siniawan (1.16 juta liter air sehari), Bau (5.92 juta liter air sehari), Lundu (2.25 juta liter air sehari) dan Sematan (0.74 juta liter air sehari). Selain itu, bagi penduduk di kawasan Damai dan Santubong, bekalan air bersih diperolehi dari Lembaga Air Kuching.

Pada pandangan Audit, Jabatan mempunyai perancangan yang baik bagi menambahkan bekalan air bersih yang dirawat kepada penduduk luar bandar.

32.1.3 Sasaran Program

i) Kawasan Liputan Bekalan Air Bersih

Semakan Audit mendapati Jabatan mensasarkan untuk membekalkan air bersih yang dirawat menjadi 75% daripada jumlah penduduk di seluruh Sarawak yang berjumlah 2.26 juta orang pada tahun 2005. Bagaimanapun, sasaran bekalan air bersih secara khusus untuk setiap Bahagian tidak dinyatakan. Bagi mencapai sasaran tersebut, berbagai projek pembangunan dirancang seperti membina empangan, membina/menaik taraf loji dan memasang saluran paip baru.

ii) Kutipan Hasil

Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan mensasarkan kutipan hasil air sejumlah RM14.40 juta berbanding RM7.45 juta bagi tempoh tahun 1998 hingga 2000. Sasaran ini dibuat berdasarkan kepada jangkaan peningkatan bilangan pengguna iaitu antara 22% hingga 32% setahun.

iii) Kehilangan Air

Semakan Audit mendapati Jabatan merancang untuk mengurangkan kadar kehilangan hasil air, namun sasaran kadar pengurangan dan kaedah mengatasi kehilangan air tersebut tidak ditetapkan secara khusus. Kadar kehilangan air yang dialami sekarang adalah 22%.

Pada pandangan Audit, Jabatan berupaya memperluaskan kawasan liputan bekalan air bersih berdasarkan kepada perancangan projek pembangunan yang disusun dengan rapi dan sekali gus dapat meningkatkan kutipan hasil jualan air. Bagaimanapun, Jabatan perlu menetapkan sasaran yang khusus bagi setiap Bahagian supaya kaedah pelaksanaannya dapat dirancang dengan lebih teratur.

32.1.4 Kaedah Pelaksanaan Dan Anggaran Kos

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan perlu melaksanakan 3 projek lama yang tidak sempat disiapkan iaitu Projek Bekalan Air Tasik Biru, Santubong/Teluk Bandung dan Tapah/Beratok/Siburan Fasa ll. Selain itu 5 projek baru iaitu Bekalan Air Luar Bandar Utama, Pemulihan Sistem Bekalan Air, Skim Bekalan Air Wilayah Bau/Lundu/Sematan, Bekalan Air Kawasan Puncak Borneo dan Empangan Bengoh juga perlu dilaksanakan. Antara komponen projek yang dirancang adalah seperti membina empangan, loji dan kolam simpanan air serta memasang, mengganti dan memulih saluran paip utama.

Perolehan perkhidmatan dan bekalan bagi melaksanakan projek akan dibuat melalui panggilan tender dan sebut harga. Bagi projek yang melibatkan juruperunding, pelantikan akan dibuat oleh Setiausaha Kewangan Negeri. Sejumlah RM258.50 juta dianggarkan untuk

melaksanakan berbagai projek pembangunan bagi tempoh RMK8. Manakala bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, adalah dianggarkan sejumlah RM17.76 juta diperlukan untuk melaksanakan sebahagian daripada projek pembangunan tersebut. Bagi projek Bekalan Air Luar Bandar Utama dan Pemulihan Sistem Bekalan Air, peruntukan akan dibuat secara pukal melibatkan semua Bahagian. Setiap Bahagian perlu mengemukakan cadangan projek ke Ibu Pejabat untuk diluluskan. Komponen dan anggaran kos projek yang akan dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 38.**

Jadual 38
Rancangan Projek Pembangunan Bekalan Air Luar Bandar Bagi Tempoh RMK8

Jenis Projek Mengikut Kawasan	Aktiviti Projek	Nilai Skim (RM Juta)	Anggaran Peruntukan RMK8 (RM Juta)	Anggaran Peruntukan 2001-2003 (RM Juta)
A. Skim/Projek Lama (Projek Sambungan RMK7)				
1. Bekalan Air Tasik Biru	Memasang Saluran Paip	5.50	0.50	0.60
2. Santubong/Teluk Bandung	Membina Stesen Pam Penggalak Air Dan Kolam Simpanan Air	60.00	4.00	2.70
3. Tapah/Beratok/Siburan Fasa II	Memasang Saluran Paip, Membina Stesen Pam Penggalak Dan Menaik Taraf Loji	15.00	15.00	0.52
B. Skim/Projek Baru				
1. Skim Bekalan Air Wilayah Bau/Lundu/Sematan	Membina Loji dan lain-lain	100.00	86.00	6.00
2. Bekalan Air Kawasan Puncak Borneo	Memasang Saluran Paip	10.00	10.00	0.35
3. Empangan Bengoh	Membina Empangan	203.00	25.00	0.70
4. Bekalan Air Luar Bandar Utama Di Pelbagai Kawasan	Memasang Saluran Paip	*150.00	*43.00	6.18
5. Pemulihan Dan Pembaikan Kecil Sistem Bekalan Air Di Pelbagai Kawasan	Memulih Dan Membaiki Saluran Paip	*115.00	*75.00	0.71
* Semua Bahagian				
Jumlah		**658.50**	**258.50**	**17.76**

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Pada pandangan Audit, perancangan projek yang disediakan adalah baik. Jabatan telah mengambil kira projek yang belum sempat disiapkan pada tempoh RMK7. Namun begitu, Jabatan hendaklah

memastikan projek yang dirancang itu dilaksanakan sepenuhnya pada tempoh yang ditetapkan.

Pada pandangan Audit, Program Bekalan Air Luar Bandar telah dirancang dengan baik. Aktiviti yang akan dilaksanakan telah dirancang dengan teratur. Bagaimanapun, bagi mengelak Kerajaan terus mengalami kerugian hasil air, Jabatan perlu mengenal pasti punca sebenar kehilangan air dan merancang dengan jelas kaedah mengatasinya. Sasaran pengurangan yang ingin dicapai juga perlulah ditetapkan dengan jelas.

32.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan projek pembangunan melibatkan pelantikan juruperunding, kontraktor dan perolehan bekalan bahan atau peralatan dan kelengkapan kerja paip selain bahan api untuk jana kuasa loji dan bahan kimia untuk rawatan air. Bagi tempoh tahun 2001 hingga tahun 2003, sejumlah RM16.76 juta diluluskan bagi melaksanakan berbagai projek pembangunan termasuk projek sambungan RMK7.

32.2.1 Kawasan Tadahan Air

Kawasan tadahan air perlu diwartakan sebagai kawasan larangan bagi mengawal segala bentuk aktiviti seperti pembalakan, perlombongan dan pertanian. Ia bertujuan bagi mengelak berlakunya pencemaran dan pemusnahan terhadap sistem air yang boleh mengakibatkan proses rawatan air menjadi lebih sukar dan kosnya akan meningkat pada masa akan datang. Semakan Audit mendapati Jabatan mempunyai 88 kawasan tadahan air di seluruh Sarawak termasuk 7 di Daerah Kuching. Bagaimanapun, Jabatan belum lagi mewartakan kesemua kawasan tadahan air tersebut dan merancang untuk mewartakannya dalam masa 5 tahun lagi.

Pada pandangan Audit, pewartaan kawasan tadahan air perlu dipercepatkan bagi menjaga kepentingan kawasan tersebut daripada dicerobohi seperti kegiatan pembalakan yang boleh menjejaskan paras takungan air dan pencemaran kepada sistem air yang boleh mengakibatkan Kerajaan berbelanja lebih besar untuk merawat air.

32.2.2 Perolehan Kerja

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM11.47 juta telah dibelanjakan bagi melaksana berbagai projek pembangunan seperti membina/menaik taraf loji, memasang saluran paip, membina pam penggalak dan membeli peralatan loji. Projek dilaksanakan secara sebut harga dan tender. Sejumlah 37 projek telah dilaksanakan secara sebut harga bernilai RM1.14 juta dan 7 projek lagi dilaksanakan secara tender dengan kosnya berjumlah RM6.84 juta. Daripada sejumlah 37 sebut harga yang ditawarkan bagi kerja pemasangan paip, sepuluh daripadanya dibuat secara 'peratus potongan harga' iaitu kontraktor yang menawarkan potongan harga tertinggi akan dipilih dan pembayaran akan dibuat berdasarkan kepada senarai kadar harga yang diluluskan oleh Jabatan.

i) Pemilihan Kontraktor Dan Juruperunding

Semakan Audit mendapati pemilihan kontraktor dan juruperunding adalah teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Pemilihan kontraktor dicadangkan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender dan dipilih oleh Lembaga Tender Negeri setelah mengambil kira kepentingan Kerajaan dari segi harga kontrak, penilaian teknikal dan kedudukan kewangan kontraktor. Manakala pelantikan juruperunding dibuat oleh Setiausaha Kewangan Negeri dengan berdasarkan kepada cadangan yang dikemukakan oleh Ibu Pejabat. Semakan lanjut Audit mendapati sejumlah 49 kontraktor

telah dilantik bagi melaksanakan projek pembangunan iaitu 7 kontraktor dilantik melalui panggilan tender, tiga puluh tujuh melalui sebut harga dan 5 juruperunding.

ii) Dokumen Perjanjian

Perjanjian perlu dibuat antara pihak kontraktor dengan Kerajaan bagi menjamin kepentingan kedua belah pihak. Semakan Audit mendapati perjanjian kontrak ada dimeterai antara kontraktor dengan Kerajaan. Semua kepentingan Kerajaan seperti bon pelaksanaan, insurans, pelan dan spesifikasi kontrak, denda dan tempoh kecacatan telah dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian tersebut.

Pada pandangan Audit, perolehan kerja telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

32.2.3 Prestasi Projek

i) Skim/Projek Lama (Projek Sambungan)

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM2.82 juta telah diluluskan bagi melaksana 3 projek lama (projek sambungan RMK7). Kesemua 3 projek iaitu menaik taraf loji, membina stesen pam penggalak air (*booster pump*), memasang paip dan peralatan loji telah dilaksanakan. Pemeriksaan Audit terhadap 3 projek sambungan mendapati:

a) Pemasangan Saluran Paip Utama Di Kawasan Tasik Biru

Di bawah Projek Bekalan Air Kawasan Tasik Biru, satu projek sambungan iaitu projek tahun 2000 yang kosnya berjumlah RM995,135 melibatkan projek pemasangan paip sepanjang 12.6 km di 9 lokasi dan satu projek baru ke Jalan Browing, Jalan Bobak dan Jalan Burung sepanjang 8.25 km

bernilai RM613,910 perlu dilaksanakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Mengikut perjanjian kontrak, projek tersebut perlu disiapkan pada bulan Jun 2001 dan Februari 2002. Semakan Audit mendapati kedua projek tersebut telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dengan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM1 juta.

b) Pembinaan Stesen Pam Penggalak Air Dan Kolam Simpanan Air Konkrit Di Santubong/Teluk Bandung

Stesen pam penggalak air di Kampung Lumut dan kolam simpanan air konkrit di Teluk Bandung yang dirancang pada tahun 1999 siap dibina pada bulan Jun 2001 dengan belanja sejumlah RM5.11 juta. Stesen pam penggalak air juga telah dipasang dengan alat *Remote Water Quality And Non Revenue Water Monitoring System* berharga RM38,666. Sumbangan modal (*capital contribution)* sejumlah RM1 juta telah dibayar kepada Lembaga Air Kuching untuk kerja menyambung paip dan memasang meter air ke kawasan Santubong/Teluk Bandung. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM2.46 juta telah dibelanjakan termasuk sejumlah RM188,433 bagi bayaran juruperunding dan wang tahanan yang dijelaskan pada tahun 2002.

c) Bekalan Air Di Tapah/Beratok/Siburan Fasa ll

Semakan Audit mendapati loji di Tapah membekalkan air bersih kepada penduduk sekitar Tapah, Beratok, Siburan dan sebahagian penduduk di Serian. Loji sedia ada di Tapah yang berkapasiti 10 juta liter air sehari tidak mampu lagi membekalkan air bersih di kawasan berkenaan kerana telah beroperasi secara maksimum 24 jam. Justeru, kerja menaik taraf loji tersebut yang melibatkan kerja membaiki loji lama

yang tidak digunakan, memasang saluran paip utama dan membina stesen pam penggalak air untuk manfaat 40,000 penduduk di kawasan berkenaan telah dirancang untuk dilaksanakan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM520,000 telah diluluskan untuk melaksana projek tersebut. Bagaimanapun, projek tersebut ditangguhkan pelaksanaannya kerana bekalan air dari loji sedia ada masih mencukupi. Ini disebabkan bekalan air dari loji tersebut ke Serian diberhentikan perkhidmatannya apabila Serian telah mendapat bekalan air bersih dari *Prefabricated Water Treatment Plant* yang baru siap dibina pada tahun 2001. Jabatan sebaliknya melaksanakan 3 projek menggantikan saluran paip lama bernilai RM99,881 di Kampung Siburan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek sambungan adalah baik kerana disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

ii) Skim/Projek Baru

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM13.94 juta telah diluluskan bagi melaksana 5 projek baru. Sebanyak 3 daripada 5 projek iaitu Skim Bekalan Air Wilayah Bau/Lundu/Sematan, Bekalan Air Luar Bandar Utama dan Pemulihan Dan Pembaikan Kecil Sistem Bekalan Air telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM7.60 juta. Bagi 2 lagi projek iaitu memasang paip air ke kawasan Puncak Borneo dan membina Empangan Bengoh masih belum dilaksanakan walaupun sejumlah RM1.05 juta telah diluluskan. Pemeriksaan Audit terhadap rekod pelaksanaan projek tersebut mendapati:

a) Skim Bekalan Air Wilayah Bau/Lundu/Sematan

Komponen projek yang kos keseluruhannya dianggarkan berjumlah RM100 juta ini, adalah terdiri daripada tempat pengambilan air mentah (*water intake point*), pembinaan sebuah loji berkapasiti 25 juta liter air sehari, saluran paip utama sepanjang 260 km, stesen pam penggalak air dan 8 buah kolam yang boleh menampung 18.44 juta liter air. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, peruntukan sejumlah RM6 juta telah diluluskan bagi projek tersebut. Semakan Audit mendapati projek ini masih di peringkat perancangan di mana seorang juruperunding telah dilantik bagi melaksanakan kajian awal. Semakan lanjut Audit mendapati peruntukan tersebut digunakan bagi tujuan lain yang tidak ada kaitan dengan projek ini. Sejumlah RM5.65 juta telah dibelanja bagi tujuan berikut:

- Sejumlah RM2.18 juta dibelanjakan untuk membina dan menyiapkan *Interim Pumping Main* dari Loji Bau ke Sebuluh (RM339,272) dan membeli peralatan dan kelengkapan paip bernilai RM1.84 juta. Sejumlah RM347,864 juga dibelanjakan untuk membekal dan memasang alat loji seperti Sistem Pemantauan Kualiti Air Dan Kehilangan Hasil Air (*Water Quality And NRW Monitoring System)* dan *Alum Analyzer Measurement System.* Peruntukan tersebut juga dibelanjakan bagi menaik taraf *Digital Videographic Recorder And Monitoring Software*, membekal *Portable Disinfectant* dan *Electrical Submersible Pumpset* di loji Bau, Siniawan dan Sematan pada tahun 2001 dan 2002.
- Selain itu, sebuah Loji Rawatan Air Pelbagai Komponen (*Prefabricated Water Treatment Plant)* yang mempunyai kapasiti 20,000 gelen air sejam juga

dibina pada bulan Oktober 2001 dengan kos berjumlah RM491,716 (termasuk 16 kerja tambahan yang berjumlah RM76,216). Komponen projek adalah terdiri daripada pelantar untuk meletak 8 tangki simpanan air muatan 8,000 gelen setiap satu, dua unit tangki penapis, dua unit *MS Clarifier* dan memasang rangkaian saluran paip lengkap dengan peralatannya. Loji ini dibina bertujuan untuk menampung keperluan air di Daerah Bau kerana loji yang sedia ada tidak lagi berupaya membekalkan air bersih terawat kepada 19,344 penduduk di Daerah Bau yang memerlukan anggaran 8.40 juta liter air sehari berbanding dengan kapasiti loji sedia ada iaitu 7.20 juta liter air sehari walaupun beroperasi 24 jam.

- Lawatan Audit ke tapak loji berkenaan pada pertengahan tahun 2003 mendapati walaupun loji tersebut siap pada bulan Oktober 2002, namun loji tersebut masih belum dapat digunakan. Ini kerana 8 tangki simpanan air tidak dapat digunakan apabila pelantarnya yang dibina daripada kayu runtuh setelah tangki diisikan air. Sila lihat **Foto 9.**

Foto 9
Prefabricated Water Treatment Plant
Yang Siap Dibina Tetapi Belum Lagi Beroperasi

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh: 16 Julai 2003

Mengikut laporan jurutera, pelantar tersebut runtuh disebabkan oleh kegagalan reka bentuk (*under design)* yang tidak dapat menampung berat kesemua 8 tangki yang berisi air sejumlah 64,000 gelen. Justeru sebuah pelantar konkrit yang baru dibina dengan kos berjumlah RM38,750 bagi menggantikan pelantar yang runtuh. Walaupun pelantar baru siap dibina pada bulan April 2003, namun loji tersebut masih belum dapat beroperasi kerana kerja yang berkaitan dengannya seperti membina pam air mentah, saluran paip dan peralatan bahan kimia masih belum disiapkan. Akibatnya masalah kekurangan bekalan air bersih di Daerah Bau terutama di Kawasan Singai, Kampung Stenggang dan kampung sekitarnya belum dapat diatasi.

b) Bekalan Air Di Kawasan Puncak Borneo

Projek memasang saluran paip ke 13 buah kampung sepanjang 54 km dari Kampung Punan ke Kampung Padawan dan kawasan sekitarnya ini bernilai RM10 juta. Projek ini masih di peringkat perancangan. Pada bulan Mac 2002, juruperunding telah dilantik bagi menjalankan kajian awal. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM57,947 telah dibelanjakan bagi membiayai kos juruperunding tersebut.

c) Pembinaan Empangan Bengoh

Cadangan pembinaan Empangan Bengoh yang terletak di hulu Sungai Sarawak Kiri dalam Daerah Padawan/Bau melibatkan pembinaan empangan, kemudahan kuasa hidroelektrik, saluran penghantaran *(transmission lines)* dan kerja yang berkaitan. Kos keseluruhan pembangunannya dianggarkan berjumlah RM203 juta. Daripada sejumlah RM1 juta peruntukan yang diluluskan bagi tempoh RMK8, sejumlah RM700,000 adalah diperuntukkan untuk tahun 2001 hingga 2003 bagi bayaran juruperunding. Projek ini masih di peringkat perancangan awal di mana pelantikan 3 juruperunding telah diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri pada bulan Mei 2002 bagi menjalankan kajian kesan terhadap alam sekitar, *Peer Review, Consultancy Services for the Quantity Risk Analysis And Emergency Response Plan* dan *Civil And Structural .*

d) Bekalan Air Luar Bandar Utama

Komponen projek terdiri daripada memasang saluran paip utama sepanjang 1,200 km ke kawasan pesisiran pantai yang boleh dihubungi dengan jalan raya, laluan pejalan kaki dan

laluan lori balak. Manakala di kawasan yang jauh terpencil dan berbukit pula akan dibangunkan stesen pam penggalak dan tangki air. Anggaran kos projek pembangunannya adalah berjumlah RM150 juta. Bagi tempoh RMK8, saluran paip sepanjang 640 km dirancang akan dipasang di seluruh Sarawak dengan anggaran peruntukan RM16 juta. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM6.18 juta telah diluluskan bagi melaksanakan 8 projek memasang saluran paip sepanjang 61.46 km di Bahagian Kuching. Daripada jumlah tersebut, hanya 6 projek sepanjang 9.56 km disiapkan pada tahun 2001 dengan perbelanjaan sejumlah RM593,602. Manakala satu projek memasang paip di Kampung Pelaman, Sepadeh dan kawasan sekitarnya ditangguhkan kerana loji di Bau tidak mampu lagi membekalkan air ke kawasan tersebut walaupun telah beroperasi secara maksimum 24 jam. Selain itu, satu lagi projek iaitu pemasangan paip di Jalan Tondong/Segong ke Kampung Segong dan sekitarnya telah dipindahkan ke Skim Bekalan Air Wilayah Bau/Lundu/Sematan.

e) Pemulihan Dan Pembaikan Kecil

Nilai Skim Pemulihan Dan Pembaikan Kecil adalah berjumlah RM115 juta yang melibatkan projek di seluruh Sarawak. Komponen utama projek ini adalah penggantian saluran paip lama, membaiki/menyenggara alat kelengkapan loji dan tangki serta menyambung paip penghubung (*communication pipes).* Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM706,000 telah diluluskan bagi melaksana 23 buah projek seperti menaik taraf saluran paip dan menggantikan saluran paip lama.

Semakan Audit mendapati 3 daripada 7 projek pemulihan dan menaik taraf saluran paip dengan menggantikan batang paip jenis *Unplasticised Polyvinyl Chloride* (UPVC) kepada jenis *High Density Polyethelene* (HDPE) dan memulihara paip penghubung (*communication pipes)* tahun 2001 dengan peruntukan sejumlah RM90,000 tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2001 hingga 2002, Jabatan telah melaksanakan 9 kerja yang tidak dirancang iaitu menaik taraf saluran paip pengagihan ke pelbagai kampung seperti di Siburan dan Bau dengan belanja sejumlah RM352,021. Pada tahun 2003, sejumlah RM324,564 dibelanjakan bagi membiayai 8 daripada 12 projek yang dirancang dan 2 projek yang tidak dirancang bernilai RM59,359. Sementara baki 4 projek yang dianggarkan bernilai RM145,000 masih belum dilaksanakan kerana Jabatan melaksanakan projek lain yang lebih penting walaupun tidak dirancang seperti projek menaik taraf paip 6'' jenis *Asbestos Cement* di Kampung Pasir Puteh, Kuching dan Beratok.

Pada pandangan Audit, prestasi projek baru iaitu projek Bekalan Air Wilayah Bau/Lundu/Sematan, Bekalan Air Kawasan Puncak Borneo dan Empangan Bengoh adalah kurang memuaskan. Prestasi projek tersebut bagi tempoh RMK8 yang hanya tinggal 2 tahun lagi adalah amat lembab. Justeru Jabatan perlu mempercepatkan pelaksanaan projek yang telah diluluskan bagi memastikan projek ini siap mengikut jadual. Selain itu, projek *Prefabricated Water Treatment Plant* tidak dirancang dan dilaksanakan dengan baik kerana reka bentuk pelantar tidak dibuat dengan teliti. Kegagalan tersebut telah menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian dan berlaku pembaziran.

32.2.4 Kawalan Kualiti Air

Semua pihak berkuasa bekalan air di Sarawak termasuk Jabatan perlu mengeluarkan air bersih yang dirawat mengikut standard Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Kualiti Air Minuman Kebangsaan. Bagi mematuhi standard, air mentah perlu dirawat melalui pelbagai peringkat proses rawatan sebelum dibekalkan kepada pengguna.

i) Proses Rawatan Air

Semakan Audit mendapati proses rawatan air bermula daripada proses *dosing* iaitu air mentah yang dipam dari sungai dicampur dengan bahan kimia seperti *aluminium sulphate* dan *sodium carbonate* untuk pembersihan. Air yang dibersihkan kemudian disalir ke tangki pembersih *(clarifier)* untuk proses pemendapan bahan yang terkandung dalam air sebelum disalirkan ke tangki penapis untuk menghilangkan semua kotoran dan menghasilkan air jernih. Air jernih yang ditapis kemudian disalirkan ke sebuah perigi bawah tanah untuk rawatan pensterilan dengan bahan kimia *calcium hypochlorite* untuk menjadi air bersih yang terawat. Air bersih terawat ini kemudiannya dipam ke tangki simpanan air aras tinggi untuk diagihkan kepada pengguna. Sila lihat **Gambarajah 1.**

Gambarajah 1
Proses Rawatan Air Dalam Sistem Bekalan Air JKR



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

ii) Ujian Makmal

Bagi menentukan tahap kualiti air memenuhi standard Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Kualiti Air Minuman Kebangsaan, beberapa ujian makmal perlu dilakukan ke atas air mentah dan air yang sudah dirawat. Ujian tersebut adalah ujian pH (untuk menentukan tahap pH adalah antara 6.5 hingga 8.5), ujian *turbidity* untuk menentukan tahap kejernihan air, ujian warna, ujian kandungan aluminium dan ujian kandungan klorin (bagi menentukan kandungan klorin tidak melebihi 0.2 mg bagi setiap juta liter air).

Semakan Audit ke atas Rekod Analisis Air Dan Penggunaan Bahan Kimia di 7 loji di Kuching, Bau dan Lundu mendapati ujian tersebut telah dijalankan dan direkod pada setiap jam. Penggunaan bahan kimia seperti *aluminium sulphate, sodium*

carbonate dan *calcium hypochlorite* juga digunakan mengikut kadar sukatan yang ditetapkan. Selain itu, sampel air juga dihantar ke Jabatan Kimia pada setiap minggu untuk dianalisa. Sebanyak 40 *sampel point* telah dikenal pasti bagi tujuan pemeriksaan. Semakan lanjut Audit ke atas Laporan Keputusan Pemeriksaan Bakteria oleh Jabatan Kimia mendapati air bersih yang dihasilkan oleh 7 buah loji di Kuching, Bau dan Lundu telah memenuhi piawaian yang ditetapkan serta bebas dari bakteria dan selamat digunakan.

iii) Kawalan Keselamatan

Semakan Audit mendapati kawasan loji rawatan air telah diwartakan sebagai Kawasan Larangan bertujuan menjamin kawasan loji tidak dicerobohi serta kualiti air tidak dicemari. Lawatan Audit mendapati kesemua 7 loji rawatan air yang beroperasi di Bahagian Kuching berpagar dan diletak papan tanda sebagai Kawasan Larangan.

Pada pandangan Audit, rawatan air, ujian makmal dan tahap keselamatan yang dijalankan oleh semua loji memberi jaminan bahawa kualiti air yang dirawat adalah bersih dan selamat untuk digunakan.

32.2.5 Peralatan Mengukur Tahap Kualiti Air

Pemeriksaan Audit mendapati bagi meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan kawalan kualiti air, pada tahun 2001, semua loji kecuali loji Bako dan Muara Tebas telah dibekalkan dengan sistem berkomputer berharga RM272,666 di mana tahap kualiti air boleh diketahui secara *on-line* dengan alat seperti *Transmitter* dan *Digital Video Graphic Recorder.* Dengan kemudahan ini, kualiti air juga boleh dipantau dari Ibu Pejabat. Bagaimanapun, lawatan Audit ke loji

tersebut pada pertengahan tahun 2003 mendapati semua sistem tersebut telah rosak atau tidak berfungsi dengan baik kerana tidak disenggara. Manakala di loji Bau pula, alat *Portable Disinfection Unit* untuk merawat air seperti *dosing* berharga RM44,800 tidak pernah digunakan sejak ia diterima pada bulan September 2001 kerana peralatan tersebut tidak diperlukan di loji Bau. Pada masa pengauditan dijalankan, alat tersebut masih di dalam kotak yang disimpan dalam stor loji seperti **Foto 10.** Adalah dicadangkan supaya peralatan *Portable Disinfection Unit* yang tidak digunakan dipindahkan ke loji yang memerlukan peralatan tersebut.

Foto 10
Peralatan Loji *Portable Disinfection Unit* Di Loji Bau
Yang Tidak Digunakan Masih Tersimpan Dalam Kotak

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 16 Julai 2003

Pada pandangan Audit, kerosakan peralatan berkomputer boleh dielakkan sekiranya penyenggaraan dibuat dengan teratur. Selain itu, Jabatan hendaklah lebih berhati-hati sebelum membuat sebarang perolehan peralatan bagi mengelakkan pembaziran.

32.2.6 Kawasan Liputan Bekalan Air Bersih

Ada 3 jenis paip yang dipasang oleh Jabatan iaitu paip utama, penyambungan dan *pumping.* Semakan Audit mendapati jumlah pemasangan paip meningkat daripada 440.75 km pada tahun 2001 menjadi 526.24 km pada tahun 2003. Bagaimanapun, peningkatan tersebut hanya melibatkan paip penyambungan tetapi tidak melibatkan paip utama dan *pumping.* Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan beberapa projek pembangunan seperti menaik taraf loji, membina stesen pam penggalak dan pemasangan saluran paip baru. Selain itu, bilangan pemasangan meter baru juga meningkat daripada 10,810 unit pada tahun 2001 menjadi 15,751 unit pada tahun 2003. Namun begitu, pihak Audit tidak dapat memberi pendapat sama ada Jabatan telah mencapai sasarannya iaitu memperluaskan kawasan liputan bekalan air bersih yang dirawat kerana Jabatan tidak menetapkan sasarannya secara khusus.

Pada pandangan Audit, Jabatan perlu menetapkan sasaran yang lebih khusus iaitu bagi memperluaskan kawasan liputan bekalan air bersih supaya pencapaiannya dapat diukur dengan lebih tepat.

32.2.7 Bekalan Air Di Kawasan Santubong

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan membelanjakan sejumlah RM7.89 juta bagi membeli air bersih daripada Lembaga Air Kuching pada kadar domestik iaitu antara 44 sen hingga 76 sen bagi setiap 1,000 liter bergantung kepada jumlah kuantiti air yang dibeli untuk dibekalkan kepada pengguna di kawasan Santubong. Jabatan kemudian menjualnya kepada pengguna pada kadar antara 44 sen hingga RM1.10 bagi setiap 1,000 liter bergantung kepada kuantiti air yang diguna dan kategori pengguna sama ada domestik, domestik/perdagangan, perdagangan,

perindustrian dan sekolah. Bagi tempoh yang sama, Jabatan hanya mengutip hasil jualan air sejumlah RM3.30 juta. Ini kerana Jabatan juga mengalami kehilangan air berjumlah 4.29 juta liter.

Pada pandangan Audit, perkhidmatan bekalan air bersih di Santubong sewajarnya diserahkan kepada Lembaga Air Kuching bagi meningkatkan kecekapan termasuk mengelakkan Jabatan menanggung kerugian kerana kehilangan hasil air.

32.2.8 Kehilangan Air

i) Mengikut Laporan Bekalan Air Bulanan, kadar purata kehilangan air di Bahagian Kuching bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah 22%. Sungguhpun begitu, semakan Audit mendapati kadar purata kehilangan air di kawasan Santubong bagi tempoh yang sama adalah 47%. Kadar ini adalah jauh melebihi kadar di Sarawak (24%) dan Malaysia (35%). Kadar kehilangan air di kawasan Santubong dikira berdasarkan jumlah kuantiti air yang dibeli dari Lembaga Air Kuching dibandingkan dengan jumlah kuantiti air yang dicaj kepada pengguna kerana tiada loji di kawasan ini. Manakala kadar purata kehilangan air di Lundu pula adalah 28%, juga melebihi kadar di Sarawak.

Semakan lanjut Audit terhadap Laporan Bulanan Bekalan Air (tidak termasuk Santubong) bulan Februari hingga April bagi tahun 2001, 2002 dan 2003 yang disediakan oleh 7 loji mendapati kadar purata kehilangan air adalah 41%. Daripada jumlah tersebut, kehilangan air sebanyak 18% adalah disebabkan oleh saluran paip pecah atau bocor manakala 15% pemancuran air pili bomba dan 8% atas sebab lain seperti kecurian dan meter rosak. Manakala baki 59% lagi tidak diketahui.

ii) Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan mengalami kehilangan air berjumlah 9.15 juta liter. Justeru, adalah dianggarkan bagi tempoh tersebut, Jabatan kehilangan hasil air berjumlah RM4.03 juta yang dikira berdasarkan kadar caj air pengguna domestik iaitu 44 sen bagi setiap 1,000 liter. Jumlah ini tidak termasuk kos penyediaan air bersih tersebut. Kuantiti air yang dirawat dan dibekalkan serta kadar kehilangan air mengikut stesen bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 39.**

Jadual 39
Kadar Kehilangan Air Di Bahagian Kuching
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

Stesen/Loji	Kapasiti Loji (Juta Liter/ Hari)	Kuantiti Air Yang Dibekalkan (`000 Juta Liter)			Kuantiti Air Yang Dicaj (` 000 Juta Liter)			Kadar Purata Kehilangan Air (%)		
		2001	2002	2003	2001	2002	2003	2001	2002	2003
KUCHING										
1. Tapah/Beratok/ Siburan	10.00	3.27	3.29	3.29	2.54	2.69	2.54	22.3	18.2	22.8
2. Bako	0.65	0.16	0.20	0.20	0.15	0.19	0.19	6.3	5.0	5.0
3. Muara Tebas	0.33	0.12	0.12	0.13	0.11	0.11	0.11	8.3	8.3	15.4
4. Santubong	-	2.79	3.22	3.19	1.31	1.73	1.87	53.1	46.3	41.4
BAU										
5. Bau	7.20	2.12	2.34	2.24	1.67	1.56	1.81	21.2	33.3	19.2
6. Siniawan	0.65	0.41	0.41	0.39	0.31	0.34	0.31	24.4	17.1	20.5
LUNDU										
7. Lundu	2.46	0.74	0.74	0.74	0.52	0.52	0.52	29.7	29.7	29.7
8. Sematan	1.13	0.27	0.36	0.32	0.23	0.31	0.27	14.8	13.9	15.6
Jumlah/Purata	**22.42**	**9.88**	**10.68**	**10.50**	**6.84**	**7.45**	**7.62**	**30.8**	**30.2**	**27.4**

Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak

Pada pandangan Audit, walaupun kadar kehilangan air di Sarawak atau Kuching khususnya lebih baik jika dibandingkan dengan peringkat kebangsaan, Jabatan wajar mengatasi masalah kehilangan air ini dengan lebih serius kerana ia melibatkan kehilangan hasil Kerajaan. Sehubungan itu, adalah dicadangkan Jabatan menubuhkan satu Pasukan Khas bagi mengkaji punca

sebenar kehilangan air yang tidak diketahui supaya cara untuk mengatasinya dapat dirancang.

32.2.9 Hasil Air

i) Kadar Caj Air

Semakan Audit mendapati kadar caj air yang dikenakan sejak tahun 1984 hingga sekarang adalah antara 44 sen hingga RM1.10 setiap 1,000 liter bagi jumlah kegunaan sehingga 15,000 liter dan 25,000 liter pertama. Bagi selepas 15,000 liter dan 25,000 liter berikutnya, kadarnya adalah antara 65 sen hingga RM1.10 setiap 1,000 liter mengikut kategori penggunaannya sama ada untuk domestik, domestik/ perdagangan, perdagangan, perindustrian, sekolah dan lain-lain. Manakala kadar minimum bulanannya adalah antara RM4 hingga RM25. Bagi Lembaga Air Kuching dan Lembaga Air Sibu pula, kadar caj air adalah antara 97 sen hingga RM1.21 untuk jumlah kegunaan yang sama. Pihak Audit mendapati kadar caj air di Sarawak adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negeri lain di Semenanjung seperti Negeri Sembilan iaitu antara 55 sen hingga RM1.60 bagi kegunaan sehingga 35,000 liter pertama.

Selain itu, semakan lanjut Audit mendapati kadar caj air yang dikenakan kepada pengguna antara Bahagian seperti di Kuching, Sri Aman, Miri, Limbang, Sarikei dan Kapit adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Kadar yang dikenakan bagi 1,000 liter pertama adalah antara 44 sen hingga RM1.33. Perbezaan kadar ini adalah disebabkan masa pewartaan terhadap kadar yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah tidak sama. Bagaimanapun, pada tahun 1994, Jabatan telah mengambil tindakan untuk menyemak dan menyeragamkan kadar tarif di seluruh Sarawak termasuk Lembaga Air Kuching, Lembaga Air

Sibu dan Lembaga Air Kawasan Utara. Namun begitu, sehingga kini Jabatan masih belum mengemukakan cadangan kadar baru caj air kepada Pihak Berkuasa Air Negeri kerana ianya masih lagi di peringkat rundingan antara Pihak Berkuasa Bekalan Air terlibat.

ii) Kutipan Hasil Air

Semakan Audit mendapati bilangan pengguna telah meningkat setiap tahun daripada 10,810 pada tahun 2001 menjadi 15,751 pada tahun 2003. Selain itu, jumlah hasil air juga turut meningkat daripada RM3.05 juta pada tahun 2001 menjadi RM3.97 juta pada tahun 2003. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, jumlah hasil yang dikutip (termasuk tunggakan) di Daerah Kuching, Bau dan Lundu ialah sejumlah RM10.16 juta berbanding cajnya sejumlah RM13.47 juta seperti di **Jadual 40**. Bagaimanapun, jumlah ini adalah berkurang RM4.24 juta atau 29.4% daripada yang disasarkan iaitu RM14.40 juta.

Jadual 40
Jumlah Caj, Kutipan Dan Tunggakan Air
Pada Akhir Tahun 2001 Hingga 2003

Butiran	Tahun			Jumlah (RM Juta)
	2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	
Jumlah Caj Air :				
Kuching	2.34	2.78	2.89	8.01
Bau	1.15	1.23	1.31	3.69
Lundu	0.54	0.59	0.63	1.76
Jumlah	**4.03**	**4.60**	**4.83**	**13.46**
Jumlah Kutipan :				
Kuching	2.39	2.51	2.63	7.52
Bau	0.16	0.05	0.82	1.03
Lundu	0.50	0.60	0.52	1.61
Jumlah	**3.05**	**3.16**	**3.97**	**10.16**
Jumlah Tunggakan:				
Kuching	0.26	0.44	0.68	-
Bau	0.09	0.22	0.16	-
Lundu	0.13	0.21	0.21	-
Jumlah	**0.48**	**0.87**	**1.05**	**-**

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

iii) Tunggakan Hasil Air

Semakan Audit terhadap rekod tunggakan hasil air menunjukkan jumlah tunggakan meningkat sejumlah RM387,031 atau 80.3% iaitu daripada RM481,761 pada akhir tahun 2001 menjadi RM868,792 pada akhir tahun 2002. Berbanding peningkatan jumlah caj air bagi tempoh yang sama iaitu sejumlah RM590,000 daripada RM4.03 juta menjadi RM4.60 juta atau hanya 14.6%, kedudukan tunggakan adalah bertambah buruk di mana pada tahun 2003 jumlahnya meningkat menjadi RM1.05 juta. Semakan Audit juga mendapati bil air bagi 49 pengguna berjumlah RM15,295 telah tertunggak melebihi 3 tahun. Sejumlah 118 pengguna lagi mempunyai tunggakan berjumlah RM10,929 berusia antara 1 hingga 3 tahun. Sila lihat **Jadual 41**.

Jadual 41
Tunggakan Hasil Air Di Daerah Kuching Dan Bau
Bagi Tahun 2003 Mengikut Usia Dan Kategori Pengguna

Kategori Pengguna	Tunggakan Mengikut Usia Dan Bilangan Bil						Jumlah	
	3-12 bulan		13-36 bulan		Lebih 36 bulan			
	Bil	Jumlah (RM)	Bil	Jumlah (RM)	Bil	Jumlah (RM)	Bil	Jumlah (RM)
Domestik	193	10,189	89	5,591	31	2,575	313	18,355
Domestik/ Perdagangan	31	9,791	7	737	10	1,458	48	11,986
Perdagangan	39	16,133	18	4,432	6	1,834	63	22,399
Industri	1	569	1	44	1	215	3	828
Sekolah	6	16,619	3	125	1	9,213	10	25,957
Jumlah	**270**	**53,301**	**118**	**10,929**	**49**	**15,295**	**437**	**79,525**

Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak

Adalah didapati notis peringatan ada dikeluarkan. Bagaimanapun, pemotongan bekalan air tidak dibuat secara menyeluruh kerana tiada unit khusus yang melaksanakan tugasan tersebut seperti Unit Penguat Kuasa. Mengikut Ordinan Had Masa (*Limitation Ordinance - Sarawak Cap. 49),* sebarang hasil yang tidak dituntut selepas tempoh 3 tahun dari tarikh bil dikeluarkan adalah tidak boleh dituntut. Sehubungan itu, Jabatan hendaklah mengambil

tindakan mengutip semua tunggakan terutama yang berusia hampir 3 tahun untuk mengelak daripada kehilangan hasil. Selain itu, surat peringatan dan pemotongan bekalan air juga perlu dilaksanakan dengan lebih giat lagi bagi mengelak tunggakan terus meningkat. Jabatan juga hendaklah mengambil tindakan mahkamah mengikut bidang kuasa yang ada padanya.

Pada pandangan Audit, Jabatan hendaklah membuat anggaran kutipan hasil jualan air yang lebih realistik dan boleh dicapai. Jabatan juga perlu mempercepatkan proses rundingan dengan Pihak Berkuasa Bekalan Air yang terlibat supaya cadangan kadar tarif yang baru dapat dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Air Negeri untuk dipertimbangkan. Selain itu, tindakan yang lebih serius terhadap pengguna yang gagal menjelaskan tunggakan bil perlu diambil bagi mengelak daripada mengalami kerugian kerana adanya sekatan tempoh had masa untuk menuntut hutang.

Pada pandangan Audit, Program Bekalan Air Luar Bandar tidak dilaksanakan dengan baik. Projek yang dilaksanakan lewat disiapkan atau tidak dilaksanakan sama sekali pada tahun yang dirancang. Masalah kehilangan air pula tidak diatasi secara serius kerana tiada perancangan yang jelas.

32.3 PEMANTAUAN

Adalah menjadi tanggungjawab Penolong Pengarah Cawangan Bekalan Air Dan Pembetungan dan Jurutera Bahagian khususnya Seksyen Bekalan Air Bahagian/Daerah memantau program bekalan termasuk kerja pembinaan, memasang saluran paip, kualiti air dan menyediakan laporan dari semasa ke semasa.

32.3.1 Notis Tunggakan Dan Pemotongan Bekalan Air

Semakan Audit mendapati tugas penguatkuasaan seperti menghantar notis/surat peringatan dan pemotongan bekalan air dilaksanakan oleh 9 pembaca meter dan 2 kakitangan dari Seksyen Penyenggaraan. Akibatnya jumlah tunggakan semakin meningkat iaitu dari RM481,761 pada tahun 2001 menjadi RM1.05 juta pada tahun 2003 atau meningkat sebanyak 117.4%. Selain itu, banyak surat peringatan dan pemotongan bekalan air tidak dapat dilakukan dengan sempurna disebabkan kekurangan kakitangan.

Pada pendapat Audit, Unit Penguat Kuasa perlu diwujudkan supaya tindakan yang lebih cekap dan berkesan mengikut perundangan boleh dilaksanakan.

32.3.2 Aduan Pengguna

Mengikut Piagam Pelanggan, setiap aduan pengguna perlu diambil tindakan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh aduan diterima. Mengikut penjelasan Jabatan, tidak semua aduan direkodkan. Semakan Audit terhadap rekod aduan mendapati sepanjang tempoh tahun 2001 hingga bulan Jun 2003, sejumlah 615 aduan seperti paip bocor, tiada bekalan air, tekanan air rendah dan meter air rosak direkodkan di Daerah Kuching (158), Bau (352) dan Lundu (105). Bagaimanapun, adalah didapati rekod aduan tersebut tidak dipantau oleh Seksyen Bekalan Air.

Pada pandangan Audit, setiap aduan pengguna yang telah diterima perlu direkod dan dipantau. Tindakan yang telah diambil perlu dicatatkan supaya pihak pengurusan dapat memastikan keberkesanan tindakan yang diambil terhadap aduan yang diterima.

32.3.3 Laporan Pengurusan

Seksyen Bekalan Air Kuching, Bau dan Lundu menyediakan laporan seperti Laporan Bulanan Bekalan Air, Laporan Hasil Bekalan Air, Laporan Kehilangan Hasil Air, Laporan Kemajuan Fizikal dan Laporan Kemajuan Kewangan pada setiap bulan dan dihantar ke Ibu Pejabat tidak lewat daripada 21 hari bulan berikutnya untuk tujuan pemantauan kecuali Laporan Hasil Bekalan Air. Adalah didapati Seksyen Bekalan Air Daerah Lundu dan Sematan tidak menyediakan Laporan tersebut sejak bulan Jun 2002. Bagi Tapah, Bako dan Muara Tebas pula laporan tersebut tidak disediakan sejak bulan Ogos 2002. Akibatnya, pada tempoh tersebut, Ibu Pejabat tidak dapat menyediakan Laporan Hasil Bekalan Air bagi seluruh Sarawak. Bagaimanapun, Ibu Pejabat telah mengambil tindakan dengan menghantar surat peringatan kepada stesen yang berkenaan.

Laporan Hasil Bekalan Air yang disediakan adalah kurang memuaskan kerana ada loji yang tidak menyediakan laporan tersebut. Manakala pemotongan bekalan air tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana tiada jawatan Penguat Kuasa.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap Program Bekalan Air Luar Bandar adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan.

33. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, Program Bekalan Air Luar Bandar telah berjaya mencapai objektifnya iaitu membekalkan air bersih yang dirawat kepada penduduk luar bandar. Program ini mempunyai perancangan yang teratur melalui projek yang dikenal pasti tetapi pencapaian projek setakat ini adalah kurang memuaskan. Banyak projek yang dirancang tidak dilaksanakan seperti yang dijadualkan. Bagi meningkatkan lagi pengurusan program ini, adalah disyorkan:

i) melaksanakan projek yang dirancang dan diluluskan dalam tempoh yang telah ditetapkan supaya tidak mengganggu program yang telah dibuat;

ii) memantau kehilangan hasil air dengan lebih berkesan terutama terhadap punca kehilangan yang tidak diketahui sebabnya. Sehubungan itu, Jabatan perlu mempunyai perancangan dan strategi yang jelas berkaitan dengan masalah kehilangan hasil air supaya ia dapat ditangani dengan lebih serius dan berkesan;

iii) membuat kajian yang lebih teliti sebelum melaksanakan sesuatu kerja atau pembelian peralatan supaya mencapai objektifnya dan tidak membazir;

iv) menghantar surat peringatan dan pemotongan bekalan air bersih perlu dilaksanakan dengan lebih giat supaya kes tunggakan dapat dikurangkan;

v) mewujudkan jawatan Penguat Kuasa supaya tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;

vi) mempercepatkan proses rundingan ke atas kadar caj air dengan Pihak Berkuasa Bekalan Air yang berkenaan supaya cadangan tersebut dapat dikemukakan dan dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri.

KEMENTERIAN PELANCONGAN SARAWAK

PROGRAM PELANCONGAN NEGERI SARAWAK

34. LATAR BELAKANG

Kementerian Pelancongan Sarawak (Kementerian) ditubuhkan pada awal tahun 1995 dengan misi utamanya ialah menggalakkan pembangunan dan kemajuan industri pelancongan di Sarawak khasnya dan di Malaysia amnya. Manakala objektifnya ialah untuk menambah sumbangan industri pelancongan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar Sarawak melalui penambahan peluang pekerjaan, mempelbagaikan ekonomi, mengurangkan kadar kemiskinan, pembangunan kawasan dan memupuk semangat integrasi Nasional. Bagi mencapai objektif ini, Kementerian bekerjasama dengan agensi yang menganjurkan program yang menjurus kepada pembangunan pelancongan, mengadakan polisi, perancangan dan penyelidikan serta pihak swasta seperti syarikat penerbangan, Persatuan Hotel dan Persatuan Pelancongan. Kementerian juga menyalurkan geran pembangunan kepada Agensi yang terlibat seperti Lembaga Pelancongan Sarawak (*Sarawak Tourism Board)*, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Perhutanan Sarawak (Taman Negara). Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM68.93 juta daripada sejumlah RM73.90 juta yang diperuntukkan bagi membangunkan industri pelancongan sebagai salah satu industri penting ekonomi Sarawak.

35. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada program untuk meningkatkan pembangunan dan kemajuan industri pelancongan di Sarawak telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

36. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi program pembangunan pelancongan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 dengan tumpuan kepada produk dan program yang dibangunkan serta pemasaran dan promosi pelancongan. Bagi mencapai objektif pengauditan, rekod seperti minit mesyuarat, fail, rekod ketibaan pelancongan yang disediakan oleh Jabatan Imigresen, dokumen perjanjian dan rekod yang berkaitan dengan pelancongan Sarawak bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 diperiksa. Dokumen yang sama bagi tahun sebelumnya juga disemak jika perlu. Selain Kementerian, pengauditan juga dijalankan di Lembaga Pelancongan Sarawak yang menerima geran Kerajaan Negeri daripada Kementerian. Temu bual juga dibuat dengan pegawai yang terlibat di Kementerian dan 2 Agensi berkenaan.

37. PENEMUAN AUDIT

37.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan aspek penting untuk menjayakan setiap aktiviti yang akan dilaksanakan oleh sesebuah Jabatan atau Kementerian. Bagi program pelancongan Negeri Sarawak, Kementerian telah menyediakan Pelan Induk Pelancongan Ke 2 (1993-2010) menggantikan Pelan Induk Pelancongan Pertama (1981) dan menjadi satu polisi atau dasar kepada pembangunan pelancongan keseluruhannya di Sarawak.

37.1.1 Rancangan Pembangunan Pelancongan

Hasil Kajian Pelan Induk Pelancongan Ke 2 pada tahun 1993 memutuskan bahawa program pelancongan di Sarawak yang telah dilaksanakan berkonsepkan Kebudayaan, Alam Semulajadi dan Pengembaraan diteruskan. Bagi tempoh RMK8, Kementerian merancang melaksanakan 6 program atau projek dengan anggaran kos keseluruhannya berjumlah RM100 juta seperti di **Jadual 42**. Pada

tahun 2001 hingga 2003, Kementerian telah memohon peruntukan pembangunan sejumlah RM106.27 juta untuk pembangunan pelancongan. Ini termasuk peruntukan sejumlah RM30.80 juta untuk disalurkan kepada Jabatan Perhutanan bagi menyediakan kemudahan dan infrastruktur di Taman Negara dan Kawasan Lindungan Hidupan Liar.

Jadual 42
Anggaran Peruntukan Yang Dipohon Bagi Program/Projek RMK8

Nama Program/Projek	Anggaran Kos Projek RMK8 (RM'000)	Peruntukan Yang Dipohon (RM'000)			Jumlah 2001-2003 (RM'000)
		2001	2002	2003	
i. Pembangunan Produk	4,250	255	260	4,180	4,695
ii. Pembangunan Sumber Manusia	5,150	2,996	1,250	1,100	5,346
iii. Kajian Dan Penyelidikan	3,600	1,210	395	1,482	3,087
iv. Acara Dan Pesta	5,000	1,905	2,710	10,260	14,875
v. Promosi Dan Pemasaran- Lembaga Pelancongan Sarawak	55,000	15,013	18,454	14,000	47,467
vi. Infrastruktur Taman Negara Dan Kawasan Lindungan Hidupan Liar- Jabatan Perhutanan	27,000	6,000	18,800	6,000	30,800
Jumlah	**100,000**	**27,379**	**41,869**	**37,022**	**106,270**

Sumber: Kementerian Pelancongan Sarawak

Pemeriksaan Audit terhadap aktiviti yang dirancang di bawah program yang tersebut di atas bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 mendapati:

i) Di bawah Program Pembangunan Produk, sejumlah RM4.70 juta dipohon untuk melaksanakan 5 projek iaitu menyediakan kemudahan Tapak Perkhemahan di Pantai Pandan, Lundu dan Pusat Rekreasi Air Panas di Paku, Bau, menaik taraf tempat perkelahan di Kampung Apar dan Segong, Bau, menambah baik

keadaan Baruk atau Dewan Orang Ramai Kaum Bidayuh *Centre* Apar, Bau dan Program *Homestay*.

ii) Sejumlah RM5.35 juta dipohon untuk melaksanakan 9 aktiviti di bawah Pembangunan Sumber Manusia iaitu Program Kesedaran Pelancongan, Kursus Keselamatan Dan Skil Menyelamat Nyawa, Program Pengetahuan Terperinci Mengenai Produk, Program Skil Pengurusan Pelancongan, Program Pemandu Pelancong Taman Dan Kampung, Program Skil Menterjemah Produk Pelancongan, Program Kempen Keselamatan Dan Kebersihan, Program Insentif Dan Anugerah Pelancongan dan Program Lawatan Pendidikan Pelancongan.

iii) Di bawah projek Kajian Dan Penyelidikan pula 6 projek yang dirancang ialah *Visitors Exit Survey,* Kajian Terhadap Corak Perjalanan Dan Perbelanjaan Pelawat Di Sarawak, Kajian Semula Pelan Induk Pelancongan Ke 2, Kajian Pembangunan Pelancongan Daerah Bau, Kajian Mengenai Sikap Penduduk Terhadap Pelancongan dan Program Analisis Terhadap Pasaran Brunei. Sejumlah RM3.09 juta telah dipohon untuk melaksanakan projek ini.

iv) Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah 29 acara dan pesta dirancang dilaksanakan dengan anggaran peruntukan sejumlah RM14.88 juta. Antara acara dan pesta yang dirancang dan mempunyai tarikan kebangsaan dan antarabangsa ialah seperti *Sarawak Regatta,* Rumah Terbuka Gawai Dayak, Rumah Terbuka Malaysia Hari Raya Aidil Fitri, *Balleh Kapit Raft Safari* dan *Rainforest World Music Festival.*

v) Sejumlah RM47.47 juta juga telah dipohon untuk Lembaga Pelancongan Sarawak menjalankan aktiviti promosi dan pelancongan.

Pada pendapat Audit, program pelancongan yang dirancang adalah baik kerana meliputi pembangunan fizikal, sumber manusia, kajian dan penyelidikan, acara dan pesta serta aspek promosi dan pemasaran.

37.1.2 Pengurusan Dan Penyelarasan Program

Pengurusan dan pentadbiran Kementerian diketuai oleh Setiausaha Tetap yang bertanggungjawab mengadakan polisi, perancangan dan penyelidikan untuk memastikan pembangunan pelancongan di Negeri Sarawak dilaksanakan secara tersusun dengan kerjasama Agensi Kerajaan dan pihak swasta seperti Persatuan Pelancongan, Persatuan Hotel dan Syarikat Penerbangan. Lembaga Pelancongan Sarawak yang ditubuhkan pada tahun 1995 di bawah Kementerian Pelancongan dan diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemasaran dan promosi. Manakala Jabatan Perhutanan bertanggungjawab mengurus 16 Taman Negara, lima Rizab Semulajadi dan 4 Kawasan Lindungan Hidupan Liar yang merupakan produk pelancongan berkonsepkan alam semulajadi dan pengembaraan. Pihak Berkuasa Tempatan pula bertanggungjawab membantu menganjur acara dan pesta serta melaksanakan projek produk pelancongan bagi pihak Kementerian. Di peringkat Bahagian juga diwujudkan Pasukan Petugas Pelancongan yang dipengerusikan oleh Residen Bahagian untuk membantu mengenal pasti produk pelancongan yang boleh dimajukan di sesuatu Bahagian tersebut untuk pertimbangan Kementerian.

Pada pandangan Audit, pengurusan dan penyelarasan program pelancongan yang melibatkan pelbagai pihak di sektor awam dan swasta adalah baik bagi memastikan program pelancongan dirancang secara menyeluruh dan tersusun.

37.1.3 Promosi Dan Pemasaran

Pemeriksaan Audit mendapati Kementerian merancang mengadakan pelbagai promosi dan pemasaran untuk memperkenalkan Sarawak khususnya tempat yang menarik.

i) Pengiklanan

Pengiklanan akan dibuat di media cetak dan elektronik khususnya dalam penerbitan perdagangan dan pengguna yang terpilih di Asia, Switzerland, Belanda, Amerika Syarikat, Australia, Jerman, Austria, Perancis, Scandinavia, United Kingdom dan Itali. Pemeriksaan Audit mendapati pada tahun 2001, pengiklanan di media cetak akan dibuat sebanyak 223 kali dengan anggaran peruntukan sejumlah RM3 juta. Pada tahun 2002, iklan bagi penerbitan perdagangan di luar negara dan wilayah dan penerbitan pengguna di pasaran tempatan dirancang sebanyak 149 kali dengan anggaran peruntukan sejumlah RM3 juta. Pada tahun 2003 pula, iklan perdagangan di Asia, Australia dan China serta iklan untuk pasaran *Meeting, Incentives, Conference and Expo* (MICE) di Australia akan diadakan dengan kekerapannya sebanyak 71 kali. Selain itu, iklan bagi penerbitan pengguna di pasaran domestik, Asia dan Australia pula dirancang sebanyak 116 kali dengan anggaran peruntukannya sejumlah RM1.78 juta.

ii) Promosi Secara Langsung

Adalah didapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Lembaga Pelancongan Sarawak merancang untuk mengambil bahagian

dalam 97 misi jualan, perdagangan dan pengguna serta pasaran MICE, sama ada secara bersendirian atau berkongsi dengan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Syarikat Penerbangan Malaysia, Syarikat Penerbangan Brunei atau Bahagian Pembangunan Pelancongan, Kementerian Perindustrian Dan Sumber Negara Brunei selain bekerjasama dengan Operator Pelancongan. Misi perdagangan yang utama adalah termasuk ke Negara Jerman, Scandinavia, Australia dan Taiwan. Selain itu, sesi *annual product up-date* akan diadakan di Semenanjung dan Singapura.

iii) Publisiti Dan Perhubungan Awam

Semakan Audit mendapati promosi juga akan dilaksanakan oleh 4 wakil pemasaran luar negara iaitu di Jerman, Itali dan Australia yang dilantik oleh Lembaga Pelancongan Sarawak secara kontrak. Manakala wakil di Amerika Syarikat akan dilantik bila diperlukan. Wakil pemasaran ini berperanan mengadakan publisiti mengenai Sarawak sebagai destinasi pelancongan di negara mereka bagi pihak Lembaga Pelancongan Sarawak. Selain itu, bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Lembaga Pelancongan Sarawak juga akan mengadakan Program Lawatan Wartawan (*Visiting Journalist Programme*), *Industry Familiarization Trips* dan lawatan krew filem ke kawasan tarikan pelancongan yang terpilih seperti sekitar Bandar Raya Kuching, Kampung Budaya Sarawak, Pusat Hidupan Liar Semenggok, Taman Negara Bako, Taman Negara Mulu, Taman Negara Niah, Batang Ai dan Rumah Panjang.

Pada pandangan Audit, aktiviti pomosi dan pemasaran telah dirancang secara komprehensif kerana mencakupi pelbagai aspek keperluan pasaran.

37.1.4 Sasaran Pasaran

Adalah didapati pada tahun 2001, usaha pemasaran dan promosi di pasaran jarak sederhana dirancang untuk difokuskan ke Asia (dari Jakarta ke Jepun) dan Taiwan manakala di pasaran jarak jauh ditumpukan ke Jerman, United Kingdom, Australia dan Amerika Utara. Lembaga Pelancongan Sarawak juga mensasarkan Sarawak sebagai destinasi untuk pasaran MICE. Peristiwa 11 September 2001 tidak mengubah destinasi pasaran tahun 2002. Namun usaha promosi dan pemasaran ditumpukan lebih ke pasaran domestik, Singapura dan Australia. Eko-pelancongan akan terus dijadikan mesej promosi bagi menembusi pasaran Jepun. Pada tahun 2003, sasaran pasaran diperluaskan ke China, Jepun, Timur Tengah dan lain-lain terutama Asia Pasifik.

Pihak Audit juga mendapati Kementerian melalui Lembaga Pelancongan Sarawak mensasarkan peningkatan ketibaan pelancong pada kadar 5% hingga 15% setahun. Ini berdasarkan rancangannya untuk memperluaskan kawasan sasaran pasaran dan usaha Kementerian untuk mengadakan lebih banyak penerbangan khas (*chartered flight*) dengan syarikat penerbangan persendirian luar negara serta penyediaan pakej pelancongan yang menarik ke destinasi tertentu di Sarawak. Sebagai contoh, penerbangan khas sekali seminggu dari Fuzhou, China ke Kuching dan Sibu dan 3 kali seminggu dari Guangzhou, China dan Hong Kong ke Kota Kinabalu dan Kuching.

Pada pandangan Audit, sasaran pasaran telah dinyatakan dengan jelas.

Pihak Audit berpendapat program pelancongan Negeri Sarawak telah dirancang dengan baik kerana mengambil kira pelbagai aspek seperti

produk pelancongan, pembangunan sumber manusia serta kajian dan penyelidikan. Malah promosi dan pemasaran dirancang secara global dengan mengambil kira faktor persekitaran yang berubah dan boleh memberi kesan terhadapnya.

37.2 PELAKSANAAN

Pelancongan merupakan satu industri yang bersifat dinamik, kompetitif dan sentiasa terdedah kepada perubahan persekitaran. Pelawat biasanya mempunyai citarasa dan pelbagai kehendak yang perlu dipenuhi oleh negara dilawati. Bagaimanapun jika diurus dengan bijaksana, industri pelancongan berpotensi menjadi penyumbang penting kepada pendapatan negeri.

37.2.1 Peruntukan Pembangunan Pelancongan

Sejumlah RM73.90 juta peruntukan telah diluluskan untuk pembangunan pelancongan bagi tahun 2001 hingga 2003 berbanding sejumlah RM106.27 juta yang dipohon. Pada pertengahan tahun 2003, Kementerian juga telah mengkaji semula peruntukan RMK8. Pemeriksaan Audit terhadap kajian semula tersebut mendapati jumlah peruntukan program pelancongan bagi RMK8 telah meningkat daripada sejumlah RM100 juta menjadi RM119.74 juta seperti di **Jadual 43** yang diluluskan pada awal tahun 2004.

Jadual 43
Peruntukan Yang Diluluskan Bagi Program/Projek RMK8

Nama Program/Projek	Peruntukan Yang Dilulus Bagi RMK8 Selepas Kaji Semula (RM'000)	Peruntukan Yang Diluluskan (RM'000)			Jumlah 2001-2003 (RM'000)
		2001	2002	2003	
i. Pembangunan Produk	7,145	745	800	4,020	5,565
ii. Pembangunan Sumber Manusia	5,160	2,350	800	900	4,050
iii. Kajian Dan Penyelidikan	3,600	900	500	920	2,320
iv. Acara Dan Pesta	14,615	905	2,400	3,160	6,465
v. Promosi Dan Pemasaran- Lembaga Pelancongan Sarawak	55,911	12,500	10,500	13,500	36,500
vi. Infrastruktur Taman Negara Dan Kawasan Lindungan Hidupan Liar- Jabatan Perhutanan	33,310	5,000	7,000	7,000	19,000
Jumlah	**119,741**	**22,400**	**22,000**	**29,500**	**73,900**

Sumber: Kementerian Pelancongan Sarawak

Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod perbelanjaan bagi tempoh 2001 hingga 2003 mendapati jumlah perbelanjaan bagi pembangunan produk, pembangunan sumber manusia, kajian dan penyelidikan serta acara dan pesta ialah sejumlah RM24.22 juta berbanding RM18.40 juta peruntukan yang diluluskan. Baki sejumlah RM5.82 juta dibayar melalui peruntukan tambahan yang dipindah daripada peruntukan Pelbagai pada tahun 2002.

Pada pandangan Audit, kajian semula terhadap jumlah peruntukan program pelancongan bagi RMK8 adalah wajar setelah mengambil kira kemajuan dan perubahan dalam industri pelancongan.

37.2.2 Pembangunan Produk Pelancongan

Pemeriksaan Audit terhadap projek yang dilaksanakan di bawah Pembangunan Produk Pelancongan mendapati:

i) Projek Menyediakan Kemudahan Pelancongan

Projek menyediakan kemudahan di Tapak Perkhemahan Pantai Pandan, Lundu yang dirancang pada tahun 2001 dan Pusat Rekreasi Air Panas di Paku, Bau yang dirancang pada tahun 2002 masih belum dilaksanakan oleh Kementerian. Ini kerana kelulusan pengambilan balik tapak baru daripada Jabatan Tanah Dan Survei, Lundu pada bulan September 2002 hanya diperolehi pada pertengahan tahun 2003 setelah nilai tapak asal yang dipohon pada bulan April 2002 adalah terlalu mahal. Sehubungan itu, peruntukan pendahuluan sejumlah RM200,000 yang disalurkan kepada Majlis Daerah Lundu ditarik balik oleh Kementerian. Kementerian merancang menangguhkan projek ini dan peruntukannya dipindah ke projek Kompleks Pelancongan Negeri di Bangunan Mahkamah Lama, Kuching. Bagi Projek Pusat Rekreasi Air Panas di Paku, Bau yang dianggarkan bernilai RM500,000 pula masih menunggu penilaian pampasan tanah oleh Jabatan Tanah Dan Survei. Pengambilan balik tanah yang dipohon pada bulan Ogos 2001 telah diluluskan pada bulan Julai 2002.

ii) Projek Menaik Taraf Tempat Perkelahan

Projek menaik taraf tempat perkelahan di Kampung Apar dan Segong, Bau juga dibatalkan. Peruntukan sejumlah RM300,000 dipindah kepada projek membina dan menambah baik keadaan Baruk atau Dewan Orang Ramai Kaum Bidayuh di *Redeems Centre* Apar, Bau. Projek yang dirancang sejak tahun 2001 itu hanya siap pada akhir tahun 2003 dengan belanja sejumlah RM384,677.

iii) Program *Homestay*

Program *Homestay* merupakan produk pelancongan yang memberi peluang kepada pelancong tinggal dengan keluarga tuan rumah, makan masakan mereka dan berpeluang menyertai kegiatan

mereka. Pelancong hanya perlu menjelaskan bayaran harian tempat tinggal dan makanan. Bagaimanapun pelancong boleh memilih untuk hanya membayar tempat tidur dan sarapan. Sebagai contoh, Program *Homestay* yang dilaksanakan di Telok Melano dan Telok Serabang, Sematan dan Program *Homestay* Rumah Patrick (Chang) di Sg. Tangap, Niah, Miri. Semakan Audit mendapati 4 Program *Homestay* di Kuching, Miri dan Limbang yang dilaksanakan sejak tahun 2001 diteruskan sehingga tahun 2003. Bagaimanapun, sebanyak 23 projek baru tidak dilaksanakan sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2003 kerana tiada permohonan untuk tinggal di kawasan terbabit daripada para pelancong luar mahupun tempatan.

Pada tahun 2002, projek di Telok Melano dan Telok Serabang yang digerakkan oleh Persatuan Nelayan Kawasan Sematan disertai oleh 50 orang peserta dan dikunjungi 168 pelancong tempatan dengan pendapatan yang diperolehi sejumlah RM14,643. Manakala kunjungan 54 pelancong asing menyumbang pendapatan berjumlah RM10,210. Tiada maklumat diperolehi mengenai program ini pada tahun 2001 dan 2003. Program *Homestay* Rumah Patrick (Chang), Sg. Tangap, Niah, Miri pula ialah projek komuniti yang menyediakan pangkalan unik kepada pengunjung untuk menerokai Taman Negara Niah dan mengalami kehidupan di rumah panjang. Pada tahun 2002, program ini disertai oleh 23 keluarga dan dikunjungi 195 pelancong tempatan dengan pendapatan sejumlah RM5,175. Manakala kunjungan 222 pelancong asing menyumbang pendapatan berjumlah RM4,720.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan projek produk pelancongan kurang memuaskan.

37.2.3 Pembangunan Sumber Manusia

Pemeriksaan Audit mendapati hanya 5 daripada 9 projek Pembangunan Sumber Manusia dilaksanakan. Huraian mengenai projek tersebut adalah seperti berikut:

i) Program Yang Dilaksana

a) Program Kesedaran Pelancongan

Mulai tahun 2002 dan seterusnya 2003, sebanyak 11 kursus di bawah program ini dengan perbelanjaan sejumlah RM232,957 telah diadakan untuk pelbagai pihak seperti orang awam, pelajar sekolah dan guru, Persatuan Belia dan Ketua Masyarakat. Kursus tersebut yang diadakan di Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri selama 2 hari disertai oleh 650 orang pemandu teksi yang berminat. Program kesedaran ini juga diberikan kepada Ketua Masyarakat untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengenai penglibatan secara aktif bagi membantu membangunkan industri pelancongan.

b) Program Kursus Keselamatan Dan Skil Menyelamat Nyawa

Program ini telah diadakan sebanyak sekali pada tahun 2002 iaitu selama 2 hari kepada peserta Program *Homestay* di Telok Melano dan Telok Serabang, Sematan dengan perbelanjaan sejumlah RM175,887.

c) Kursus Pengetahuan Terperinci Mengenai Produk

Pada tahun 2001, sejumlah RM237,198 dibelanjakan untuk mengadakan 3 kursus Pengetahuan Terperinci Mengenai Produk kepada Pemandu Pelancong yang diadakan di Taman Negara Mulu (1) dan di Taman Negara Bako (2).

d) Kursus Untuk Pemandu Pelancong Taman Dan Kampung

Semakan Audit mendapati kursus ini dilaksanakan sekali sahaja pada tahun 2002. Ia diadakan selama 3 hari di Kampung Telok Melano, Lundu untuk 24 peserta Program *Homestay* dan melibatkan perbelanjaan sejumlah RM249,131.

e) Program Insentif Dan Anugerah Pelancongan

Pada tahun 2003, Program Insentif Dan Anugerah Pelancongan *Sarawak Hornbill Tourism Award* diadakan kembali dengan perbelanjaan sejumlah RM95,425 setelah kali terakhir diadakan pada tahun 2000. Program ini adalah bagi menghargai usaha yang telah dilakukan oleh mereka yang terlibat dalam industri pelancongan pada tahun 2003. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menarik lebih ramai pengusaha pelancongan terutama dalam sektor pelancongan lain daripada yang sedia ada. Sejumlah 14 kategori dipertandingkan, antaranya anugerah Penyediaan Kemudahan Penginapan Terbaik, Produk Pelancongan Terbaik dan Pemandu Pelancong Terbaik.

ii) Program Yang Belum Dilaksana

Baki 4 projek yang belum dilaksanakan ialah Program Skil Pengurusan Pelancongan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada pengusaha pelancongan meluaskan lagi skop penglibatannya dengan pengurusan yang cekap. Program Skil Menterjemah Produk Pelancongan pula bertujuan supaya operator pelancongan, pemandu pelancong dan pelatih dapat memberi penjelasan yang berkesan mengenai sesuatu produk kepada pelancong. Selain itu, Program Kempen Keselamatan Dan Kebersihan yang disasarkan kepada pelajar sekolah dan masyarakat setempat bertujuan memberi penjelasan tentang

pentingnya keselamatan dan kawasan persekitaran yang bersih untuk pelancong. Manakala Program Lawatan Untuk Pendidikan Pelancongan yang mula dirancang pada tahun 2003 untuk kakitangan juga turut tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM845,140 daripada RM880,000 peruntukan bagi 4 projek tersebut telah dibelanjakan. Semakan Audit terhadap rekod perbelanjaan tahun 2003 mendapati perbelanjaan sejumlah RM329,816 tidak dibuat mengikut tujuan sebenar program tersebut dirancang.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan program pembangunan sumber manusia kurang memuaskan kerana tidak dilaksanakan secara berkesan. Program ini adalah penting untuk jaminan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelancong.

37.2.4 Kajian Dan Penyelidikan

Pemeriksaan Audit terhadap 6 projek kajian dan penyelidikan mendapati:

i) Kajian Semula Pelan Induk Pelancongan Ke 2 dan Kajian Pembangunan Pelancongan Daerah Bau dengan nilai silingnya berjumlah RM800,000 yang dirancang sejak tahun 2001 masih belum dilaksanakan. Pada awal tahun 2003, pelaksanaan kedua projek tersebut diserahkan oleh Kementerian kepada Unit Perancang Negeri. Bagaimanapun, Unit Perancang Negeri berpendapat, oleh kerana kebanyakan Pelan Pembangunan Pelancongan Ke 2 telah dilaksanakan, adalah lebih baik Pelan Induk Pelancongan Ke 3 dimulakan dengan mengambil kira Kajian Pembangunan Pelancongan Daerah Bau. Rancangan menyediakan Pelan Induk Pelancongan ini sedang diusahakan oleh Unit Perancang Negeri dengan mesyuarat pertamanya telah diadakan pada awal tahun 2004.

ii) Adalah didapati 3 kajian iaitu Program Analisa Terhadap Pasaran Brunei, Projek Kajian Terhadap Corak Perjalanan Dan Perbelanjaan Pelawat Di Sarawak dan Kajian Mengenai Sikap Penduduk Terhadap Pelancongan dengan peruntukannya sejumlah RM570,000 tidak dilaksanakan. Sejumlah RM453,800 daripada peruntukan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 dibelanjakan untuk membeli buku mengenai pelancongan. Antaranya seperti *Business Traveller, The Malaysian Forecast Report, Tourism Research, Tourism Management, Travel And Tourism Analyst* dan *Travel Industry Monitor Incorporation Business Travel Analyst.*

iii) Kajian *Visitors Exit Survey* untuk mendapatkan maklumat daripada pelancong mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di semua sektor dalam industri pelancongan di Negeri Sarawak dilaksanakan sepanjang tahun seperti dirancang. Sejumlah RM588,886 telah dibelanjakan untuk kajian ini sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2003. Semakan Audit mendapati kajian telah dijalankan pada setiap tahun di 3 daripada 11 pintu masuk ke Sarawak iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Kompleks Kawalan Sempadan Imigresen Tebedu di Bahagian Kuching dan Sungai Tujuh di Bahagian Miri. Di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan Kompleks Kawalan Sempadan Imigresen Tebedu, kajian dibuat oleh pembanci (*enumerator)* yang dilantik oleh Kementerian dengan menemu bual responden (pelawat bukan warganegara Malaysia) atau mengisi borang soal selidik yang disediakan oleh Kementerian. Di Sungai Tujuh pula, kajian dilaksanakan secara rawak oleh kakitangan Jabatan Imigresen yang bertugas dengan mengagihkan borang soal selidik kepada responden semasa di balai ketibaan dan dikutip balik di balai berlepas semasa

menyerahkan pasport. Adalah dianggarkan sebanyak 9,896 borang soal selidik dan hasil temu bual responden sepanjang tahun 2001 hingga 2003 telah dianalisis. Berdasarkan Laporan Suku Tahun Pertama Tahun 2003, penemuan kajian tersebut antara lain merumuskan sebanyak 78% responden mencadangkan Sarawak sebagai destinasi pelancongan. Perkara utama yang menjadi tarikan pelancong ke Sarawak ialah kerana tempatnya yang selamat (32%-73%), penduduknya yang ramah (24%-47%) dan mempunyai Taman Negara yang menyediakan destinasi pelancongan berasaskan alam semulajadi dan pengembaraan terutama di Mulu, Bako dan Niah.

Mengikut rekod pelawat yang diselenggara oleh pihak Taman Negara, adalah didapati bagi tempoh tahun 2001 hingga bulan Julai 2003 seramai 128,128 pelancong terdiri daripada 59,867 pelancong tempatan dan 68,261 pelancong asing telah mengunjungi Taman Negara. Pelancong ke Taman Negara Bako seramai 49,774 terdiri daripada 33,658 pelancong asing berbanding hanya 16,116 pelancong tempatan. Pengunjung Taman Negara Mulu pula seramai 37,494 dengan 20,992 pelancong asing dan 16,502 pelancong tempatan. Taman Negara Mulu merupakan salah satu Warisan Dunia yang telah diiktiraf oleh UNESCO pada tahun 2002. Manakala jumlah pelancong ke Taman Negara Niah ialah seramai 40,860 terdiri daripada 13,611 pelancong asing dan 27,249 pelancong tempatan. Sila lihat **Foto 11, 12** dan **13**. Pemerhatian Audit mendapati Taman Negara Bako dikunjungi oleh lebih ramai pelancong terutama pelancong asing kerana lokasinya yang berhampiran Bandar Raya Kuching berbanding Taman Negara Mulu yang terletak di kawasan utara Sarawak dan jauh dari bandar Miri.

Foto 11
***Pinnacle* Atau Mercu Batu Yang Terjadi Secara Semulajadi Sejak Lebih 15 Juta Tahun Dulu Yang Terletak Di Gunung Api, Taman Negara Mulu, Miri**



Sumber Foto : Lembaga Pelancongan Sarawak

Foto 12
Pemandangan Dalam *Deer Cave,* Taman Negara Mulu, Miri Merupakan Gua Yang Terbesar Di Dunia

Sumber Foto : Lembaga Pelancongan Sarawak

Foto 13

Batu Terbentuk Kerana Hakisan Dan Terletak Di Perairan Laut China Selatan Berhampiran Taman Negara Bako Yang Menjadi Tarikan Pelancong Selain Kekayaan Flora Dan Faunanya



Sumber Foto : Lembaga Pelancongan Sarawak

Pada pandangan Audit, kajian dan penyelidikan perlu dilaksanakan mengikut rancangan kerana objektifnya untuk mendapatkan maklumat berguna untuk rancangan dan pelaksanaan pembangunan yang terancang dan berterusan.

37.2.5 Acara Dan Pesta

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, hanya 28 daripada 48 acara dan pesta yang dilaksanakan telah direkod dan difailkan. Mengikut rekod perbelanjaan, pada tahun 2001

kesemua peruntukan sejumlah RM1.06 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan 16 acara dan pesta berbanding 13 acara yang dirancang. Pada tahun 2002, sebanyak 32 acara dan pesta dilaksanakan dengan belanja sejumlah RM10.29 juta berbanding 22 yang dirancang dengan peruntukannya sejumlah RM10.40 juta. Perbelanjaan tersebut adalah termasuk RM8.96 juta untuk kempen pelancongan domestik di media elektronik terutama untuk mempromosikan Tahun Pelancongan Sarawak 2003. Pada tahun 2003 pula, sebanyak 32 acara dilaksanakan dengan belanja sejumlah RM3.15 juta, antaranya ialah Pesta Kuching, *Gawai Tourism Night*, *Rainforest World Music Festival* dan *Sarawak Regatta*.

Pada pendapat Audit, acara dan pesta yang diadakan adalah baik namun perlu dipantau kesannya terhadap bilangan kedatangan pelancong supaya usaha dapat ditumpukan kepada acara dan pesta yang memberi impak yang besar.

37.2.6 Promosi Antarabangsa

Kementerian melalui Lembaga Pelancongan Sarawak secara berterusan melipatgandakan usaha mempromosikan Sarawak di pasaran antarabangsa terutama di pasaran yang tidak terjejas dengan krisis ekonomi dunia.

i) Misi Jualan Dan *Road Show*

Pada tahun 2001 dan 2002, *road show* ke Australia dan New Zealand telah dijalankan manakala pada tahun 2003, Kementerian dan Lembaga Pelancongan Sarawak telah membuat 5 misi jualan iaitu ke Brunei, Korea, Jepun, China dan Australia. Antara aktiviti yang dibuat semasa misi jualan dan *road show* ialah persembahan kebudayaan sewaktu Majlis Makan Malam bersama pemandu pelancong, agensi pelancongan dan media,

persembahan di pusat membeli-belah dan pameran produk pelancongan. Rombongan tersebut turut disertai oleh pengusaha pelancongan, Lembaga Pelancongan Sarawak, pihak media, agen perjalanan dan lain-lain yang terlibat dengan industri pelancongan seperti Persatuan Pelancongan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM2.58 juta telah dibelanjakan bagi tujuan ini.

ii) Pameran Antarabangsa Dan Ekspo Perdagangan/Pengguna

Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Lembaga Pelancongan Sarawak telah mengadakan sejumlah 60 pameran dan ekspo perdagangan dan pengguna di luar negara dengan perbelanjaan sejumlah RM2.85 juta. Antara pameran yang diadakan adalah seperti di *Asia Pacific Incentive & Meetings Expo* (AIME) Australia, *International Tourismus Borse* (ITB) Jerman, *The European Incentives and Business Travel & Meeting Exhibition* (EIBTM) Switzerland dan *World Travel Market* (WTM) United Kingdom.

Pada pandangan Audit, misi jualan, *road show* dan pameran perdagangan adalah baik kerana Lembaga Pelancongan Sarawak dapat mempromosi produk pelancongan Sarawak secara terus kepada pelancong berpotensi.

iii) Program Lawatan Dan Suai Kenal Wartawan

Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Lembaga Pelancongan Sarawak telah menerima kunjungan 39 kumpulan wartawan terdiri daripada penulis dan jurugambar (*photo journalist*) dari luar negara termasuk dari Semenanjung dan sejumlah RM1.05 juta telah dibelanjakan untuk program ini. Antara wartawan tersebut adalah dari Australia, Switzerland,

Singapura, Itali, Austria, Thailand, Jepun dan Jerman. Wartawan dibawa melawat ke destinasi tarikan pelancong seperti Bandar Raya Kuching, Damai, Mulu, Niah, Taman Negara Bako, Batang Ai dan Borneo Height. Pengalaman wartawan tersebut akan ditulis dalam akhbar atau majalah di negara mereka. Pada tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 48 penggambaran filem dokumentari oleh 331 krew televisyen luar negara telah diadakan iaitu dari Singapura, Australia, Amerika Syarikat dan Jepun untuk ditayangkan dalam siaran televisyen negara tersebut. Semakan lanjut Audit mendapati penulis dan wartawan luar telah menghantar majalah dan keratan akhbar mengenai destinasi menarik pelancongan Sarawak kepada Lembaga Pelancongan Sarawak. Begitu juga sebanyak 16 penggambaran filem dokumentari telah ditayangkan dan cakera padat dihantar kepada Lembaga Pelancongan Sarawak bagi membuktikan krew televisyen telah berusaha mempromosikan Sarawak di negara tersebut.

Pada pendapat Audit, usaha promosi melalui kaedah ini adalah menarik kerana maklumat mengenai tarikan pelancongan ditulis sendiri oleh wartawan dari negara luar dan Lembaga Pelancongan Sarawak tidak perlu menanggung kos pengiklanan kecuali penajaan tempat tinggal dan pengangkutan semasa berada di Sarawak.

iv) Penerbangan Khas

Penerbangan khas adalah penerbangan yang dibuat oleh Kementerian dengan kerjasama Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan dibantu oleh Lembaga Pelancongan Sarawak bagi menarik pelancong luar negara ke destinasi pelancongan Sarawak. Pemeriksaan Audit mendapati sehingga tahun 2003,

sejumlah 4 penerbangan terus 2 kali seminggu dari Fuzhou, China ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan 3 kali seminggu dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching ke Guangzhou dan Canton, China dan Hong Kong telah dibuat. Dalam hal ini, Sistem Penerbangan Malaysia, Kementerian dan Lembaga Pelancongan Sarawak berperanan memberi bantuan seperti mendapatkan hak mendarat, memperolehi visa dan urusan dengan pihak Imigresen. Pemeriksaan lanjut Audit mendapati pada tahun 2002, *Xiamen Airlines* membuat penerbangan khas setiap minggu dari Fuzhou, China ke Kuching/Sibu. Antara acara yang dibuat untuk pelancong tersebut ialah melawat di sekitar Bandar Raya Kuching, Kampung Budaya Sarawak, Taman Negara Bako, Pusat Hidupan Liar Semenggok, Taman Negara Mulu dan Batang Ai.

Pada pandangan Audit, usaha mengadakan penerbangan khas dapat membantu menggalak dan meningkatkan kedatangan pelancong ke Sarawak.

v) Pakej Pelancongan

Pakej pelancongan *Shiok Sarawak* bagi destinasi Singapura - Kuching iaitu usaha sama antara Lembaga Pelancongan Sarawak dengan Persatuan Pelancong Sarawak, Persatuan Hotel Malaysia Sarawak, Sistem Penerbangan Malaysia dan konsortium 23 Agensi Pelancongan (MASPRO), Singapura telah dilancarkan pada awal tahun 2003. Semakan Audit mendapati operasinya bermula pada akhir tahun 2002 dan diiklankan melalui akhbar *New Straits Times* dan *Lianhe Zaobao* (Singapura) sepanjang tahun 2003. Semakan lanjut Audit mendapati seramai 1,691 pelancong telah berkunjung ke Sarawak melalui pakej pelancongan tersebut. Antara aktiviti yang dibuat ialah melawat di

sekitar Bandar Raya Kuching, berkunjung ke Taman Negara Mulu di samping menginap di Rumah Panjang dan bermain golf atau mengembara.

Pada pandangan Audit, Kementerian dan Lembaga Pelancongan Sarawak patut terus meningkatkan usaha supaya pengusaha pelancongan bergiat aktif mengadakan pakej pelancongan bagi menyokong usaha Kerajaan Negeri meningkatkan kedatangan pelancong.

37.2.7 Promosi Domestik

Bagi mempromosikan Sarawak termasuk acara dan pesta, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM14.50 juta sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2003. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

i) Promosi Melalui Media Massa

Pada tahun 2002 dan 2003, Kementerian telah melantik sebuah syarikat pengiklanan untuk menyediakan bahan promosi dalam bahasa Melayu dan Inggeris untuk diiklankan di TV1, TV2, TV3, ntv7 dan TV Astro selama antara 7 hingga 60 saat. Manakala di Radio 4 RTM dan WOW FM pula untuk tempoh 60 saat. Pada akhir tahun 2002, aktiviti promosi lebih agresif bersempena dengan Tahun Pelancongan Sarawak 2003. Aktiviti promosi bermula dengan *road show* di kawasan bandar besar di Sarawak seperti Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri. Di Semenanjung Malaysia pula, promosi bermula dari Pulau Pinang sehingga ke Johor dan Singapura. Promosi tersebut juga telah disiarkan secara langsung di TV1 dan ntv7 pada akhir bulan Disember 2002 bagi menghadapi saingan Tahun Pelancongan Johor dan Perlis pada tahun yang sama.

ii) Program Filem Dokumentari

Program filem dokumentari mengenai destinasi pelancongan yang menarik di Sarawak dilaksanakan oleh syarikat produksi filem dan syarikat televisyen swasta dengan kerjasama Lembaga Pelancongan Sarawak. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 9 syarikat produksi tempatan dan TV3, ntv7 serta Astro menerbitkan filem dokumentari. Antara lokasi menarik yang difilemkan ialah seperti Borneo Height, Kampung Budaya Sarawak, Pantai Santubong, Taman Negara Bako, Mulu dan Niah, Bandar Raya Kuching, Pusat Lindungan Hidupan Liar Semenggok dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Filem dokumentari berkenaan disiarkan dalam program Malaysia Hari Ini (MHI) dan program "*Explorace*" di TV3, "Cit-Cat" dan "Generasi" di Astro, manakala program "3R" di kedua stesen televisyen tersebut. Hak penyiaran adalah milik stesen televisyen berkenaan. Kerjasama yang diberikan oleh Lembaga Pelancongan Sarawak ialah menyediakan pengangkutan dan tempat penginapan.

iii) Pakej Pelancongan

Pada masa yang sama, pelancong Semenanjung diperkenalkan pakej pelancongan seperti *"Discover Sarawak", "Golden Holidays-Let's Do It In Sarawak", Jom Sarawak* oleh *Air Asia, Xpress Sarawak* oleh KL Consortium dan *Great Gateway*. Pemeriksaan Audit mendapati pada tahun 2003, seramai 26,637 pelancong telah berkunjung ke Sarawak melalui pakej ini.

iv) Pameran Perdagangan

Lembaga Pelancongan Sarawak juga telah mengadakan pameran perdagangan di pasaran domestik. Antara pameran perdagangan domestik yang disertai ialah seperti *Malaysian Association of Tour*

and Travel Agency (*MATTA) International Travel Fair* di Kuala Lumpur, MATTA *International Travel Fair* (Penang), *Twin Cities 2002* (Melaka), *Sarawak Fest* (Sunway Lagoon), Karnival Pelancongan Malaysia (KL) dan *National Travel and Agents of Singapore* (NATAS). Selain itu, Lembaga mengadakan sesi *product up-date* pelancongan di Semenanjung yang merupakan acara tahunan tentang produk baru dan pakej pelancongan.

Pada pendapat Audit, promosi domestik adalah sama penting bukan sahaja untuk menarik pelancong tempatan malahan juga untuk memupuk semangat integrasi.

37.2.8 Pengiklanan

Format iklan berwarna 1/2, 1/3 atau 1 muka surat dibuat dalam penerbitan perdagangan dan pengguna termasuk majalah dan akhbar secara kontrak atau *ad hoc*. Contoh majalah perdagangan di Asia ialah seperti *Travel Weekly East, Travel Asia* dan *Tourism Asia* manakala majalah pengguna pula seperti *Going Places (Bimonthly*), *Cleo, Her World, Telekom Yellow Pages* dan Jelita. Majalah perdagangan negara luar pula seperti *Travel Inside* Switzerland, *Selling Long Haul* United Kingdom dan *Stand By Scandinavia.* Iklan komersil mengenai keunikan Negeri Sarawak turut disiarkan melalui TV1, TV2, TV3, ntv7, Astro dan CNN yang diubahsuai setiap 3 bulan di samping penyiaran di Radio Malaysia dan CAT's FM. Sejumlah RM6.55 juta telah dibelanjakan untuk maksud ini. Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, iklan mempromosikan Sarawak telah disiarkan melalui televisyen dan dokumentari di luar negara antaranya seperti di Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan Australia antara 3 hingga 6 kali.

Pada pendapat Audit, pengiklanan di media cetak dan elektronik secara agresif dan berterusan terutama di luar negara sememangnya wajar untuk memberi impak yang lebih berkesan dan berterusan.

37.2.9 Publisiti Dan Perhubungan Awam

Kementerian melaksanakan strategi memperluas dan memperkukuh jalinan hubungan dengan pengusaha pelancongan dan pihak media dalam dan luar negara melalui aktiviti perhubungan awam. Maklumat terkini dihebahkan kepada pihak media cetak dan elektronik. Selain itu, Kementerian menerbitkan rencana dan kenyataan akhbar bagi menyokong acara seperti Tahun Pelancongan Sarawak 2003 dan *World Rainforest Music Festival*. Sisipan khas *Sarawak Discovery* di akhbar *Sarawak Tribune* dan kuiz melalui radio tempatan juga diadakan bagi mengukuhkan aktiviti promosi. Lembaga Pelancongan Sarawak juga menggunakan khidmat wakil pemasaran selaku agensi perhubungan awam di pasaran Asia dan Eropah. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM3.75 juta telah dibayar kepada wakil pemasaran tersebut.

Pada pandangan Audit, melalui publisiti dan perhubungan awam, pelancong berpotensi dapat berinteraksi secara langsung dengan Agen pelancongan.

37.2.10 Bahan Promosi

Pemeriksaan Audit terhadap Pesanan Bekalan (*Supply Order*) mendapati Lembaga Pelancongan Sarawak telah mencetak sebanyak 3.86 juta keping bahan promosi bercetak dalam pelbagai bahasa asing untuk kegunaan dalam dan luar negara dengan belanja sejumlah RM1.34 juta. Bahan tersebut diletakkan di pusat penerangan pelancongan, hotel, kedutaan Malaysia di luar negara serta organisasi

yang terlibat dengan pelancongan. Antara bahasa asing yang digunakan ialah bahasa Inggeris, Jerman dan Cina. Maklumat dalam risalah dikemas kini dari semasa ke semasa untuk memastikan maklumat yang tepat dan mutakhir. Lembaga Pelancongan Sarawak juga menyediakan pita video, cakera padat dan *slide* dengan perbelanjaan sejumlah RM73,641 untuk digunakan semasa promosi yang dilaksanakan secara langsung sama ada dalam misi jualan atau pameran perdagangan.

Pada pendapat Audit, bahan promosi bercetak adalah mustahak untuk rujukan maklumat tentang latar belakang produk atau destinasi pelancongan dan senang dibawa oleh pelancong pada bila-bila masa.

37.2.11 Teknologi Maklumat

Perkembangan teknologi maklumat membantu promosi dan pemasaran juga dilaksanakan secara maya melalui laman web. Lembaga Pelancongan Sarawak telah membangunkan semula laman web rasminya www.sarawaktourism.com pada tahun 1997, 1999, 2000, 2002 dan 2003 sejak dibangunkan pada tahun 1995. Lembaga Pelancongan Sarawak juga telah membangunkan laman web khas untuk pasaran MICE iaitu (www.sarawakmice.com), manakala www.rainforestmusic-borneo.com dan www.sty.com adalah khusus untuk acara *Rainforest World Music Festival* yang diadakan setiap tahun. Setiap tahun, seramai lebih kurang 80,640 pengguna melayari laman web ini.

Pada pendapat Audit, laman web berupaya membantu meluaskan kawasan pasaran. Oleh itu, laman web perlu sentiasa dikemas kini bagi membolehkan pelawat atau pengguna terutama pelancong mendapat maklumat yang terkini.

37.2.12 Prestasi Industri Pelancongan

Adalah didapati pada tahun 2001, Unit Perancang Negeri telah dilantik untuk mengetuai Jawatankuasa Kerja mengumpul, mengguna dan mengagihkan data berkaitan pelancong dan pelawat ke Sarawak serta memperkenalkan penggunaan *Tourism Satellite Accounting* seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Pelancongan Sedunia. Tujuannya ialah untuk mengumpul maklumat tepat mengenai ketibaan pelancong dan aktivitinya supaya boleh digunakan untuk merancang pemasaran dan pembangunan infrastruktur pelancongan. Selain itu, ia dapat menilai impak pelancongan terhadap ekonomi, masyarakat dan perniagaan serta untuk mengukur prestasi usaha promosi yang dilakukan oleh sektor awam dan swasta. Bagaimanapun, sehingga kini Kementerian dan Lembaga Pelancongan Sarawak masih menggunakan statistik ketibaan pelawat melalui udara yang diperolehi dari Jabatan Imigresen sebagai penanda aras. Bagi tujuan menganggarkan pendapatan daripada pelancongan pula, angka ketibaan pelancong didarabkan dengan purata perbelanjaan pelancong.

i) Ketibaan Pelancong

Bilangan pelancong ke Sarawak pada tahun 2001 dan 2003 tidak berkurangan walaupun terdapat nasihat perjalanan ke wilayah Asean yang dikeluarkan oleh negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Kanada dan Jerman berikutan peristiwa 11 September 2001 di Amerika Syarikat dan pengeboman di Bali pada bulan Oktober 2002. Ini kerana segmen utama pelancong bukan dari Barat tetapi dari Negara Asia Pasifik dan Timur Tengah. Di sebalik peristiwa itu dan jerebu yang berulang kali berlaku di Wilayah Borneo, jumlah pelancong yang datang ke Sarawak pada tahun 2001 meningkat 6.3% iaitu seramai 3.49 juta orang berbanding 3.28 juta orang pada tahun 2000. Pada tahun 2002

pula meningkat 5.2% iaitu seramai 3.67 juta orang dengan ketibaan pelancong asing yang berkembang sebanyak 3.9% adalah lebih baik berbanding perkembangannya di peringkat dunia iaitu sekadar 4%, manakala ketibaan domestik 6.4%.

Daripada keseluruhan jumlah kedatangan pelancong, sebahagian besar adalah pelancong asing yang berjumlah 1.67 juta orang atau 48% pada tahun 2001 dan 1.73 juta orang atau 47.2% pada tahun 2002. Perkembangan yang menguntungkan ini adalah kerana usaha pemasaran yang agresif dan kerjasama rakan dalam industri pelancongan. Tindak balas segera terhadap pelbagai krisis yang berlaku dengan memberi fokus kepada pasaran wilayah dan domestik juga menyumbang kepada perkembangan ini. Bagaimanapun, pada tahun 2003, kedatangan pelancong merosot sebanyak 10.6% atau 0.39 juta orang. Pelancong asing merosot sebanyak 3.8% manakala domestik sebanyak 16.7%. Keadaan ini adalah disebabkan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk atau *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) yang melanda Asia pada awal tahun 2003 dan Selsema Burung (*chicken flu*) pada akhir tahun 2003. Statistik ketibaan pelancong/pelawat adalah seperti di **Jadual 44.**

Jadual 44
Bilangan Ketibaan Pelancong/Pelawat Ke Sarawak
Bagi Tempoh Tahun 2000 Hingga 2003

Kerakyatan	Bilangan 2000	%	Bilangan 2001	%	Bilangan 2002	%	Bilangan 2003
Singapura	32,558	(0.5)	32,386	0.4	32,528	(9.2)	29,539
Australia & N.Zealand	18,832	12.5	21,185	4.1	22,047	(12.7)	19,241
Kanada	5,736	(0.8)	5,690	17.6	6,691	(5.2)	6,340
Hong Kong	1,177	(6.6)	1,099	35.9	1,493	(37.4)	934
India	5,464	47.2	8,041	9.3	8,792	(4.5)	8,395
U.K. & Ireland	32,933	10.0	36,217	3.0	37,313	(11.7)	32,936
Brunei	844,416	17.4	991,189	3.2	1,022,506	(10.5)	914,859
U.S.A	9,164	(4.9)	8,711	6.5	9,277	(17.0)	7,697
China	5,412	41.2	7,641	49.1	11,391	(9.6)	10,293
Eropah Barat	16,242	(30.9)	11,231	36.3	15,312	(7.4)	14,186
Eropah Timur	1,212	26.5	1,533	(41.8)	892	10.0	981
Filipina	31,864	53.6	48,928	22.7	60,056	13.8	68,371
Indonesia	273,421	9.9	300,366	6.5	319,742	10.5	353,421
Jepun	11,567	(8.9)	10,543	3.9	10,956	(24.4)	8,278
Taiwan	9,809	4.5	10,247	(0.6)	10,189	(36.4)	6,482
Thailand	4,532	117.4	9,853	26.4	12,454	(11.3)	11,043
Lain-lain	190,067	(13.7)	164,038	(6.9)	152,776	14.6	175,009
Jumlah Pelancong Luar	1,494,406	11.7	1,668,898	3.9	1,734,415	(3.8)	1,668,005
Jumlah Pelancong Malaysia (Semenanjung, Sabah & Sarawak)	1,789,809	1.9	1,823,417	6.4	1,939,420	(16.7)	1,615,114
Jumlah	**3,284,215**	**6.3**	**3,492,315**	**5.2**	**3,673,835**	**(10.6)**	**3,283,119**

Sumber: Jabatan Imigresen, Sarawak

ii) Jumlah Pendapatan

Mengikut Pertubuhan Pelancongan Sedunia, prestasi sebenar industri pelancongan adalah berdasarkan ketibaan pelancong dan tempoh masa berada di sesuatu negeri. Mengikut Laporan Pelancongan Malaysia 2001, perbelanjaan purata pelancong sehari dianggarkan sejumlah RM300. Manakala berdasarkan *exit survey* yang dijalankan oleh Kementerian pada setiap tahun, pelancong akan tinggal sekurang-kurangnya 2 hari. Berdasarkan ketibaan pelancong seramai 3.49 juta pada tahun 2001 dan 3.67 juta pada tahun 2002, jumlah perbelanjaan pelancong terhadap tempat tinggal, makan minum, pengangkutan, hiburan dan cenderahati ialah kira-kira RM2.10 bilion (2001) dan RM2.20 bilion (2002). Manakala pada tahun 2003, pendapatan pelancongan

hanya sejumlah RM1.97 bilion berikutan hanya 3.28 juta pelancong sahaja yang datang.

Pada pendapat Audit, prestasi industri pelancongan sepatutnya diukur melalui bilangan ketibaan pelancong dan bukan pelawat seperti yang direkodkan oleh Jabatan Imigresen. Oleh itu, adalah disyorkan Unit Perancangan Negeri terus berusaha mempercepatkan penggunaan *Tourism Satellite Accounting* dan mewujudkan statistik yang penting untuk pembangunan industri pelancongan.

Pada pandangan Audit, Sarawak sememangnya kaya dengan produk pelancongan berasaskan alam semulajadi, kebudayaan dan pengembaraan. Adalah didapati pelaksanaan produk pelancongan, pembangunan sumber manusia serta kajian dan penyelidikan kurang memuaskan kerana tidak dilaksanakan secara agresif atau tidak dilaksanakan sama sekali. Namun usaha promosi dan pemasaran telah dilaksanakan dengan baik. Bagaimanapun, pencapaiannya sukar diukur.

37.3 PEMANTAUAN

Pemantauan terhadap pembangunan industri pelancongan Negeri adalah wajar untuk memastikan pelaksanaan program berjalan lancar.

37.3.1 Unit Dan Jawatankuasa Pemantau

Kemajuan program/projek dipantau oleh Unit Perancang Negeri. Bagaimanapun, Kementerian juga melantik seorang Penolong Setiausaha (N41) untuk memantau pelaksanaan projek pembangunan produk. Pada bulan Julai 2001, atas nasihat Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri diwujudkan untuk menguruskan perancangan, pembangunan dan

promosi pelancongan secara bersepadu di setiap negeri dan diletak di bawah Lembaga Pelancongan Sarawak. Pada tahun 2002 pula, Jawatankuasa Penyelarasan Pelancongan Negeri diwujudkan. Ahlinya terdiri daripada Menteri Pelancongan, Timbalan Menteri Pelancongan, Pengerusi Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pelancongan Sarawak, semua Residen Bahagian, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Jabatan Imigresen, Pengarah Jabatan Muzium dan wakil daripada sektor swasta serta persatuan yang secara langsung atau tidak terbabit dengan industri pelancongan. Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Pemantauan Projek RMK8 juga diwujudkan pada penghujung tahun 2002 untuk memantau pelaksanaan projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan.

37.3.2 Mesyuarat Dan Laporan

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2002 hingga 2003, Jawatankuasa Penyelarasan Pelancongan Negeri telah bermesyuarat sebanyak 2 kali dan dipengerusikan oleh Menteri Pelancongan. Antara lain mesyuarat membincangkan status pelaksanaan projek, Laporan Pembangunan Pelancong daripada Pasukan Petugas Pelancongan Bahagian, Prestasi Ketibaan Pelawat dan lain-lain seperti pendaftaran hotel. Semakan lanjut Audit mendapati pada tahun 2003, Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Pemantauan Projek RMK8 telah bermesyuarat sebanyak 10 kali. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh pihak Kementerian dan dihadiri oleh wakil Jabatan Perhutanan, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain yang terlibat membincangkan status projek dan tindakan yang sepatutnya diambil oleh agensi pelaksana. Pemantauan terhadap aktiviti promosi dan pemasaran pula dibuat oleh Lembaga Pelancongan Sarawak pada setiap masa. Kemajuannya dilaporkan dari semasa ke semasa dalam

mesyuarat Lembaga. Ini termasuk aktiviti promosi dan pemasaran yang dilakukan oleh 4 wakil pemasaran di luar negara.

Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan program pelancongan adalah baik. Selain itu, penyelarasannya dibuat sehingga ke peringkat kebangsaan dari semasa ke semasa melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri.

38. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, program pelancongan Negeri Sarawak telah diurus dan dilaksanakan serta dipantau dengan baik. Bagaimanapun, ia masih boleh dipertingkatkan lagi dan oleh itu pihak Audit mengesyorkan kepada Kementerian seperti berikut:

i) membuat penilaian ke atas sumbangan yang dibuat oleh pihak swasta dan kerjasama wilayah terhadap pembangunan industri pelancongan;

ii) menilai kesan daripada mengadakan acara dan pesta terhadap ketibaan pelancong supaya usaha dapat ditumpukan kepada acara dan pesta yang memberi impak besar;

iii) mengadakan pangkalan data untuk mewujudkan maklumat yang terperinci dan mencukupi sebagai petunjuk prestasi sebenar industri pelancongan, menilai sumbangannya terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar dan untuk perancangan serta membuat keputusan;

iv) menyenaraikan jenis latihan/kursus dan menyediakan jadualnya supaya program pembangunan sumber dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan; dan

v) melaksanakan kaji selidik yang telah dirancang agar maklumat yang diperolehi dapat membantu mempertingkatkan pembangunan program pelancongan.

JABATAN PERTANIAN

PEROLEHAN INPUT PERTANIAN MENERUSI PERTUBUHAN PELADANG

39. LATAR BELAKANG

Sektor pertanian merupakan salah satu penyumbang penting terhadap ekonomi Negeri Sarawak. Sumbangan sektor ini dari segi nilai eksport utama adalah berjumlah lebih kurang RM1.60 bilion daripada RM31.16 bilion iaitu 5.1% jumlah keseluruhan eksport utama Sarawak pada tahun 2002. Adalah dianggarkan seramai 122,244 keluarga bergiat dalam bidang pertanian di Sarawak. Antara aktiviti pertanian yang terlibat meliputi pengeluaran pertanian dan ternakan, perkhidmatan pertanian, aktiviti perikanan serta aktiviti perburuan, permerangkapan dan pembiakan binatang.

Bagi tempoh RMK8, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM420.50 juta kepada Jabatan Pertanian Negeri Sarawak (Jabatan) untuk menampung perkembangan aktiviti pertanian dan industri pemakanan di Negeri ini. Sejumlah RM272.59 juta daripada jumlah tersebut dianggarkan untuk tempoh pelaksanaan tahun 2001 hingga 2003. Berdasarkan kepada rekod Jabatan, tidak kurang 80% daripada peruntukan yang diterima digunakan untuk pelaksanaan perolehan input pertanian bagi industri tanaman, perikanan darat, veterinar, bekalan anak benih tanaman dan pembinaan infrastruktur pertanian. Sejumlah RM218.10 juta atau 80% daripada peruntukan 3 tahun tersebut adalah untuk perolehan input pertanian menerusi Pertubuhan Peladang. Tujuan perolehan input pertanian dibuat melalui Pertubuhan Peladang adalah untuk menyelesaikan masalah kelewatan pembekalan input pertanian serta memastikan petani mendapat bekalan yang bermutu mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

40. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada perolehan input pertanian menerusi Pertubuhan Peladang bagi program yang ditetapkan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamatnya.

41. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sarawak, tiga Jabatan Pertanian Bahagian iaitu Kuching, Sri Aman dan Sarikei dan 4 Pejabat Daerah Pertanian iaitu Kuching, Siburan, Betong dan Meradong. Pengauditan dijalankan dengan memeriksa dan menyemak rekod serta dokumen yang berkaitan dengan perolehan input pertanian tersebut bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Di mana perlu, rekod tahun sebelumnya juga disemak dan dinyatakan sewajarnya. Tumpuan diberi terhadap perolehan input di bawah Rancangan Pembangunan Tanaman, Veterinar dan Perikanan Darat. Selain itu, temu bual dengan para peserta dan lawatan ke tapak projek juga dibuat untuk melihat keadaan fizikal projek tanaman para petani.

42. PENEMUAN AUDIT

42.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur penting bagi memastikan projek yang akan dilaksanakan berjalan lancar dan tersusun. Sistem Perolehan Input Pertanian adalah merupakan satu kontrak pembekalan input serta anak benih tanaman dan pembinaan infrastruktur pertanian kepada penerima bantuan pertanian.

42.1.1 Struktur Pengurusan

Adalah didapati 5 Bahagian di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri iaitu Bahagian Industri Tanaman, Bahagian Perikanan Darat, Bahagian

Veterinar, Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Institusi Peladang bertanggungjawab terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program bantuan bekalan input pertanian kepada petani tertakluk kepada jenis pertanian yang dijalankan. Bahagian berkenaan juga bertanggungjawab meluluskan permohonan peserta serta mengagihkan peruntukan kewangan kepada semua Pejabat Pertanian di 11 Bahagian Negeri Sarawak. Setiap Bahagian ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Pertanian Gred G54 dan dibantu oleh 36 pegawai dan kakitangan pelbagai kategori. Unit Pemantauan Projek di peringkat Pejabat Pertanian Bahagian pula bertanggungjawab bagi merancang dan menyelia setiap program pertanian termasuk perancangan perolehan bantuan input pertanian bagi setiap Daerah/Daerah Kecil di Bahagian berkenaan. Manakala Pejabat Pertanian Daerah/Daerah Kecil bertanggungjawab menyalurkan peruntukan yang diterima daripada Pejabat Pertanian Bahagian ke akaun Pertubuhan Peladang Kawasan berkaitan dan membuat pesanan input pertanian mengikut jumlah skim dan bilangan peserta yang telah diluluskan. Di Sarawak, ada 28 Pertubuhan Peladang Kawasan yang menguruskan pesanan perolehan daripada Pertubuhan Peladang Negeri atau pembekal setempat yang kemudiannya akan menyerahkan bekalan kepada Pejabat Pertanian Daerah untuk diagihkan kepada para petani.

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan perolehan input pertanian adalah jelas kerana dikhususkan mengikut aktiviti pertanian yang terlibat serta berupaya melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

42.1.2 Bantuan Input Pertanian

Bantuan input pertanian merupakan satu usaha berterusan Kerajaan untuk membantu para petani mendapatkan sebahagian daripada keperluan pertanian mereka seperti biji benih, baja, racun, makanan

ternakan, perkakasan pertanian dan bantuan pertanian lain yang berkaitan bergantung kepada jenis program pertanian yang dijalankan. Bantuan tersebut adalah untuk tempoh 1 hingga 4 tahun sahaja mengikut jenis skim yang dipohon. Mulai tahun 1994, semua pembekalan dan pembinaan infrastruktur pertanian yang dirancang untuk petani akan dilaksanakan atau diuruskan oleh Pertubuhan Peladang atau syarikat subsidiarinya. Tujuannya ialah untuk memastikan petani mendapat bekalan input pertanian yang bermutu dan dalam tempoh yang ditetapkan. Adalah didapati perancangan penyaluran bantuan input pertanian kepada petani oleh Jabatan Pertanian adalah berasaskan kepada maklumat seperti pemilihan kawasan, tapak pertanian serta jumlah peserta yang dicadangkan oleh semua Pejabat Pertanian Bahagian.

Pihak Audit berpendapat perancangan terhadap penyaluran bantuan input pertanian telah dibuat dengan baik bagi memastikan petani mendapat bekalan input pertanian yang bermutu dan mengikut tempoh yang ditetapkan serta menepati keperluan para petani.

42.1.3 Sasaran Dan Keperluan Kewangan

Jabatan telah menetapkan sasarannya untuk membangunkan seluas 80,170 hektar tanah seluruh Negeri termasuk 3,521 hektar tanah di Bahagian Kuching, seluas 2,621 hektar di Bahagian Betong dan 2,964 hektar di Bahagian Sarikei bagi tempoh RMK8. Pembangunan tanah ini dirancang melalui pelbagai program tanaman dan industri makanan seperti di **Jadual 45.**

Jadual 45
Rancangan Pembangunan Program Tanaman
Dan Industri Makanan Bagi Tempoh RMK8

Bil.	Subprogram	Keluasan/Bilangan
1.	Program Industri Padi	18,750 ha
2.	Program Industri Lada Dan Rempah-Ratus	3,980 ha
3.	Program Industri Buah-Buahan Dan Dusun	27,000 ha
4.	Program Industri Kelapa	10,000 ha
5.	Program Mempelbagaikan Pertanian	6,840 ha
6.	Program Industri Getah (LITS)	5,000 ha
7.	Program Tanaman Kelapa Sawit	7,500 ha
8.	Program Ternakan Ikan (protein)	1,100 ha
9.	Program Ternakan Haiwan	10,000 unit
Jumlah		**80,170 ha/10,000 unit**

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Bagi menjayakan hasrat ini, bantuan input pertanian akan dibekalkan kepada petani yang terlibat. Semakan Audit mendapati untuk tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM272.59 juta dianggarkan oleh Jabatan untuk perkembangan aktiviti pertanian dan tidak kurang RM70 juta setahun daripada peruntukan ini digunakan untuk perolehan input pertanian menerusi Pertubuhan Peladang. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada bukti Jabatan ada merancang jumlah sebenar petani yang disasarkan menerima bantuan dalam setahun.

Pada pandangan Audit, peruntukan kewangan yang dianggarkan adalah memadai. Selain itu, perancangan juga adalah teratur kerana mengambil kira seluruh Bahagian/Daerah/Daerah Kecil di bawah jagaan Jabatan serta merangkumi pelbagai jenis tanaman dan ternakan.

42.1.4 Kaedah Pelaksanaan Sistem Perolehan Input Pertanian

Bagi menguruskan perolehan input pertanian menerusi Pertubuhan Peladang, Jabatan pada bulan Mac 2000 ada menyediakan satu garis panduan yang dikenali sebagai Sistem Perolehan Input Pertanian

berdasarkan *Program Farmers' Managed Farm Inputs Purchase System* bagi mengganti kaedah pelawaan sebut harga yang diuruskan oleh Ibu Pejabat Pertanian. Garis panduan tersebut merangkumi tatacara serta proses kerja yang perlu diikuti bagi melaksanakan perolehan input pertanian menerusi Pertubuhan Peladang. Semakan Audit terhadap garis panduan mendapati antara tumpuan yang diberi adalah proses berhubung pembekalan industri pertanian, pembekalan anak benih tanaman, pembekalan bantuan pertanian dan Program Pembangunan Ekonomi Wanita (WEDA). Aliran kerja bagi pembinaan infrastruktur projek pertanian, perikanan darat, veterinar dan WEDA ditunjukkan dengan jelas untuk memudahkan Pegawai Pertanian melaksanakan projek secara seragam. Setiap jenis borang yang perlu digunakan ada dimuatkan dalam panduan sebagai contoh. Bagaimanapun, temu bual Audit mendapati beberapa pegawai tidak sedar adanya garis panduan yang berguna itu.

Semakan lanjut Audit mendapati kaedah penyaluran peruntukan ada dinyatakan iaitu Ibu Pejabat Pertanian bertanggungjawab untuk menyalurkan peruntukan dalam tempoh 2 minggu kepada Pejabat Pertanian Bahagian dari tempoh penerimaan peruntukan daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan. Manakala Pejabat Pertanian Bahagian pula akan menyalurkan peruntukan berkenaan kepada Pejabat Pertanian Daerah dalam tempoh 1 minggu yang seterusnya akan menyalurkan pula peruntukan tersebut ke akaun Pertubuhan Peladang Kawasan agar pesanan input pertanian yang dikehendaki dapat dibuat dengan segera berdasarkan jumlah peserta yang diluluskan oleh Ibu Pejabat Pertanian. Input pertanian hendaklah disampaikan kepada petani mengikut tempoh seperti dinyatakan dalam borang pesanan atau tidak melebihi 5 minggu dari tarikh pesanan.

Pihak Audit berpendapat garis panduan yang disediakan adalah komprehensif dan berupaya membantu Jabatan melicinkan pelaksanaan Sistem Perolehan Input Pertanian menerusi Pertubuhan Peladang. Ianya juga memberi penjelasan yang baik dan terperinci terhadap latar belakang serta aliran kerja yang perlu diikuti di bawah sistem ini. Bagaimanapun, Jabatan perlu mengambil tindakan mengedarkan garis panduan tersebut kepada pegawai yang terlibat.

Pada pandangan Audit, perancangan bagi melaksanakan perolehan input pertanian yang bertujuan untuk membantu para pekebun kecil telah dibuat dengan baik.

42.2 PELAKSANAAN

Jabatan memberi bantuan kepada petani dalam bentuk input pertanian seperti baja, racun, anak benih tanaman, makanan ikan, makanan haiwan, bahan binaan pertanian, perkakasan dan peralatan tanaman serta industri makanan.

42.2.1 Pemilihan Peserta

i) Syarat Penyertaan

Bagi mendapatkan bantuan input pertanian, peserta disyaratkan memiliki tanah yang sesuai dan tenaga buruh yang mencukupi serta sedang giat berusaha dalam aktiviti pertanian berkenaan. Kesesuaian atau keluasan sesuatu tanah serta jumlah tenaga buruh adalah bergantung kepada jenis aktiviti pertanian yang dijalankan oleh petani. Pemilihan peserta di peringkat awal akan dilakukan oleh Pejabat Pertanian Daerah. Peserta yang ingin mendapat bantuan dikehendaki mengisi borang permohonan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian. Semakan Audit mendapati tarikh tutup permohonan tidak ditetapkan oleh Pejabat

Pertanian. Jabatan mengamalkan permohonan terbuka bagi membolehkan petani membuat permohonan pada bila-bila masa.

ii) Proses Permohonan

Kebiasaannya Pejabat Pertanian Daerah hanya memproses permohonan yang diterima sehingga bulan Jun tahun semasa untuk bantuan tahun hadapan. Permohonan yang diterima selepas bulan Jun akan diproses pada tahun berikutnya. Semakan lanjut Audit mendapati senarai peserta kemudiannya akan dibawa ke Mesyuarat Pemilihan di peringkat Daerah. Adalah diperhatikan Mesyuarat Pemilihan di peringkat Daerah tidak dijadualkan secara spesifik mahupun serentak. Tarikh mesyuarat diadakan adalah berbeza dari satu Daerah ke Daerah lain bergantung kepada budi bicara pengurusan Daerah. Contohnya, Pejabat Pertanian Daerah Meradong hanya bermesyuarat antara bulan Oktober dan November setiap tahun untuk permohonan yang diterima sehingga bulan Jun tahun semasa. Permohonan tersebut akan dikemukakan ke Pejabat Pertanian Bahagian antara bulan November dan Disember. Permohonan berkenaan kemudiannya akan disalurkan ke Ibu Pejabat Pertanian dan kebiasaannya Pejabat Pertanian Daerah akan menerima keputusan antara bulan Februari dan Mac tahun berikutnya. Senarai peserta akan ditapis sekali lagi di peringkat Bahagian untuk tempoh 1 hingga 2 bulan sebelum dihantar semula ke Ibu Pejabat Pertanian untuk pengesahan dan kelulusan akhir. Pejabat Pertanian Daerah akan hanya dapat memulakan proses implementasi sistem perolehan input pertanian pada sekitar bulan Julai tahun berikutnya.

Pihak Audit berpendapat masa yang diambil untuk proses penyenaraian pendek pemilihan peserta adalah terlalu lama

dan melibatkan banyak peringkat. Apabila kelewatan seumpama ini berlaku di peringkat awal pelaksanaan, maka ianya boleh memberi kesan kepada kelancaran keseluruhan pelaksanaan perolehan input pertanian ini. Oleh itu, Jabatan perlu mengkaji semula proses pemilihan peserta berkenaan. Tempoh keseluruhan proses pemilihan peserta wajar disiapkan dalam tempoh 4 minggu sahaja. Peringkat tertentu yang perlu dilalui pada masa ini mungkin boleh diketepikan. Sekiranya ini dapat dibuat, pelaksanaan perolehan input pertanian boleh dilakukan lebih awal berbanding pada masa ini yang hanya dapat dilaksanakan seawal-awalnya pada bulan Julai tahun berikutnya.

iii) Kelulusan Permohonan

Semakan Audit terhadap bilangan peserta yang berjaya memperolehi kemudahan melalui Sistem Perolehan Input Pertanian mendapati sejumlah 8,036 daripada 13,875 peserta telah berjaya menyertai pelbagai projek pertanian yang dikendalikan oleh Pejabat Pertanian Daerah Kuching, Siburan, Betong dan Meradong bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Bagaimanapun, Jabatan perlu meningkatkan lagi usaha mencari mekanisme terbaik bagi membantu petani lain yang masih belum mendapat kemudahan tersebut termasuk sejumlah 5,839 petani di Kuching, Siburan, Betong dan Meradong. Pada masa yang sama, Jabatan perlu terus memberi bantuan secara fizikal dan khidmat nasihat kepada para petani/penternak yang menerima bantuan sehingga tempoh matang iaitu antara 1 hingga 4 tahun berdasarkan skim mekanik yang ditetapkan oleh Jabatan.

iv) Perjanjian Peserta

Semakan Audit mendapati tiada kontrak perjanjian dibuat di antara peserta program bantuan dengan Jabatan mahupun peserta dengan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak. Peserta hanya diberi surat tawaran melalui Surat Kelulusan Bagi Skim/ Projek (Borang AGC-5) untuk menerima atau menolak skim bantuan yang diluluskan dalam tempoh 1 bulan. Semakan lanjut Audit mendapati tidak semua Pejabat Pertanian menggunakan borang berkenaan untuk memaklumkan kelulusan kepada pemohon. Jabatan boleh mempertimbangkan untuk mengadakan surat setuju terima atau surat perjanjian antara peserta program dengan Jabatan bagi memastikan peserta lebih komited melaksanakan program tersebut.

Pihak Audit berpendapat masa yang diambil untuk memproses permohonan adalah terlalu lama dan wajar untuk dipendekkan. Adalah lebih baik juga sekiranya Jabatan memperbaiki dan menyeragamkan tatacara urusan pemberitahuan berhubung keputusan permohonan kepada peserta program.

42.2.2 Perjanjian Kontrak Pembekal Utama

Kontrak perjanjian ada dimeterai oleh Jabatan dengan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak sebagai pembekal utama perolehan input pertanian kepada semua Pejabat Pertanian. Semakan Audit mendapati selain daripada kadar harga dan jenis input yang disenaraikan, klausa berkenaan dengan denda dan bon pelaksanaan tidak dinyatakan dalam perjanjian tersebut. Klausa ini adalah perlu untuk melindungi kepentingan Kerajaan.

Pada pandangan Audit, tanpa syarat denda dan bon pelaksanaan, adalah agak sukar bagi pihak Jabatan untuk mengambil tindakan

jika Pertubuhan Peladang gagal melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna.

42.2.3 Tempoh Pelaksanaan Dan Pencapaian Fizikal

Jabatan telah menetapkan semua Pegawai Pertanian melaksanakan program masing-masing iaitu program tanaman, ternakan ikan dan haiwan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam tempoh antara 1 hingga 4 tahun mengikut jenis program yang dilaksanakan. Semakan Audit terhadap rekod dan pemeriksaan ke beberapa projek mendapati pada keseluruhannya, Jabatan telah mencapai objektifnya di mana 7,663 hektar atau 84% pelbagai skim di Kuching, Betong, Sarikei dan Meradong bernilai RM15.50 juta atau 79% telah dilaksanakan pada tahun 2001 hingga 2003. Pengeluaran hasil pertanian keseluruhan bagi 4 Daerah tersebut telah meningkat 23.9% daripada 228,704 tan metrik pada tahun 2001 menjadi 283,263 tan metrik pada tahun 2003 seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46
Pencapaian Pengeluaran Hasil Pertanian
Bagi Daerah Kuching, Siburan, Betong Dan Meradong

Bil	Subprogram	Tan Metrik		
		2001	2002	2003
1	Program Industri Padi	8,241	11,523	11,279
2	Program Industri Lada Dan Rempah-Ratus	3,169	4,150	3,247
3	Program Industri Buah-Buahan Dan Dusun	20,984	24,652	25,496
4	Program Industri Kelapa	1,704	2,018	2,550
5	Program Mempelbagaikan Pertanian	10,331	12,664	11,084
6	Program Industri Getah (LITS)	150	202	440
7	Program Tanaman Kelapa Sawit	120	160	220
8	Program Ternakan Ikan (protein)	419	464	491
9	Program Ternakan Haiwan	183,586	194,329	228,456
Jumlah		**228,704**	**250,162**	**283,263**

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Pada pandangan Audit, usaha Jabatan memberi bantuan input pertanian ini telah dapat membantu ramai petani meningkatkan hasil pengeluaran tanaman dan ternakan mereka.

42.2.4 Pengagihan Peruntukan Dan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Semakan Audit terhadap rekod perbelanjaan Jabatan bagi tahun 2001 hingga 2003 mendapati hanya RM17.18 juta daripada RM63.93 juta atau 26.9% peruntukan bagi projek yang menggunakan Sistem Perolehan Input Pertanian telah diagihkan kepada Pejabat Pertanian yang bertanggungjawab dalam masa 2 minggu yang ditetapkan. Manakala RM46.75 juta atau 73.1% lewat diagihkan sehingga 10 bulan iaitu melampaui tempoh yang ditetapkan untuk penyaluran peruntukan ke Pejabat Pertanian Bahagian. Pada masa yang sama, Pejabat Pertanian Bahagian Kuching, Sri Aman dan Sarikei juga terlewat mengeluarkan peruntukan kepada Pejabat Pertanian Daerah Kuching, Siburan, Betong dan Meradong sehingga 2 bulan.

Selain itu, semakan Audit mendapati sejumlah RM41.86 juta atau 85.6% daripada RM48.91 juta peruntukan kepada 4 Daerah iaitu Kuching, Siburan, Betong dan Meradong telah digunakan untuk perolehan input pertanian menerusi Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak dan sejumlah RM2.50 juta daripada peruntukan tersebut adalah untuk pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa di Daerah Kuching, Siburan dan Betong.

Pihak Audit berpendapat peruntukan yang disalurkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan agak besar. Oleh itu, Jabatan perlulah memastikan pihak Pertubuhan Peladang dapat membekalkan kesemua pesanan dalam tempoh yang ditetapkan.

42.2.5 Perolehan Input Pertanian

Pertubuhan Peladang Kawasan telah diberi mandat untuk menyempurnakan Sistem Perolehan Input Pertanian dengan penyeliaan dilakukan oleh Jabatan. Dengan itu semua pembelian input pertanian di bawah Sistem Perolehan Input Pertanian serta

perkhidmatan yang berkaitan termasuk pembangunan infrastruktur pertanian diperolehi secara terus daripada Pertubuhan Peladang. Di peringkat Pertubuhan Peladang Negeri pula, setiap input pertanian yang hendak dibekalkan kepada Jabatan akan diperolehi melalui sebut harga. Satu Jawatankuasa Sebut Harga yang dianggotai oleh Pengurus Pertubuhan Peladang Negeri dan 8 ahli Jawatankuasa termasuk 2 Pegawai Pertanian yang menjadi ahli tetap akan membuat pelawaan dan urusan sebut harga.

i) Input Pertanian Untuk Tanaman

Di bawah program ini, peserta akan menerima bantuan seperti biji benih, baja, racun, bahan binaan pertanian serta perkakasan dan peralatan pertanian yang berkaitan. Untuk memastikan input pertanian dapat dibekalkan kepada petani dalam masa yang berpatutan, Jabatan menetapkan pembekal diberi tempoh 4 minggu untuk membuat penghantaran input pertanian yang dikehendaki kepada Pejabat Pertanian Daerah selepas penerimaan pesanan. Pejabat Pertanian Daerah kemudiannya dikehendaki membuat pengagihan bekalan kepada petani di kawasan masing-masing dalam tempoh 1 minggu daripada tarikh penerimaan bekalan berkenaan. Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan antara 1 hingga 9 bulan bagi penghantaran input pertanian untuk industri tanaman sejumlah RM3.77 juta atau 43% daripada jumlah keseluruhan pesanan untuk industri tanaman sejumlah RM8.72 juta. Setelah teguran Audit, satu pasukan petugas telah ditubuhkan di Ibu Pejabat pada bulan Januari 2004 untuk mengkaji masalah kelewatan bekalan input pertanian.

Semakan lanjut Audit mendapati antara lain punca masalah kelewatan ialah disebabkan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak di Bahagian dan Daerah tidak menyimpan stok yang

mencukupi. Selain itu, pada masa ini 13 pembekal kepada Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak adalah daripada luar kawasan seperti Kuala Lumpur, Shah Alam Selangor, Sibu dan Bintulu. Tambahan pula, Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak hanya membuat pesanan daripada pembekalnya apabila menerima pesanan daripada Pertubuhan Peladang Kawasan. Pejabat Pertanian mengemukakan pesanan mengikut skim dan bukan mengumpulkan semua skim sekali dan membuat satu pesanan untuk memudahkan proses penghantaran oleh pihak pembekal. Kelewatan penerimaan input pertanian oleh pihak petani boleh menjejaskan pertumbuhan tanaman pertanian terutamanya tanaman yang perlu dibaja mengikut jadual. Apabila pembajaan lewat dibuat, ianya akan mengakibatkan pokok tanaman tidak mendapat zat mencukupi yang diperlukan mengikut peringkat pertumbuhan sepatutnya. **Foto 14** dan **Foto 15** menunjukkan perbezaan antara tanaman yang dibaja dengan secukupnya dan yang kurang dibaja.

Foto 14
Pokok Kelapa Pandan Subur Kerana Pembajaan Mencukupi Di Daerah Kuching

Tarikh: 31 Julai 2003

Foto 15
Daun Lada Kekuningan Akibat Kekurangan Baja Di Daerah Siburan

Tarikh: 17 Julai 2003

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak

Sekiranya perkara ini berterusan tumbesaran pokok akan terganggu dan boleh mengakibatkan kekurangan pengeluaran hasil. Jabatan perlu memastikan proses kerja Sistem Perolehan Input Pertanian dipatuhi sepenuhnya bagi mengelakkan kelewatan. **Adalah dicadangkan pihak Pertubuhan Peladang Negeri menyediakan stor yang dapat menyimpan stok yang mencukupi agar dapat membuat bekalan mengikut tempoh masa yang telah dipersetujui dan ditetapkan dalam perjanjian dengan Jabatan.**

Pemeriksaan Audit juga mendapati input pertanian bernilai RM13,106 untuk 35 petani yang diterima daripada pembekal pada bulan Februari 2003 untuk Skim Tanaman Lada, buah-buahan, padi dan sayur-sayuran yang diluluskan pada tahun 2002 di Pejabat Daerah Meradong masih tidak diagihkan kepada petani. Kegagalan tersebut adalah disebabkan kesulitan di pihak Pegawai Pertanian untuk menyampaikan maklumat kepada petani

terutama yang tinggal di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai perkhidmatan pos atau telefon. Sesetengah petani walaupun berjaya dihubungi untuk mengutip input pertanian, gagal untuk mengambilnya di Pejabat Pertanian Daerah berkenaan. Bagaimanapun, pada masa yang sama, lawatan Audit serta temu bual dengan beberapa penerima bantuan mendapati sebahagian daripada pemohon tidak mengetahui bahawa permohonan mereka untuk mendapat bantuan telah diluluskan oleh kerana jangka masa untuk mereka mendapat bantuan yang dikehendaki telah berlalu dan tiada sebarang makluman diterima daripada pihak Jabatan. Contohnya, seorang petani telah membuat permohonan bantuan input pertanian pada bulan September 2002 untuk kegunaan pada tahun yang sama tetapi hanya mengetahui akan kelulusan permohonan beliau pada akhir bulan Ogos 2003, iaitu semasa pihak Audit membuat lawatan terhadap peserta berkenaan. Semakan lanjut Audit mendapati stok input pertanian yang belum atau tidak dapat diagihkan telah mengalami kerosakan seperti **Foto 16**.

Foto 16
Input Pertanian Mengalami Kerosakan
Di Stor Pejabat Pertanian Meradong

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 29 Ogos 2003

Untuk mempercepatkan lagi usaha penghantaran kepada para petani yang terlibat, adalah lebih baik dan wajar sekiranya Pejabat Pertanian Daerah menggunakan kemudahan *'pigeon hole'* yang terdapat di Pejabat Daerah untuk semua kampung yang terlibat di sesuatu Daerah. Dengan demikian surat makluman dapat dikutip oleh Ketua Kampung berkenaan untuk disampaikan kepada petani terlibat. Jabatan juga boleh mempertimbangkan untuk menggunakan kenderaan Jabatan bagi membuat pengagihan secara berkala kepada penerima bantuan. Penghantaran secara berkala ini dapat mempercepatkan lagi urusan bekalan bantuan kepada peserta.

ii) Kebun Sayur Jejaring

Adalah didapati Jabatan ada memperuntukkan subsidi berjumlah RM39,000 sehektar kepada petani untuk menggalakkan mereka menanam sayur-sayuran dalam jejaring tanpa menggunakan racun

serangga yang berlebihan. Subsidi berbentuk pembekalan bahan bagi pembinaan infrastruktur jejaring berkenaan diperolehi daripada Pertubuhan Peladang Kawasan. Sejumlah 24 projek jejaring kebun sayur yang melibatkan 21.5 hektar kawasan dengan kos berjumlah RM838,500 telah dilaksanakan di Bahagian Kuching, Betong dan Sarikei bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Bekalan bahan untuk infrastruktur kebun sayur jejaring tersebut termasuklah kemudahan alat seperti paip, pam air dan *sprinklers* untuk menyiram sayur-sayuran secara automatik. Bantuan untuk pemasangan alat berkenaan adalah berjumlah RM10,195 bagi seorang pekebun.

Pemeriksaan Audit ke atas 8 daripada 24 projek kebun sayur jejaring tersebut mendapati hanya 1 projek kebun sayur jejaring dipasang dengan *sprinklers* untuk menyiram sayur-sayuran seperti **Foto 17**, walaupun paip, pam air dan perkakas lain telah dibekalkan kepada petani terlibat. Selain itu, pihak Audit juga mendapati barangan seperti **Foto 18** yang dibekalkan masih tersimpan di rumah pekebun.

Foto 17
Penggunaan Sistem Menyiram Air Automatik Di Kebun Sayur Jejaring Siburan

Foto 18
Pam Air Dan Lain-lain Perkakas Untuk Kebun Sayur Jejaring Tidak Dipasang Dan Masih Disimpan Di Rumah Peserta

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh: 18 Julai 2003

Perkara ini berlaku kerana petani tidak mempunyai pengalaman mahupun kemahiran memasang sistem air dan *sprinklers*. Tambahan pula Jabatan tidak mengadakan pelan atau panduan untuk tujuan pemasangan sistem tersebut. Pegawai Pertanian yang memantau projek juga tidak diberi latihan untuk memasang sistem air dan *sprinklers* bagi kebun sayur jejaring. **Pihak Audit berpendapat Jabatan perlu menyediakan satu pelan pemasangan yang lengkap bagi peralatan *sprinklers* berkenaan dan memberi tunjuk ajar sewajarnya kepada pekebun yang terlibat agar memasang sendiri kemudahan yang dibekalkan.**

iii) Input Pertanian Bagi Ternakan Ikan

Bahagian Perikanan Darat telah membelanjakan sejumlah RM1.27 juta pada tahun 2001 hingga 2003 untuk perolehan input pertanian melalui Pertubuhan Peladang Kawasan bagi program bantuan ternakan ikan yang telah diluluskan kepada 4 Daerah yang dilawati. Di bawah program ini, peserta akan menerima bantuan berjumlah antara RM500 hingga RM2,000 untuk input pertanian seperti makanan ikan dan bahan binaan/infrastruktur yang berkaitan. Pemeriksaan Audit secara keseluruhannya mendapati proses perolehan input pertanian agak memuaskan. Semua input pertanian telah dipesan dan dibekalkan pada tahun yang sama kecuali di Daerah Betong yang mana input pertanian bernilai RM9,221 dibekalkan pada tahun berikutnya iaitu lewat sehingga 10 bulan. Pihak Audit mendapati kelewatan ini berlaku disebabkan oleh dokumentasi yang kurang memuaskan semasa pesanan dibuat oleh Pejabat Pertanian dan penggunaan borang yang salah/kurang lengkap melambatkan pihak Pertubuhan Peladang untuk mengumpul butiran input yang diperlukan. Selain itu, semakan Audit mendapati 5 peserta telah dibekalkan input

pertanian melebihi kelayakan bantuan berjumlah RM1,477. Perkara ini berlaku adalah disebabkan rekod yang disimpan kurang memuaskan dan mengakibatkan perolehan dan nota hantaran berkaitan tidak diambil kira.

Pada pandangan Audit, sebarang kelebihan pemberian bantuan akan menjejaskan peluang petani lain yang ingin mendapat bantuan pertanian dari program yang sama.

iv) Input Pertanian Bagi Ternakan Binatang

Pada tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM1 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan program pembangunan ternakan binatang termasuk ternakan komersil di 4 Daerah yang terlibat. Jenis bantuan bekalan input pertanian berjumlah RM500 bagi setiap peserta adalah seperti makanan ternakan, ubatan dan bahan binaan/infrastruktur berkaitan. Perolehan input ini diuruskan oleh Pejabat Pertanian Bahagian dan Daerah sama seperti tatacara yang diperuntukkan oleh skim mekanik input pertanian bagi ternakan ikan. Bagi ternakan komersil, ianya diurus dan dipantau oleh pegawai dari Ibu Pejabat. Selain daripada Daerah Siburan, tempoh penghantaran bagi Daerah lain tidak dapat dipastikan oleh sebab tarikh pesanan dan tarikh keperluan tidak dicatat dalam dokumen. Bagaimanapun, pihak Audit difahamkan oleh kakitangan kawasan dan peserta skim bantuan, semua bekalan biasanya diterima dalam tempoh 4 bulan selepas pesanan. Selanjutnya, semakan Audit mendapati secara amnya pembekalan input pertanian kepada peserta projek berjalan dengan baik yang menyumbang kepada kejayaan projek seperti **Foto 19** dan **20**.

Pada pandangan Audit, Pegawai Pertanian perlu melengkapkan maklumat dokumen pesanan bagi mengelakkan kelewatan penghantaran input pertanian kepada petani.

Foto 19
Ternakan Kambing Yang Berjaya Di Nanga Spak, Betong

Tarikh : 8 Ogos 2003

Foto 20
Ternakan Itik Yang Berjaya Di Daerah Meradong

Tarikh : 29 Ogos 2003

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak

42.2.6 Harga Input Pertanian

Harga yang dikenakan terhadap input pertanian menerusi Pertubuhan Peladang adalah harga yang telah dipersetujui dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Harga Jabatan dan Pengarah Pertanian Sarawak semasa proses sebut harga dijalankan. Pemeriksaan Audit mendapati harga input pertanian yang dibekalkan oleh Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak adalah antara 13% hingga 25% lebih mahal berbanding dengan harga pasaran di Daerah berkenaan. Ini disebabkan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak telah mengambil kira kemungkinan kenaikan harga input pertanian dalam tempoh kontrak selama 2 tahun sebagai langkah untuk menjaga kepentingannya. Lawatan Audit ke beberapa kedai di kawasan terbabit mendapati harga yang ditawarkan oleh Pertubuhan Peladang Negeri

Sarawak adalah lebih mahal iaitu antara RM6.20 hingga RM11.05 bagi baja kompaun 12:12:17:2+TE seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47
Perbandingan Harga Baja Yang Mempunyai Komposisi Sama (12:12:17:2+TE) Bagi Tahun 2002

Daerah/ Lokasi	PSB Comp. 45 (RM)	Cap Kepala Ayam (RM)	Cap Jambatan (RM)	Perbezaan Harga (RM)	%
Kuching	**52.60**	44.00	48.00	**8.60**	20%
Siburan	**52.80**	44.00	48.00	**8.80**	20%
Betong	**54.20**	48.00	53.00	**6.20**	13%
Meradong	**55.05**	44.00	52.00	**11.05**	25%

Sumber: Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
(Nota: PSB Comp. 45 dibekalkan oleh Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak)

Pihak Audit berpendapat jika harga input pertanian dapat dikurangkan atau sekurang-kurangnya mengikut harga pasaran, Kerajaan akan dapat memberi bantuan kepada lebih ramai petani dengan kos peruntukan yang sama kepada 5,839 petani yang masih belum mendapat bantuan daripada Jabatan.

42.2.7 Penggunaan/Perbelanjaan Peruntukan Input Pertanian

Setiap perbelanjaan yang telah dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang berhubung perolehan input pertanian akan dibayar melalui peruntukan yang telah disalurkan oleh Pejabat Pertanian kepada akaun Pertubuhan Peladang. Semakan Audit mendapati sejumlah RM13.60 juta baki peruntukan masih berada dalam akaun Pertubuhan Peladang Kawasan pada akhir tahun 2003 di mana sejumlah RM5.24 juta dan RM8.36 juta adalah masing-masing untuk Pejabat Pertanian Daerah Betong dan Meradong. Sebahagian daripada jumlah tersebut adalah untuk program yang diluluskan pada tahun 2001 dan sebelumnya. Sebahagian besar baki peruntukan akaun Pertubuhan Peladang Kawasan tidak dapat dibelanjakan disebabkan pihak kontraktor gagal melaksanakan kerja mengikut jadual yang ditetapkan. Baki peruntukan Sistem Perolehan Input Pertanian yang masih berada

di dalam akaun Pertubuhan Peladang Kawasan setelah 1 tahun tamat tempoh bantuan patut dikembalikan kepada Jabatan.

Selain itu, semakan Audit mendapati perbelanjaan pembelian bagi setiap input pertanian seperti baja, racun dan sebagainya yang dibekalkan kepada petani untuk pelbagai program tanaman, ternakan ikan dan maju ternak tidak dapat diperolehi secara terperinci kerana semua perbelanjaan tersebut dicaj di bawah pembangunan. Maklumat perbelanjaan secara terperinci untuk setiap jenis input pertanian yang dibekalkan dilihat amat perlu untuk memudahkan Jabatan membuat perancangan yang baik dan strategik serta membantu melaksanakan setiap subprogram dengan teratur dan konsisten.

Pada pandangan Audit, Jabatan Pertanian di peringkat Bahagian atau Daerah perlu memastikan lebihan peruntukan dikembalikan kepada Kerajaan dengan secepat mungkin.

42.2.8 Kawalan Kualiti Input Dan Hasil Pertanian

Kaedah sistem perolehan input pertanian antara lain adalah untuk memastikan petani mendapatkan bekalan input pertanian yang bermutu. Salah satu jenis baja yang dipesan ialah baja kompaun di mana setiap *granule* atau biji baja hendaklah mengandungi komposisi nutrien yang sama. Kandungan baja kompaun terdiri daripada *Nitrogen, Phosphorus* dan *Potassium.* Pemeriksaan Audit melalui ujian makmal di Pusat Penyelidikan Pertanian Semenggok terhadap baja kompaun yang dibekal oleh Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak mendapati baja yang dibekalkan adalah pada kadar yang berpatutan mengikut definisi makmal iaitu *Nitrogen*:12, *Phosphorus*:12, K20-ICP:17 dan *MgO-ICP*:2. Kesemua 9 sampel baja yang dihantar untuk ujian makmal adalah memuaskan. Semakan Audit terhadap rekod Jabatan juga mendapati Jabatan ada menjalankan analisis terhadap

kandungan baja yang dibekalkan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan dari semasa ke semasa.

Selain itu, adalah didapati pada tahun 2001 hingga 2003, Jabatan telah menjalankan ujian makmal terhadap 1,744 sampel sayur-sayuran daripada pekebun di Bahagian Kuching, Sri Aman dan Sarikei untuk memastikan kandungan sisa racun perosak tidak membahayakan kesihatan pengguna. Berdasarkan ujian berkenaan menunjukkan sejumlah 1,676 sampel bersamaan dengan 96.1% daripada jumlah keseluruhan sampel adalah di bawah paras kandungan sisa racun perosak yang dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983 berhubung *Maximum Residue Limit*. Ini menunjukkan perolehan input pertanian daripada Pertubuhan Peladang menepati kehendak atau spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan.

Pada pandangan Audit, tindakan yang diambil oleh pihak Jabatan bagi memastikan pembekal membekal input pertanian yang bermutu dan selamat digunakan haruslah diberi pujian. Ujian seperti ini hendaklah diteruskan.

Pada pandangan Audit, Jabatan perlu memastikan proses kerja Sistem Perolehan Input Pertanian dipatuhi oleh semua yang terlibat untuk mengelakkan kelewatan. Jabatan juga perlu memastikan setiap Pertubuhan Peladang Kawasan ada membuat laporan secara bulanan terhadap prestasi bekalan input berkenaan. Pihak Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak juga perlu dipastikan mengadakan stor di semua Bahagian dan menyimpan stok baja dan racun yang mencukupi. Ini akan membolehkan bekalan input pertanian kepada petani dibuat dengan secepat mungkin atau dalam tempoh yang ditetapkan.

42.3 PEMANTAUAN

Ibu Pejabat Pertanian Negeri bertanggungjawab memastikan Sistem Perolehan Input Pertanian di Sarawak berjaya seperti yang dirancangkan. Bagi memastikan pelaksanaan dilakukan dengan cekap dan berkesan, Jabatan Pertanian Bahagian juga bertanggungjawab memantau sistem tersebut dari semasa ke semasa terutama mengenai kemajuan pelaksanaannya.

42.3.1 Jawatankuasa Pemandu Jabatan

Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Jabatan yang dipengerusikan oleh Pengarah Pertanian Sarawak sendiri. Jawatankuasa ini bersidang sekali dalam tempoh 2 bulan untuk membincangkan pelbagai aspek termasuk pelaksanaan dan pemantauan Sistem Perolehan Input Pertanian. Bagi tempoh tahun 2001 sehingga 2003, Jawatankuasa ini telah bersidang 14 kali. Minit mesyuarat berkenaan ada diedarkan ke seluruh Daerah untuk makluman dan tindakan pegawai berkaitan. **Oleh kerana perbelanjaan terhadap perolehan input pertanian adalah besar dan amat penting kepada petani, Jawatankuasa ini patut membincangkan Sistem Perolehan Input Pertanian sebagai agenda utama/tetap mesyuarat dan bukannya dibincangkan di bawah perkara lain atau perkara sampingan.**

42.3.2 Laporan Kemajuan Pelaksanaan Sistem Perolehan Input Pertanian

Pertubuhan Peladang Kawasan dikehendaki mengemukakan Laporan Pelaksanaan SPIP kepada Pejabat Pertanian Daerah setiap 2 bulan. Antara maklumat yang dilaporkan ialah jenis skim, jumlah peruntukan diterima, jumlah perbelanjaan dan baki peruntukan. Maklumat tersebut akan dianalisa dan diambil tindakan di mana perlu oleh Unit Pemantauan Projek di setiap Daerah. Seterusnya Pejabat Pertanian Daerah akan menyediakan laporan kemajuan kepada Ibu Pejabat

Pertanian setiap 2 bulan. Semakan Audit mendapati tidak semua Pertubuhan Peladang Kawasan mengemukakan laporan tersebut kepada Pejabat Pertanian Daerah. Pihak Jabatan perlu menentukan bahawa setiap Pejabat Pertanian Daerah ada menerima dokumen berkenaan setiap 2 bulan agar dapat memastikan bahawa input pertanian yang dipesan dibekalkan serta laporan kemajuan diterima mengikut tempoh yang ditetapkan. Ianya juga dapat mengelak daripada berlakunya tunggakan kerja terhadap pesanan yang diminta dan baki peruntukan yang belum digunakan. Pemeriksaan lanjut Audit juga mendapati dokumen yang perlu dihantar oleh Pertubuhan Peladang Kawasan untuk tujuan semakan serta tindakan Jabatan tidak direkodkan. Penyelenggaraan daftar untuk merekod dokumen tersebut adalah perlu bagi membantu Jabatan mengenal pasti punca jika berlaku kelewatan atau kegagalan menghantar dokumen seperti yang ditetapkan.

Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan perolehan input pertanian menerusi Pertubuhan Peladang masih lemah dan perlu dipertingkatkan lagi. Kemajuan kerja dan kemajuan pembekalan input pertanian hendaklah dipantau dengan sempurna oleh pihak Jabatan di semua peringkat bagi memastikan pembekal melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna dan mengikut tempoh yang ditetapkan.

43. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Perolehan input pertanian menerusi Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak pada keseluruhannya belum mencapai tahap yang memuaskan. Dengan adanya perancangan yang lebih teliti, program ini boleh mencapai objektifnya dengan lebih baik. Jabatan perlu memperbaiki dan memperkemaskan lagi aspek pemantauan bagi pembekalan dan pengagihan input pertanian supaya dapat mempercepatkan bekalan

input pertanian yang diperlukan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan supaya Jabatan mengambil tindakan seperti berikut:

i) memastikan kaedah pelaksanaan Sistem Perolehan Input Pertanian dipatuhi oleh setiap Pejabat Pertanian Daerah dan Pertubuhan Peladang Kawasan;

ii) memastikan adanya klausa berkenaan denda dan bon pelaksanaan dalam perjanjian kontrak serta mengambil tindakan tegas sekiranya pembekal gagal melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna;

iii) menyediakan surat setuju terima dengan peserta yang diberi bantuan;

iv) memastikan setiap pesanan untuk perolehan input pertanian dapat dibekalkan kepada penerima bantuan mengikut jumlah kelayakan pada tempoh masa yang ditetapkan;

v) membuat pemeriksaan makmal yang lebih kerap terhadap kualiti input pertanian yang dibekalkan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan;

vi) membuat tinjauan melalui survei dan lebih kerap 'turun padang' untuk mendapatkan pandangan peserta program berhubung perkhidmatan Pertubuhan Peladang dalam pengendalian Sistem Perolehan Input Pertanian;

vii) menggesa pihak Pertubuhan Peladang untuk mengadakan stor yang lebih besar dengan stok yang mencukupi bagi memastikan bekalan diperolehi dengan cepat dan konsisten; dan

viii) memastikan baki peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan pada setiap penghujung tahun semasa ditarik balik sewajarnya untuk mengelakkan daripada *short falls.*

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN SARAWAK

AKTIVITI PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

44. LATAR BELAKANG

Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) adalah merujuk kepada industri pembuatan ataupun pengilangan yang mempunyai modal berbayar tidak lebih daripada RM2.50 juta dan mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang. Industri pembuatan atau pengilangan pula merujuk khusus kepada industri yang memproses bahan mentah untuk dijadikan sesuatu bahan atau produk. Di Sarawak, sebahagian besar pengusaha aktiviti perindustrian sama ada ringan atau berat berkecimpung dalam industri pemprosesan makanan, tekstil, perkayuan, perabot, produk berasaskan saduran besi (*fabricated metal product*) dan produk berasaskan kimia, petroleum atau plastik. Lebih daripada 89.6% daripada jumlah industri pembuatan dan pengilangan adalah berbentuk IKS. Ianya adalah tulang belakang sektor perindustrian dan juga menyumbang kepada 25% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja dalam sektor perindustrian di Negeri ini. IKS diharapkan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Sarawak yang mampan.

Bagi membantu perkembangan dan peningkatan daya saing IKS di Negeri ini, Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak (Kementerian) telah merangka program IKS dengan tujuan utama untuk membantu pengusaha Bumiputera tempatan dalam sektor pembuatan/pengilangan, perkhidmatan dan teknologi maklumat. Ianya juga bertujuan untuk membantu pengusaha IKS meningkatkan kualiti dari segi sistem dan barangan yang dikeluarkan agar ianya mampu bersaing di pasaran global.

45. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada aktiviti pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan memenuhi matlamatnya.

46. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian ini memberi tumpuan kepada program dan aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak (Kementerian) dengan memeriksa serta menyemak rekod dan dokumen berkaitan dengan pelaksanaan program IKS bagi tempoh 2001 hingga 2003. Dokumen dan rekod berkaitan bagi tahun sebelumnya juga telah disemak dan dilaporkan sewajarnya, yang mana berkaitan. Lawatan ke Pusat Kraftangan Lamin Dana, Mukah, Kilang Jus Perisa Kampung Gadong, Limbang dan beberapa premis IKS lain yang terpilih di sekitar Limbang, Miri dan Mukah juga telah dilaksanakan. Selain itu, temu bual dan soal selidik terhadap peserta yang terlibat juga telah dijalankan termasuk membuat lawatan ke Agensi lain yang terlibat dengan IKS seperti Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, MARDI, UiTM, SIRIM, SMIDEC *(Small And Medium Industries Development Corporation)* dan Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak di Limbang, Miri dan Mukah.

47. PENEMUAN AUDIT

47.1 PERANCANGAN

Bagi memastikan setiap program IKS mencapai matlamatnya, aktiviti yang dirancang perlu dilaksanakan mengikut jadual dan tempoh yang telah ditetapkan. Kejayaan sesuatu program adalah bergantung kepada pelaksanaan program yang dirancangkan itu.

47.1.1 Struktur Pengurusan

Pemeriksaan Audit mendapati Bahagian Industri Kecil Dan Sederhana Dan Pembangunan Usahawan Bumiputera bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memantau semua program dan aktiviti IKS di Sarawak. Bahagian ini diketuai oleh seorang Penolong Setiausaha Gred N48 dan dibantu oleh 2 pegawai Gred N41 dan seorang kakitangan sokongan. Bahagian ini bertanggungjawab terus kepada Setiausaha Tetap Kementerian. Setiap urusan berhubung dengan IKS adalah dikendalikan oleh Bahagian ini dengan bantuan beberapa Agensi lain seperti Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, SIRIM, MARDI dan sebagainya mengikut program/subprogram yang dirancangkan.

47.1.2 Perancangan Program/Aktiviti Dan Kumpulan Sasaran

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005, Kementerian telah merancang untuk melaksanakan 4 program utama iaitu Program Usahawan Bersepadu, Program Kilang Bimbingan, Program Pembangunan Seramik dan Program Bahan Kimia Makanan. Semakan Audit mendapati Kementerian juga mengambil kira pandangan daripada pihak ketiga seperti Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak, Persatuan Pengilang Sarawak dan pertubuhan lain melalui mesyuarat dan dialog berkaitan semasa persediaan RMK8.

i) Program Usahawan Bersepadu

Program Usahawan Bersepadu terdiri daripada 7 subprogram iaitu Skim Pinjaman Industri Kecil Dan Sederhana (SPIKS), Program Promosi Produk IKS, Program Ekspo IKS, Program Pemprosesan Makanan (Teknologi Makanan), Program Pembangunan Usahawan Teknikal, Program Pembangunan Vendor dan Program Peningkatan Kualiti. Sejumlah RM31.13 juta telah dianggarkan untuk melaksanakan subprogram berkenaan

sepanjang tempoh RMK8. Subprogram berkenaan akan dilaksanakan bersama Agensi lain seperti Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak , MARDI, SIRIM, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak dan NPC. Setiap subprogram berkenaan ada ditetapkan kriteria permohonan dan pemilihan peserta program, pemberian pinjaman serta menetapkan golongan sasaran seperti usahawan Bumiputera yang mengalami masalah mengembangkan perniagaan mereka.

ii) Program Kilang Bimbingan

Program ini bertujuan untuk menyediakan bangunan kilang dengan kemudahan prasarana yang sesuai kepada para usahawan. Bagi tempoh RMK8, Kementerian merancang untuk membina 165 unit bangunan kilang dengan anggaran kos berjumlah RM20.54 juta seperti di **Jadual 48**.

Jadual 48
Kawasan Dan Bilangan Unit Kilang Bimbingan Yang Dirancang Bagi Tempoh RMK8

Bil.	Kawasan Perindustrian	Bilangan Unit	Anggaran Kos (RM Juta)
1.	Demak Laut, Kuching	50	9.70
2.	Sarikei	30	2.70
3.	Kuala Baram	25	2.38
4.	Limbang	20	1.92
5.	Lawas	20	1.92
6.	Sri Aman	20	1.92
JUMLAH		**165**	**20.54**

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Perindustrian

Program ini merupakan program lanjutan daripada RMK7 yang tidak dapat dilaksanakan kerana Kementerian menghadapi masalah mendapatkan kelulusan tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri. Pembinaan bangunan kilang ini dijadual untuk dilaksana bagi tempoh RMK8 dan dijangka siap pada akhir tempoh tersebut.

Semakan Audit mendapati Kementerian ada menjalankan kajian awal menentukan kawasan dan bilangan unit yang hendak didirikan. Bilangan unit ini ditentukan berdasarkan keperluan bangunan kilang di kawasan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, Kementerian belum menetapkan kadar sewa premis serta memulakan proses mengenal pasti bilangan usahawan yang berminat untuk menduduki premis kilang berkenaan. Usaha mengenal pasti penyewa yang berpotensi perlu dibuat sebelum melaksanakan pembinaan projek berkenaan bagi mengelak masalah kekurangan sambutan atau kilang terbiar di masa hadapan.

iii) Program Pembangunan Seramik

Program ini merupakan program sambungan RMK7. Ia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran serta membangunkan usahawan seramik Bumiputera yang sedia ada dan juga usahawan baru yang berpotensi. Antara syarat utama penyertaan bagi program ini ialah peserta hendaklah terdiri daripada kalangan pengusaha ataupun pekerja IKS yang berkaitan. Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh RMK8, Kementerian merancang untuk mewujudkan 5 usahawan dalam bidang seramik termasuk 50 usahawan sokongan teknopreneur dalam bidang yang sama dengan anggaran kos berjumlah RM2 juta. Berdasarkan laporan mengenai hasil bumi, adalah didapati Sarawak mempunyai simpanan hasil bumi berbentuk *kaolinitic clay* melebihi 20 juta tan. Pihak Kementerian berharap usahawan seramik yang terpilih akan mempelajari teknik dan teknologi berhubung dengan industri seramik. Usahawan tersebut akan didedahkan dengan pengetahuan asas mengenai pembuatan seramik sehingga ke peringkat lanjutan termasuk mendedahkan pengusaha kepada peluang pemasaran. Program ini akan dilaksanakan dalam 3 fasa

selama 2 tahun di mana bagi fasa I (tempoh 4 bulan pertama) peserta akan didedahkan dengan teori asas teknologi pembuatan seramik, fasa II (8 bulan) mengenai pembangunan kemahiran teknologi pembuatan seramik dan fasa III (12 bulan) mengenai pengeluaran produk percubaan seramik. Ketiga fasa ini dibahagikan kepada 2 peringkat iaitu peringkat I memberi tumpuan kepada syarikat pengeluaran produk seramik dan peringkat II pula memberi penekanan kepada bekalan bahan mentah bagi pemprosesan produk seramik.

iv) Program Bahan Kimia Makanan *(Food Additive Programme)*

Melalui pelaksanaan program ini, Kementerian berharap dapat melahirkan 3 usahawan Bumiputera dalam tempoh 5 tahun untuk melibatkan diri sepenuh masa dalam pemprosesan dan penghasilan bahan kimia makanan di 10 kawasan iaitu Bahagian Kuching, Samarahan, Lundu, Sibu, Sarikei, Kapit, Miri, Limbang, Lawas dan Bintulu. Adalah didapati Kementerian merancang untuk melaksanakan program ini melalui 4 komponen iaitu perolehan keperluan bahan kimia secara pukal, mengenal pasti usahawan yang mempunyai kebolehan dan kemampuan untuk menceburi bidang ini, memberikan pendedahan ilmu, teknologi dan kemahiran berkaitan bahan kimia makanan dan pengagihan bekalan kepada pengilang makanan secara runcit.

Kementerian menjangkakan program ini mempunyai potensi untuk berkembang kerana pada masa ini tidak ada pengusaha tempatan yang bergiat dalam industri tersebut. Dengan adanya penglibatan usahawan tempatan, bekalan bahan kimia makanan yang berkaitan untuk industri pemprosesan makanan akan diperolehi dengan lebih mudah dan boleh menjimatkan kos

pengeluaran kepada pengilang tempatan. Sejumlah RM1.11 juta diperuntukkan untuk tujuan pelaksanaan program ini.

Pada pandangan Audit, program dan aktiviti yang diatur oleh Kementerian adalah baik kerana mengambil kira beberapa aspek seperti tujuan, penetapan kriteria pemohon serta pandangan pihak ketiga. Tempoh sasaran juga ada ditetapkan walaupun secara umum sahaja.

Pada pandangan Audit, Kementerian telah merangka dengan baik program dan aktiviti yang hendak dilaksanakan bagi tempoh RMK8. Bagi meningkatkan keberkesanan, perincian mengenai tempoh dan strategi pelaksanaan hendaklah dibuat. Selain itu, Kementerian perlu mengambil langkah awal bagi mendapat pembeli atau penyewa yang berpotensi untuk Kilang Bimbingan dan tidak hanya menunggu sehingga kilang siap dibina.

47.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program IKS, Kementerian melaksanakan program tersebut secara berperingkat. Pelaksanaan program tersebut adalah seperti berikut:

47.2.1 Keperluan Kewangan

Bagi menjayakan 4 program ini, Kementerian telah memohon peruntukan sejumlah RM54.78 juta. Bagaimanapun, hanya RM34.01 juta telah diluluskan kepada Kementerian di mana RM11.71 juta diagihkan kepada Program Kilang Bimbingan, Program Usahawan Bersepadu (RM20.19 juta), Program Bahan Kimia Makanan (RM1.11 juta) dan Program Pembangunan Seramik (RM1 juta).

Pada pandangan Audit, peruntukan yang diluluskan adalah memadai bagi melaksanakan 4 program tersebut. Peruntukan perlu diagih dengan segera bagi memastikan program dapat dilaksanakan dengan jayanya.

47.2.2 Pangkalan Data Usahawan IKS

Berdasarkan satu kajian yang dijalankan oleh UiTM pada tahun 1995 terhadap 747 pengusaha pembuatan/pengilangan IKS di Sarawak, adalah didapati hanya 9% adalah pengusaha IKS Bumiputera. Statistik terkini berhubung penglibatan usahawan termasuk usahawan IKS Bumiputera tidak dapat diperolehi memandangkan ketiadaan pangkalan data yang lengkap dan khusus berhubung IKS di Sarawak termasuk di Kementerian sendiri. Pemeriksaan Audit mendapati pangkalan data yang ada di Kementerian hanyalah mengenai usahawan yang memohon lesen untuk memulakan perniagaan dalam aktiviti perindustrian pembuatan sepertimana yang disyaratkan oleh MIDA tetapi tidak secara khusus kepada pengusaha IKS.

Sungguhpun pangkalan data tersebut mengandungi senarai nama pengusaha/syarikat yang mempunyai modal berbayar berjumlah kurang daripada RM2.50 juta, ianya tidak mengandungi maklumat berhubung dengan bilangan pekerja. Maklumat bilangan pekerja amat penting bagi menentukan sama ada usahawan tersebut adalah dalam golongan IKS ataupun *enterprise*. Pihak Kementerian sepatutnya menambah maklumat mengenai bilangan pekerja dan mengubahsuai atau menyediakan program komputer bagi membolehkan maklumat berkaitan sesuatu kategori pengusaha dapat dikenal pasti.

Pada pandangan Audit, maklumat terperinci seperti bilangan IKS bagi setiap Daerah dan Bahagian juga perlu diadakan bagi

memudahkan perancangan dan pemantauan terhadap pembangunan IKS.

47.2.3 Program Usahawan Bersepadu

Peruntukan bagi program ini adalah yang terbanyak sekali iaitu berjumlah RM20.19 juta. Adalah didapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 7 subprogram yang dirancang telah bermula dan sedang dilaksanakan secara berperingkat. Sejumlah RM4.61 juta atau 23% telah dibelanjakan bagi tempoh berkenaan.

i) Skim Pinjaman Industri Kecil Dan Sederhana

Skim ini telah diperkenalkan pada tahun 1999 dengan kerjasama Kementerian dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak.

a) Kriteria Skim Pinjaman IKS

Skim ini menyediakan kemudahan pinjaman kepada usahawan IKS Bumiputera yang terlibat dalam bidang pengilangan/pembuatan, perkhidmatan atau teknologi maklumat. Kemudahan pinjaman diberikan sama ada untuk modal kerja, pembelian peralatan atau untuk pengubahsuaian premis perniagaan. Pemohon juga hendaklah terdiri daripada mereka yang telah menjalankan perniagaan atau perusahaan sekurang-kurangnya 2 tahun. Jumlah pinjaman pula adalah antara RM5,000 hingga RM100,000 manakala pembayaran balik adalah dalam tempoh 7 tahun dengan dikenakan 4% caj perkhidmatan atas jumlah pinjaman. Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM1 juta setiap tahun dan sehingga kini sejumlah RM3.35 juta telah disalurkan kepada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak. Bagi tempoh tahun 1999 sehingga 2003, sebanyak 65 peminjam telah menerima pinjaman sejumlah RM2.76 juta.

Semakan Audit mendapati 40.1% daripada peminjam dengan pinjaman berjumlah RM1.11 juta adalah terdiri dari kalangan pengusaha bukan IKS tetapi lebih kepada perkhidmatan am seperti klinik perubatan, kedai makanan, *consultancy* dan seumpamanya. Melalui temu bual dengan pegawai Kementerian, pihak Audit difahamkan pemberian pinjaman kepada pemohon bukan IKS adalah kerana bilangan pengusaha Bumiputera yang bergiat dalam IKS adalah kurang. Namun begitu, semakan rambang Audit mendapati ada 6 kes permohonan Skim Pinjaman IKS yang memenuhi kelayakan dan berpotensi untuk berkembang telah ditolak. Oleh itu, Kementerian perlu memastikan peluang pengusaha IKS untuk mendapat pinjaman diberi keutamaan supaya IKS dapat berkembang. Sekiranya pengusaha tersebut menjalankan perniagaan atau industri perkhidmatan atau teknologi maklumat, ianya hendaklah mempunyai kaitan rapat kepada IKS.

Adalah juga didapati setiap permohonan yang diterima telah dinilai dan disiasat dengan lanjut oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan Kementerian. Satu laporan penilaian disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan dikemukakan kepada Urusetia Skim Pinjaman IKS sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Skim Pinjaman IKS. Semakan Audit juga mendapati Jawatankuasa telah bersidang sebanyak 3 kali setiap tahun pada tahun 2002 dan 2003. Secara keseluruhannya pihak Audit mendapati tempoh masa yang diambil oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan Kementerian untuk memproses permohonan sehingga ianya diluluskan adalah antara 1 hingga 2 bulan sahaja. Semakan lanjut Audit

terhadap borang permohonan mendapati kesemua pemohon yang mendapat kemudahan pinjaman ini telah melalui proses penilaian oleh pihak Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak kecuali 1 permohonan di mana pemohon tersebut melibatkan diri dalam perniagaan pengurusan rumah peranginan dan rekreasi pada bulan Mac 2003 tetapi telah diluluskan pinjaman penuh berjumlah RM100,000 pada bulan April 2003.

b) Sambutan Terhadap Kemudahan Skim Pinjaman IKS

Semakan Audit mendapati sejumlah 134 permohonan telah diterima sepanjang tempoh tahun 2001 sehingga 2003. Analisis Audit terhadap permohonan mendapati sebahagian besar permohonan adalah daripada pengusaha Bahagian Kuching manakala permohonan daripada pengusaha Bahagian/ Daerah lain amat kurang. Temu bual Audit dengan Pengerusi Cawangan Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak dan pegawai bertanggungjawab di Pusat Inkubator Pembangunan Usahawan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak di Bahagian Limbang, Miri dan Mukah mendapati sebilangan besar usahawan IKS tidak mengetahui kewujudan atau kurang mendapat penjelasan mengenai kemudahan Skim Pinjaman IKS dan bantuan lain yang disediakan oleh Kementerian.

c) Kaedah Pengeluaran Pinjaman

Semakan Audit terhadap rekod pengeluaran pinjaman mendapati 2 cara bayaran telah digunakan iaitu bayaran terus kepada peminjam sekiranya pinjaman digunakan untuk modal kerja dan kepada vendor/pembekal sekiranya pinjaman adalah untuk pembelian peralatan atau pengubahsuaian

premis perniagaan. Semakan lanjut Audit mendapati pembayaran kepada vendor telah dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan di mana pihak vendor atau pembekal mengemukakan invois dan resit sewajarnya. Bagaimanapun, adalah didapati wujud ketidakseragaman dari segi pembayaran pinjaman sebagai modal kerja. Sebahagian daripada pembayaran tersebut dibuat atas nama peminjam sendiri manakala sebahagian lagi dibayar atas nama syarikat peminjam. Secara amnya, kaedah pembayaran dan pengeluaran pinjaman yang dikendalikan adalah memuaskan.

d) Prestasi Bayaran Balik Pinjaman

Peminjam diberi *grace period* selama 3 bulan untuk pinjaman sehingga RM30,000 dan 6 bulan untuk pinjaman melebihi RM30,000 sebelum dikehendaki membuat bayaran ansuran pertama. Setakat bulan Disember 2003, seramai 2 daripada 65 peminjam telah melunaskan pinjaman manakala 63 lagi belum melunaskan pinjaman mereka berjumlah RM2.70 juta. Semakan Audit mendapati 51 daripada 63 peminjam menghadapi masalah pembayaran balik pinjaman *(non performing loan*) di mana 13 daripada mereka mempunyai tunggakan berjumlah RM174,581. Peminjam ini boleh dikategorikan sebagai peminjam bermasalah pada tahap kritikal kerana tidak membuat sebarang bayaran balik melebihi 12 bulan daripada *grace period* yang ditetapkan seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49
Analisis Peminjam Yang Menghadapi Masalah Bayaran Balik

Tempoh Tunggakan	Bilangan Peminjam	Jumlah Tertunggak (RM)	Peratusan Tertunggak (%)
< = 3 bulan	23	20,540.92	8
3 < = 6 bulan	4	14,351.79	5
6 < = 9 bulan	7	29,989.77	11
9 < = 12 bulan	4	27,279.45	10
> 12 bulan	13	174,581.14	66
Jumlah	**51**	**266,743.07**	**100**

Sumber: PPES (Ageing Analysis)

Adalah didapati Kementerian dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (Perbadanan) ada mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam yang bermasalah. Selain itu, penjadualan semula bayaran balik pinjaman terhadap 6 peminjam juga telah diluluskan. Bagaimanapun, masalah *non performing loan* tersebut masih berulang dan tidak membawa kesan positif yang diharapkan. Kementerian dan Perbadanan perlu mengambil langkah yang lebih agresif seperti mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam bagi menangani masalah *non performing loan* ini. Hasil lawatan Audit ke beberapa premis peminjam di Bahagian Limbang, Miri dan Mukah mendapati sebahagian daripada peminjam yang mengalami masalah bayaran tersebut mempunyai potensi yang sangat tinggi dari segi perkembangan perniagaan. Sebagai contoh, seorang peminjam di Bahagian Miri yang mempunyai masalah pembayaran balik melebihi 15 bulan masih tidak membuat ansuran bayaran balik walaupun telah dijadualkan semula tempoh pembayaran. Pengusaha berkenaan menjalankan perusahaan jahitan dan sulaman yang berdaya maju dengan kadar tempahan yang tinggi dan konsisten daripada beberapa syarikat gergasi seperti Shell dan Petronas.

Pada masa yang sama, ada peminjam yang tidak berusaha untuk meneruskan perusahaan selepas menerima keseluruhan pinjaman. Sebagai contoh, seorang pengusaha perabot di Bahagian Limbang telah memberhentikan perniagaannya disebabkan ketiadaan tenaga kerja mahir dan masalah pemasaran. Bagaimanapun, pengusaha tersebut sedang berkecimpung dalam perniagaan sekolah memandu yang tidak berkaitan dengan tujuan pinjaman atau IKS.

Kementerian dan Perbadanan perlu lebih tegas terhadap peminjam yang mempunyai tunggakan ansuran pinjaman seperti mengambil tindakan undang-undang dan menjalankan tinjauan susulan ke premis perniagaan peminjam. Selain itu, Kementerian dan Perbadanan boleh menimbangkan untuk mengenakan cagaran sekurang-kurangnya berjumlah 3 bulan nilai ansuran atau perlindungan insurans sepanjang tempoh pinjaman bagi melindungi peminjam dan kepentingan Kerajaan. Adalah wajar juga Kementerian dan Perbadanan mendapatkan pengesahan mengenai status pemohon daripada Pemegang Harta untuk memastikan pemohon bukan seorang muflis bagi mengelak daripada masalah pinjaman tidak berbayar.

ii) Program Promosi Produk IKS

Program ini dilaksanakan untuk membantu usahawan IKS mempromosi barangan atau produk mereka kepada umum dan masyarakat perniagaan lain yang berkaitan. Promosi dibuat melalui radio (*jingle*), brosur dan juga akhbar tempatan. Selain itu, usahawan juga mendapat bantuan untuk pelancaran produk baru mereka, aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk. Kementerian juga ada memberi bantuan kepada pengusaha yang

berjaya untuk menyertai pameran yang diadakan di luar Sarawak dalam bentuk tanggungan kos pengangkutan barangan/produk IKS dan bayaran sewa ruang *(booth)* pameran. Had maksimum bantuan yang diberikan kepada setiap usahawan adalah RM5,000.

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM88,700 telah dibelanjakan untuk membantu 22 usahawan menjayakan promosi produk mereka. Semakan lanjut Audit mendapati sebilangan besar usahawan yang menikmati kemudahan tersebut datangnya daripada Bahagian Kuching. Pihak Audit difahamkan Kementerian jarang menerima permohonan untuk mendapatkan bantuan seumpama ini daripada usahawan Bahagian/Daerah lain.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu lebih giat membuat sebaran berhubung kemudahan yang disediakan kepada para pengusaha di seluruh Daerah dan Bahagian. Penyebaran maklumat boleh dibuat melalui persatuan seperti Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak, Persatuan Penjaja dan seumpamanya. Selain itu, Kementerian juga boleh mencontohi Kerajaan Negeri Selangor yang bekerjasama dengan SIRIM menubuhkan Dataran Usahawan Selangor yang bergiat memasarkan produk IKS secara temusuai ke beberapa pasar raya besar tempatan.

iii) Program Ekspo

Program ini adalah terbuka kepada semua usahawan yang terlibat secara langsung dengan IKS dan dirancang diadakan 2 kali setahun. Ianya bertujuan untuk memberi peluang kepada usahawan tempatan memperkenalkan barangan/produk mereka

kepada pasaran tempatan. Kementerian akan menyediakan ruang pameran dan kemudahan lain seperti kerusi, meja dan tanda nama syarikat. Setiap penyertaan akan dikenakan bayaran minimum berjumlah RM50. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2002, sebanyak 5 Ekspo IKS telah dilaksanakan di Kuching, Lawas, Kapit, Mukah dan Sri Aman melibatkan perbelanjaan berjumlah RM286,648. Pada tahun 2003, Kementerian hanya mengadakan 1 Ekspo di Lawas yang melibatkan kos berjumlah RM26,900.

Selain itu, Kementerian juga menganjurkan 4 seminar usahawan IKS semasa program ini dilaksanakan sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2003 termasuk di Mukah dan Sri Aman. Seramai 245 peserta telah mendapat manfaat seperti peningkatan pengetahuan di samping menjana rangkaian atau *networking* di antara para usahawan yang hadir. Kementerian juga dibantu oleh Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak, Pejabat Residen Dan Daerah, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan Agensi lain yang berkaitan untuk melaksanakan program ini.

iv) Program Pemprosesan Makanan (Teknologi Makanan)

Program pemprosesan makanan (teknologi makanan) ini adalah satu program latihan secara percuma selama 3 hari mengenai teknik pemprosesan makanan di MARDI Sarawak. Tenaga pengajar dan urusan kursus dikendalikan sepenuhnya oleh MARDI. Selain daripada latihan, MARDI juga memberi khidmat nasihat dan bimbingan pakar di kilang atau premis usahawan sendiri. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 sehingga 2003, sebanyak 14 jenis latihan melibatkan seramai 332 usahawan dan bakal usahawan dengan perbelanjaan berjumlah RM166,075 telah diadakan. Antara lain kursus/latihan yang

diadakan adalah seperti Kursus Pemprosesan Kordial Jus Berperisa Buah-buahan, Kursus Pemprosesan Tauge, Mi Kolok Dan Hasilan Kacang Soya, Kursus Pemprosesan Hasilan Cili Segar, Kursus Pemprosesan Jejari, Nuget Dan Burger Ikan, Kursus Pemprosesan Snek Bergoreng dan Kursus Pemprosesan Surimi Dan Hasilan Surimi. Pada masa ini, penyertaan hanya tertumpu di Bahagian Kuching. Adalah didapati sebilangan daripada peserta yang mengikuti semua kursus yang dianjurkan terdiri daripada orang yang sama.

v) Program Pembangunan Usahawan Teknikal

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran tertentu kepada usahawan IKS dalam sektor pembuatan/pengilangan, teknologi maklumat dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pengilangan. Antara lain aktiviti yang dilaksanakan ialah kursus secara intensif seperti kursus jahitan dan kursus Simenfero dan *landscaping*.

Semakan Audit mendapati hanya 1 kursus Simenfero dan *landscaping* telah dilaksanakan dengan kerjasama MARDI pada tahun 2002 melibatkan seramai 32 peserta dengan perbelanjaan berjumlah RM27,365. Sejumlah 2 kursus jahitan dan 4 kursus andaman pula telah dilaksanakan dengan kerjasama Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak Bahagian Kuching mulai tahun 2002 melibatkan seramai 52 peserta dengan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM146,140.

vi) Program Pembangunan Vendor

Program ini dimulakan pada penghujung tahun 1998 yang bertujuan memberi peluang dan pendedahan kepada usahawan dalam bidang perkayuan/perabot untuk mendapat kemudahan pembiayaan melalui 3 bentuk skim iaitu Skim Khidmat Kredit

Pembelian Bahan Mentah, Skim Pinjaman Pembelian Mesin dan Skim Penyediaan Stok Perabot. Program ini diurus sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak. Peserta program dipilih oleh Kementerian dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak. Antara kriterianya adalah peserta hendaklah mempunyai kilang dan kemampuan pengeluaran dari segi bilangan dan kapasiti mesin, mempunyai 100% ekuiti Bumiputera, modal syarikat kurang daripada RM2.50 juta, tenaga kerja tidak melebihi 75 orang dan tidak diisytiharkan muflis. Setakat tempoh tahun 1998 hingga 2003, sejumlah RM450,000 telah diperuntukkan untuk melaksanakan program ini seperti di **Jadual 50.**

Jadual 50
Peruntukan Dan Bilangan Vendor

Bil	Jenis Skim	Peruntukan (RM)	Tarikh Pelaksanaan Skim	Jumlah Vendor Yang Mendapat Kemudahan
1	Skim Khidmat Kredit Pembelian Bahan Mentah	100,000	01/11/98	25
2	Skim Pinjaman Pembelian Mesin	150,000	02/01/99	8
3	Skim Penyediaan Stok Perabot*	200,000	07/2003	8
Jumlah		**450,000**		**41**

Sumber: Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak
Nota : Vendor yang dipilih mempunyai keupayaan untuk menyimpan stok*

Semakan Audit mendapati kesemua dana yang diperuntukkan kepada Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak telah digunakan untuk modal pusingan. Sebagai contoh, peruntukan Skim Pinjaman Pembelian Mesin berjumlah RM150,000 telah dikeluarkan kepada 8 vendor yang terlibat dalam bidang perabot dengan pinjaman berjumlah RM142,080. Purata pinjaman adalah RM20,000 bagi setiap vendor. Semakan lanjut Audit mendapati sejumlah RM75,213 pinjaman telah dikutip balik. Bagi Skim Khidmat Kredit Pembelian Bahan Mentah pula sejumlah

RM100,000 telah diluluskan kepada 25 vendor dan kesemua pinjaman telah dikutip balik manakala sejumlah RM28,113 daripada RM200,000 peruntukan Skim Penyediaan Stok Perabot telah diberi kepada 8 vendor di Bahagian Kuching (4) dan Miri (4). Kesemua pinjaman tersebut telah dikutip balik. Walaupun peruntukan yang diberi adalah terhad namun Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak amat komited untuk menjayakan program ini.

vii) Program Peningkatan Kualiti

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti dari segi sistem dan barangan keluaran syarikat agar ianya mampu bersaing di pasaran antarabangsa. Aktiviti program adalah seperti Kursus Amalan Peningkatan Kualiti, Amalan Kebersihan Tempat Kerja dan Pensijilan Produk. Semakan Audit mendapati 2 aktiviti iaitu Bengkel Amalan 5's dan Seminar *Best Practices* telah dilaksanakan pada tahun 2003. Bengkel Amalan 5's diadakan dengan tujuan utama memberi pengetahuan teknikal kepada usahawan IKS Bumiputera berhubung penjagaan kebersihan *(housekeeping)* tempat kerja ala Jepun. Amalan ini merujuk kepada perkataan dalam Bahasa Jepun iaitu *Seiri* (Sisih), *Seiton* (Susun), *Seiso* (Sapu), *Seiketsu* (Seragam) dan *Shitsuke* (Sentiasa amal) yang berkaitan dengan sistem penjagaan kebersihan dan kekemasan persekitaran tempat kerja. Pada tahun 2003, seramai 64 pengusaha telah menghadiri 3 bengkel berkaitan yang telah dianjurkan bersama Perbadanan Produktiviti Negara di Kuching, Sibu dan Miri melibatkan perbelanjaan berjumlah RM30,000. Manakala seminar *Best Practices* pula telah diadakan selama sehari melibatkan seramai 60 peserta dengan perbelanjaan berjumlah RM37,280. Program lain seperti Program Peningkatan Kualiti Ke Arah MS ISO 9002 dan Pensijilan Produk

belum dimulakan lagi. Pihak Audit difahamkan program ini hanya akan dilaksanakan jika ada permintaan daripada pengusaha IKS.

Pada pandangan Audit, semua program yang dijalankan di bawah Program Usahawan Bersepadu adalah memuaskan. Pihak Kementerian harus meneruskan program tersebut dengan usaha yang lebih proaktif khasnya dalam menyebarkan maklumat berhubung program dan kemudahan yang disediakan kepada pengusaha IKS di seluruh Negeri Sarawak melalui media massa ataupun lebih kerap turun padang serta membuat tinjauan mengenai perkembangan prestasi atau masalah usahawan. Selain itu, Kementerian boleh mempertimbangkan untuk menambahkan lagi jumlah peruntukan bagi pihak Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak untuk menjalankan Program Pembangunan Vendor memandangkan terdapatnya perkembangan yang pesat dalam industri perkayuan dan perabot di Negeri Sarawak serta keupayaan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak mengendalikan program ini.

47.2.4 Program Kilang Bimbingan

Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2003, Kementerian hanya membina 18 unit kilang bimbingan 1½ tingkat daripada 50 unit yang dirancang dengan kos pembinaan sejumlah RM6.08 juta seperti **Foto 21** di Kawasan Perindustrian Demak Laut, Kuching. Pembinaan sebanyak 115 unit kilang lagi di kawasan lain yang dirancang belum dilaksanakan.

Foto 21
Deretan Kilang Bimbingan Yang Telah Siap Di Demak Laut, Kuching

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh: 9 Disember 2003

Adalah difahamkan pembinaan 18 unit kilang ini lebih merupakan *market testing* terhadap potensi permintaan memandangkan Agensi lain seperti Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan MARA juga membina kemudahan seumpama ini di kawasan yang berdekatan. Kerja pembinaan ini telah dijadualkan selama 18 bulan bermula pada akhir bulan April 2002 dan dijangka siap pada akhir bulan Oktober 2003. Projek ini telah siap sepenuhnya pada akhir bulan Disember 2003. Semakan lanjut Audit mendapati pelantikan kontraktor oleh pihak Kementerian untuk mendirikan kilang tersebut telah dijalankan dengan teratur dan mematuhi peraturan kewangan. Namun begitu, adalah didapati Kementerian masih belum mempunyai senarai pengusaha yang berpotensi untuk menduduki premis tersebut.

Kajian terhadap potensi permintaan kilang bimbingan perlu dibuat bagi mengelak pembaziran dari segi kurang permintaan terhadap kilang yang telah didirikan. Kementerian perlu mempunyai maklumat berhubung jenis kilang yang beroperasi di sesuatu tempat untuk dijadikan panduan bagi menentukan jenis kilang yang akan dibangunkan. Kementerian juga perlu memberi perhatian tentang keperluan untuk mengasingkan tapak pembinaan kilang industri

makanan daripada tapak kilang industri perkayuan/perabot. Perhatian perlu diberikan kerana perkara ini adalah salah satu syarat pembinaan kilang industri seperti yang ditetapkan oleh Kementerian dan hendaklah dipatuhi oleh setiap pengusaha/pengilang untuk membolehkan pengusaha kilang makanan berkaitan mendapatkan sijil untuk tujuan eksport ke luar negara.

Secara keseluruhannya, program ini gagal mengikut jadual pelaksanaannya kerana hanya 18 daripada 165 unit kilang bimbingan sahaja telah dibina. Pihak Audit berpendapat program pembinaan kilang bimbingan ini perlu dikaji semula memandangkan adanya Agensi lain membina kilang seperti ini. Dengan demikian, Kementerian boleh menumpukan tenaga dalam bidang lain. Sebaliknya jika ingin diteruskan juga, Kementerian perlu memastikan jumlah unit dan jenis kilang yang hendak didirikan adalah sesuai dan boleh beroperasi di sesuatu tempat.

47.2.5 Program Pembangunan Seramik

Program ini mula dilaksanakan dengan kerjasama SIRIM pada bulan Februari 2003. Ianya merupakan satu program yang membolehkan pemindahan teknologi dan nasihat teknikal, pengurusan kualiti, latihan pemprosesan serta penyelidikan dan pembangunan produk seramik dijalankan. Semakan Audit mendapati hanya 2 fasa iaitu Fasa I dan II telah dijalankan sehingga bulan Disember 2003. Adalah didapati seramai 15 daripada 20 pemohon yang mengikuti program ini adalah daripada Bahagian Kuching. Penyertaan daripada Bahagian/Daerah lain amat kurang walaupun SIRIM dan Kementerian telah memaklumkan melalui akhbar tempatan, internet dan Pejabat Residen di seluruh Negeri Sarawak. Kurangnya penyertaan daripada Bahagian/Daerah lain adalah disebabkan program ini tidak menyediakan insentif seperti tempat tinggal bagi peserta dari luar

kawasan dan elaun latihan bagi peserta yang layak. Oleh itu, Kementerian perlulah menimbang untuk menyediakan kemudahan tersebut bagi menarik ramai peserta.

Hasil temu bual dengan para peserta yang sedang mengikuti program ini mendapati kesemua peserta sangat berminat dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk mengikuti program tersebut. Adalah diperhatikan hasil kerja tangan para peserta adalah bermutu dan mempunyai potensi untuk dipasarkan bukan sahaja untuk pasaran tempatan malah luar negara seperti **Foto 22**.

Foto 22
Produk Seramik Yang Telah Siap

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh: 19 Januari 2004

Pada pandangan Audit, Kementerian boleh mensyaratkan peserta yang telah berjaya menamatkan program tersebut untuk melatih semula pelatih lain pada masa hadapan sebagai salah satu cara untuk mengembangkan kepakaran dari segi teknologi dan pengetahuan seramik.

47.2.6 Program Bahan Kimia Makanan

Semakan Audit mendapati Program Bahan Kimia Makanan yang telah diperuntukkan sejumlah RM1.11 juta di bawah RMK8 masih pada peringkat permulaan pelaksanaan. Semakan lanjut Audit mendapati setakat bulan Oktober 2003, seramai 12 peserta termasuk 2 pegawai di peringkat Kementerian telah menghadiri satu latihan selama 3 hari di Pusat Latihan Teknikal MARDI, Selangor melibatkan kos berjumlah RM9,580.

Pihak Audit berpendapat Kementerian perlu berusaha dengan lebih gigih untuk memulakan dan seterusnya menjayakan Program Bahan Kimia Makanan ini, memandangkan tempoh RMK8 akan berakhir pada tahun 2005.

47.2.7 Program Lain Yang Dilaksanakan Oleh Kementerian

Selain daripada melaksanakan 4 program utama seperti di atas, Kementerian juga melaksanakan beberapa program pembangunan usahawan IKS. Antaranya adalah:

i) Program Pembinaan Kilang Jus Perisa, Kampung Gadong, Limbang

Program ini bertujuan untuk membantu penduduk Kampung Gadong, Limbang mendirikan kilang jus perisa. Ianya bermula pada tahun 2000 dengan peruntukan berjumlah RM110,000. Sejumlah RM101,600 lagi telah disalurkan kepada MARDITECH yang dilantik menjadi juruperunding kepada projek ini. Selain itu, MARDITECH juga bertanggungjawab untuk membekalkan mesin dan peralatan kilang serta memberi latihan berkaitan dengan teknik pemprosesan jus buah-buahan kepada penduduk kampung yang terlibat dalam projek ini.

Hasil temu bual dengan Ketua Kampung dan lawatan Audit ke kawasan sekitar Kampung Gadong mendapati penduduk kampung ada mengusahakan tanaman limau, pisang, rozel, nenas dan sebagainya. Ini memberi kelebihan kepada projek kilang jus ini kerana bekalan bahan mentah dijangka mencukupi dan boleh dipelbagaikan. Adalah didapati juga MARDITECH telah memberi latihan pemprosesan dan pembotolan jus perisa buah-buahan kepada 9 penduduk kampung yang terlibat pada tahun 1999. Pihak Audit difahamkan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Gadong sedang berusaha untuk mendapat bantuan lanjut daripada Kementerian untuk membiayai kos pemasangan kemudahan asas seperti elektrik, air dan seumpamanya.

Semakan Audit mendapati MARDITECH telah menghantar mesin dan perkakasan berkaitan pada awal bulan Jun 2003. Bagaimanapun, mesin dan perkakasan berkenaan belum dapat dipasang disebabkan ketiadaan kemudahan bekalan elektrik dan air. Kemudahan asas lain seperti perparitan, pagar sekeliling bangunan dan peralatan pencegahan kebakaran seperti pili bomba dan gril besi juga masih belum disediakan kerana peruntukan yang sedia ada tidak mencukupi.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu terus memberi bantuan yang sewajarnya sehingga projek tersebut dapat dijayakan bagi memastikan penduduk mendapat manfaat serta mengelak pembaziran.

ii) Program Usahawan Kraf Tangan Lamin Dana, Mukah

Pasukan Audit juga telah melawat seorang pengusaha IKS yang telah mendapat peruntukan geran yang disalurkan melalui

Perbadanan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak berjumlah RM160,000 pada penghujung tahun 2000 untuk membina sebuah pusat kraf tangan di Kampung Tellian, Mukah. Peruntukan tersebut digunakan untuk pembelian mesin dan peralatan serta pakej latihan teknikal untuk tempoh 5 tahun. Hasil lawatan tersebut mendapati pusat ini sedang menjalankan ujian pasaran (*market testing*) dan pekerja pusat sedang diberi latihan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Antara produk utama yang dihasilkan ialah pelepah rumbia, bakul dan *lampshade.* Semakan Audit mendapati pusat ini ada menerima tempahan pelbagai bentuk kraf tangan semasa Pesta Nanas Sarikei bernilai RM2,000. Sehingga bulan Disember 2003, pusat kraf tangan ini lebih mengutamakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Pada pandangan Audit, konsep perusahaan IKS seumpama ini boleh menarik minat lebih ramai pelancong asing untuk mengunjungi dan sekali gus menjadikan Sarawak sebuah destinasi pelancongan yang menarik. Ianya dilihat sebagai satu alternatif kepada corak pelancongan biasa yang dianggap lebih murah dan memudahkan pelancong dari dalam dan luar negeri mendapatkan produk kraf tangan tempatan di pusat tersebut.

47.2.8 Prestasi Perbelanjaan

Analisis Audit mendapati setiap perbelanjaan program dan subprogram dibayar melalui peruntukan pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana. Bagi tempoh tahun 2001 sehingga 2003, sejumlah RM12.65 juta daripada RM34 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan pelbagai aktiviti pembangunan IKS. Daripada jumlah tersebut, pihak Audit mendapati sejumlah RM2.30 juta atau 32% telah

digunakan untuk pengurusan dan penyelenggaraan Pusat Maklumat Perindustrian Dan Keusahawanan Sarawak di Jalan P. Ramlee, Kuching dan RM328,000 atau 5% lagi digunakan untuk perbelanjaan am mengurus Kementerian.

Selain itu, semakan Audit mendapati sejumlah RM322,244 baki peruntukan RMK7 yang telah disalurkan kepada pihak MARDI telah tidak dikembalikan sewajarnya pada penghujung pelaksanaan RMK7 iaitu pada akhir tahun 2000. Malah peruntukan tersebut telah digunakan oleh pihak Kementerian melalui MARDI untuk membiayai Program Teknologi Makanan sehingga ke tahun semasa. Semakan lanjut Audit mendapati baki yang ada sehingga pertengahan bulan Oktober 2003 adalah sejumlah RM159,926.

Pada pandangan Audit, perbelanjaan mengurus dan menyenggara Pusat Maklumat Perindustrian Dan Keusahawanan Sarawak, bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan, penyenggaraan pejabat dan perolehan keperluan pejabat yang berulang sepatutnya tidak menggunakan peruntukan pembangunan IKS kerana ini boleh menjejaskan peluang pengusaha IKS mendapatkan kemudahan yang disediakan.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan sebahagian program Kementerian untuk tempoh tahun 2001 hingga 2003 tidak begitu memuaskan dan ada di antara program tersebut belum dimulakan. Sebahagian lagi program yang telah dilaksanakan pada awal RMK8 tidak diteruskan pada tahun semasa. Oleh itu, Kementerian perlulah meningkatkan usaha bagi memastikan setiap program dan subprogram yang telah dirancang dilaksanakan. Kementerian boleh menimbang untuk mengecilkan bilangan subprogram yang hendak dilaksana untuk menjadi lebih fokus dan mempercepatkan lagi kejayaan subprogram berkenaan.

47.3 PEMANTAUAN

Pemantauan adalah penting untuk memastikan setiap perancangan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Pemantauan yang dilakukan oleh Kementerian adalah seperti berikut:

47.3.1 Pemantauan Di Peringkat Kementerian

Di peringkat Kementerian, pemantauan dilaksanakan oleh Bahagian IKS Dan Pembangunan Usahawan Bumiputera dengan mengadakan Mesyuarat Bahagian bagi membincangkan perkembangan mengenai program IKS yang dijalankan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Kementerian jarang mengadakan Mesyuarat Bahagian. Adalah didapati kali terakhir Mesyuarat Bahagian diadakan ialah pada tahun 2001. Tiada minit mesyuarat atau bukti lain menunjukkan Mesyuarat Bahagian telah diadakan pada tahun 2002 dan 2003. Pihak Audit telah difahamkan Bahagian ini hanya mengadakan perbincangan secara *ad hoc* dari semasa ke semasa tanpa menyediakan catatan perbincangan. Semakan Audit juga mendapati Bahagian ini mengadakan 1 sesi perbincangan pada tahun 2001 dengan peminjam Skim Pinjaman IKS yang bermasalah. Antara lain perbincangan tersebut menyentuh perkara seperti bayaran balik pinjaman, peluang perniagaan dan kemudahan lain yang disediakan oleh Kementerian.

Pihak Audit berpendapat Bahagian Industri Kecil Dan Sederhana Dan Pembangunan Usahawan Bumiputera tidak memantau program IKS dengan baik. Mesyuarat dan sesi perbincangan adalah langkah yang positif bagi membantu usahawan terutama yang mengalami masalah. Oleh itu, kekerapan mesyuarat dan sesi perbincangan hendaklah dipertingkatkan dan diperluaskan kepada semua program yang dilaksanakan oleh Kementerian.

47.3.2 Pemantauan Di Peringkat Agensi Pelaksana

Bagi melaksanakan program yang dirancang dengan berkesan, Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja dengan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak berhubung dengan pelaksanaan Skim Pinjaman IKS. Pihak Kementerian juga diperhatikan mempunyai kerjasama yang erat dengan MARDI bagi melaksanakan program teknologi makanan. Semakan Audit di peringkat agensi pelaksana mendapati maklumat berhubung program yang diusahakan bersama Kementerian telah direkodkan dengan baik dan kemas kini. Di samping itu, agensi pelaksana ada mengemukakan laporan berkala yang mengandungi maklumat terkini berhubung status program yang dilaksanakan kepada Kementerian. Bagaimanapun, tinjauan lanjut Audit di peringkat Kementerian mendapati laporan berkala yang diterima daripada agensi pelaksana tidak direkodkan secara khusus mengikut program. Selain itu, pihak Audit juga mendapati Kementerian mahupun MARDI tidak membuat tindakan susulan terhadap peserta Pemprosesan Teknologi Makanan untuk menentukan sama ada mereka telah memulakan perusahaan sendiri atau telah mendapat kemudahan lain seperti bantuan pinjaman IKS bagi memulakan perusahaan sendiri.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memperkemaskan setiap rekod berdasarkan program yang dilaksanakan bagi memudahkan pemantauan serta memastikan setiap pegawai yang telah dipertanggungjawabkan memainkan peranan yang lebih gigih serta proaktif.

Pada hemat Audit, pemantauan oleh pihak Kementerian terhadap pelaksanaan program dan aktiviti IKS adalah kurang memuaskan dan perlu diperbaiki lagi untuk memastikan program IKS yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat dan objektif yang disasarkan.

48. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara amnya, IKS di Sarawak masih memerlukan perhatian yang khusus dan berterusan daripada Kerajaan Negeri. Peranan dan tanggungjawab utama Kementerian untuk membangunkan IKS sejajar dengan peningkatan arus perindustrian di Sarawak perlu ditingkatkan serta diperkemaskan. Bagi menjayakan serta mendayakan IKS, adalah disyorkan Kementerian menimbangkan beberapa langkah berikut:

i) mewujudkan pangkalan data IKS secara komprehensif lagi *interactive*;

ii) melawat secara bersepadu dan konsisten terhadap peluang kerjasama di antara IKS dan industri besar yang terdapat di Sarawak termasuk syarikat *multinational* (MNC) yang berkaitan;

iii) menggunakan Pusat Maklumat Perindustrian Dan Keusahawanan Sarawak sebagai pusat rujukan setempat (*one stop centre)*;

iv) meningkatkan pemantauan bagi memastikan semua program IKS berjalan sepenuhnya;

v) memastikan setiap pegawai dan kakitangan menitikberatkan keperluan mengamalkan tadbir urus yang baik pada setiap peringkat pentadbiran; dan

vi) mengambil tindakan terhadap laporan yang diterima daripada agensi pelaksana seperti menarik balik bantuan atau mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam yang bermasalah.

BAHAGIAN IV

BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

49. PENDAHULUAN

Bahagian ini melaporkan hasil pengauditan penyata kewangan, analisis kedudukan kewangan dan kajian atas pengurusan kewangan serta aktiviti Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi tahun 2003, sebanyak 4 pengurusan kewangan dan 3 kajian aktiviti dilaporkan dalam **Bahagian** ini.

50. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap 22 Badan Berkanun Negeri, sebuah Majlis Agama Islam dan 25 Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, pengauditan bagi 19 Badan Berkanun Negeri dan 25 Pihak Berkuasa Tempatan dijalankan oleh firma audit swasta bagi pihak Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

Pemantauan terhadap kerja pengauditan firma audit swasta akan dibuat oleh pihak Audit mulai pada penyediaan Memorandum Rancangan Audit sehingga pengesahan penyata kewangan. Dalam proses tersebut, lawatan dibuat oleh pihak Audit semasa pengauditan dijalankan dan perbincangan antara pihak Audit dan firma audit swasta juga dilakukan bagi memantau kemajuan kerja di samping menyelesaikan masalah yang berbangkit. Secara keseluruhannya, pemantauan telah

dibuat dengan berkesan dan masalah yang dibangkitkan telah diselesaikan dengan cepat.

51. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

51.1 Seksyen 4 Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 dan Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Prosedur Kewangan Dan Perakaunan Bil. 2 Tahun 1995 menghendaki Badan Berkanun Negeri mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 4 bulan iaitu tidak lewat dari 30 April tahun berikutnya. Pada keseluruhannya, penyerahan dan pengesahan Penyata Kewangan Tahun 2002 Badan Berkanun Negeri bertambah baik berbanding tahun sebelumnya. Semua penyata kewangan telah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti kehendak Ordinan kecuali 4 Badan Berkanun Negeri kerana syarikat subsidiari dan bersekutunya lewat menyerahkan akaun bagi tujuan penyatuan akaun. Bagaimanapun, Agensi tersebut telah memohon kebenaran daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 5(1) Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 dan telah diluluskan lanjutan tempoh penyerahan. Adalah disyorkan Agensi tersebut mengambil tindakan secara pentadbiran dengan lebih serius terhadap syarikat subsidiari dan bersekutunya supaya mengemukakan akaun dengan lebih awal bagi membolehkan penyatuan akaun dibuat sebelum bulan April tahun berikutnya. Selain itu, Badan Berkanun Negeri juga telah mematuhi piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Namun demikian, masih berlaku kesilapan dalam penyediaan penyata kewangan dan perlu diperbetulkan.

51.2 Mengikut Seksyen 4 Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997, Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki menyedia dan menyerahkan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April tahun berikutnya. Adalah didapati semua Pihak Berkuasa Tempatan dapat mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2002 untuk diaudit sebelum 30 April

2003. Namun begitu, masih ada kesilapan dalam penyediaan penyata kewangan dan perlu diperbetulkan.

51.3 Sehingga 31 Julai 2004, sebanyak 20 Badan Berkanun Negeri, sebuah Majlis Agama Islam dan kesemua Pihak Berkuasa Tempatan telah menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2003 untuk diaudit. Butiran lanjut kedudukan penyerahan dan pengauditan penyata kewangan adalah seperti di **Lampiran III**.

52. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Semua penyata kewangan tahun 2002 bagi 22 Badan Berkanun Negeri kecuali Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, sebuah Majlis Agama Islam dan 25 Pihak Berkuasa Tempatan kecuali Majlis Daerah Limbang dan Dewan Bandaraya Kuching Utara telah disahkan dan diberikan Sijil Bersih. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak diberi Sijil Berteguran kerana tidak menyatukan akaunnya dengan sebuah syarikat subsidiari. Majlis Daerah Limbang pula tidak dapat menyesuaikan baki Buku Tunai dengan baki Akaun Semasa manakala Akaun Liabiliti Semasa Dewan Bandaraya Kuching Utara tidak disokong dengan senarai baki individu yang lengkap. Secara keseluruhannya penyediaan penyata kewangan adalah mematuhi piawaian perakaunan, undang-undang dan peraturan serta rekod perakaunan diselenggara dengan memuaskan.

53. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Seksyen 8 Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 menetapkan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera. Seksyen 47 Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 pula menyatakan semua penyata kewangan yang telah diaudit hendaklah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan dibentang di Dewan Undangan Negeri. Sehingga akhir bulan Julai 2004, sebanyak 91 penyata kewangan bagi 16 Badan Berkanun

Negeri dan 25 Pihak Berkuasa Tempatan yang telah disahkan belum dibentang di Dewan Undangan Negeri. Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang dimaksudkan adalah seperti di **Lampiran IV**.

54. PRESTASI KEWANGAN

54.1 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI

Pada tahun 2002, sebanyak 17 Badan Berkanun Negeri mengakhiri tahun kewangannya dengan mencatatkan surplus, manakala 5 lagi mencatatkan defisit. Semakan Audit mendapati 11 Badan Berkanun Negeri menerima geran operasi daripada Kerajaan Negeri, tujuh Agensi menerima geran untuk pembelian aset, dua Agensi menerima kedua geran tersebut dan 2 Agensi lagi tidak menerima sebarang geran. Geran yang diterima untuk pembelian aset dikreditkan kepada akaun '*deferred income*' dan seterusnya dipindahkan sebagai pendapatan mengikut kaedah garis lurus berasaskan hayat kegunaan aset. Setelah mengambil kira penerimaan kedua geran tersebut, adalah didapati Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak mencatatkan surplus tertinggi sejumlah RM114.96 juta manakala Lembaga Kemajuan Bintulu mencatatkan defisit tertinggi sejumlah RM16.50 juta. Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak mendapat surplus tertinggi kerana pendapatan jualan tenaga elektrik meningkat berikutan pertambahan bilangan pengguna dan penggunaan tenaga elektrik. Manakala jumlah defisit Lembaga Kemajuan Bintulu yang tinggi disebabkan peningkatan kos perbelanjaan sejumlah RM19.40 juta yang meliputi kos kontrak, pentadbiran dan operasi.

Analisis Audit mendapati kebanyakan Badan Berkanun Negeri amat bergantung kepada geran daripada Kerajaan Negeri. Kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri berkenaan akan menunjukkan senario yang berlainan tanpa geran tersebut. Badan Berkanun Negeri seperti Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Pustaka Negeri Sarawak dan Lembaga Pelancongan

Sarawak beroperasi lebih kepada tanggungjawab sosial dan bukannya bermatlamatkan keuntungan.

Daripada 22 Badan Berkanun Negeri, kedudukan kewangan 14 Badan Berkanun Negeri adalah didapati stabil kerana mempunyai lebihan harta bersih semasa dan surplus terkumpul. Tiga Agensi lain iaitu Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke mencatatkan harta bersih semasa negatif walaupun memperolehi surplus pada tahun 2002. Manakala kedudukan kewangan Lembaga Pelabuhan Rajang adalah tidak kukuh kerana mengalami defisit dan mencatatkan harta bersih semasa negatif pada tahun 2002. **Berdasarkan kepada harta bersih semasa dan defisit terkumpul, pada pandangan Audit, empat Badan Berkanun Negeri tersebut menghadapi beban membayar balik pinjaman dan memerlukan bantuan Kerajaan bagi mengekalkan konsep berterusan.** Bagaimanapun, adalah didapati Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak adalah berkemampuan untuk berdikari berdasarkan kepada pulangan pendapatan yang dihasilkan. Kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri pada 31 Disember 2002 adalah seperti di **Lampiran V.**

54.2 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Semua Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak mengamal perakaunan asas tunai kecuali Dewan Bandaraya Kuching Utara yang mengamalkan perakaunan asas akrual. Adalah didapati pada tahun 2002, perbelanjaan bagi 25 Pihak Berkuasa Tempatan ialah sejumlah RM309.82 juta manakala pendapatan yang diperolehi ialah sejumlah RM327.34 juta. Dengan itu, secara keseluruhannya Pihak Berkuasa Tempatan telah mengakhiri tahun 2002 dengan lebihan berjumlah RM17.52 juta berbanding lebihan berjumlah RM74.83 juta pada tahun 2001. Lapan Pihak Berkuasa Tempatan mengalami defisit sejumlah

RM13.83 juta dan 17 Pihak Berkuasa Tempatan memperolehi surplus sejumlah RM31.35 juta.

Semua 25 Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai sejumlah RM222.92 juta harta bersih semasa. Adalah didapati harta bersih semasa Majlis yang terendah ialah sejumlah negatif RM0.90 juta dan harta bersih semasa yang tertinggi ialah sejumlah RM45.48 juta. **Pada pandangan Audit, kedudukan kewangan Majlis Daerah Lawas, Majlis Daerah Matu Daro, Majlis Daerah Limbang dan Majlis Daerah Lundu adalah kurang stabil di mana 4 Majlis tersebut mengalami kedudukan harta bersih semasa yang negatif atau terlalu rendah.** Majlis Daerah Lawas mengalami defisit terkumpul sejumlah RM1.31 juta manakala Majlis Daerah Matu Daro mempunyai surplus terkumpul hanya RM0.69 juta. Kedudukan prestasi kewangan 25 Pihak Berkuasa Tempatan ditunjukkan di **Lampiran VI.**

54.2.1 Bandaraya

Bagi Pihak Berkuasa Tempatan kategori bandaraya, Majlis Bandaraya Kuching Selatan mencatat surplus sejumlah RM7.20 juta manakala Dewan Bandaraya Kuching Utara mencatat surplus sejumlah RM2.55 juta. Bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuching Utara mencatatkan harta bersih semasa yang tinggi iaitu sejumlah RM45.48 juta berbanding dengan harta bersih semasa Majlis Bandaraya Kuching Selatan. Nilai harta bersih semasa Majlis Bandaraya Kuching Selatan adalah rendah kerana Majlis tidak mengambil kira jumlah penghutang.

54.2.2 Majlis Perbandaran

Sarawak mempunyai 3 Majlis Perbandaran. Majlis Perbandaran Miri memperolehi jumlah pendapatan dan juga surplus yang tertinggi iaitu masing-masing RM58.39 juta dan RM10.02 juta. Majlis Perbandaran Sibu mencatat defisit sejumlah RM8.95 juta yang disebabkan oleh kurangnya penerimaan geran pembangunan. Sungguhpun mengalami

defisit, dengan aset semasa yang mencukupi, Majlis Perbandaran Sibu mampu menjelaskan liabiliti semasa apabila perlu. Majlis Perbandaran Padawan memperolehi surplus hanya sejumlah RM3.72 juta. Namun kedudukannya agak kukuh di mana harta bersih semasanya adalah RM32.35 juta.

54.2.3 Majlis Daerah

Bagi kategori Majlis Daerah, Majlis Daerah Sarikei mencatat surplus tertinggi sejumlah RM2.21 juta. Manakala 2 Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai harta bersih semasa melebihi daripada RM12 juta iaitu Majlis Daerah Luar Bandar Sibu (RM12.63 juta) dan Majlis Daerah Dalat Dan Mukah (RM12.49 juta). Sebanyak 12 Majlis Daerah mencatat surplus iaitu hanya antara RM0.19 juta dan RM0.88 juta sahaja dengan jumlah harta bersih semasa yang rendah. Analisis Audit mendapati jika penerimaan geran dan perbelanjaan pembangunan diambil kira dalam penyata pendapatan, Majlis Daerah dijangka mengalami defisit disebabkan geran pembangunan bagi projek pembangunan tahun semasa lewat diterima. Ini menunjukkan Pihak Berkuasa Tempatan perlu meningkatkan kutipan pelbagai hasil selain geran yang diterima dari Kerajaan Negeri. Jumlah perbelanjaan juga perlu dikawal.

Sebanyak 7 Majlis Daerah mengalami defisit di mana Majlis Daerah Kapit mencatat defisit tertinggi iaitu RM1.40 juta. Jumlah perbelanjaan Majlis Daerah Kapit meningkat sebanyak 18% daripada perbelanjaan tahun 2001. Kutipan cukai kurang diterima jika dibanding dengan anggaran yang diluluskan kerana pembayar cukai yang berkenaan dikecualikan dari membayar cukai apabila deretan kedai di Bandar Kapit terbakar pada tahun 2002. Sungguhpun 7 Pihak Berkuasa Tempatan mengalami defisit, mereka masih berupaya membayar balik

tanggungan semasa seperti deposit dan liabiliti lain jika perlu kecuali Majlis Daerah Lawas.

54.3 ANALISIS TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pada akhir tahun 2002, tunggakan hasil cukai taksiran bagi 25 Pihak Berkuasa Tempatan meningkat daripada sejumlah RM44.33 juta pada tahun 2001 menjadi RM49.50 juta pada tahun 2002. Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Perbandaran Miri dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan mencatat peningkatan tunggakan cukai yang tertinggi dengan sejumlah RM4.24 juta.

Analisis Audit mendapati jumlah tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2002 di 6 Majlis Daerah adalah berkait rapat dengan persempadanan semula kawasan pentadbiran Majlis Daerah. Persempadanan semula ini adalah berikutan daripada pewujudan 2 bahagian pentadbiran baru iaitu Bahagian Mukah dan Bahagian Betong pada tahun 2002. Persempadanan dan pembahagian kawasan baru yang terlibat adalah seperti di **Jadual 51.**

Jadual 51
Persempadanan Dan Penyerahan Kawasan Baru Majlis

Bil	Kawasan Terlibat	Pihak Berkuasa Tempatan Yang Menyerah Kawasan (Tunggakan Menurun)	Pihak Berkuasa Tempatan Yang Menerima Kawasan (Tunggakan Meningkat)
1.	Tanjung Manis dan Belawai	Majlis Daerah Sarikei	Majlis Daerah Matu Daro
2.	Selangau	Majlis Daerah Dalat Dan Mukah	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu
3.	Meludam, Skrang, Lidong dan Semarang	Majlis Daerah Sri Aman	Majlis Daerah Betong

Sumber: Rekod Majlis Daerah Yang Terlibat

Kedudukan tunggakan hasil cukai taksiran bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan untuk tahun 2001 dan 2002 ditunjukkan di **Lampiran VII.**

54.4 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN TABUNG AM, MAJLIS AGAMA ISLAM SARAWAK

Pada tahun 2002, Tabung Am mengakhiri tahun kewangan dengan lebihan sejumlah RM9.26 juta di mana perbelanjaannya hanyalah sejumlah RM5.51 juta berbanding hasil yang diperolehi berjumlah RM14.77 juta. Dengan lebihan tersebut, dana terkumpul Tabung Am pada akhir tahun 2002 meningkat menjadi RM78.66 juta. Adalah didapati pelaburan yang dibuat di beberapa institusi kewangan yang dipilih telah memberi sumbangan yang besar kepada Tabung Am untuk terus beroperasi dan menjalankan tanggungjawab sosialnya. Pada akhir tahun 2002, Tabung Am mempunyai harta semasa yang terdiri daripada wang tunai, simpanan tetap dan penghutang berjumlah RM45.82 juta. Manakala liabiliti semasa yang terdiri daripada deposit dan pemiutang berjumlah RM118,023. Selain itu, Tabung Am tidak mempunyai sebarang pinjaman. Dengan demikian lebihan harta bersih semasa Tabung Am adalah berjumlah RM45.70 juta. **Berdasarkan kedudukan dana terkumpul dan lebihan harta bersih semasa yang tinggi, pada pandangan Audit, Tabung Am, Majlis Agama Islam Sarawak berupaya untuk mengekalkan konsep berterusan.**

55. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, prestasi penyerahan dan mutu penyediaan penyata kewangan oleh Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah memuaskan namun perlu dipertingkatkan. Ketua Agensi perlulah lebih teliti dan serius dalam penyediaan penyata tersebut bagi memastikan penyata disediakan dengan betul dan dikemukakan untuk pengauditan dengan lebih awal. Untuk itu, pematuhan kepada peraturan kewangan dan penyenggaraan rekod perakaunan dan kewangan yang kemas kini perlulah dipertingkatkan. Kebanyakan Agensi bergantung kepada geran daripada Kerajaan. Pada amnya, kedudukan kewangan terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan adalah lemah. Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan perlulah

meningkatkan usaha mengutip hasil termasuk mengambil tindakan undang-undang bagi mengutip tunggakan cukai taksiran. Di samping itu, perbelanjaan juga perlu dikawal bagi mengelak kedudukan kewangan menjadi semakin lemah.

PERBADANAN URUSAN KEJURUTERAAN DAN LIMBUNGAN BROOKE DAN LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU

PENGURUSAN KEWANGAN

56. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2003, sebanyak 2 buah Agensi Negeri iaitu Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke dan Lembaga Kemajuan Bintulu telah dipilih bagi tujuan pengauditan pengurusan kewangan.

Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke (Perbadanan) ditubuhkan pada tahun 1977 di bawah Bab 100, Ordinan Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke 1977. Fungsi utamanya ialah untuk mengurus sebuah limbungan, menyenggara bengkel pembinaan, menjalankan pembaikan dan penyenggaraan kapal dan mengambil bahagian di dalam bidang berkaitan seperti kejuruteraan perkapalan, minyak dan gas dan lain-lain. Perbadanan merupakan sebuah Agensi Kerajaan yang beroperasi seperti sebuah organisasi perniagaan yang berasaskan keuntungan. Perbadanan tidak menerima geran daripada Kerajaan Negeri dan pendapatan adalah daripada projek yang diperolehi melalui tender.

Lembaga Kemajuan Bintulu (Lembaga) ditubuhkan pada pertengahan tahun 1978 di bawah Ordinan Lembaga Kemajuan Bintulu 1978 sebagai sebuah Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap perancangan fizikal dan pembangunan kawasan seluas 12,515 km persegi di Bahagian Bintulu. Antara lain fungsi Lembaga adalah untuk mempromosi, melaksana, mengawal selia dan menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menyediakan tapak perindustrian, perdagangan serta pembangunan sosial kepada masyarakat. Selain itu, Lembaga juga berperanan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan di Bahagian Bintulu.

57. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada peraturan dan prosedur kewangan telah dipatuhi dan wujud kawalan dalaman yang kukuh. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan sama ada penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini. Skop pengauditan adalah meliputi urus niaga bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2003. Pengauditan ditumpukan kepada kawalan pengurusan, kawalan hasil, perbelanjaan, pengurusan pelaburan, pinjaman, wang amanah/deposit dan aset. Selain itu, temu bual dengan pegawai berkenaan dan pemeriksaan fizikal ke atas aset Agensi berkenaan juga dijalankan.

58. PENEMUAN AUDIT

58.1 KAWALAN PENGURUSAN

Kawalan pengurusan adalah meliputi aspek mengenai struktur organisasi, penubuhan jawatankuasa, pematuhan kepada peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kualiti hasil kerja.

58.1.1 Struktur Organisasi

Operasi pentadbiran dan pengurusan Perbadanan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif Gred VU7 dan dibantu oleh 212 pegawai lain. Semakan Audit mendapati struktur organisasi Perbadanan dibentuk dengan jelas. Ia dibahagi kepada 5 Bahagian iaitu *Landbased Engineering, Shipbuilding/Bridge, Ship Repair Department, Oil & Gas Technical Department* dan *Corporate/Support Group*. Seksyen Kewangan Dan Akaun adalah di bawah *Corporate/Support Group*.

Urusan pentadbiran harian Lembaga diketuai oleh Pengurus Besar Gred VU7 dan dibantu oleh 619 pegawai lain. Struktur organisasi Lembaga merangkumi 5 Bahagian iaitu Khidmat Teknikal, Khidmat Korporat, Khidmat Environmen, Khidmat Undang-undang dan Pengurusan Sumber Manusia. Manakala Seksyen Kewangan Dan Akaun adalah di bawah Khidmat Korporat.

58.1.2 Manual Prosedur Kerja, Fail Meja Dan Senarai Tugas

Adalah didapati Manual Prosedur Kerja telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini di Perbadanan dan Lembaga. Perbadanan juga ada menyediakan Fail Meja tetapi hanya untuk pegawai di Seksyen Kewangan Dan Akaun manakala Fail Meja tidak disediakan oleh Lembaga untuk kakitangannya. Semakan Audit juga mendapati Senarai Tugas di Perbadanan telah disediakan dan ditandatangani oleh Pegawai Penyelia sebagai tanda kelulusan. Manakala Lembaga ada menyediakan Senarai Tugas bagi setiap kakitangannya tetapi tidak ditandatangani atau diluluskan oleh Pegawai Penyelia.

58.1.3 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Perbadanan dan Lembaga masih belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Bagaimanapun, di Perbadanan fungsi Jawatankuasa ini diambil alih oleh Jawatankuasa Tender Dan Kewangan. Manakala di Lembaga fungsi Jawatankuasa ini telah diambil alih oleh Jawatankuasa Kewangan Dan Pelaburan. Perbadanan juga tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan kerana tidak memegang sebarang saham dalam syarikat Kerajaan. Manakala Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa tersebut pada awal tahun 1993. Bagaimanapun, tiada sebarang mesyuarat dijalankan sejak penubuhannya.

58.1.4 Latihan Kepada Kakitangan

Semakan Audit mendapati Perbadanan telah menghantar 69 kakitangannya untuk menghadiri 27 kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Ketua Menteri, *Malaysian Institute of Accountants*, Lembaga Pelabuhan Kuching, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan pihak swasta. Daripada jumlah tersebut, lima pegawai adalah dari Seksyen Kewangan Dan Akaun dan kursus yang diikuti adalah *Profit & Cash Course, Duty Drawback, Refund and Duty Exemption, Regional Accountant Conference* dan *Sarawak Investment Seminar.* Lembaga pula telah menawarkan 93 jenis kursus yang terdiri daripada kursus luaran dan dalaman kepada 402 kakitangannya. Antara kursus yang dihadiri ialah *Malaysian Accounting Standard Board (MASB) Update, Seminar On Basic Of Corporate Finance, ISO 9001:2000 Auditor/Lead Auditor Training Certificates, Corporatisation And Privatisation In Malaysia With Emphasis On Financial Analysis* dan *Optional Organisational Efficiency By Structuring The Finance Function*. Sebanyak 84 kursus telah dianjurkan oleh pihak luar seperti *Institute Of Engineers Malaysia, Centre Of Built Environment, Ernst & Young, Applied Technology Associates Sdn. Bhd.* dan sebagainya. Manakala baki 9 kursus adalah anjuran Lembaga. Semakan Audit mendapati hanya 14 pegawai di Seksyen Kewangan Dan Akaun telah dihantar berkursus untuk tempoh 3 tahun terakhir. Manakala 3 pegawai lain belum menghadiri sebarang kursus sejak tahun 1999. Kedudukan kawalan pengurusan kedua Agensi ini adalah seperti di **Jadual 52.**

Jadual 52
Kedudukan Kawalan Pengurusan

Agensi	Kawalan Pengurusan			
	a	b	c	d
Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke	/	/	*	x
Lembaga Kemajuan Bintulu	/	/	x	x

Nota : / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi

a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap Agensi
b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
d. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan
* (Sebahagian sahaja disediakan)

58.2 KAWALAN HASIL

Pada tahun 2003, Perbadanan mengutip hasil sejumlah RM103.70 juta. Hasil utama Perbadanan diperolehi daripada pembinaan pelantar untuk industri minyak dan gas dan pembaikan kapal. Manakala Lembaga telah mengutip hasil berjumlah RM140.98 juta daripada pendapatan operasi sepanjang tahun 2003. Kutipan daripada premium dan sewa tanah berjumlah RM71.19 juta adalah merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan hasil Lembaga. Lembaga juga ada menerima geran mengurus daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan berjumlah RM340.26 juta pada tahun 2003.

58.2.1 Pada keseluruhannya, kawalan terimaan hasil Perbadanan adalah memuaskan namun perlu dipertingkatkan lagi. Perbadanan menyelenggarakan Buku Tunai secara berkomputer tetapi resit dikeluarkan secara manual. Semakan Audit mendapati pembahagian tugas dalam urusan pungutan hasil ada diamalkan. Surat kuasa untuk memungut hasil ada dikeluarkan kepada setiap pegawai yang terlibat dalam menerima wang dan Daftar Borang Hasil diselenggara dengan kemas kini. Penyata Penyesuaian Bank disediakan dengan tepat dan betul tetapi ada kelewatan dalam penyediaan antara 2 hingga 9 bulan. Adalah didapati Ketua Agensi atau wakilnya tidak menjalankan

pemeriksaan mengejut secara berkala terhadap wang tunai dan barang berharga yang lain seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 309.

58.2.2 Semakan Audit mendapati sistem pungutan hasil dikendalikan secara manual di Ibu Pejabat Lembaga dan Pejabat Cawangan Sebauh dan Tatau. Bagaimanapun, pungutan hasil menggunakan mesin dibuat di Kaunter Sistem Bayaran Bil Setempat Lembaga di Bangunan PERBINDA, Bintulu. Adalah didapati semua pungutan telah dibankkan dengan segera dan diiringi oleh pegawai keselamatan. Semua kaunter kutipan dipasang dengan sekatan (kaca) dan dikunci selepas waktu pejabat. Lembaga juga telah menyediakan Penyata Penyesuaian Bank dengan betul dan kemas kini. Bagaimanapun, kawalan hasil Lembaga perlu dipertingkatkan lagi dengan membuat pengasingan tugas terhadap pengurusan resit hasil dan mengeluarkan kebenaran bertulis kepada pegawai yang menerima wang.

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 53.**

Jadual 53
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Hasil

Agensi	Peraturan Kawalan Hasil					
	a	b	c	d	e	f
Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke	/	x	/	TB	/	x
Lembaga Kemajuan Bintulu	x	/	x	/	/	/

Nota : / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan Resit
c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga

58.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Perbelanjaan Perbadanan terdiri daripada perbelanjaan mengurus dan kos untuk projek yang dijalankan. Pada tahun 2003, perbelanjaan mengurus berjumlah RM4.31 juta manakala kos projek berjumlah RM102 juta. Manakala perbelanjaan Lembaga terdiri daripada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus termasuk perbelanjaan operasi, penyenggaraan, latihan dan pembangunan kakitangan. Manakala perbelanjaan pembangunan adalah untuk Estet Perindustrian, Rancangan Perumahan Rakyat (RPR), Skim Penempatan Semula, menaik taraf dan membangunkan kemudahan infrastruktur, projek perbandaran, projek Taman Tumbina, pembangunan landskap dan lain-lain projek. Pada tahun 2003, Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM36.39 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM28.33 juta untuk perbelanjaan pembangunan.

58.3.1 Semakan Audit mendapati Buku Vot yang diselenggarakan secara berkomputer oleh Perbadanan tidak mengandungi maklumat asas seperti nombor baucar bayaran, nombor resit dan nombor baucar jurnal sebagai kawalan. Selain itu, tiada bukti Buku Vot tersebut disemak oleh Pegawai Penyelia. Adalah didapati Perbadanan menyelenggara *Creditors Ledger* untuk merekod bil yang diterima. Analisis Audit mendapati Perbadanan menjelaskan bil yang dibuat melalui pesanan tempatan antara 35 hingga 368 hari kerana menunggu kelulusan Jawatankuasa Tender Dan Kewangan selepas meneliti kedudukan aliran wang tunai semasa. Bagaimanapun, tiada kelewatan diperhatikan bagi pembelian barangan melalui *letter of credit*. Pada tahun 2003, sebanyak 73 sebut harga berjumlah RM16.16 juta telah dipelawa bagi perolehan yang melebihi RM50,000 tanpa kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri.

58.3.2 Lembaga menyelenggara Buku Vot secara manual. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya kawalan perbelanjaan Lembaga adalah memuaskan. Bagaimanapun, ada beberapa kelemahan perlu diberi perhatian iaitu transaksi di Buku Vot perlu disemak dan ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab dan surat kuasa menandatangani Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan kepada pegawai bertanggungjawab.

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 54.**

Jadual 54
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Perbelanjaan

Agensi	Peraturan Kawalan Perbelanjaan					
	a	b	c	d	e	f
Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke	TB	x	/	/	*	/
Lembaga Kemajuan Bintulu	x	x	/	x	/	/

Nota : / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
b. Buku Vot disemak oleh Pegawai Penyelia
c. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap
d. Surat kuasa untuk tandatangan Pesanan Kerajaan
e. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
f. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan

**Creditors Ledger* diselenggarakan untuk merekod bil

58.4 PENGURUSAN PELABURAN

Pada tahun 2003, Lembaga telah melabur sejumlah RM121 juta dalam simpanan tetap di 18 bank dan institusi kewangan yang diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri. Selain itu, Lembaga juga melabur sejumlah RM2.61 juta dalam 4 syarikat subsidiari, RM10.58 juta dalam 4 syarikat

bersekutu dan RM47.47 juta dalam pelaburan saham lain. Sejumlah RM977,504 faedah atas simpanan tetap diterima pada tahun 2003. Perbadanan tidak melabur dalam sebarang jenis pelaburan kerana tidak mempunyai wang lebihan untuk dilaburkan.

58.4.1 Prosedur Dan Tatacara Pelaburan

Prosedur dan tatacara pelaburan hendaklah mengandungi maklumat seperti kelulusan had simpanan tetap dalam sesebuah bank atau institusi kewangan, kriteria pemilihan bank bagi pelaburan simpanan tetap dan nama pegawai yang diberi kuasa untuk membuat pelaburan. Prosedur dan tatacara pelaburan perlu disediakan sebagai garis panduan, kawalan dan pemantauan terhadap pelaburan yang dibuat. Semakan Audit mendapati prosedur tersebut masih belum disediakan oleh Lembaga.

58.4.2 Jawatankuasa/Kelulusan Pelaburan

Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan untuk mengendalikan pelaburan yang dibuat dalam simpanan tetap, syarikat subsidiari dan bersekutu. Pelaburan dalam simpanan tetap diluluskan oleh Pengurus Besar. Manakala pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Selepas tahun 1995, kelulusan hendaklah diperolehi daripada Setiausaha Kewangan Negeri untuk menubuh syarikat subsidiari dan bersekutu selaras dengan *Statutory Bodies (Financial And Accounting Procedure) Ordinance 1995*. Semakan Audit mendapati pada tahun 2003, pelaburan baru dalam 2 syarikat telah diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri.

58.4.3 Rekod Dan Daftar Pelaburan

Daftar Pelaburan perlu disediakan bagi tujuan merekodkan segala pelaburan yang dibuat oleh Lembaga. Semakan Audit mendapati:

i) Daftar Simpanan Tetap telah diselenggara dengan memuaskan dan diperiksa oleh Pegawai Penyelia. Semua urus niaga pelaburan seperti pelaburan baru, pembaharuan dan pengeluaran simpanan tetap telah dibuat dengan betul dan kemas kini. Semua sijil disimpan di dalam peti besi oleh Akauntan Lembaga.

ii) Daftar Pelaburan perlu mengandungi maklumat seperti nama dan alamat syarikat, tarikh saham diperolehi, nombor sijil saham, harga seunit saham dan jumlah saham pada harga kos. Daftar itu hendaklah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dari semasa ke semasa. Semakan Audit mendapati Daftar Pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu tidak diselenggara dengan memuaskan kerana hanya mengandungi maklumat ringkas seperti nama syarikat, jumlah saham dan nama Lembaga Pengarah Syarikat. Selain itu, semakan juga tidak dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab.

58.4.4 Pengurusan Portfolio

Lembaga telah melantik sebuah syarikat untuk menguruskan Portfolio Lembaga dengan menandatangani satu perjanjian. Semakan Audit mendapati pengurusan portfolio telah dilaksanakan mengikut perjanjian yang dimeterai.

58.5 PENGURUSAN PINJAMAN

Pada akhir tahun 2003, Perbadanan memperolehi pinjaman daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM5.90 juta dan pinjaman daripada Bank Pembangunan berjumlah RM5.21 juta. Tujuan pinjaman ini dibuat adalah bagi membiayai beberapa projek yang dilaksana oleh Perbadanan. Lembaga pula memperolehi pinjaman daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM13.98 juta dan daripada

Kerajaan Persekutuan berjumlah RM88.71 juta sepanjang tahun 2003. Pinjaman adalah bertujuan untuk membiayai projek pembinaan perumahan, estet perindustrian, menaik taraf dan membangunkan kemudahan infrastruktur, skim penempatan semula penduduk dan projek pembangunan lain. Semakan Audit mendapati semua pinjaman di kedua Agensi telah digunakan untuk tujuan pinjaman yang diberi.

58.5.1 Perjanjian/Kelulusan Pinjaman

Semakan Audit mendapati kelulusan pinjaman Perbadanan adalah mematuhi Ordinan Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke 1977. Manakala Lembaga telah membuat pinjaman selaras dengan Ordinan Lembaga Kemajuan Bintulu 1978 iaitu setelah mendapat kelulusan daripada Menteri berkenaan.

Perbadanan telah memeterai 4 perjanjian pinjaman dengan Kerajaan Negeri yang berjumlah RM22.64 juta dan 1 perjanjian dengan Bank Pembangunan berjumlah RM6.50 juta. Sejumlah RM16.74 juta yang dipinjam daripada Kerajaan Negeri telah ditukar menjadi ekuiti setelah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada bulan April 2002 manakala bakinya sejumlah RM5.90 juta dikekalkan dalam bentuk pinjaman. Pada tahun 2003, Lembaga telah memeterai 10 perjanjian pinjaman berjumlah RM102.69 juta iaitu 8 pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan melalui perjanjian dengan Kerajaan Negeri dan 2 pinjaman daripada Kerajaan Negeri.

Semakan Audit mendapati syarat pinjaman terhadap bayaran balik dan faedah yang dikenakan ada dinyatakan dengan jelas dan tertentu. Bagaimanapun, tiada syarat memelihara kepentingan Agensi dinyatakan seperti polisi insurans bagi melindungi Agensi daripada sebarang liabiliti sekiranya wujud.

58.5.2 Bayaran Balik Pinjaman

Mengikut jadual, Perbadanan dikehendaki membayar balik baki pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM5.90 juta mulai pertengahan bulan Ogos 2001. Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2003 bayaran balik tersebut belum dibuat. Adalah didapati Perbadanan telah memohon untuk penjadualan semula pembayaran balik pinjaman pada akhir bulan Oktober 2003. Bagaimanapun, jawapan daripada Kerajaan Negeri masih belum diperolehi. Selain itu, perjanjian pinjaman daripada Bank Pembangunan berjumlah RM6.50 juta telah ditandatangani pada awal bulan Disember 2000. Mengikut perjanjian tersebut, Perbadanan dikehendaki membayar balik pinjaman serta faedahnya setelah jumlah tersebut digunakan/dikeluarkan sepenuhnya oleh Perbadanan. Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2003, tiada bayaran balik pinjaman dibuat kerana Perbadanan hanya mengeluarkan sejumlah RM5.21 juta. Bayaran faedah ke atas pinjaman adalah memuaskan di mana ianya dibuat dalam tempoh ditetapkan.

Pemeriksaan Audit terhadap pinjaman Lembaga mendapati bayaran balik bagi 9 pinjaman adalah mengikut jadual seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun, bayaran balik bagi satu pinjaman tidak dibuat mengikut jadual bayaran melibatkan sejumlah RM3.13 juta yang tertunggak sejak tahun 1999. Lembaga telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan pada akhir bulan Julai 2003 untuk menukar pinjaman tersebut menjadi geran tetapi masih belum ada maklum balas daripada Kerajaan Persekutuan.

58.5.3 Pengurusan Rekod

Semakan Audit mendapati Perbadanan ada menyelenggara Daftar Pinjaman yang sempurna dan kemas kini. Salinan perjanjian pinjaman

juga disimpan dengan selamat oleh Eksekutif Akaun. Manakala Lembaga tidak menyelenggarakan Daftar Pinjaman untuk merekod maklumat seperti rujukan pinjaman, jenis pinjaman, jumlah pinjaman, maksud pinjaman, tempoh bayaran balik, tarikh bayaran balik, rujukan baucar bayaran dan tarikh serta jumlah yang dibayar untuk memantau segala urus niaga berkaitan dengan pinjaman yang diperolehi. Lembaga hanya menyelenggara Lejar Am bagi merekod urus niaga pinjaman dan tiada bukti menunjukkan rekod berkenaan disemak oleh Pegawai Penyelia dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, salinan perjanjian ada disimpan dengan selamat oleh Akauntan.

58.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Perbadanan tidak mengendalikan sebarang Akaun Amanah tetapi ada mengendalikan Akaun Deposit, Akaun Pinjaman Kepada Kakitangan dan Akaun Pendahuluan Diri. Lembaga juga tidak menyelenggara Akaun Amanah tetapi ada menyelenggara Akaun Deposit dan menguruskan Kumpulan Wang Amanah seperti Pinjaman Perumahan, Pinjaman Kepada Kakitangan dan Pendahuluan Diri.

58.6.1 Pengurusan Deposit

Pada akhir tahun 2003, Perbadanan masih menyimpan deposit berjumlah RM560,441 yang diterima sejak tahun 1986 terdiri daripada deposit tender, wang tahanan dan lain-lain deposit. Adalah didapati Perbadanan tidak pernah mengambil tindakan mewartakan deposit yang tidak dituntut oleh pendeposit selepas akhir tempoh 12 bulan selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 162.

Lembaga ada mengutip pelbagai jenis deposit seperti deposit tender, deposit kejuruteraan, deposit landskap, deposit am, deposit sewa tanah, deposit Rancangan Perumahan Rakyat dan sebagainya. Pada

akhir tahun 2003, baki deposit adalah berjumlah RM2.74 juta. Adalah didapati semua deposit yang dikutip oleh Lembaga telah direkod di dalam Buku Tunai dengan tepat dan betul. Bagaimanapun, Akaun Kecil (Rekod Subsidiari) tidak diselenggarakan bagi setiap jenis deposit kecuali deposit tender dan kejuruteraan. Oleh itu, penyesuaian bagi semua deposit terbabit tidak dapat dibuat. Semakan Audit juga mendapati sejumlah RM551,584 deposit tender dan kejuruteraan tidak diperlukan lagi oleh Lembaga. Deposit tersebut telah melebihi 12 bulan dan belum dibayar balik. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, jika tiada sebab khas, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu melalui warta Kerajaan. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2003, Lembaga masih belum mengambil sebarang tindakan ke atas deposit tersebut.

58.6.2 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah

i) Pinjaman Perumahan

Perbadanan tidak memberi pinjaman kepada kakitangan tetapi hanya memberi subsidi bayaran faedah untuk pinjaman perumahan sahaja. Semakan Audit mendapati pada tahun 2003, Perbadanan membayar faedah subsidi sejumlah RM14,092 untuk 13 pinjaman yang diluluskan sebelum tahun 2003. Daftar Pinjaman yang mengandungi maklumat peminjam serta jumlah subsidi telah diselenggarakan dengan memuaskan.

Lembaga menyediakan pinjaman perumahan kepada anggotanya melalui dana Lembaga sendiri manakala pinjaman perumahan kepada orang awam disediakan oleh dana daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan. Setakat akhir tahun 2003, baki pinjaman untuk 570 peminjam adalah berjumlah RM14.22 juta. Semakan

Audit mendapati bayaran balik pinjaman perumahan kurang memuaskan kerana pembayaran tidak dibuat mengikut jadual yang ditetapkan dan telah menyebabkan tunggakan pinjaman berjumlah RM1.03 juta pada tahun 2003. Lembaga telah mengambil tindakan seperti mengeluarkan surat amaran secara berterusan tetapi kurang berkesan. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati Lembaga telah mengambil tindakan undang-undang terhadap 10 penghutang yang melibatkan hutang tertunggak berjumlah RM112,338 pada akhir tahun 2003. Kesemua kes di atas masih dalam tindakan mahkamah.

ii) Pinjaman Kepada Kakitangan

Lembaga juga memberi kemudahan pinjaman kenderaan, motosikal, peti sejuk, komputer, mesin basuh dan alat dapur melalui dana Lembaga sendiri. Sehingga akhir tahun 2003, baki pinjaman untuk 530 peminjam adalah berjumlah RM8.10 juta. Pemeriksaan Audit mendapati bayaran balik pinjaman pada keseluruhannya adalah memuaskan di mana bayaran ansuran bulanan telah dibuat melalui potongan gaji dan diakaunkan dengan betul. Bagaimanapun, adalah diperhatikan rekod berkenaan tidak disemak oleh Pegawai Penyelia dari semasa ke semasa.

iii) Pengurusan Pendahuluan Diri

Semakan Audit terhadap Akaun Pendahuluan Diri Perbadanan mendapati akaun tersebut adalah tidak kemas kini kerana pendahuluan yang dibayar telah dicaj terus kepada akaun perbelanjaan. Bagaimanapun, kutipan balik pendahuluan telah diuruskan dengan baik di mana ianya dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh pegawai balik dari perjalanan.

Lembaga juga memberi pendahuluan diri kepada kakitangan untuk tujuan urusan rasmi di luar stesen yang perlu dibayar balik dalam tempoh satu bulan. Pada tahun 2003, sejumlah RM12,735 pendahuluan diri telah dikeluarkan kepada kakitangan Lembaga seperti yang direkodkan di dalam Lejar Am. Semakan Audit mendapati bayaran balik pendahuluan diri sama ada melalui potongan gaji dan potongan melalui tuntutan perjalanan telah dibuat dengan betul. Bagaimanapun, Daftar Pendahuluan Diri tidak diselenggarakan oleh Lembaga bagi mengawal pembayaran balik pendahuluan tersebut.

58.7 PENGURUSAN ASET/INVENTORI

Aset Perbadanan terdiri daripada kenderaan, perabot dan kelengkapan pejabat termasuk komputer, mesin dan kelengkapan alat tapak, bangunan pejabat dan tanah. Aset Perbadanan pada tahun 2003 berjumlah RM24.53 juta. Aset Lembaga pula terdiri daripada bangunan, peralatan pejabat, komputer, kelengkapan pejabat dan kenderaan. Sehingga akhir tahun 2003, keseluruhan aset Lembaga pada harga kos adalah berjumlah RM115.99 juta.

58.7.1 Daftar Harta Modal Dan Inventori

Pemeriksaan Audit mendapati pengurusan aset Perbadanan adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan yang berkaitan. Perbadanan tidak menyelenggara Daftar Aset tetapi aset yang diperolehi hanya direkod dalam senarai aset berkomputer. Adalah didapati rekod tersebut tidak praktikal berbanding Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori kerana tidak dapat menunjukkan maklumat seperti kos penyenggaraan dan pembaikan, pemindahan aset dan pemeriksaan fizikal ke atas aset tersebut. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan aset Lembaga iaitu Daftar

Harta Modal dan Daftar Inventori Lembaga tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

58.7.2 Tanda Hak Milik Kerajaan

Aset Perbadanan tidak ditanda 'Hak Milik Kerajaan' tetapi ditanda dengan nombor inventori sahaja. Manakala aset Lembaga mempunyai pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'.

58.7.3 Pemeriksaan Fizikal

Mengikut Tatacara Pengurusan Stor 238, pemeriksaan fizikal ke atas harta modal hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali bagi tempoh 2 tahun. Pihak Audit tidak dapat memastikan pemeriksaan tahunan terhadap aset ada dijalankan di Perbadanan kerana tiada daftar diselenggara sebagai bukti pemeriksaan fizikal telah dijalankan. Semakan Audit mendapati Lembaga tidak menjalankan pemeriksaan fizikal dan verifikasi stok terhadap harta modal dan inventori.

58.7.4 Pengurusan Kenderaan

Perbadanan memiliki 5 buah kenderaan yang terdiri daripada 2 buah Toyota Unser, sebuah van Perodua Rusa, sebuah Proton Perdana V6 dan sebuah motosikal Modenas 110. Adalah didapati pengurusan kenderaan Perbadanan kurang memuaskan di mana pelantikan Pegawai Pengangkutan tidak dibuat secara bertulis dan Buku Log tidak ditandatangani oleh pegawai yang membenarkan perjalanan. Selain itu, Rekod Perjalanan Bulanan Kenderaan tidak diselenggara untuk memastikan penggunaan minyak oleh sesebuah kenderaan adalah munasabah. Manakala pengurusan kenderaan Lembaga dilaksanakan dengan memuaskan di mana seorang Pegawai Pengangkutan telah dilantik secara bertulis dan setiap penggunaan kenderaan Lembaga hendaklah diluluskan oleh Pegawai tersebut terlebih dahulu. Adalah

didapati Buku Log, Laporan Bulanan Penggunaan Minyak dan rekod pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

58.7.5 Pelupusan

Semakan Audit mendapati pada tahun 2003, dua buah kenderaan Perbadanan yang bernilai RM126,689 telah diluluskan untuk pelupusan oleh Lembaga Pengarah tanpa mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri seperti kehendak Pekeliling Prosedur Kewangan Dan Perakaunan 1/96 dan Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Bil. 5 Tahun 1999. Di Lembaga pula, pelupusan aset tidak dijalankan dengan segera. Sehingga akhir tahun 2003, sebanyak 58 unit aset bernilai RM967,542 masih menunggu kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri bagi tujuan pelupusan. Aset tersebut terdiri daripada 53 unit komputer bernilai RM552,222, tiga buah kenderaan bernilai RM154,846, sebuah *Cartographic Reproduction Machine* bernilai RM248,400 dan sebuah *Plan Variograph Map Maker* bernilai RM12,074.

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset di kedua Agensi adalah seperti di **Jadual 55.**

Jadual 55
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Pengurusan Aset

Agensi	Peraturan Kawalan Pengurusan Aset								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke	x	x	x	x	x	TB	x	x	x
Lembaga Kemajuan Bintulu	x	x	/	x	/	/	/	/	x

Nota : / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
c. Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'
d. Verifikasi stok dijalankan
e. Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis
f. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
g. Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
h. Aset usang diambil tindakan pelupusan
i. Pelupusan aset disegerakan

59. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di Perbadanan dan Lembaga mempunyai beberapa kelemahan terutamanya dalam aspek kawalan perbelanjaan bagi Perbadanan dan pengurusan aset bagi kedua Agensi. Antara punca kelemahan tersebut ialah kurangnya penyeliaan terhadap kerja yang dijalankan oleh pegawai bawahan. Sehubungan ini, pihak Perbadanan dan Lembaga perlu membuat pemantauan yang rapi terhadap kerja yang dijalankan oleh pegawai bawahan. Selain itu, pihak Perbadanan dan Lembaga juga perlu memastikan setiap kakitangannya mempunyai Fail Meja yang lengkap dan kemas kini bagi memudahkan mereka memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing serta menghadiri kursus berhubung pengurusan kewangan.

Comment [jan1]:

Comment [jan2]:

PENGURUSAN KEWANGAN

60. LATAR BELAKANG

Dewan Bandaraya Kuching Utara (Dewan Bandaraya) diisytihar sebagai bandaraya pada awal bulan Ogos 1988 di bawah Ordinan Bandaraya Kuching Utara 1988 dan mentadbir kawasan seluas 369.4 kilometer persegi dengan 152,000 orang penduduk. Majlis Daerah Lundu (Majlis) ditubuhkan pada awal tahun 1957 di bawah Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1948. Kawasan pentadbiran Majlis meliputi keluasan 1,900 kilometer persegi dengan 30,000 orang penduduk. Dewan Bandaraya dan Majlis berperanan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk tempatan dengan menyedia perkhidmatan dan infrastruktur yang berkualiti.

Urusan pentadbiran dan pengurusan kewangan Dewan Bandaraya dan Majlis adalah tertakluk kepada Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997, Undang-Undang Kecil, Perintah Am Negeri dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Dewan Bandaraya sedang melaksanakan Sistem Pengurusan Bersepadu yang mana sistem ini merupakan gabungan 3 piawaian iaitu MS ISO 9001, MS ISO 14001 dan OHSAS 18001. Majlis telah dianugerahkan Sijil MS ISO 9002: 1994 bagi proses kawalan perniagaan pada tahun 2002.

¶

Pada tahun 2003, Dewan Bandaraya dan Majlis telah membelanjakan sejumlah RM57.13 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM240.63 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Manakala jumlah kutipan hasil bagi tahun 2003 ialah RM56.99 juta dan baki Akaun Deposit ialah RM64.98 juta.

61. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilakukan dengan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan dan terdapatnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap kawalan pengurusan, pungutan hasil, perbelanjaan, amanah, pelaburan, aset dan inventori. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan sama ada penyelenggaraan rekod kewangan adalah lengkap dan kemas kini.

Skop pengauditan meliputi pemeriksaan terhadap pembentukan struktur organisasi, pengasingan tugas, rekod utama hasil dan perbelanjaan, rekod pinjaman, rekod pelaburan, daftar aset dan lain-lain rekod kewangan tahun 2003. Tempoh liputan pengauditan adalah bagi tahun 2003 dan dijalankan mengikut persampelan rekod yang dipilih secara rawak. Bagaimanapun di mana perlu, rekod kewangan tahun sebelumnya juga disemak. Selain itu, perbincangan dengan pegawai terlibat dan pemeriksaan terhadap aset juga dilaksanakan.

62. PENEMUAN AUDIT

62.1 KAWALAN PENGURUSAN

Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi Agensi dijalankan dengan teratur dan sistematik. Struktur organisasi yang baik, panduan dan prosedur kerja yang kemas kini serta latihan dan bimbingan kerja kepada kakitangan akan membantu meningkatkan lagi produktiviti Agensi. Semakan Audit mendapati:

62.1.1 Struktur Organisasi

Secara keseluruhannya, adalah didapati Dewan Bandaraya dan Majlis mempunyai struktur organisasi yang jelas dibentuk menunjukkan tugas dan tanggungjawab setiap bahagian yang berkaitan. Dewan

Bandaraya mempunyai 20 Bahagian diketuai oleh Datuk Bandar dan dibantu oleh 711 kakitangan. Manakala Majlis pula terdiri daripada 7 Bahagian dan diketuai oleh Setiausaha yang dibantu oleh 57 kakitangan. Semakan Audit mendapati 712 daripada 831 jawatan yang telah diluluskan di Dewan Bandaraya pada tahun 2003 telah diisi. Manakala 56 daripada 58 jawatan yang telah diluluskan di Majlis pada tahun 2003 telah diisi. Semakan lanjut Audit mendapati Dewan Bandaraya telah memaklumkan tentang 119 kekosongan jawatan kepada Jabatan Ketua Menteri manakala Majlis telah memaklumkan tentang 2 jawatan kosong kepada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam.

62.1.2 Manual Prosedur Kerja, Fail Meja Dan Senarai Tugas

Dewan Bandaraya ada menyediakan Manual Kualiti MS ISO 9001 yang digunakan sebagai rujukan mengenai prosedur kerja dan pengurusan kewangan manakala Majlis belum menyediakan Manual Prosedur Kerja. Semakan Audit mendapati beberapa aspek penyediaan Fail Meja perlu dipertingkatkan. Penyediaan Fail Meja akan dapat membantu pegawai melaksanakan tugas dengan lebih teratur kerana ia mengandungi antara lainnya Senarai Tugas. Semakan lanjut Audit mendapati Dewan Bandaraya dan Majlis tidak menyediakan Fail Meja untuk semua kakitangan termasuk Bahagian Kewangan. Bagaimanapun, Senarai Tugas untuk semua kakitangan Dewan Bandaraya telah disediakan dengan lengkap, kemas kini dan ditandatangani oleh Pegawai Penyelia kecuali Senarai Tugas untuk kakitangan Majlis tidak ditandatangani oleh Pegawai Penyelia.

62.1.3 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Semakan Audit mendapati Pihak Berkuasa Tempatan belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun kerana Kerajaan Negeri belum menerima pakai Surat Pekeliling

Deleted:

Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Bagaimanapun, Dewan Bandaraya ada menubuhkan Jawatankuasa Perjawatan Dan Audit dan Jawatankuasa Kewangan, Tender Dan Pelaburan. Semakan lanjut Audit mendapati pada tahun 2003, Jawatankuasa Kewangan, Tender Dan Pelaburan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 11 kali, manakala Jawatankuasa Perjawatan Dan Audit telah bermesyuarat sebanyak 6 kali. Perkara yang dibincangkan ialah mengenai penyata kewangan, hasil dan perbelanjaan, cukai taksiran, pinjaman dan pelaburan. Manakala Majlis pula telah menubuhkan Jawatankuasa Kewangan, Pembangunan Dan Perjawatan bagi membincangkan urusan pentadbiran termasuk hal kewangan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2003, Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali. Adalah didapati antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan dengan kewangan seperti pembaharuan lesen, perlanjutan tempoh kontrak dan hapus kira cukai taksiran.

Deleted:

Deleted: pintu

62.1.4 Latihan Kepada Kakitangan

Semakan Audit mendapati pada tahun 2003, Dewan Bandaraya telah menghantar 716 pegawai mengikuti 176 pelbagai jenis kursus. Antara kursus yang diikuti ialah dalam bidang teknikal, kursus pengurusan strategik dan berkaitan dengan pengurusan kewangan yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya sendiri, Institut Tadbiran Awam Negara, Institut Penilaian Negara dan Jabatan Akauntan Negara. Analisis Audit mendapati 19 daripada 24 orang kakitangan di Bahagian Kewangan, Dewan Bandaraya telah mengikuti kursus berkaitan dengan pengurusan kewangan seperti kursus pengendalian Buku Vot dan kursus pengurusan bayaran pada tahun 2003. Manakala 4 kakitangan lagi telah menghadiri kursus kewangan pada tahun 2002. Sementara itu, adalah didapati 21 pegawai Majlis telah mengikuti 58 jenis kursus dan latihan. Antara kursus yang dihadiri ialah kursus

Deleted: c

Deleted: pihak

Deleted: dan agensi luar seperti

komputer, pengurusan perpustakaan, kawalan mutu makanan/penyakit, program kualiti, perjawatan dan penilaian yang dianjurkan oleh Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam, Jabatan Ketua Menteri, Pustaka Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri. Semakan lanjut Audit mendapati kesemua 4 kakitangan Bahagian Kewangan Majlis telah menghadiri kursus berkaitan dengan pengurusan kewangan. Adalah didapati secara keseluruhannya, Dewan Bandaraya dan Majlis telah memberi penekanan latihan kepada pegawai di Bahagian Kewangan.

Deleted:

Deleted: kedua-dua agensi

Deleted: ¶
¶

Kedudukan kawalan pengurusan di Dewan Bandaraya dan Majlis adalah seperti di **Jadual 56.**

Deleted: EWAN

Deleted: DL

Jadual 56
Kedudukan Kawalan Pengurusan

Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Kawalan Pengurusan			
	a	b	c	d
Dewan Bandaraya Kuching Utara	/	/	x	x
Majlis Daerah Lundu	/	x	x	x

Nota: / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi

a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat
b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
c. Fail Meja disediakan bagi setiap kakitangan
d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini

Pada keseluruhannya, kawalan pengurusan Dewan Bandaraya dan Majlis akan bertambah baik lagi jika Fail Meja disediakan untuk setiap kakitangannya. Selain itu, Majlis perlu juga menyediakan Manual Prosedur Kerja bagi membantunya meningkatkan tahap kecekapan bekerja.

Deleted: dan Majlis

Deleted: adalah baik. Bagaimanapun, bagi meningkatkan lagi kawalan pengurusan

Deleted: kedua Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan perlu

Deleted: Fail Meja untuk setiap kakitangan. Selain itu, Majlis juga perlu menitikberatkan penyediaan Manual Prosedur Kerja sebagai bahan rujukan proses dan prosedur kerja memandangkan Manual Kualiti MS ISO 9002: 1994 yang disediakan adalah mengenai kawalan lesen perniagaan sahaja.

62.2 KAWALAN HASIL

Hasil utama Pihak Berkuasa Tempatan adalah kutipan cukai taksiran, pelbagai lesen, sewaan dan faedah pelaburan. Dewan Bandaraya menggunakan sistem berkomputer bagi kutipan cukai dan lesen, manakala Majlis masih

menggunakan sistem kutipan hasil secara manual. Pada tahun 2003, Dewan Bandaraya telah mengutip hasil sejumlah RM54.82 juta termasuk geran sejumlah RM5.40 juta yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan Majlis pula memperolehi hasil sejumlah RM2.31 juta termasuk RM1.80 juta geran daripada Kerajaan Negeri. Pemeriksaan Audit mendapati kawalan hasil pada amnya adalah memuaskan kecuali:

62.2.1 Pengasingan Tugas

Majlis tidak membuat pengasingan tugas pegawai yang memungut hasil. Adalah didapati tugas menerima wang kutipan, mengeluar dan menandatangani resit, merekod Buku Tunai, menyelenggara Daftar Rekod Hasil dan menyerahkan pungutan wang ke bank dilakukan oleh pegawai yang sama. Ini berlaku kerana Majlis kekurangan kakitangan di Bahagian Kewangan. Namun, tiada surat kebenaran khusus diperolehi daripada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam.

62.2.2 Daftar Mel

Mengikut Peraturan 66, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997, Daftar Mel hendaklah diselenggarakan dengan kemas kini iaitu tarikh, nama pengirim, nombor cek dan nombor resit direkodkan dengan sempurna. Semakan Audit mendapati Dewan Bandaraya dan Majlis tidak menyelenggarakan Daftar Mel dengan kemas kini yang mana nombor rujukan resit tidak direkodkan dan tiada bukti menunjukkan Daftar Mel disemak oleh Pegawai Penyelia.

Deleted: S

Deleted: lanjut

Deleted: juga

62.2.3 Pemeriksaan Mengejut

Menurut Peraturan 7, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997, pemeriksaan mengejut terhadap kaunter hasil hendaklah dilakukan bagi mengelakkan daripada berlakunya kecuaian, kecurian, penipuan dan salah guna kuasa. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pemeriksaan mengejut telah dilakukan oleh Dewan

Bandaraya dan Majlis pada tahun 2003 kerana Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan.

Deleted: Pemeriksaan Audit mendapati kedua Pihak Berkuasa Tempatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut terhadap kaunter serta rekod utama hasil sebagai langkah untuk mengelak berlakunya penyelewengan wang awam. Adalah didapati Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan

62.2.4 Tunggakan Hasil

Semakan Audit mendapati kadar cukai taksiran, sewa dan lesen yang dikenakan adalah betul mengikut kadar yang telah diwartakan dalam undang-undang. Sungguhpun begitu, adalah didapati pada tahun 2003, Dewan Bandaraya mempunyai tunggakan hasil sejumlah RM16.15 juta termasuk RM12.05 juta tunggakan tahun 2002 dan sebelumnya. Manakala Majlis mempunyai tunggakan hasil sejumlah RM254,779 pada tahun 2003 berbanding RM208,791 pada tahun 2002 dan sebelumnya. Semakan lanjut Audit mendapati pihak Dewan Bandaraya telah mengambil tindakan tegas dengan mengenakan kaveat terhadap 352 premis yang mempunyai tunggakan yang tinggi serta mengeluarkan 1,250 surat peringatan dan 254 *Letter Of Demand* kepada pemilik premis. Manakala Majlis juga telah menghantar surat peringatan kepada pemilik premis yang mempunyai tunggakan.

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan mengenai kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 57.**

Jadual 57
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Hasil

Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Peraturan Kawalan Hasil								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Dewan Bandaraya Kuching Utara	/	/	/	/	/	x	/	/	x
Majlis Daerah Lundu	x	/	/	/	/	x	/	x	x

Nota: /: Mematuhi x : Tidak Mematuhi

a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan Resit
c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga
g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini
h. Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil
i. Daftar Mel diselenggarakan dengan kemas kini

Pada pandangan Audit, kawalan hasil Dewan Bandaraya dan Majlis dapat dipertingkatkan jika pemeriksaan mengejut dan pengasingan tugas diberi perhatian yang serius. Selain itu, kedua Pihak Berkuasa Tempatan ini juga perlu mengambil langkah yang lebih tegas terhadap pemilik premis yang mempunyai tunggakan yang tinggi.

62.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Pada tahun 2003, Dewan Bandaraya telah membelanjakan sejumlah RM54.11 juta untuk tujuan mengurus dan RM238.59 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Manakala Majlis telah membelanjakan sejumlah RM2.17 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM2.04 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan di Dewan Bandaraya dan Majlis mendapati peraturan kewangan telah dipatuhi sepenuhnya.

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 58.**

Jadual 58
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Perbelanjaan

Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Peraturan Kawalan Perbelanjaan							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Dewan Bandaraya Kuching Utara	/	/	/	/	/	/	/	/
Majlis Daerah Lundu	/	/	/	/	/	/	/	/

Nota: /: Mematuhi X : Tidak Mematuhi

a. Transaksi di Buku Vot telah dikemas kini
b. Buku Vot disemak dan ditandatangani oleh Pegawai Penyelia
c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
d. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap
e. Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Kerajaan
f. Daftar Bil diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
g. Daftar Bil diperiksa oleh Pegawai Kanan
h. Daftar Pembayaran diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini

62.3.1 Kawalan Perolehan

Deleted:

Menurut Peraturan 164, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997, pembelian terus hanya dibenarkan jika sesuatu barangan atau item dengan jumlah terkumpul kurang dari RM20,000 setahun. Sebut harga hendaklah dipanggil bagi pembelian dan perkhidmatan yang bernilai antara RM20,000 hingga RM50,000, manakala tender hendaklah dipanggil bagi pembelian dan perkhidmatan yang bernilai RM50,000 ke atas setahun.

i) Pembelian Terus

Semakan Audit mendapati pada tahun 2003, Dewan Bandaraya dan Majlis telah memperolehi bekalan dan perkhidmatan secara pembelian terus dengan mengeluarkan 2,663 Pesanan Kerajaan bernilai RM2.63 juta. Semakan Audit secara rawak mendapati pembelian terus dilakukan dengan sempurna mengikut peraturan yang ditetapkan.

Deleted: EWAN

Deleted: DL

ii) Sebut Harga

Pada tahun 2003, Dewan Bandaraya dan Majlis telah mempelawa 36 sebut harga bernilai RM2.21 juta untuk pelbagai projek binaan, bekalan bahan kimia, batu, tanah, premix dan bekalan surat khabar. Semakan Audit mendapati peraturan sebut harga telah dipatuhi iaitu publisiti yang meluas telah dilakukan, jumlah permohonan diterima tidak kurang daripada 5 permohonan dan tempoh masa pelawaan tidak kurang daripada 14 hari. Semakan lanjut Audit juga mendapati perolehan melalui sebut harga di Dewan Bandaraya dibuat dengan teratur selaras dengan Peraturan 168, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997. Adalah didapati penilaian dan pemilihan sebut harga dibuat mengikut peraturan yang mana ia dibincang dan dipilih dalam mesyuarat jawatankuasa tersebut. Manakala bagi Majlis pula, tugas membuka dan menilai serta melulus sebut harga dilakukan oleh Jawatankuasa Kewangan, Pembangunan Dan Perjawatan.

iii) Tender

Pada tahun 2003, Dewan Bandaraya dan Majlis telah mempelawa 79 tender bernilai RM28.50 juta untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan. Semakan Audit mendapati proses pembukaan tender dilakukan oleh Jawatankuasa Pembuka Tender Dan Sebut Harga selaras dengan kehendak Peraturan 182, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997. Manakala penilaian tender dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Tender dan keputusan pemilihan dilakukan oleh Jawatankuasa Kewangan, Tender Dan Pelaburan. Adalah didapati fail kontrak, surat-menyurat dan bayaran bagi semua projek telah disediakan dengan kemas kini. Setiap perjanjian kontrak dibuat mengikut peraturan dan bayaran telah dilakukan mengikut jumlah dan kadar yang ditetapkan dalam perjanjian.

Deleted: EWAN

Deleted: DL

Deleted: ¶

Deleted: EWAN

Deleted: 82

Deleted: Peraturan 182 dalam Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan menghendaki Majlis mewujudkan Jawatankuasa Pembukaan Tender dan Sebut Harga untuk membuka tender dan sebut harga sebelum penilaian dibuat. ¶

Deleted: EWAN

Deleted: DL

iv) Pesanan Tempatan/Inden Kerja

Peraturan 195 hingga 198 Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997 menjelaskan tentang tatacara pengurusan pesanan tempatan. Pada tahun 2003, sejumlah 2,538 pesanan tempatan bernilai RM17.77 juta telah dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya dan Majlis. Semakan Audit mendapati pengurusan pesanan tempatan adalah teratur, butiran dalam pesanan tempatan diisi dengan lengkap dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit terhadap 261 pesanan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya mendapati 74 daripadanya telah dibatalkan dan diganti dengan pesanan perkhidmatan yang baru. Akibatnya kerja pembersihan sampah di tempat pembuangan sampah haram, kerja membaiki kabel bawah tanah dan kerja penyenggaraan tandas awam tertangguh antara 7 hingga 182 hari. **Pihak Audit berpendapat pembatalan pesanan perkhidmatan tersebut perlu dielakkan dari berulang pada masa akan datang.**

Pada pandangan Audit, kawalan perbelanjaan Dewan Bandaraya dapat dipertingkatkan lagi jika pembatalan pesanan tempatan dielakkan.

Deleted: t

Deleted: EWAN

Deleted:

Deleted: DL

Deleted: S

Deleted: kedua

Deleted: -dua PBT

62.4 PENGURUSAN PELABURAN

Seksyen 40 dan 45 Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 dan Peraturan 36, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997 membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan melabur di institusi kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Pada tahun 2003, Dewan Bandaraya melabur sejumlah RM101.35 juta dalam simpanan tetap dan sejumlah RM5.37 juta dalam Amanah Saham Sarawak, manakala Majlis pula melabur sejumlah RM2.30 juta dalam simpanan tetap.

Deleted: DL

62.4.1 Prosedur Dan Tatacara Pelaburan

Semakan Audit mendapati Dewan Bandaraya ada menyediakan Manual Prosedur Kualiti Pelaburan sebagai garis panduan menguruskan pelaburan. Garis panduan dan prosedur pelaburan tersebut adalah penting untuk tujuan pemantauan dan kawalan terhadap pelaburan yang dibuat oleh Dewan Bandaraya. Semakan lanjut Audit mendapati segala pembaharuan, tambahan dan pengeluaran simpanan tetap telah diluluskan oleh Pengarah.

Manakala Majlis tidak mempunyai prosedur dan tatacara pelaburan sebagai garis panduan untuk membuat pelaburan. Semua pelaburan adalah dilakukan mengikut budi bicara Setiausaha Majlis sendiri.

62.4.2 Jawatankuasa Pelaburan

Semakan Audit mendapati Dewan Bandaraya ada menubuhkan Jawatankuasa Kewangan, Tender Dan Pelaburan untuk menimbang dan membuat penilaian tentang pelaburan sebelum ianya diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan. Manakala Majlis belum lagi menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan untuk membincang, menimbang dan mengambil keputusan untuk membuat pelaburan. Semua keputusan berkaitan pelaburan dibuat oleh Setiausaha Majlis. **Memandangkan jumlah pelaburan Majlis dalam simpanan tetap agak tinggi, pihak Audit berpendapat adalah lebih telus jika keputusan untuk melabur dibincang semasa mesyuarat Jawatankuasa Kewangan, Pembangunan Dan Perjawatan Majlis.**

Deleted: MDL

Deleted:

Deleted: MDL

62.4.3 Rekod Pelaburan

i) Sijil Pelaburan

Semakan Audit di Dewan Bandaraya dan Majlis mendapati semua sijil pelaburan telah disimpan dengan selamat dalam peti besi

oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan lanjut Audit mendapati tiada simpanan tetap dikeluarkan sebelum tarikh matang.

ii) Daftar Pelaburan

Daftar Pelaburan perlu disediakan untuk tujuan merekodkan segala pelaburan yang dibuat. Semakan Audit mendapati Dewan Bandaraya dan Majlis telah menyelenggara daftar tersebut dengan kemas kini.

Secara amnya, pengurusan pelaburan Dewan Bandaraya adalah memuaskan. Bagaimanapun, Majlis perlu menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan untuk membincang, menimbang dan mengambil keputusan membuat pelaburan.

62.5 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Pada tahun 2003, baki deposit di bawah kawalan Dewan Bandaraya seperti wang jaminan, wang tahanan dan deposit tender adalah sejumlah RM64.85 juta dan Majlis mempunyai baki deposit sejumlah RM129,390.

Deleted: EWAN

Deleted: DL

62.5.1 Pengurusan Deposit

i) Daftar Deposit

Semakan Audit di Majlis mendapati Daftar Deposit diselenggarakan dengan kemas kini, manakala Daftar Deposit Dewan Bandaraya tidak kemas kini yang mana maklumat pendeposit sebelum tahun 2000 tidak lengkap menyebabkan perbezaan baki sejumlah RM1.31 juta di antara Lejar Am dan Akaun Individu.

ii) Penyesuaian Akaun Deposit

Semakan Audit mendapati maklumat pendeposit tidak lengkap menyebabkan Dewan Bandaraya tidak dapat membuat penyesuaian di antara Lejar Am dan Akaun Individu. Ini telah mengakibatkan perbezaan baki sejumlah RM1.31 juta. Oleh itu, Dewan Bandaraya telah menubuhkan pasukan khas pada tahun 2003 untuk mengenal pasti perbezaan tersebut. Manakala di Majlis, didapati penyesuaian Akaun Deposit telah dilakukan dengan kemas kini.

Deleted:

Deleted:

iii) Pembayaran Balik Deposit

Pemeriksaan Audit mendapati deposit Dewan Bandaraya sejumlah RM6.40 juta yang melebihi 12 bulan belum diwartakan. Manakala deposit Majlis sejumlah RM71,318 yang melebihi 12 bulan belum juga diambil tindakan seperti kehendak Peraturan 124, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997. Dewan Bandaraya dan Majlis sepatutnya mengambil tindakan untuk mewartakan deposit tersebut sekiranya ia tidak diperlukan lagi.

Deleted: juga

62.5.2 Pengurusan Rekod Kumpulan Wang Amanah

i) Sejak tahun 2000, Dewan Bandaraya tidak menyediakan kemudahan pinjaman rumah, kenderaan dan komputer kepada kakitangannya tetapi kakitangan boleh mendapatkan pinjaman daripada bank dan institusi kewangan tempatan yang diluluskan oleh Dewan Bandaraya. Bagi pinjaman yang diperolehi, kakitangan dikehendaki membayar 3% bagi pinjaman perumahan dan 4% bagi pinjaman kenderaan dan komputer daripada kadar faedah yang dikenakan oleh bank/institusi kewangan, manakala faedah selebihnya akan ditanggung oleh Dewan Bandaraya. Setakat akhir tahun 2003, sebanyak 554 pinjaman telah

diluluskan dengan sejumlah RM864,924 faedah subsidi telah dibayar oleh Dewan Bandaraya. Semakan Audit mendapati urusan pinjaman kakitangan adalah teratur di mana kelulusan pinjaman telah dibuat mengikut syarat yang ditetapkan dan rekod pinjaman diselenggarakan dengan kemas kini. Semua bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji bulanan adalah mengikut jadual yang ditetapkan, diakaunkan dalam lejar individu dan disesuaikan dengan lejar am.

Deleted: adalah memuaskan

ii) Majlis pula telah meluluskan 8 pinjaman baru sejumlah RM21,000 pada tahun 2003. Semakan Audit terhadap Daftar dan Rekod Pinjaman Majlis mendapati baki pinjaman yang belum diselesaikan adalah sejumlah RM25,008. Semakan lanjut Audit mendapati daftar dan rekod pinjaman seperti Lejar Am diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, bayaran balik pinjaman yang dibuat melalui potongan gaji kakitangan adalah mengikut jadual yang ditetapkan. Sijil Pendaftaran Kenderaan telah dicap “Hak Milik Dituntut Oleh Majlis Daerah Lundu” dan kesemua peminjam telah mengambil insurans komprehensif. Adalah didapati semua surat perjanjian mengenai pinjaman telah ditandatangani oleh peminjam dan didaftarkan di Pejabat Daerah Lundu serta disetemkan dengan setem hasil. Surat perjanjian tersebut disimpan di dalam Fail Pinjaman.

Deleted: Pada umumya

Secara keseluruhannya, pengurusan Akaun Deposit Dewan Bandaraya dan Majlis adalah memuaskan kecuali Dewan Bandaraya gagal menyesuaikan baki akaun deposit sebelum tahun 2000 antara Lejar Am dengan Akaun Individu menyebabkan perbezaan sejumlah RM1.31 juta. Selain itu, pengurusan Akaun Deposit Dewan Bandaraya dan Majlis boleh diperkemaskan lagi jika deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan diwartakan sekiranya ia tidak diperlukan lagi.

62.6 PENGURUSAN ASET

Sehingga akhir tahun 2003, Dewan Bandaraya mempunyai aset dan inventori seperti kenderaan, perabot, kelengkapan komputer dan kelengkapan pejabat bernilai RM19.41 juta termasuk RM744,987 aset dan inventori yang diperolehi pada tahun 2003. Dewan Bandaraya menggunakan Manual Pengurusan Aset sebagai garis panduan untuk mengurus aset dan inventori. Manakala Majlis telah membeli pelbagai aset seperti komputer, mesin fotostat, perabot dan peralatan pejabat bernilai RM99,117.

Deleted:

62.6.1 Daftar Aset/Inventori/Bekalan Pejabat

Semakan Audit mendapati Dewan Bandaraya menggunakan Sistem Perolehan Dan Pendaftaran Aset untuk merekod aset dan inventori. Adalah diperhatikan daftar ini telah diselenggarakan dengan kemas kini. Sebaliknya Daftar Aset/Inventori di Majlis tidak kemas kini. Majlis masih dalam proses mengemas kini Daftar tersebut termasuk merekodkan aset yang dibeli pada tahun 2002 dan 2003.

62.6.2 Tanda Hak Milik Kerajaan

Tatacara Pengurusan Stor menghendaki semua aset Kerajaan ditanda dengan “Hak Milik Kerajaan”. Pemeriksaan Audit secara rambang di Dewan Bandaraya dan Majlis mendapati aset dan inventori telah ditanda “Hak Milik Dewan Bandaraya” dan “Hak Milik Majlis”.

62.6.3 Pemeriksaan Tahunan

Peraturan 227, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997 menghendaki Majlis menyediakan satu senarai lengkap aset dan inventori tahunan untuk diperiksa pada akhir tahun. Semakan Audit di Dewan Bandaraya dan Majlis mendapati pada tahun 2003, Pihak Berkuasa Tempatan ini telah menyediakan senarai aset dan inventori dan telah menjalankan pemeriksaan tahunan terhadap aset dan inventori tersebut.

62.6.4 Pengurusan Kenderaaan

Pada tahun 2003, Dewan Bandaraya mempunyai 66 buah kenderaan seperti van, lori dan kereta yang dibeli antara tahun 1988 hingga 2003 yang bernilai RM7.18 juta. Manakala Majlis mempunyai 5 buah kenderaan terdiri daripada sebuah *Toyota Land Cruiser Prado,* sebuah *Daihatsu Compactor Truck,* sebuah *Isuzu Tipper Truck* dan 2 buah *Toyota Hilux Pickup.* Kenderaan tersebut dibeli antara tahun 1993 hingga 2003 dengan kos berjumlah RM578,727.

Deleted: c

Deleted: 1

i) Buku Log

Peraturan 229, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997 menghendaki Buku Log diselenggarakan dengan sempurna dan kemas kini. Semakan Audit di Majlis mendapati Buku Log telah diselenggarakan dengan kemas kini. Butiran mengenai bahan api dicatat pada ruang yang disediakan. Selain itu, pegawai yang membenarkan perjalanan juga telah menurunkan tandatangannya di ruang berkenaan. Sebaliknya semakan Audit di Dewan Bandaraya mendapati 10 daripada 66 Buku Log tidak diselenggarakan dengan kemas kini di mana ruangan tandatangan pegawai yang membenarkan perjalanan dan nama pengguna kenderaan tidak diisi serta ianya tidak disemak oleh Pegawai Penyelia.

ii) Rekod Perjalanan Bulanan

Peraturan 230 dan 231, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997 menghendaki Ringkasan Rekod Perjalanan kenderaan perlu disediakan pada akhir setiap bulan dan disemak oleh Pegawai Penyelia. Semakan Audit di Majlis mendapati Rekod Perjalanan Bulanan telah diselenggarakan dengan kemas kini dan disemak oleh Pegawai Penyelia. Sebaliknya di Dewan Bandaraya, Rekod Perjalanan Bulanan tidak diselenggarakan

dengan kemas kini di mana rekod tersebut disediakan setakat bulan Februari 2003 sahaja.

62.6.5 Pelupusan

Deleted: ----------Page Break----------

Peraturan 282 Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997 menghendaki Lembaga Pemeriksa ditubuhkan untuk mengurus pelupusan aset dan inventori. Semakan Audit di Dewan Bandaraya dan Majlis pada tahun 2003 mendapati Lembaga Pemeriksa telah ditubuhkan. Pelupusan untuk 34 unit aset di Dewan Bandaraya bernilai RM951,803 dan 11 buah loji/peralatan di Majlis berjumlah RM502,458 telah dilaksanakan dengan sempurna dan dilupuskan mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

Deleted: an

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 59**.

Jadual 59
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Pengurusan Aset

Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Peraturan Pengurusan Aset							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Dewan Bandaraya Kuching Utara	/	/	/	/	x	x	/	/
Majlis Daerah Lundu	x	/	/	TB	TB	/	/	/

Nota: / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
c. Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Majlis'
d. Verifikasi Stok dijalankan
e. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
f. Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
g. Aset usang diambil tindakan pelupusan
h. Pelupusan aset disegerakan

Pada umumnya, pengurusan aset Dewan Bandaraya dan Majlis perlu diperkemaskan lagi. Dewan Bandaraya perlu mengambil perhatian serius

terhadap penyelenggaraan Buku Log dan Rekod Perjalanan Bulanan kenderaan. Majlis pula perlu menyelenggarakan Daftar Aset dengan kemas kini.

63. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Dewan Bandaraya dan Majlis adalah memuaskan. Dewan Bandaraya dan Majlis perlu terus berusaha memperbaiki kawalan dalaman untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan Dewan Bandaraya dan Majlis mengambil langkah seperti berikut:

i) menyediakan Manual Prosedur Kerja untuk panduan semua pegawai dan kakitangan;

ii) mempertingkatkan pemantauan Pegawai Penyelia bagi memastikan peraturan dan prosedur kewangan dipatuhi; dan

iii) menimbangkan langkah yang lebih agresif untuk mengurangkan tunggakan cukai taksiran seperti mengadakan kempen dan bayaran cukai secara ansuran atau memberi diskaun kepada pembayar cukai yang menjelaskan tunggakan.

LEMBAGA PELABUHAN MIRI

PENGURUSAN PENGENDALIAN KARGO

64. LATAR BELAKANG

Lembaga Pelabuhan Miri (Lembaga) ditubuhkan pada bulan Februari 1981 di bawah *Port Authorities Ordinance*, 1961 dan bertanggungjawab kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan, Sarawak. Pada bulan Mac 1983, Lembaga telah mengambil alih operasi pelabuhan di bandar Miri daripada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Laut. Pada bulan Julai 1998, operasi pelabuhan Lembaga dipindah ke Kompleks Pelabuhan yang baru di Kuala Baram yang bertempat di tebing selatan Sungai Baram berhampiran dengan kawasan estet perindustrian Kuala Baram. Fungsi Lembaga adalah untuk menyedia dan menyenggara kemudahan perkhidmatan pelabuhan yang mencukupi dan cekap, mengkoordinasi aktiviti pelabuhan, memasarkan kemajuan dan pembangunan pelabuhan dan menjalankan kerja yang diperlukan untuk tujuan tersebut. Pada tahun 1998 Lembaga memenangi Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri yang berprestij.

Pengendalian kargo merupakan perkhidmatan utama yang diberikan oleh Lembaga. Pada tahun 2001 hingga 2003, jumlah purata kargo yang dikendalikan di semua pusat operasi Lembaga adalah 5.98 juta tan setahun. Daripada jumlah itu, 83% atau 4,978,348 tan secara purata merupakan produk petroleum dan kayu balak manakala 17% atau 998,181 tan adalah kargo am. Produk petroleum dikendalikan melalui *Single Buoy Mooring*, iaitu boya yang digunakan sebagai tempat kapal minyak berlabuh untuk proses penyaluran petroleum dari pelantar minyak ke kapal berkenaan. Kayu balak pula dikendalikan di jeti persendirian manakala kargo am dikendalikan sama ada di dermaga pelabuhan, jeti persendirian atau kemudahan lain dalam had pelabuhan. Bagaimanapun, purata tan kargo am yang dikendalikan di dermaga pelabuhan hanyalah sebanyak 387,143 tan atau 39% sahaja.

65. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kendalian kargo Lembaga diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan.

66. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pemeriksaan Audit dijalankan di Pejabat Lembaga dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan kendalian kargo. Pengauditan ditumpukan kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengendalian semua jenis kargo di Pelabuhan Miri bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai berkenaan dan lawatan serta pemeriksaan fizikal juga dibuat untuk mendapatkan gambaran sebenar kerja yang telah dilaksanakan. Selain itu, analisis juga dibuat ke atas statistik pengendalian kargo Lembaga berpandukan Panduan Antarabangsa *Improving Port Performance*.

67. PENEMUAN AUDIT

67.1 PERANCANGAN

Perancangan yang baik dan teliti dapat membantu kelicinan pengendalian kargo serta mencapai matlamat Lembaga.

67.1.1 Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan dilaksanakan pada tahun 1988 bagi mengenal pasti tapak pelabuhan yang sesuai untuk dibangunkan sebagai pusat sehenti bagi aktiviti berkaitan maritim. Pelabuhan sedia ada kurang sesuai kerana Sungai Miri yang cetek dan muara Sungai Miri mempunyai beting pasir. Kedalaman tempat berlabuh di sepanjang dermaga pelabuhan di bandar Miri hanya sekitar 0.8 meter hingga 2.6 meter sahaja. Muara sungai juga cetek terutama apabila air surut

menyebabkan kapal yang mempunyai apungan (*draft*) melebihi 0.6 meter tidak dapat melaluinya. Ini telah menyukarkan kapal untuk mengharunginya dan menyebabkan kebanyakan kapal terpaksa menunggu sehingga air pasang besar untuk masuk berlabuh.

Kajian kemungkinan mendapati lokasi tapak baru di tebing Sungai Baram seperti di **Peta 1** adalah strategik kerana terletak di tengah kawasan perindustrian Kuala Baram. Muara Kuala Baram juga lebih dalam (kedalaman maksima 3m pada masa air pasang penuh dan dirancang akan didalamkan lagi sehingga 6m) dan lebih lebar jika dibandingkan dengan pelabuhan lama di Bandar Miri. Keluasan tanah di Kuala Baram yang belum dibangunkan juga membolehkan banyak projek pembangunan dirancang untuk dilaksanakan pada masa hadapan bagi memenuhi permintaan kegunaan industri maritim selaras dengan perkembangan dan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Miri sebuah bandar raya peranginan menjelang tahun 2005. Walaupun keadaan tanah sepanjang Kuala Baram terlalu lembut, namun kajian kemungkinan menyimpulkan bahawa masalah ini dapat diatasi dengan kerja kejuruteraan tertentu tetapi mungkin akan menelan belanja yang agak tinggi.

Peta 1
Lokasi Kompleks Pelabuhan Baru



Sumber: Lembaga Pelabuhan Miri

Pada pandangan Audit, kajian kemungkinan telah dijalankan dengan baik di mana aspek seperti kesesuaian tapak dari segi kos, lokasi dan keadaan tanah telah diambil kira.

67.1.2 Perancangan Pembinaan Pelabuhan Baru

Perancangan pembinaan pelabuhan baru bermula pada tahun 1991 apabila kajian kemungkinan menunjukkan keadaan lokasi Pelabuhan Bandar Miri kurang berkesan di mana pengendalian kargo melalui laut (*seaborne cargo traffic*) hanya sejumlah 146,000 tan setahun iaitu 24% daripada jumlah 599,000 tan kargo yang melalui kawasan perairan Miri.

Pembinaan pelabuhan baru dengan anggaran kos sejumlah RM306.92 juta dirancang dibina mengandungi komponen seperti di **Jadual 60.** Projek pembinaan bermula pada bulan Oktober 1992 dan dirancang siap pada tahun 1997. Kos pembinaan dibiayai oleh dana dalaman

Lembaga sendiri berjumlah RM69.50 juta dan Pinjaman Sindiket sejumlah RM160 juta sementara kerja pengorekan saluran Sungai Kuala Baram sejumlah RM57 juta dijangka dibiayai melalui geran Kerajaan Negeri.

Jadual 60
Komponen Kerja Pembangunan Pelabuhan Baru

Bil.	Komponen Kerja	Kos (RM Juta)
1.	*Ground Improvement Works (Cont. 1 & 2)*	39.29
2.	*Port Complex*	168.67
3.	*Land Premium*	20.52
4.	*Cargo Handling & Other Equipment*	3.24
5.	*EIA & Feasibility Study*	1.00
6.	*Professional & Supervision Fees*	17.20
7.	*Dredging Works Kuala Baram*	57.00
	Jumlah	**306.92**

Sumber: Fail Lembaga Pelabuhan Miri

Apabila siap, Lembaga boleh menampung tambahan kendalian kargo sehingga tahun 2010. Antara kemudahan yang akan dibina ialah 12 Dermaga, tiga Gudang Transit dan 3 Tapak Kontena.

Pada pandangan Audit, perancangan pembinaan pelabuhan baru telah dilaksanakan dengan memuaskan kerana mengambil kira perkembangan dan keperluan Lembaga sebagai pusat perkhidmatan untuk Bahagian Miri pada masa kini dan masa hadapan.

67.1.3 Sasaran Pengendalian Kargo

Penetapan sasaran bagi sesuatu bidang kerja adalah penting bagi sesebuah Agensi untuk mencapai matlamatnya dan sebagai kayu pengukur kepada kemampuan Agensi. Semakan Audit mendapati Lembaga ada menyediakan sasaran bagi bidang pengendalian kargo pada setiap tahun. Sasaran pengendalian kargo akan dinilai semula berdasarkan kepada aliran jumlah tan kargo sebenar pada tahun

semasa. Adalah didapati tumpuan sasaran dibuat ke atas kargo am dan kargo kontena. Sasaran kargo yang ditetapkan semakin meningkat daripada 233,760 tan metrik pada tahun 2001 menjadi 468,000 tan metrik pada tahun 2003 seperti di **Jadual 61**. Peningkatan penetapan sasaran adalah disebabkan tindakan Lembaga mempelbagaikan aktiviti perniagaan seperti penyediaan perkhidmatan sokongan logistik untuk sektor minyak dan gas, perkhidmatan aktiviti kargo pesisiran dan depo pembekalan minyak pada tahun 2003.

Jadual 61
Sasaran Kargo Dikendalikan

Jenis Kargo/Aktiviti	2001 Tan Metrik	2002 Tan Metrik	2003 Tan Metrik
Kontena	127,500	174,625	311,400
Kayu Balak	38,400	29,106	28,960
Cecair Pukal	-	-	20,000
Kargo Pesisir	-	-	18,720
Kargo Am	57,330	45,162	56,160
Lain-lain	10,530	15,707	32,760
Jumlah	**233,760**	**264,600**	**468,000**

Sumber: Fail Lembaga Pelabuhan Miri

Pada pandangan Audit, sasaran pengendalian kargo dibuat dengan realistik di mana Lembaga mengambil kira faktor seperti situasi pemasaran semasa dan kapasiti Lembaga dari segi logistik dan kemampuan.

67.1.4 Strategi Pelaksanaan

i) Kelengkapan Mesin Dan Peralatan

Semakan Audit mendapati Lembaga merancang untuk membuat penilaian semula ke atas kelengkapan yang sedia ada dan perkhidmatan yang diberikan sebagai salah satu langkah untuk

meningkatkan produktiviti dalam pengendalian kargo dan keselamatan.

ii) Pemasaran Dan Pelan Pembangunan Perniagaan

Lembaga merancang menjadikan aktiviti dan pembangunan perniagaan lebih berkesan melalui gabungan strategik dan usaha pemasaran bersama dengan pihak swasta dan sektor awam. Pemasaran merangkumi promosi seperti rebet ke atas upah buruh pelabuhan, promosi ke atas kadar kendalian kontena, menyediakan tempat berlabuh untuk kapal pesisiran dan memberi lanjutan tempoh penyimpanan kontena secara percuma.

iii) Penggunaan Kemudahan Yang Sedia Ada

Lembaga merancang meningkatkan penggunaan kemudahan pelabuhan. Rancangan jangka pendek ialah bekerjasama dengan Jabatan Laut untuk menyediakan laluan kapal yang lebih dalam dan selamat. Rancangan Lembaga bagi jangka masa 5 tahun adalah untuk mengkaji kesesuaian bagi pembinaan laluan alternatif dengan mempelawa cadangan daripada firma perunding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan akan turut serta dalam pelan pembangunan pelabuhan Similajau. Pada masa sekarang, Lembaga mempelbagaikan aktivitinya dengan menyedia pangkalan untuk operasi pembekalan perkhidmatan kepada industri minyak dan gas dalam usaha meningkatkan tahap penggunaan kemudahan Lembaga.

iv) Guna Tenaga Dan Pembangunan Sumber Manusia

a) Struktur Organisasi

Pengurusan harian Lembaga diketuai oleh seorang Pengurus Besar Gred N54 dan dibantu oleh 6 kakitangan kumpulan pengurusan dan profesional serta 85 kakitangan kumpulan

sokongan yang lain. Struktur organisasi Lembaga dibahagikan kepada 4 Bahagian utama iaitu Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran, Bahagian Operasi, Pemasaran Dan Perkhidmatan Teknikal, Bahagian Keselamatan Dan Kesihatan dan Bahagian Perkhidmatan Korporat Dan Sistem Pengurusan Maklumat. Bahagian yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap aktiviti pengendalian kargo adalah Bahagian Operasi, Pemasaran Dan Perkhidmatan Teknikal yang diketuai oleh seorang Pengurus Gred W48 dan dibantu oleh 45 kakitangan pelbagai gred jawatan.

Lembaga mengamalkan strategi *multi-tasking job* bagi setiap kakitangannya sekiranya diperlukan. Contohnya Penolong Pegawai Tadbir di Bahagian Operasi, Pemasaran Dan Perkhidmatan Teknikal juga akan ditugaskan memandu *Reach Stacker/Forklift* dalam pengendalian kargo sekiranya diperlukan dan pasukan keselamatan juga dilatih dan diberi kemahiran di dalam kerja operasi atau perkhidmatan kebombaan.

b) Latihan/Kursus

Bagi menjamin perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti, Lembaga mengambil strategi menitikberatkan aspek latihan kakitangannya. Latihan berterusan dirancang supaya pengendalian kargo dikendalikan oleh kakitangan yang cekap. Semakan Audit mendapati sepanjang tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 116 kursus dirancang untuk dihadiri oleh 376 kakitangan dengan peruntukan sejumlah RM400,000. Antara kursus tersebut adalah 11 kursus berkenaan pengendalian kargo.

Pada pandangan Audit, strategi pelaksanaan yang diambil oleh Lembaga dalam mempelbagaikan aktivitinya melalui pemasaran dan pembangunan perniagaan boleh mengembangkan pasaran. Persiapan guna tenaga untuk menjalankan aktiviti pengendalian kargo adalah selaras dengan hasrat meningkatkan penggunaan kemudahan yang sedia ada.

Pemilihan Muara Kuala Baram sebagai pelabuhan baru adalah sesuai berdasarkan kepada lokasinya yang strategik di kawasan utara Sarawak. Perancangan pengendalian kargo adalah baik di mana sasaran yang dibuat adalah realistik kerana membuat unjuran berdasarkan pencapaian tahun sebelumnya walaupun pasaran amat kompetitif khasnya persaingan daripada Pelabuhan Bintulu di selatan dan Pelabuhan Muara, Brunei di utara. Bagi meningkatkan kualiti pengendalian kargo, Lembaga menitikberatkan aspek pembangunan sumber manusia dengan merancang latihan pengendalian kargo yang relevan selaras dengan kehendak MS ISO 9001.

67.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan pengendalian kargo yang sejajar dengan pelan perancangan adalah penting bagi memastikan ianya berjalan lancar dan mencapai objektifnya.

67.2.1 Pembinaan Pelabuhan Baru

Semakan Audit mendapati pada bulan Disember 2003, Lembaga hanya membina 6 Dermaga, dua Gudang Transit, dua Tapak Kontena dan 28 *Reefer Point* seperti di **Jadual 62.** Adalah didapati belum ada perancangan untuk membina baki kemudahan seperti dirancang kerana penggunaan kemudahan yang sedia ada masih pada tahap yang rendah.

Jadual 62
Kemudahan Dan Kapasiti Pelabuhan Miri

Kemudahan	Jumlah	Luas/ Panjang	Kapasiti
Dermaga	6	390m	Kedalaman - 5 m Kapal sehingga 1,500 grt.
Gudang Transit	2	5,400 m^3	-
Tapak Kontena A	-	16,000 m^3	328 TGS (kapasiti pengendalian 1,400 teus)
Reefer Point	28	-	28 *reefer containers*
Tapak Kontena B	-	45,000 m^2	377 TGS
Stor Barangan Bahaya	-	200 m^3	-
Ruang Pejabat	-	5,796 m^3	-
Jumlah Kawasan: - Dibangunkan - Belum Dibangunkan	 - -	 34 hektar 60 hektar	 - -

Sumber: Rekod Lembaga Pelabuhan Miri *1 TGS = Total Ground Slot 8' x 20'*
1 TEUs = Twenty Footer Equivalent Unit' s container

Pada pandangan Audit, tindakan Lembaga untuk tidak menyambung projek pembinaan buat sementara ini adalah wajar kerana kemudahan yang sedia ada lebih daripada mencukupi.

67.2.2 Guna Tenaga Dan Pembangunan Sumber Manusia

i) Struktur Organisasi

Semakan Audit mendapati pada akhir bulan Disember 2003, sebanyak 146 jawatan telah diluluskan. Bagaimanapun, hanya 92 jawatan telah diisi. Daripada 54 jawatan yang belum diisi, sebanyak 24 jawatan adalah untuk Bahagian Operasi, Pemasaran Dan Perkhidmatan Teknikal seperti di **Jadual 63.** Adalah didapati jawatan Penguasa Trafik dipangku oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir (N27) dan Lembaga dalam proses mengambil seorang Pembantu Teknik (J29). Lembaga belum merancang mengisi jawatan kosong lain kerana jumlah kargo yang dikendalikan masih rendah.

Jadual 63
Jawatan Belum Diisi Bagi Bahagian Operasi, Pemasaran Dan Perkhidmatan Teknikal

Nama Jawatan	Gred SSM	Bil. Kekosongan
Penguasa Trafik	N41	1
Pembantu Teknik Kanan	J35	1
Pembantu Teknik	J29	2
Juruteknik	J17	3
Pembantu Tadbir P/O T/Kanan	N22	2
Tukang K2	R22/R12	2
Serang (Jurumudi)	A21	1
Operator Jentera Pemunggah	R3	10
Pembantu Rendah Awam	R1	2
Jumlah		**24**

Sumber: Fail Lembaga Pelabuhan Miri

ii) Latihan/Kursus

Sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 11 kursus dan latihan yang berkaitan dengan pengurusan pengendalian kargo diadakan dan telah dihadiri oleh 73 kakitangan daripada peringkat penyelia hingga ke peringkat bawahan. Latihan dan kursus yang telah diadakan atau dihadiri oleh kakitangan di Bahagian Operasi, Pemasaran Dan Perkhidmatan Teknikal sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 64.**

Jadual 64
Kursus Berkaitan Dengan Aktiviti Pengendalian Kargo

Bil.	Nama Kursus Dan Latihan	Tarikh	Bil. Pegawai Menghadiri
1.	*ISO Internal Quality Auditing*	18/04/01 - 20/04/01	2
2.	*Forklift Driving*/Ujian Memandu Kelas F & H	03/05/01 - 08/06/01	19
3.	*Basic Refresher Course On Container Add. System*	14/07/01 - 16/07/01	5
4.	*Understanding ISO 9001:2000*	16/07/01 - 17/07/01	2
5.	*Training on the use of landing door keys*	29/08/01 - 29/08/01	5
6.	*ISO 9001:2000 Introduction*	06/02/02 - 06/02/02	4
7.	*Improving Port Performance*	15/04/02 - 17/05/02	15
8.	*Course On 9001:2000 Internal Quality Auditing*	04/07/02 - 05/07/02	13
9.	*ISO 9001:2000 Introduction*	01/08/02 - 02/08/02	2
10.	*KALMAR Contmaster Reachstaker - Training for Operations and Technicians*	13/01/03 - 17/01/03	2
11.	*KALMAR Contmaster Reachstaker - Training for Operations and Technicians*	20/01/03 - 24/01/03	4
Jumlah			**73**

Sumber: Fail Latihan Lembaga Pelabuhan Miri

Pada pandangan Audit, tindakan Lembaga untuk tidak mengisi kekosongan jawatan tersebut pada masa ini adalah wajar kerana keperluan belum mendesak. Sungguhpun begitu, jawatan penting seperti jawatan Penguasa Trafik hendaklah diisi dengan segera bagi menjamin kelicinan operasi pengendalian kargo.

67.2.3 Proses Pengendalian Kargo

Aktiviti dan caj pengendalian kargo diperuntukkan dalam *The Miri Port (Conditions of Business) By Laws 1983* dan *The Miri Port (Dues, Rates and Charges) Regulations 1999*. Adalah didapati proses kerja pengendalian kargo Lembaga telah didokumentasikan dan dianugerahkan Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9001:1994 dalam skop *Provision of Conventional Cargo Handling Services Covering Receipt, Storage and Delivery To Customers* pada bulan

Januari 1997. Pada bulan Jun 2003, Lembaga menjadi salah satu Agensi Kerajaan Negeri yang pertama berjaya meningkatkan sistem kualiti daripada Standard MS ISO 9001:1994 kepada Standard MS ISO 9001:2000 tanpa menggunakan khidmat pakar perunding. Antara lain, dokumen kualiti pengendalian kargo meliputi proses kerja seperti *Receiving, Stacking And Delivery of Import/Export, Ex-Wharf Delivery/Direct Loading* dan *Stuffing/ Unstuffing of Containers*.

Pihak Audit telah menjalankan ujian *walk through* dan mendapati Lembaga telah mematuhi dan mengikut peraturan dan prosedur kualiti yang ditetapkan dalam undang-undang tersebut dan dokumen MS ISO 9001. Selain itu, semakan Audit juga mendapati perkara berikut:

i) Jadual Ketibaan Dan Berlepas

Elemen penting seperti *Berth Allocation*, *Resource Allocation* dan *Estimating Operating Times* telah didokumentasikan dalam dokumen MS ISO: *Planning To Work A Vessel*. Standard ini menetapkan Lembaga hendaklah membuat perancangan sebelum ketibaan kapal (*pre-arrival planning*). Ini amat penting dan merupakan tindakan pertama yang harus diambil semasa melaksanakan perancangan operasi pengendalian kargo. Semakan Audit mendapati jadual yang menunjukkan masa kapal dijangka tiba atau berlepas ada dipamerkan di papan tanda dan sentiasa dikemas kini bagi tujuan pemantauan dan untuk tindakan segera.

ii) Penyimpanan Kargo

Penyimpanan kargo merupakan langkah yang amat penting dalam pertukaran kargo di antara pengangkutan laut dan darat. Oleh itu Lembaga hendaklah menyediakan polisi dan amalan yang bersesuaian untuk memastikan kapasiti penyimpanan

sentiasa mencukupi dan aliran kargo masuk/keluar dikawal supaya kesesakan pelabuhan dapat dielakkan. Semakan Audit mendapati walaupun dokumen MS ISO: *Receiving, Stacking And Delivery Of Import/Export Cargo* ada menyentuh mengenai penyimpanan kargo tetapi ianya tidak spesifik dan tidak mendalam tentang cara penyimpanan kargo seperti proses mengenal pasti jenis kargo, menentukan penggunaan jentera yang betul, pekerja yang bersesuaian dan merekod lokasi penyimpanan secara sistematik.

iii) Tuntutan Kargo

Proses tuntutan kargo *per se* juga belum disediakan dalam dokumen MS ISO tersebut. Semakan Audit mendapati pada tahun 2001 hingga 2003, Lembaga ada menerima 16 tuntutan kargo berjumlah RM2,294 daripada pengguna pelabuhan akibat kerugian daripada kerosakan/kehilangan kargo. Oleh itu, adalah dicadangkan proses kerja tersebut disediakan dan dimasukkan dalam dokumen kualiti MS ISO Lembaga bagi menjamin kepentingan Lembaga.

Pada pandangan Audit, penyediaan dokumen MS ISO 9001 bagi pengendalian kargo adalah baik dan memuaskan. Bagaimanapun, proses kerja bagi penyimpanan kargo dan tuntutan kargo *per se* hendaklah disediakan bagi melengkapkan dokumen MS ISO yang sedia ada.

67.2.4 Pengkomputeran Perkhidmatan Pelabuhan

Semakan Audit mendapati Lembaga menggunakan sistem pengkomputeran *Port Operation Information System* untuk merekod aktiviti pengendalian kargo. Adalah didapati *Port Operation Information System* hanya digunakan di Unit Pentadbiran, Unit *Landing & Shipping*

dan Unit Waf di bawah Bahagian Operasi, Pemasaran Dan Perkhidmatan Teknikal sahaja. Sistem ini tidak dihubungkan secara *on-line* dengan sistem '*Hrpay and Standard Accounting'* yang digunakan oleh Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran. **Pada pendapat Audit, proses perekodan dan penyediaan penyata kewangan Lembaga akan menjadi lebih cekap dan cepat sekiranya semua Bahagian di Lembaga dihubungkan secara *on-line*.**

Sungguhpun begitu, adalah didapati Lembaga sedang dalam proses menaik taraf sistem pengkomputeran kepada *Integrated Port Management System* yang dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2004. Pembangunan sistem ini menjurus kepada perkhidmatan *e-Pelabuhan* di mana pengguna pelabuhan dapat beroperasi di pangkalan internet secara *on-line* dan tidak perlu berada di pelabuhan untuk urusan perkapalan dan pengendalian kargo. Selain itu, sistem ini juga dapat menghubungkan secara *on-line* semua Bahagian di Lembaga dan akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih cepat, mudah dan lancar.

Pada pandangan Audit, penukaran kepada sistem *Integrated Port Management System* adalah selari dengan sistem pengkomputeran pelabuhan serantau. Tindakan ini akan meningkatkan prestasi perkhidmatan Lembaga dan membolehkan Lembaga terus kompetitif.

67.2.5 Penggunaan Menara Kawalan

Selaras dengan pelan induk pembinaan, Menara Kawalan telah dibina dengan kos RM4 juta. Tujuan utama Menara Kawalan adalah untuk menempatkan sistem *Vessel Traffic System* (VTS) dan *Closed Circuit Television* (CCTV). Sistem VTS ditempatkan untuk memantau

pelayaran dan keselamatan kapal yang keluar masuk ke pelabuhan manakala sistem CCTV bagi pemantauan operasi pengendalian kargo dan keseluruhan kawasan Lembaga dari segi sekuriti dan keselamatan. Pemeriksaan Audit mendapati peralatan sistem VTS masih belum dipasang dan Lembaga tidak bercadang untuk memasangnya dalam masa terdekat melainkan masalah kecetekan laluan di Muara Baram dapat diatasi. Bagaimanapun, sistem CCTV telah dipasang sejak tahun 1997 dan beroperasi dengan lancar.

Semakan Audit mendapati Menara Kawalan belum diguna seperti dirancang. Sebaliknya ia digunakan sebagai tempat bermesyuarat Lembaga Pengarah. Pada masa ini, Lembaga juga menawarkan penggunaan Menara Kawalan kepada sebuah syarikat milik Kerajaan untuk tujuan perkhidmatan telekomunikasi.

Menara Kawalan akan digunakan mengikut tujuannya apabila Lembaga berfungsi sepenuhnya sebagai pusat perkhidmatan setempat untuk aktiviti maritim selepas siapnya saluran Kuala Baram sedalam 6 meter. Pada masa sekarang, Lembaga menggunakan peralatan *walkie-talkie* dengan jalur frekuensi 477.250 mhz. Adalah didapati pemantauan pergerakan kapal dengan *walkie-talkie* boleh meliputi jarak 20 kilometer adalah berkesan kerana tiada kelewatan berlaku dan keselamatan kapal masih terjamin.

Pada pandangan Audit, penyewaan ruang kepada syarikat telekomunikasi dan penggunaan Menara Kawalan sebagai tempat mesyuarat adalah cara yang munasabah bagi mengoptimakan penggunaan kemudahan yang ada di Lembaga.

67.2.6 Kontrak Pengendalian Kargo

Pengendalian kargo dilaksanakan oleh sebuah syarikat tempatan (Syarikat). Mengikut perjanjian kontrak, bagi kargo am, Syarikat hanya mengendalikannya dari kapal hingga ke kawasan *quay*. Pengendalian kargo dari kawasan *quay* ke dalam gudang diuruskan oleh pihak Lembaga sendiri. Bagi kontena pula, Syarikat bertanggungjawab mengendalikannya dari kapal ke *quay* dengan menggunakan kren dan ke tapak penyimpanan kontena menggunakan treler. Manakala urusan mengangkat kontena dari treler untuk dipunggah ke tapak penyimpanan kontena akan dikendalikan oleh pihak Lembaga dengan menggunakan *'Reach Stacker'*.

Semakan Audit mendapati kepentingan Lembaga seperti polisi insurans bagi melindungi pekerja daripada sebarang liabiliti dan obligasi kontraktor terhadap penyenggaraan alat pengendalian kargo telah diambil kira dan dinyatakan dalam perjanjian dengan Syarikat. Bon pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank bernilai RM10,000 juga telah disediakan sepertimana syarat dalam surat perjanjian. Selain itu, spesifikasi kerja dan cara pembayaran juga telah dinyatakan dengan jelas dan tertentu.

Pada pandangan Audit, kontrak telah dibuat dengan baik dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Kepentingan Lembaga akan lebih terpelihara jika adanya klausa berhubung hak Lembaga untuk menukar, menetap semula atau meningkatkan kadar caj yang dinyatakan dalam Jadual Caj Dan Kadar di dalam perjanjian kontrak seperti caj penggunaan kelengkapan kendalian kargo Lembaga, caj kendalian aktiviti kendalian kontena atau caj sewaan *cargo gear* sekiranya perlu.

67.2.7 Penggunaan Kemudahan Pengendalian Kargo

Kemudahan yang terdapat di Pelabuhan Lembaga ialah 6 dermaga (390m), Yad Kontena (328tgs), stor terbuka (45,000m2), stor barangan merbahaya (200m2), dua gudang transit (5400m2) dan *Reefer Points* (28tgs). Dengan kemudahan yang ada, Lembaga berupaya mengendalikan 3.5 juta tan kargo am dan 48,000 TEUs kargo berkontena. Semakan Audit mendapati jenis kargo utama dikendalikan pada tahun 2003 adalah kargo am sebanyak 106,405 tan metrik dan kargo kontena sebanyak 332,500 tan metrik seperti di **Jadual 65.**

Jadual 65
Jumlah Kargo Dikendalikan Di Waf Lembaga

Jenis Kargo/Aktiviti	2001 Tan Metrik	2002 Tan Metrik	2003 Tan Metrik
Kontena:			
Tan	140,750	301,025	332,500
Muatan (TEUs)	*(5,630)*	*(7,421)*	*(8,340)*
MT (TEUs)	*(3,752)*	*(4,620)*	*(4,960)*
Jumlah (TEUs)	*(9,382)*	*(12,041)*	*(13,300)*
Kayu Balak	30,634	25,974	22,215
Pukal Cecair	-	-	27,650
Kargo Pesisir	-	15,918	21,731
Kargo Am	65,286	71,342	106,405
Jumlah	**236,670**	**414,259**	**510,501**

Sumber: Rekod Lembaga Pelabuhan Miri

Lembaga telah sedaya upaya melakukan pelbagai cara untuk meningkatkan jumlah kendalian kargo seperti menyediakan kemudahannya kepada kapal pesisiran dan menyewakan ruang tanah kepada sebuah syarikat untuk operasi Depo Mini di lapangan terbuka. Namun begitu, analisis Audit mendapati pengendalian kargo pada keseluruhan hanyalah dalam lingkungan 7% hingga 15% daripada jumlah kapasiti pelabuhan**.** Lembaga mencatatkan peningkatan purata sebanyak 57% dari segi jumlah pengendalian kargo kontena pada

tahun 2003 (sehingga bulan Jun) iaitu 3.5 kali ganda lebih daripada kadar peningkatan pengendalian kargo kontena nasional (sehingga bulan September) sebanyak 16.4%.

Semakan Audit mendapati cabaran utama Lembaga adalah kecetekan laluan masuk di Muara Sungai Baram disebabkan oleh beting pasir seperti **Foto 23**. Pada masa air surut, kedalaman air hanya 0.7m ACD. Pada masa air pasang paling besar, kedalaman air adalah di sekitar 3.5m ACD untuk waktu tertentu sahaja. Keadaan ini telah menghadkan laluan kepada kapal yang melebihi 3 meter apungan (*draft*) dengan muatan penuh ketika air pasang besar. Ini telah mengakibatkan kekurangan kapal yang boleh masuk berlabuh di Pelabuhan Miri. Sungguhpun begitu mengikut kajian kemungkinan, kerja kejuruteraan seperti pengorekan boleh dijalankan untuk mengatasi kecetekan tersebut. Setakat ini 6 cadangan telah diterima daripada beberapa perunding untuk menjalankan kerja pengorekan namun belum ada keputusan mengenainya. Memandangkan projek ini adalah rumit dan terperinci serta memerlukan kos yang tinggi, adalah dicadangkan Kerajaan menjadi rakan utama dalam pelaksanaan projek khasnya dari segi kewangan.

Foto 23
Laluan Masuk Di Muara Kuala Baram *(Aerial View)*

Sumber : Fail Foto Lembaga Pelabuhan Miri

Selain itu, adalah didapati kemudahan jalan raya yang baik yang menghubungkan kawasan Miri ke Bintulu juga merupakan satu cabaran kepada Lembaga. Adalah difahamkan kebanyakan pengimport/pengeksport memilih untuk menggunakan Pelabuhan Bintulu kerana kelebihannya sebagai pelabuhan laut dalam di mana banyak kapal besar boleh berlabuh dan memberi manfaat kepada pelanggan dari segi *economies of scale*.

Pada pandangan Audit, pengendalian kargo adalah memuaskan. Bagaimanapun jumlahnya adalah rendah berbanding kemampuan Lembaga, mengakibatkan kebanyakan kemudahan pengendalian kargo menjadi seolah-olah tinggal terbiar.

67.2.8 Pengurusan Kelengkapan Pengendalian Kargo

Mengikut perjanjian kontrak, kelengkapan pengendalian kargo disediakan oleh kontraktor seperti 1 unit *100 Tonnes Mobile Harbour Crane*, lima unit *30-100 Tonnes Mobile Crane*, dua belas unit *20-70 Prime Mover*, satu unit *Roll On Roll Off Refuse Truck* dan 4 unit *3 Tonnes Forklift.* Perjanjian kontrak juga menetapkan bahawa penyenggaraan kelengkapan pengendalian kargo adalah tanggungjawab kontraktor. Semakan Audit mendapati kontraktor telah menyediakan kelengkapan seperti yang disenaraikan. Lembaga hanya menyediakan *Reach Stacker, Forklift* dan *Cargo Handling Gears*. Adalah didapati Lembaga mempunyai 2 unit *Reach Stacker*, sepuluh unit *Forklift* dan *Cargo Handling Gears*.

Proses kerja MS ISO untuk penyenggaraan kelengkapan tersebut telah disediakan seperti *Maintenance of Forklift Truck and Reach Stacker* dan *Maintenance of Cargo Handling Gears*. Semakan Audit terhadap prosedur tersebut mendapati semua proses kerja telah dipatuhi kecuali langkah pertama di mana *Daily Checklist* tidak dijalankan ke atas *Reach Stacker*. Oleh kerana penyenggaraan *Reach Stacker* memerlukan kepakaran khas, Lembaga telah mengkontrakkan penyenggaraan tersebut kepada sebuah syarikat. Skop kontrak tersebut merangkumi *Standby Maintenance*, *Preventive Maintenance* dan *Corrective Maintenance* bagi memastikan kelengkapan pengendalian kargo sentiasa berada dalam keadaan baik.

Pada keseluruhannya, pengurusan kelengkapan pelabuhan telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, ia boleh dipertingkatkan lagi dengan pematuhan sepenuhnya proses kerja MS ISO yang berkaitan.

67.2.9 Penilaian Prestasi Pelabuhan

Data operasi pengendalian kargo yang dihasilkan melalui sistem *Port Operation Information System* adalah penting bagi membuat penilaian secara kritikal untuk melihat lebih mendalam aspek pengendalian kargo yang boleh dipertingkatkan lagi. Antara lain, prestasi yang diukur adalah seperti berikut:

i) Kendalian Kargo Tahunan (*Annual Berth Throughput*)

Kendalian Kargo Tahunan mengukur jumlah *output* pengendalian kargo bagi satu tahun. Semakan Audit mendapati Lembaga tidak mempunyai rekod pengendalian kargo tahunan bagi setiap dermaga tetapi menyelenggara rekod tahunan secara keseluruhan bagi 6 dermaga. Jumlah kendalian kargo telah meningkat daripada 236,670 tan metrik pada tahun 2001 menjadi 510,501 tan metrik pada tahun 2003.

Adalah didapati Lembaga memerlukan pengendalian kargo tahunan minima sebanyak 621,000 tan metrik untuk *breakeven*. Dengan pencapaian sebanyak 510,501 tan metrik pada tahun 2003, Lembaga memerlukan sebanyak 110,499 tan metrik atau 18% lagi untuk *breakeven*.

Pada pandangan Audit, Kendalian Kargo Tahunan yang semakin meningkat menunjukkan kesungguhan dan kecekapan pengurusan untuk mempertingkatkan prestasi pencapaian kendalian kargo dan penggunaan kemudahan pelabuhan Lembaga. Sungguhpun begitu, perancangan dan pelaksanaan pengendalian kargo akan lebih berkesan sekiranya Lembaga menyediakan statistik kendalian kargo tahunan bagi setiap dermaga.

ii) Kadar Penggunaan Dermaga (*Berth Occupancy Rate*)

Kadar Penggunaan Dermaga adalah cara mengukur yang efisien terhadap tahap permintaan/penggunaan perkhidmatan pelabuhan. Pengiraannya dibuat dengan jumlah masa tempat berlabuh diguna dibahagikan oleh sesuatu tempoh yang tetap seperti satu bulan atau satu tahun. Pada amnya, kadar yang lebih tinggi adalah menunjukkan penggunaan tempat berlabuh yang lebih cekap. Bagaimanapun kadar tinggi juga boleh diakibatkan oleh kesesakan dan masa menunggu giliran yang lama untuk berlabuh. Kadar penggunaan dermaga di Pelabuhan Miri pada tahun 2001 hingga 2003 berbanding Pelabuhan Kuching, Rajang dan Bintulu adalah seperti di **Jadual 66.**

Jadual 66
Kadar Penggunaan Dermaga

Tahun	Kadar Penggunaan Dermaga			
	Miri (%)	Kuching (%)	Rajang (%)	Bintulu (%)
2001	15.2	45.3	35.6	67.0
2002	29.7	44.5	30.8	66.5
2003 (setakat Jun)	48.5	46.6	33.0	73.6

Sumber: Rekod Lembaga Pelabuhan Miri, Kuching, Rajang Dan Bintulu

Semakan Audit mendapati Kadar Penggunaan Dermaga di Lembaga semakin meningkat sehingga menjadi 48% pada pertengahan tahun 2003 berbanding dengan 15% pada tahun 2001. Peningkatan tersebut disebabkan tindakan diambil oleh pengurusan untuk mempromosikan kemudahan pelabuhan seperti menandatangani kontrak dengan sebuah syarikat untuk aktiviti luar pantai/minyak dan gas dan membuat penyusunan untuk persinggahan kapal pesisiran yang memunggah kargo dari Miri ke Marudi dan sebaliknya. Tindakan tersebut telah menjadikan kadar penggunaan dermaga meningkat dan berpotensi untuk menjadi setanding dengan Pelabuhan Kuching,

Rajang dan Bintulu jika masalah laluan yang cetek di Muara Baram diatasi.

Pada pandangan Audit, Kadar Penggunaan Dermaga bertambah baik kerana strategi operasi Lembaga dalam mempelbagaikan pengendalian kargo lain seperti barang dagangan minyak dan gas.

iii) Tempoh Persinggahan Kapal (*Ship Turnaround Time*)

Tempoh Persinggahan Kapal merupakan salah satu cara untuk mengukur kualiti perkhidmatan pelabuhan yang diberikan kepada penggunanya. Ia menunjukkan jumlah masa yang diambil oleh kapal dalam singgahan untuk aktiviti pengendalian kargo yang pada kebiasaannya dikira dari masa kapal tiba sehingga kapal berlepas. Ia dipengaruhi oleh jumlah kargo dikendalikan, kemudahan pelabuhan yang sedia ada dan komposisi kargo yang dikendalikan. **Jadual 67** menunjukkan Tempoh Persinggahan Kapal di Lembaga berbanding pelabuhan lain di Sarawak.

Jadual 67
Tempoh Persinggahan Kapal

Tahun	Tempoh Persinggahan Kapal (Jam)			
	Miri	Kuching	Rajang	Bintulu
2001	32	29.4	43	33.8
2002	42	25.9	41	24.6
2003 (sehingga Jun)	26	22.4	44	27.1

Sumber: Rekod Lembaga Pelabuhan Miri, Kuching, Rajang dan Bintulu

Adalah didapati Tempoh Persinggahan Kapal dicatat paling tinggi pada tahun 2002 kerana masalah kerosakan dan ketiadaan kren yang menyumbang kepada kelewatan kapal meninggalkan dermaga. Bagaimanapun, masalah kren telah diatasi dengan

pembelian kren baru oleh kontraktor dan Tempoh Persinggahan Kapal telah bertambah baik dengan ketaranya pada tahun 2003.

Pada pandangan Audit, masa yang diambil kapal bertambah baik kerana penyeliaan yang rapi terhadap pengendalian kargo yang diuruskan oleh kontraktor dan tindakan segera yang diambil oleh Lembaga terhadap masalah yang dihadapi.

67.2.10 Pengawasan Keselamatan Pelabuhan

Pengawasan keselamatan pelabuhan adalah tanggungjawab Bahagian Keselamatan Dan Kesihatan. Semakan Audit mendapati Bahagian Keselamatan Dan Kesihatan dianggotai oleh 30 kakitangan yang diketuai oleh Pengurus Keselamatan. Bahagian tersebut dibahagi kepada 4 seksyen iaitu Seksyen Pentadbiran Dan Penyiasatan, Seksyen Bomba, Seksyen Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja dan Seksyen Pengawalan. Perkhidmatan keselamatan 24 jam diberi oleh Bahagian ini dengan menjalankan rondaan di sekitar kawasan pelabuhan. Bahagian Keselamatan Dan Kesihatan dilengkapi dengan 2 unit kereta bomba dengan peralatan mengawal kebakaran dan 13 CCTV yang dipasang di beberapa lokasi di sekitar kawasan pelabuhan untuk memantau keselamatan pelabuhan.

Adalah didapati Bahagian Keselamatan Dan Kesihatan menyelenggara rekod seperti *Station Diary* dan *Patrol Log Book* untuk merekod tempat dan waktu rondaan. Rekod tersebut diselenggara dengan memuaskan dan kemas kini di mana semakan oleh penyelia keselamatan dilakukan pada setiap hari bagi memastikan kawasan pelabuhan berada dalam keadaan selamat. Setakat bulan Ogos 2003, tiada kebakaran, kecurian dan kerosakan berlaku di kawasan pelabuhan.

Semakan Audit mendapati Lembaga mengguna pakai dan mematuhi keperluan undang-undang keselamatan seperti *Occupational Safety & Health Act, 1994*, *The Police (Auxiliary) Regulations, 1970* dan *Protected Area and Protected Place Act, 1959* dalam menjalankan tanggungjawab untuk memastikan keselamatan keseluruhan kawasan pelabuhan dan keselamatan pekerja. Pada bulan September 2003, Lembaga telah dianugerahkan '*Fire Certificate*' oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia kerana mematuhi keperluan kemudahan keselamatan, pengawalan dan pencegahan kebakaran seperti yang dikehendaki oleh Akta Perkhidmatan Bomba 1998. Lembaga juga dalam proses melaksanakan *International Maritime Organization and Port Facility Security Code* yang akan berkuat kuasa pada bulan Julai 2004.

Pada pandangan Audit, pengawasan keselamatan di pelabuhan telah dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Pada keseluruhannya, pelaksanaan pengendalian kargo adalah baik. Pihak pengurusan Lembaga hendaklah terus berusaha dengan gigih supaya dapat bersaing dengan pelabuhan serantau walaupun menghadapi pelbagai tekanan seperti laluan masuk yang cetek dan berada di lokasi yang berhampiran dengan pelabuhan laut dalam seperti Pelabuhan Bintulu.

67.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang cekap dan berkesan adalah penting bagi memastikan pengendalian kargo diuruskan dengan teratur dan mengikut perancangan.

67.3.1 Pemantauan Terhadap Laporan *Indicator of Performance*

Seksyen Kendalian Kargo di bawah Bahagian Operasi, Pemasaran Dan Perkhidmatan Teknikal yang diketuai oleh seorang Pengurus Gred W48 dan dibantu oleh 45 pegawai dipertanggungjawabkan memantau pelaksanaan pengendalian kargo. Laporan Prestasi seperti Kendalian Kargo Tahunan, Kadar Penggunaan Dermaga, Tempoh Persinggahan Kapal dan juga laporan kemajuan seperti *Report on Channel Entrance of Vessels Calling at MPA* dan Laporan Kelewatan Kerana Masalah Kren juga disediakan apabila perlu.

Semakan Audit mendapati laporan tersebut dikemukakan kepada pengurusan Lembaga secara bulanan. Laporan adalah kemas kini dan difailkan dalam fail yang berkenaan. Bagi memastikan kesahihan laporan tersebut dan fail hanya digunakan oleh pihak yang diberi kuasa, adalah disarankan fail dan rekod sentiasa disemak dan ditandatangani oleh Pegawai Penyelia.

Pengurusan terhadap laporan prestasi dibuat dengan teratur dan mengikut jadual. Bagaimanapun, pemantauan boleh dipertingkatkan lagi dengan pemeriksaan rekod oleh Pegawai Penyelia.

67.3.2 Pemantauan Terhadap Maklum Balas Daripada Pelanggan

Maklum balas daripada pelanggan merupakan salah satu langkah yang diambil oleh Lembaga untuk mengukur kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan pelabuhan yang sedia ada melalui soal selidik yang disediakan oleh Bahagian Operasi, Pemasaran Dan Perkhidmatan Teknikal. Komen daripada pelanggan akan membantu Lembaga bagi menilai, merancang dan meningkatkan perkhidmatan yang diberi. Semakan Audit mendapati Pengurusan Maklum Balas Daripada

Pelanggan dianugerahkan persijilan MS ISO 9001:2000 pada tahun 2003.

Adalah didapati Lembaga mengedarkan soal selidik 1 kali pada tahun 2000 dan 2 kali pada tahun 2003 (setakat bulan Jun). Pelanggan akan dimaklumkan mengenai tindakan pembetulan yang akan dibuat selaras dengan proses kerja dokumen kualiti dan sekiranya tuduhan/aduan memerlukan tindakan dan keputusan daripada pihak pengurusan atasan, ia akan dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan. Selain itu, Lembaga telah menyediakan Daftar Maklum Balas mulai bulan Mei 2003 untuk merekod maklum balas yang diterima melalui telefon. Daftar ini diletakkan di 5 tempat yang penting iaitu di Pejabat Operasi Am, Kaunter *Landing & Shipping*, Pejabat Kewangan Dan Korporat, Kaunter Sekuriti dan Pejabat Kejuruteraan. Butiran seperti penerima maklum balas, pemberi maklum balas, masa maklum balas diterima serta tindakan yang telah diambil akan dicatatkan dalam Daftar tersebut. Sehingga bulan Ogos 2003, tiada aduan diterima melalui telefon. Bagaimanapun, adalah disarankan Fail serta Daftar sentiasa disemak oleh pegawai atasan dengan menandatangani ringkas dan mencatat tarikh semakan dibuat.

Pengurusan Maklum Balas Daripada Pelanggan telah dikendalikan dengan memuaskan di mana maklum balas pelanggan telah diambil perhatian dan tindakan sewajarnya juga diambil dengan cepat.

Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap pengendalian kargo adalah memuaskan. Pemantauan yang berpandukan kepada memenuhi keperluan pelanggan dan memastikan kawasan pelabuhan sentiasa selamat telah mempertingkatkan produktiviti pengendalian kargo.

68. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengendalian kargo telah dilaksanakan dengan baik. Sungguhpun begitu, penggunaan kemudahan pengendalian kargo Lembaga masih pada tahap yang rendah kerana bilangan kapal yang boleh datang berlabuh adalah terhad. Hanya kapal yang kurang daripada 3 meter (*draft*) boleh berlabuh pada masa air pasang besar. Masalah kecetekan ini perlulah diatasi dengan segera bagi membolehkan kapal yang melebihi 3 meter (*draft*) masuk berlabuh. Pengurusan pengendalian kargo yang baik ini masih boleh dipertingkatkan lagi. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya Lembaga:

i) mengkaji dan melengkapkan dokumen kualiti prosedur pengendalian kargo yang sedia ada dengan menyediakan prosedur penyimpanan kargo dan tuntutan kargo *per se*. Prosedur kerja penyimpanan kargo yang sistematik boleh mengelakkan kesesakan apabila kendalian kargo meningkat. Prosedur tuntutan yang ditetapkan pula akan melicinkan kerja sekiranya Lembaga terpaksa membayar tuntutan pada suatu hari nanti.

ii) mempergiatkan usaha promosi pemasaran dengan lebih agresif bagi menarik lebih banyak kapal menggunakan kemudahan pelabuhan.

iii) mendapatkan bantuan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek pengorekan di laluan masuk supaya kapal sedalam 5m *draft* dapat lalu tanpa bergantung kepada air pasang besar.

iv) mengkaji kemungkinan penglibatan dan kerjasama pihak swasta dan sektor awam dalam projek pengorekan memandangkan projek akan melibatkan kos besar selaras dengan Dasar Pensyarikatan Malaysia.

v) mengkaji kemungkinan Kerajaan Negeri memindah aktiviti jeti persendirian ke pelabuhan Lembaga.

vi) mempergiatkan usaha memperluaskan had pelabuhan (*port's limit*) kepada kawasan Similajau dan Limbang/Lawas supaya dapat meningkatkan hasil.

LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK

PENGURUSAN LADANG KELAPA SAWIT DI BAU/LUNDU

69. LATAR BELAKANG

Antara dasar Kerajaan Negeri Sarawak adalah untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk luar bandar dengan mewujudkan peluang pekerjaan, menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan serta memodenkan kehidupan luar bandar. Pelaksanaan dasar Kerajaan ini telah diamanahkan kepada Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak (Lembaga) yang merupakan salah sebuah Agensi Kerajaan Negeri untuk melaksanakan objektif tersebut.

Selaras dengan dasar itu, pada tahun 1976 hingga bulan Jun 2003, Lembaga telah mengorak langkah dengan membangunkan seluas 45,736 hektar Tanah Adat Bumiputera (*Native Customary Rights Land*) bagi tujuan penanaman kelapa sawit di kawasan Sri Aman, Saratok, Serian dan Bau/Lundu. Fungsi utama Lembaga di bawah Seksyen 4, Ordinan Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak 1976 ialah memulih, membangun dan mengurus Tanah Adat Bumiputera bagi tujuan perladangan. Bagi merealisasikan fungsi ini, Lembaga menerapkan konsep pembangunan *in situ* dan menjalankan usaha pembangunan tanah atas permintaan pemilik tanah sendiri. Dari tahun 1976 hingga bulan Jun 2003, sejumlah RM288.93 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pembangunan ladang kelapa sawit. Manakala hasil jualan kelapa sawit yang diperolehi adalah berjumlah RM651.98 juta.

70. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan ladang kelapa sawit di Bau/Lundu dilaksanakan dengan teratur dan berkesan selaras dengan

71. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian telah dijalankan di Ibu Pejabat Lembaga, Pejabat Kawasan Bau/Lundu dan 5 estet di bawahnya iaitu Bratak, Jagoi, Stenggang, Undan dan Sebako. Semakan dibuat ke atas fail yang berkaitan dengan dasar perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan ladang kelapa sawit bagi tahun 2001 hingga bulan Jun 2003. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat serta soal selidik kepada pemilik tanah dijalankan untuk menentukan sama ada program yang dilaksanakan memberi faedah kepada mereka.

72. PENEMUAN AUDIT

72.1 PERANCANGAN

Pembangunan ladang kelapa sawit dilaksanakan selepas mengenal pasti tapak projek melalui survei, kajian kemungkinan dan tinjauan pendapat. Ia perlu dirancang secara teliti dengan menyediakan kertas cadangan untuk dikemukakan kepada Unit Perancang Negeri bagi tujuan kelulusan projek berkenaan. Tanah Adat Bumiputera yang akan dibangunkan hendaklah diwartakan terlebih dahulu dan diisytiharkan sebagai kawasan pembangunan setelah diluluskan oleh Menteri berkenaan selaras dengan Seksyen 21, Ordinan Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak 1976. Seluas 12,000 hektar tanah akan dibangunkan pada RMK7 dan RMK8.

72.1.1 Struktur Pengurusan Dan Guna Tenaga

Semakan Audit mendapati secara amnya, pengurusan ladang kelapa sawit Bau/Lundu dikendalikan di 3 peringkat iaitu peringkat Ibu Pejabat Lembaga, Pejabat Kawasan dan Estet. Perancangan secara keseluruhan adalah disediakan oleh pihak pengurusan Lembaga dan pemantauan pula dijalankan oleh Bahagian Perladangan diketuai oleh seorang Pegawai Rancangan Tanah G48. Bahagian ini dibahagikan

kepada 2 unit iaitu Unit Pengeluaran dan Unit Pembangunan Tanah Dan Mekanisma di mana setiap unit masing-masing diketuai oleh seorang Pegawai Rancangan Tanah G48 dan dibantu oleh 23 pegawai pelbagai jawatan.

Di peringkat Pejabat Kawasan Bau/Lundu pula, pengurusan setiap estet dijalankan oleh Pengurus Kawasan (Pegawai Rancangan Tanah G48) dan dibantu oleh 9 pegawai pelbagai jawatan. Manakala pelaksanaan program dan penyeliaan estet dijalankan oleh Pengurus Estet (Pegawai Rancangan Tanah G41). Struktur organisasi estet dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu kakitangan ladang terdiri daripada 120 pegawai pelbagai jawatan dan tenaga kerja ladang terdiri daripada 564 pekerja am.

Untuk membangunkan 12,000 hektar ladang kelapa sawit di kawasan Bau/Lundu, Lembaga memerlukan 942 tenaga kerja ladang dan 122 kakitangan ladang. Lembaga menganggarkan seorang tenaga kerja ladang diperlukan untuk 11.28 hektar ladang. Kakitangan ladang berfungsi sebagai pentadbir dan penyelia kepada pengurusan ladang manakala tenaga kerja ladang yang terdiri daripada pemilik tanah, penduduk tempatan, kontraktor tempatan dan tenaga kerja Indonesia pula melaksanakan aktiviti perladangan seperti membaja, meracun, merumput, memangkas, menuai dan mengutip buah kelapa sawit untuk dikumpul ke tempat pemunggahan buah kelapa sawit sebelum dihantar ke kilang pemprosesan.

Pihak Audit berpendapat struktur pengurusan ladang kelapa sawit yang disediakan adalah teratur mengikut fungsi dan objektif penubuhan Lembaga.

72.1.2 Garis Panduan

Adalah didapati Lembaga menerima pakai panduan atau manual terbitan agensi luar seperti Manual Penyenggaraan Ladang Kelapa Sawit Kalaka/Saribas dan buku rujukan seperti *Field Handbook Oil Palm Series* yang dihasilkan oleh 2 ahli botani Australia. Manual dan buku rujukan ini menjelaskan dengan terperinci berkenaan proses penjagaan benih pokok kelapa sawit daripada tapak semaian awal sehingga dipindahkan ke tapak semaian utama dan seterusnya ke ladang. Ia melibatkan proses penyediaan tapak, bekalan benih, penanaman benih, perlindungan benih, tanaman tutup bumi, kawalan rumput, serangga perosak, penyakit, pembajaan, penakaian dan sebagainya.

Selain itu, Lembaga telah menetapkan piawaian tertentu untuk dipatuhi seperti Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit oleh Lembaga Pendaftaran Dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit dan *Estimated Yield of Palm Oil and Palm Kernel* oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Manual penggredan ini menjelaskan dengan terperinci berkenaan klasifikasi tandan buah kelapa sawit mengikut kriteria seperti buah sawit masak, mengkal, muda, terlalu masak, kosong, busuk, tangkai panjang, tidak segar, lama, kotor, kecil, rosak, berpenyakit, dura, basah dan buah relai. Manual ini juga menjelaskan mengenai pemeriksaan dan penilaian mutu tandan serta pengiraan penalti ke atas tandan yang tidak bermutu.

Pada pendapat Audit, garis panduan yang diterima pakai oleh Lembaga mencukupi bagi tujuan perancangan pengurusan ladang kelapa sawit.

72.1.3 Keperluan Kewangan

Lembaga menganggarkan perbelanjaan yang dikehendaki di bawah RMK7 berjumlah RM87.46 juta. Manakala bagi tempoh RMK8, anggaran perbelanjaan sejumlah RM26.41 juta telah disediakan. Butiran lanjut mengenai perbelanjaan kos operasi, perbelanjaan khas, kilang kelapa sawit, kenderaan dan jentera adalah seperti di **Jadual 68.**

Jadual 68
Butiran Perbelanjaan Bagi RMK7 Dan RMK8

Projek	Butiran	Jumlah Kos (RM Juta)	Sumber
RMK7	Kos Operasi	2.94	Geran Kerajaan Negeri
	Perbelanjaan Khas: i) Bangunan dan kuarters sementara ii) Projek pembangunan sosial dan kemasyarakatan iii) Survei tanah	2.96	Geran Kerajaan Negeri
	Kilang Minyak Sawit	16.05	Pinjaman Kerajaan Negeri
	Perbelanjaan Modal: i) Bangunan dan kuarters ii) Kenderaan, mesin dan peralatan ladang iii) Peralatan pejabat iv) Kos pengurusan tanah dan kemudahan lain	15.19	Geran Kerajaan Persekutuan
	Kos pembangunan	50.32	Pinjaman Kerajaan Negeri
	Jumlah Kecil	**87.46**	
RMK8	Membangunkan baki 1,098 hektar ladang kelapa sawit	6.59	Pinjaman Kerajaan Persekutuan
	Menyelenggara ladang kelapa sawit yang belum matang	8.35	Pinjaman Kerajaan Persekutuan
	Menurap jalan ladang dengan batu	9.87	Pinjaman Kerajaan Persekutuan
	Pembelian jentera dan alat perladangan	1.60	Geran Kerajaan Persekutuan
	Jumlah Kecil	**26.41**	
Jumlah Besar		**113.87**	

Sumber : Ringkasan Anggaran Kos Projek (Bau/Lundu)

Sumber kewangan bagi membiayai pembangunan ladang kelapa sawit di Bau/Lundu diperolehi daripada pinjaman dan geran Kerajaan Negeri

dan Kerajaan Persekutuan serta peruntukan Lembaga yang sedia ada. Pinjaman dan geran Kerajaan Persekutuan akan disalurkan untuk membiayai komponen pembangunan ladang, harta tetap, jentera ladang dan lain-lain kelengkapan. Manakala pinjaman dan geran Kerajaan Negeri pula adalah untuk kos operasi, perbelanjaan khas, kilang minyak sawit dan sebagainya.

Pada pendapat Audit, anggaran perbelanjaan dan sumber kewangan bagi pembangunan ladang kelapa sawit di kawasan Bau/Lundu telah dirancang dan disediakan dengan teratur serta mengikut keperluan.

72.1.4 Keperluan Bahan Pertanian

Keperluan bahan pertanian adalah berdasarkan keluasan tanah yang diusahakan. Lembaga menganggarkan sebanyak 390 kg baja diperlukan bagi satu hektar ladang untuk setiap pusingan pembajaan. Ini bermakna Lembaga memerlukan 9.36 juta kg baja setahun bagi tujuan pembajaan 12,000 hektar ladang. Penggunaan racun pula dianggarkan 800 liter bagi satu hektar ladang untuk setiap pusingan meracun. Ini bermakna Lembaga memerlukan 28.80 juta liter racun setahun bagi tujuan meracun 12,000 hektar ladang. Jenis baja dan racun yang digunakan bagi pengurusan ladang kelapa sawit di kawasan Bau/Lundu adalah seperti di **Jadual 69.**

Jadual 69
Keperluan Baja Dan Racun Setahun Mengikut Jenis
Bagi Tahun 2002/2003

Jenis		Jumlah (kg/liter)
Baja	*Compound 25*	242,350 kg
	Kieserite	100,000 kg
	Borate	11,050 kg
	Rock Phospate	18,800 kg
	NPK Mixture (10/6/14/3)	925,100 kg
Racun	*Glyphosate/Roundup*	7,799 liter
	Ally	1,372 kg
	Paraquat	2,771 liter
	Basta	3,857 liter
	Storm	1,765 kg

Sumber : Kad Lejar Stor

Pada pendapat Audit, Lembaga telah merancang penggunaan baja dan racun berdasarkan keluasan tanah yang diusahakan serta peringkat tumbesaran pokok kelapa sawit.

72.1.5 Rancangan Kerja Tahunan

Lembaga telah menyediakan Rancangan Kerja Tahunan bagi aktiviti harian yang mengandungi Jadual Pelaksanaan Kerja dan menyatakan dengan jelas sasaran aktiviti, lokasi dan bilangan tenaga kerja terlibat. Rancangan Kerja Tahunan ini bertujuan memudahkan estet melaksanakan semua aktiviti ladang dengan teratur dan kekerapan setiap jenis aktiviti disediakan berdasarkan kepada manual dan garis panduan yang diterima pakai. Antara aktiviti yang telah dirancang adalah membaja, meracun dan lain-lain seperti di **Jadual 70.**

Jadual 70
Aktiviti Kerja Ladang

Jenis Aktiviti	Kekerapan
Membaja	2 kali setahun (Februari/Mac dan Jun/Julai)
Merumput	2 kali setahun (Februari/Mac dan Ogos/September)
Meracun	3 kali setahun (Mac/April, Jun/Julai dan Sept./Oktober)
Memangkas	4 kali setahun (Feb./Mac, Mei/Jun, Ogos/Sept. dan Nov./Dis.)
Menebas Antara Pokok	3 kali setahun (Mac/April, Mei/Jun dan Julai/Ogos)
Menghitung Tandan Hitam	3 kali setahun (Mei, September dan Disember)

Sumber : Rancangan Kerja Tahunan 2003, Pejabat Kawasan Bau/Lundu

Pada pendapat Audit, Rancangan Kerja Tahunan telah disediakan bagi memastikan aktiviti ladang dilaksana dengan memuaskan.

72.1.6 Sasaran Pengeluaran Ladang

Bagi memastikan pembangunan tanah yang diusahakan memberi pulangan kepada peserta dan Lembaga, pihak pengurusan telah menetapkan sasaran pengeluaran buah tandan segar bagi 5 estet di kawasan Bau/Lundu seperti di **Jadual 71.**

Jadual 71
Sasaran Pengeluaran Buah Tandan Segar
Bagi Tahun 2001, 2002 Dan 2003

Nama Estet	2001	2002	2003
	Anggaran (Tan Metrik)	Anggaran (Tan Metrik)	Anggaran (Tan Metrik)
Bratak	19,670	20,780	26,990
Jagoi	31,690	29,330	32,640
Stenggang	14,990	17,020	18,960
Undan	32,710	27,790	34,020
Sebako	5,940	5,760	7,200
Jumlah	**105,000**	**100,680**	**119,810**

Sumber : Anggaran Bulanan Pengeluaran Hasil Buah Tandan Segar

Penetapan sasaran pengeluaran setiap estet diperolehi daripada pengurus estet berdasarkan kematangan pokok yang sedia ada dan pengeluaran sebenar tahun sebelumnya. Pokok kelapa sawit mula mengeluarkan hasil pada usia 4½ tahun dan mencapai kemuncak pengeluaran buah tandan segar pada usia 10 hingga 21 tahun.

Pada pendapat Audit, anggaran pengeluaran buah tandan segar telah disediakan dengan lengkap berdasarkan prestasi pengeluaran pokok matang tahun sebelumnya dan pertambahan pokok matang yang sedia ada.

Pada pandangan Audit, pengurusan ladang kelapa sawit di kawasan Bau/Lundu telah dirancang dengan baik. Struktur pengurusan dan guna

tenaga, rancangan kerja tahunan, sasaran pengeluaran ladang, keperluan kewangan dan penggunaan bahan telah disediakan mengikut keperluan. Selain itu, garis panduan yang diterima pakai juga turut membantu aktiviti ini dijalankan dengan lebih lancar dan teratur.

72.2 PELAKSANAAN

Bagi melaksanakan program pembangunan ladang kelapa sawit, faktor penting seperti pemilihan peserta, perjanjian pembangunan tanah, pewartaan tanah, sumber kewangan dan peruntukan dan sebagainya perlu diambil kira agar pelaksanaan projek berjalan dengan lancar dan matlamat program tercapai.

72.2.1 Pemilihan Peserta

i) Kriteria Pemilihan Peserta

Lembaga telah menetapkan kriteria pemilihan kawasan pembangunan dan peserta yang akan terlibat dalam projek pembangunan ladang kelapa sawit. Kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:

a) Peratusan penduduk yang berada di bawah paras kemiskinan yang tinggi.

b) Kurang atau tiada sebarang jenis program pembangunan di kawasan yang dipilih.

c) Permintaan daripada pemilik tanah atau pemimpin politik setempat.

d) Keluasan kawasan yang dipilih tidak kurang daripada 1,000 hektar.

e) Kerjasama penuh daripada pemilik tanah.

f) Kawasan yang dipilih bebas daripada perbalahan hak milik.

Semakan Audit mendapati Lembaga telah melaksanakan pemilihan kawasan dan peserta berdasarkan kriteria yang

ditetapkan. Tumpuan utama diberi kepada penduduk yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi di mana rata-rata penduduk di kawasan Bau/Lundu adalah terdiri daripada petani. Hasil soal selidik Audit yang dikemukakan kepada 88 peserta mendapati 93% adalah terdiri daripada petani (padi bukit) dan selebihnya adalah penternak dan pekebun kecil. Selain itu, tiada sebarang jenis program pembangunan yang telah dijalankan di kawasan Bau/Lundu. Pengenalan kepada penanaman ladang kelapa sawit secara komersil ini mendapat kerjasama penuh daripada pemilik tanah dan pemimpin politik setempat.

ii) Proses Kelulusan

Kelulusan terhadap pemilihan kawasan dan peserta adalah dibuat oleh Lembaga Pengarah setelah mendapat persetujuan daripada Menteri berkenaan. Dialog bersama pemilik tanah dan pihak pengurusan Lembaga juga turut dijalankan. Perbincangan awal juga dibuat oleh Ketua Kampung dengan anak buah (pemilik tanah) berkenaan dengan projek pembangunan ini. Berdasarkan soal selidik Audit yang dijalankan mendapati majoriti peserta telahpun menghadiri sesi dialog bersama dengan Ketua Kampung dan pihak pengurusan.

Setelah Lembaga mendapat persetujuan daripada pemilik tanah di kawasan terbabit, surat persetujuan yang dikenali sebagai Surat Pengesahan (*Letter Of Consent*) yang membenarkan pihak Lembaga sebagai pengusaha dan pemilik tanah sebagai peserta akan ditandatangani oleh kedua pihak. Semakan Audit mendapati Lembaga telah mengeluarkan Surat Pengesahan kepada pemilik tanah sebelum usaha pembangunan ke atas tanah tersebut dijalankan dalam tempoh kurang daripada satu bulan. Surat Pengesahan akan ditandatangani serentak oleh pemilik tanah di

kawasan tertentu mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Kawasan Bau/Lundu.

Pihak Audit berpendapat penetapan kriteria oleh Lembaga adalah untuk memastikan kawasan yang bakal dibangunkan mendapat persetujuan semua pihak dan pemilihan peserta pula adalah selaras dengan objektif Lembaga iaitu memperbaiki kualiti hidup penduduk luar bandar yang berada di bawah paras kemiskinan yang tinggi.

72.2.2 Perjanjian Pembangunan Tanah

Pelaksanaan terhadap pembangunan tanah yang telah diwartakan hanya akan dibuat setelah pemilik tanah bersetuju supaya tanah mereka diusahakan selaras dengan Seksyen 4(a)(ii), Ordinan Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak 1976 iaitu melalui Perjanjian Pembangunan Tanah. Perjanjian ini merupakan perjanjian rasmi mengikat pemilik tanah dengan Lembaga berkenaan pembangunan tanah yang akan diusahakan. Sehingga bulan Jun 2003, daripada 2,715 pemilik tanah yang telah didaftarkan, hanya 146 atau 5% perjanjian telah disediakan untuk ditandatangani antara kedua pihak. Semakan Audit mendapati hanya 101 daripada 146 pemilik tanah telah menandatangani perjanjian tersebut. Bagaimanapun, kesemua perjanjian itu masih belum ditandatangani oleh pihak Lembaga. Ini bermakna perjanjian antara kedua pihak belum lagi lengkap dan termeterai.

Semakan lanjut Audit mendapati kelewatan penyediaan perjanjian adalah disebabkan kerja membahagikan keluasan tanah mengikut blok dan lot bagi tujuan memberi Surat Hak Milik Tanah dan kelulusan dari Jabatan Tanah Dan Survei mengambil masa yang terlalu lama. Kelewatan melaksanakan perjanjian ini boleh menimbulkan

ketidakpuasan hati di kalangan pemilik tanah kerana mereka telah bersetuju dengan syarat pembangunan tanah tetapi perjanjian belum termeterai secara sah. Ini boleh memberi kesan kepada pemilik tanah yang berkemungkinan mengambil tindakan undang-undang pada masa akan datang. Sebagai alternatif untuk menjaga kepentingan antara kedua pihak, satu perjanjian sementara dalam bentuk Surat Pengesahan (*Letter Of Consent*) disediakan. Bagaimanapun, hanya 96% pemilik tanah sahaja yang telah menandatangani surat tersebut. Manakala selebihnya masih di dalam proses menandatangani surat tersebut terutama bagi fasa baru di Estet Bratak dan Jagoi seperti di **Jadual 72.**

Jadual 72
Jumlah Pemilik Tanah Dan Surat Pengesahan
Yang Telah Ditandatangani

Kawasan	Nama Estet	Jumlah Pemilik Tanah	Keluasan Estet (Hektar)	Jumlah Surat Pengesahan Ditandatangani
Bau/Lundu	Bratak	721	2,411	714
	Jagoi	723	2,913	608
	Stenggang	497	2,240	497
	Undan	576	3,127	576
	Sebako	198	1,229	198
Jumlah		**2,715**	**11,920**	**2,593**

Sumber : Laporan Pengurusan Sistem Maklumat
(Suku Kedua Berakhir 30 Jun 2003)

Lembaga sedang berusaha untuk mempercepatkan proses pemberian Surat Hak Milik Tanah bagi tujuan perjanjian pembangunan tanah dan bercadang melantik kontraktor untuk menjalankan kerja membahagikan keluasan tanah mengikut blok.

Pihak Audit berpendapat usaha Lembaga untuk menangani masalah kelewatan pemberian Surat Hak Milik Tanah haruslah dipuji. Usaha ini hendaklah diteruskan.

72.2.3 Pewartaan Tanah

Mengikut Seksyen 21(1), Ordinan Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak 1976, tanah yang diisytiharkan sebagai kawasan yang dibangunkan *(development area)* hendaklah diwartakan sebelum Lembaga menjalankan sebarang usaha pembangunan ke atas tanah tersebut.

Semakan Audit mendapati Lembaga hanya mewartakan tanah sebagai kawasan yang dibangunkan selepas penyertaan pemilik tanah dikenal pasti, tanah telah disurvei dan dibangunkan. Seluas 547 hektar atau 5% daripada jumlah keluasan tanah yang dibangun telah diwartakan. Semakan lanjut Audit mendapati seluas 11,373 hektar tanah di kawasan Bau/Lundu seperti di **Jadual 73** telah dibangun tetapi masih belum diwartakan.

Jadual 73
Kawasan Ladang Yang Belum Diwartakan

Nama Estet	Fasa	Keluasan Estet (Hektar)
Bratak	Fasa I, II, III, IV, IVB dan VII	2,411
Jagoi	Semua Fasa yang terlibat	2,913
Stenggang	Semua Fasa yang terlibat	2,240
Undan	Semua Fasa yang terlibat	3,127
Sebako	Sebahagian Fasa II Sebako/ Serayan/Sebiris dan Fasa III Pueh	682
Jumlah		**11,373**

Sumber : Fail Pembangunan Tanah Kawasan Bau/Lundu

Lembaga tidak mewartakan tanah yang mana pemilik tanah telah bersetuju untuk membenarkan tanah mereka dibangunkan terlebih dahulu. Ini adalah kerana Ordinan Lembaga 1976 tidak memperuntukkan pembatalan ke atas pewartaan tanah sekiranya pemilik tanah ingin menarik diri selepas tanah mereka diwartakan sebagai kawasan tanaman kelapa sawit. Oleh itu untuk melaksanakan program ini dengan lancar, maka Lembaga tidak mempunyai pilihan

selain membangunkan tanah tersebut terlebih dahulu sebelum ianya diwartakan. Bagaimanapun bagi tanah yang telah dibangunkan, Lembaga sedang mengambil tindakan untuk mewartakan tanah berkenaan.

Pada pendapat Audit, demi menjaga kepentingan kedua pihak dan juga bagi melaksanakan fungsi serta aktiviti Lembaga secara berkesan, Seksyen 21(1) Ordinan Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak 1976 hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

72.2.4 Sumber Kewangan Dan Peruntukan

Semakan Audit mendapati sebanyak 4 perjanjian pinjaman Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek pembangunan ladang kelapa sawit di kawasan Bau/Lundu termasuk kawasan Serian berjumlah RM144.69 juta telah diluluskan.

Pihak Audit mendapati peruntukan kewangan yang diterima sehingga bulan Jun 2003 adalah berjumlah RM126.72 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM70.38 juta adalah diterima sebagai pinjaman dan RM22.53 juta adalah geran Kerajaan Persekutuan. Peruntukan tersebut adalah bagi tujuan pembangunan ladang sejumlah RM70.38 juta, pembinaan bangunan kediaman dan pejabat sejumlah RM13.35 juta, pembinaan dan penyenggaraan jalan raya sejumlah RM1.60 juta, pembelian kenderaan dan alat jentera sejumlah RM6.56 juta dan lain-lain kelengkapan sejumlah RM1.02 juta. Manakala sejumlah RM21 juta pinjaman dan RM12.81 juta geran Kerajaan Negeri disediakan untuk mewujudkan perkampungan ladang dan membina komponen kilang kelapa sawit.

Adalah didapati kos pembangunan ladang yang digunakan untuk tujuan penyenggaraan estet sehingga matang diklasifikasikan sebagai

pinjaman oleh Lembaga kepada pemilik tanah. Sebaik sahaja pokok kelapa sawit matang, pembiayaan akan dihentikan. Kesemua kos penyenggaraan ladang akan dibiayai sendiri oleh setiap estet melalui hasil jualan buah tandan segar.

Pada akhir tempoh kewangan, lebihan daripada hasil estet akan digunakan bagi tujuan bayaran balik pinjaman, rezab am, rezab tanaman semula dan pembahagian untung bersih (dividen kepada pemilik tanah). Perbelanjaan langsung seperti penuaian, pembajaan, pengangkutan dan penyenggaraan akan dibiayai oleh estet. Manakala sebahagian perbelanjaan tidak langsung seperti pentadbiran dan susut nilai dibiayai oleh Lembaga.

Adalah didapati pada tahun 2001, penurunan harga minyak kelapa sawit mentah telah memberi kesan kepada prestasi kewangan estet. Hampir keseluruhan kos pentadbiran dan susut nilai berjumlah RM4.96 juta telah dibiayai oleh Lembaga. Bagaimanapun, pada tahun 2002, Lembaga hanya membiayai 60% kos pentadbiran dan susut nilai. Setakat bulan Jun 2003, sejumlah RM64.91 juta kos pembangunan ladang kelapa sawit telah dikenakan kepada pemilik tanah. Daripada jumlah tersebut, hanya RM5.73 juta atau 9% bayaran balik telah dibuat.

Pihak Audit berpendapat peruntukan yang diperolehi telah dibelanjakan mengikut rancangan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, bayaran balik pinjaman daripada pemilik tanah adalah kurang memuaskan.

72.2.5 Jadual Pelaksanaan Kerja Tahunan

Bagi memastikan Rancangan Kerja Tahunan mencapai objektifnya, aktiviti yang dirancang hendaklah dilaksanakan mengikut jadual yang

ditetapkan. Kejayaan rancangan kerja ini bergantung kepada pelaksanaan aktiviti mengikut jadual yang telah dirancang. Semakan Audit ke atas pelaksanaan kerja ladang mendapati kerja pembajaan, merumput dan menuai tidak dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Antara punca yang menyebabkan kelewatan tersebut adalah:

i) Sumber Tenaga Kerja Ladang

Bagi kakitangan ladang, sebanyak 122 jawatan dipohon telah diluluskan oleh pihak Lembaga. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 120 jawatan telah diisi. Manakala 952 tenaga kerja ladang dipohon dan telahpun diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tujuan menjalankan kerja ladang di 5 estet. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 565 atau 59% jawatan telahpun diisi oleh pemilik tanah dan tenaga kerja tempatan. Tenaga kerja ladang yang merupakan nadi utama bagi melaksanakan pembangunan ladang kelapa sawit tidak mencukupi di mana 41% keperluan tenaga kerja belum diisi. Bagi menangani masalah ini, Lembaga telah mengambil tenaga kerja Indonesia untuk menjalankan kerja penuaian melalui pelantikan agen.

Semakan Audit setakat bulan Jun 2003 mendapati 254 tenaga kerja Indonesia telah diambil bekerja di 5 estet Bau/Lundu. Bagaimanapun, jumlah ini masih tidak mencukupi untuk melaksanakan kerja ladang. Tenaga kerja ladang yang sedia ada lebih memberikan tumpuan kepada kerja penuaian di kawasan matang dan ini telah mengakibatkan kerja penyenggaraan seperti merumput di kawasan belum matang diabaikan. Lawatan Audit di Estet Sebako mendapati kawasan belum matang dipenuhi oleh semak seperti **Foto 24**.

Foto 24
Ladang Kelapa Sawit Di Estet Sebako
Yang Tidak Disenggarakan

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 7 Ogos 2003

Pihak Audit berpendapat Lembaga perlu mengambil tindakan serius untuk menangani masalah kekurangan sumber tenaga kerja supaya kerja ladang dapat dilaksanakan mengikut jadual kerja yang ditetapkan.

ii) Latihan Dan Bimbingan

Latihan secara intensif bagi tenaga kerja ladang tidak dijalankan kerana tidak dirancang dalam aktiviti tahunan. Bagaimanapun, latihan sambil bekerja diberi kepada tenaga kerja ladang dan pemilik tanah oleh Penyelia Ladang. Oleh kerana ketiadaan rancangan latihan tahunan, penilaian semula tidak dapat dijalankan ke atas keberkesanannya.

Semakan Audit mendapati kurangnya latihan khusus dan bimbingan terutama dari segi penuaian buah tandan segar menyebabkan pelaksanaan kerja ladang kurang memuaskan

seperti buah relai tidak dikutip sepenuhnya, buah tandan segar yang dituai terdiri daripada tandan mengkal, tandan muda, tandan rosak, tandan kotor dan terdapat tandan yang dipotong melebihi 2 inci. **Jadual 74** menunjukkan peratusan buah relai yang tidak dikutip, tandan mengkal dan tandan panjang yang dipotong melebihi 2 inci oleh pekerja ladang di 5 estet dari bulan Januari hingga Jun 2003. Keadaan ini berlaku kesan daripada kekurangan latihan dan bimbingan daripada pihak pengurusan.

Jadual 74
Peratusan Buah Relai Tidak Dikutip, Penuaian Tandan Mengkal Dan Tandan Panjang Dipotong Melebihi 2 Inci Dari Bulan Januari Hingga Jun 2003

Bulan	Buah Relai Tidak Dikutip (%)	Tandan Mengkal (%)	Tandan Panjang Yang Dipotong Melebihi 2 Inci (%)
Januari	34	22	0
Februari	19	14	0
Mac	21	10	0
April	11	6	0
Mei	5	6	10
Jun	14	6	0

Sumber : Piawai Purata Buah Tandan Segar Bulanan Dan Lawatan Audit Dalam

Soal selidik Audit yang diedarkan kepada 88 peserta mendapati 68% tenaga kerja ladang telah mengikuti latihan. Bagaimanapun daripada jumlah tersebut, 90% menyatakan latihan yang diberikan kurang berkesan kerana latihan secara khusus seperti kaedah penuaian yang betul tidak disediakan. Faktor ini telah menyumbang kepada sebahagian daripada punca penuaian buah tandan segar dan penyenggaraan ladang yang kurang memuaskan.

Pihak Audit berpendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya hendaklah diberi kepada semua tenaga kerja ladang untuk meningkatkan mutu pengeluaran minyak kelapa

sawit mentah dan memastikan kerja dapat dijalankan mengikut jadual.

iii) Pembajaan

Berdasarkan kepada manual dan Rancangan Kerja Tahunan, adalah didapati pokok kelapa sawit perlu dibaja 2 kali setahun iaitu pada bulan Feb/Mac dan Jun/Julai. Pokok kelapa sawit memerlukan jumlah unsur baja yang mencukupi bagi mencapai tahap pertumbuhan dan pengeluaran hasil yang baik.

a) Bekalan Baja

Bekalan baja kepada setiap estet diuruskan oleh Ibu Pejabat (Agronomi) berdasarkan jadual tahunan yang dikemukakan dalam Rancangan Kerja Tahunan. Pesanan secara berpusat ini diwujudkan bagi mengelakkan sebarang kelewatan ataupun pembelian baja yang tidak terkawal dan memastikan kerja pembajaan dapat dijalankan mengikut jadual.

Semakan Audit terhadap bekalan baja pada tahun 2002 mendapati pihak kontraktor lewat membekal baja bagi pusingan kedua pembajaan tahun 2002. Bekalan baja hanya diperolehi pada akhir bulan Mei 2003 dan merupakan bekalan terakhir bagi kontraktor tersebut. Bagaimanapun, bekalan tersebut tidak lagi sesuai digunakan untuk pembajaan pada tahun 2003 mengikut syor yang dibuat oleh juruperunding luar (Agronomi).

Pada tahun 2003, pihak pengurusan telah melantik juruperunding untuk mengenal pasti baja yang sesuai digunakan. Bagaimanapun, keputusan untuk menentukan penggunaan jenis baja oleh juruperunding tersebut hanya

diperolehi pada awal tahun 2003. Manakala tender bagi membekal baja yang disyorkan hanya dibuat pada pertengahan bulan Mac 2003. Oleh itu, kerja pembajaan pusingan pertama bagi tahun 2003 tidak dapat dijalankan. Semakan lanjut Audit mendapati baja hanya dapat dibekalkan oleh kontraktor yang dipilih pada akhir bulan Julai 2003 di Estet Stenggang. Manakala di estet lain, bekalan baja belum lagi diperolehi semasa lawatan Audit pada akhir bulan Julai 2003.

b) Kekerapan Pembajaan

Semakan Audit mendapati kerja pembajaan di Estet Bratak hanya mampu mencapai sasaran 23% daripada 50% kerja pembajaan bagi pusingan pertama seperti **Carta 1**. Kerja pembajaan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan di semua estet berkenaan kerana kekurangan tenaga kerja ladang, bekalan baja yang tidak sesuai dan bekalan baja yang disyorkan bagi kerja pembajaan tahun 2003 belum dibekalkan. Selain itu, kelewatan dalam proses tender juga menyumbang kepada kegagalan mencapai kekerapan pembajaan seperti yang ditetapkan.

Carta 1
Kemajuan Kerja Pembajaan Di Estet Bagi
Tahun Berakhir 30 Jun 2003



Sumber : Laporan Sistem Pengurusan Maklumat

c) Penyimpanan Baja

Lawatan Audit ke Estet Stenggang pada akhir bulan Julai 2003 mendapati 77,450 kg baja *NPK Mixture* bernilai RM31,290 bagi kerja pembajaan pusingan pertama tahun 2003 disimpan di tempat letak kereta yang berbumbung seperti **Foto 25**.

Foto 25
Stok Baja Baru Disimpan
Di Tempat Letak Kereta Di Estet Stenggang

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 25 Julai 2003

Baja tersebut terpaksa disimpan di tempat letak kereta kerana stor yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung bekalan baja yang diterima. Semakan Audit mendapati 58,050 kg stok baja lama bernilai RM40,022 yang tidak sesuai digunakan bagi tumbesaran pokok kelapa sawit masih berada di dalam stor.

Semakan lanjut Audit mendapati pesanan baja *NPK Mixture* telah dibuat pada akhir bulan Mei 2003 bagi pembajaan pusingan akhir tahun 2002. Kelewatan pesanan ini telah menyebabkan kerja pembajaan tidak dapat dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan. Manakala di Estet Jagoi, Undan dan Sebako pula, baja yang tidak sesuai untuk tumbesaran peringkat pokok kelapa sawit masih disimpan di dalam stor melibatkan 14,850 kg baja bernilai RM2,606 di Estet Jagoi, sebanyak 82,700 kg baja di Estet Undan bernilai RM23,569 dan 550 kg baja bernilai RM3,058 di Estet Sebako. Lawatan Audit pada akhir bulan Julai 2003 mendapati baja yang diperlukan belum lagi dibekalkan. Kegagalan melaksanakan kerja pembajaan mengikut jadual yang ditetapkan akan menjejaskan tumbesaran pokok dan kualiti buah tandan segar.

Pada pandangan Audit, penyimpanan stok baja tersebut masih tidak sesuai kerana terdedah kepada hujan dan panas serta berkemungkinan berlaku kecurian. Manakala baja yang tidak sesuai bagi tumbesaran pokok kelapa sawit di estet terbabit hendaklah diserahkan kepada estet yang memerlukan. Kelewatan bekalan baja mengikut pusingan pembajaan akan menjejaskan pengeluaran buah tandan segar dalam jangka masa panjang.

72.2.6 Pelaksanaan Kerja Yang Dikontrakkan

Pelaksanaan kerja yang dikontrakkan adalah berdasar kepada jadual kerja yang telah disediakan oleh pihak estet. Kerja yang dikontrakkan adalah meliputi kerja penyenggaraan ladang, penyenggaraan jalan, jambatan dan tempat pemunggahan buah tandan segar.

i) Perolehan Kerja Penyenggaraan

Perolehan bagi kerja penyenggaraan ladang adalah dibuat melalui pesanan kerja kepada kontraktor tempatan. Sebahagian daripada kontraktor tempatan pula merupakan gabungan peserta projek ladang kelapa sawit yang sama. Sehingga bulan Jun 2003, sebanyak 1,425 pesanan kerja bernilai RM4.43 juta dikeluarkan kepada 575 kontraktor tempatan. Semakan Audit mendapati Lembaga telah memecahkecilkan kerja penghantaran buah tandan segar ke kilang kepada 6 kontraktor tempatan dengan mengeluarkan sebanyak 27 pesanan kerja yang bernilai RM83,247 bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 2003. Keadaan ini adalah bertentangan dengan peraturan Kerajaan Negeri yang menghendaki perolehan sama ada kerja, bekalan atau perkhidmatan yang berjumlah RM10,000 ke atas tetapi kurang dari RM50,000 setahun hendaklah dipelawa secara sebut harga. Manakala jika jumlahnya melebihi RM50,000 setahun hendaklah dibuat secara tender.

Semakan Audit mendapati perolehan bagi kerja penyenggaraan jalan, jambatan dan tempat pemunggahan buah tandan segar dibuat melalui sebut harga dan tender. Pengurusan perolehan melalui sebut harga dan tender dilaksanakan mengikut prosedur dan garis panduan yang telah disediakan oleh Lembaga. Pemilihan dan kelulusan sebut harga dibuat di peringkat Pejabat Kawasan oleh Jawatankuasa Sebut Harga. Manakala kelulusan

tender pula dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan Tender di peringkat Ibu Pejabat. Pada tahun 2002, sebanyak 22 kontrak telah ditawarkan melibatkan sejumlah RM14.38 juta dan 2 kontrak pada tahun 2003 bernilai RM272,892.

ii) Penyenggaraan Ladang

Kerja penyenggaraan ladang adalah dilaksanakan oleh pemilik tanah, tenaga kerja tempatan dan tenaga kerja asing. Selain itu, kerja tersebut juga turut dikontrakkan kepada kontraktor tempatan melalui pesanan kerja. Sehingga bulan Jun 2003, kerja yang telah dikontrakkan meliputi kawasan seluas 5,960 hektar dan penyenggaraan yang dijalankan adalah seperti kawalan rumpai di sekitar pokok dan antara barisan tanaman, pembajaan, penuaian dan pemangkasan.

Lawatan Audit ke Fasa IV Blok 4A, Estet Stenggang pada akhir bulan Julai 2003 mendapati kerja penyenggaraan ladang seluas 1,185 hektar yang dibuat melalui pesanan kerja tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Berdasarkan baucar bayaran yang telah dikeluarkan, penyenggaraan ladang hanya dilaksanakan ke atas seluas 142 hektar kawasan yang melibatkan perbelanjaan bernilai RM201,743. Penyenggaraan gagal dilaksanakan adalah disebabkan pihak kontraktor tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi. Akibatnya ladang terbiar dan semak lebih tinggi daripada pokok kelapa sawit seperti **Foto 26**. Dengan hanya menggunakan pesanan kerja, Lembaga tidak dapat mengambil sebarang tindakan undang-undang ke atas kegagalan kontraktor menjalankan kerja. Untuk mengatasi masalah ini, Lembaga telah melaksanakan kerja penyenggaraan tersebut secara kontrak dengan kos sejumlah RM1.69 juta. Lawatan Audit ke Fasa IV Blok 4B, Estet Stenggang pada tarikh yang sama mendapati kerja

penyenggaraan yang dijalankan oleh pihak kontraktor secara kontrak adalah memuaskan seperti **Foto 27**.

Foto 26

Keadaan Ladang Kelapa Sawit Di Fasa IV Blok 4A, Estet Stenggang Yang Tidak Disenggarakan Oleh Kontraktor Melalui Pesanan Kerja

Foto 27

Keadaan Ladang Kelapa Sawit Di Blok Fasa IV 4B, Estet Stenggang Yang Telah Disenggarakan Oleh Kontraktor Secara Kontrak

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 25 Julai 2003

iii) Penyenggaraan Jalan, Jambatan Dan Tempat Pemunggahan Buah Tandan Segar

Semakan Audit mendapati 5 kontrak kerja berjumlah RM1.51 juta untuk menyenggara jalan, jambatan dan tempat pemunggahan buah tandan segar telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan. Lawatan Audit ke semua estet mendapati kerja penyenggaraan telah dijalankan mengikut jadual. Semakan lanjut Audit mendapati salah satu daripada kontraktor yang dilantik tidak melaksanakan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan di mana saiz batu yang dibekalkan ke jalan ladang di Fasa III, Estet Stenggang melebihi saiz yang dinyatakan dalam kontrak iaitu 3 inci dengan harga RM18 per tan. Ini menyebabkan batu jalan tidak mampat dan mengakibatkan kerosakan pada permukaan

jalan. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati pembekalan saiz batu yang tidak mengikut spesifikasi ini telah dipersetujui oleh Penyelia Projek yang dilantik kerana pada masa tersebut tiada stok batu yang sepatutnya boleh diperolehi dari pihak kuari. Namun, bayaran masih dibuat mengikut kadar saiz batu seperti dalam kontrak.

Pada pendapat Audit, bagi mengelakkan berlakunya kos tambahan, kerja kontrak hendaklah dilakukan mengikut spesifikasi. Selain itu, pihak estet perlu membuat penyeliaan yang rapi terhadap kerja yang dijalankan oleh kontraktor. Manakala amalan memecahkecilkan kerja bagi satu jenis kerja yang sama adalah dilarang kecuali ada justifikasi yang kukuh dan mendapat kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri.

72.2.7 Penjagaan Benih Kelapa Sawit

Tapak semaian memainkan peranan penting iaitu menyediakan anak pokok yang baik sebelum dipindahkan ke ladang. Ia diperlukan supaya dapat menghasilkan pokok berpotensi untuk mengeluarkan hasil yang tinggi setelah ditanam di ladang. Selain itu, ia adalah tempat pengumpulan anak benih setempat dan memudahkan operasi penyenggaraan yang sempurna. Tapak semaian bagi kawasan Bau/Lundu adalah terletak di Estet Sebako (Pueh dan Belungei) yang dibangunkan pada awal tahun 2002. Manakala di Estet Jagoi tapak semaian dibangunkan pada awal tahun 2003. Sehingga bulan Jun 2003, Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM626,509 bagi perbelanjaan tapak semaian tersebut.

Semakan Audit mendapati Lembaga membeli 175,591 benih kelapa sawit mengikut parameter yang telah disurvei dan diluluskan iaitu seluas 1,110 hektar. Bagi tempoh bulan Februari 2002 hingga Jun

2003, kedudukan stok benih kelapa sawit di Estet Sebako dan Jagoi adalah seperti di **Jadual 75.**

Jadual 75

Stok Benih Kelapa Sawit Bagi Tempoh Februari 2002 Hingga Jun 2003

Tapak Semaian	Jumlah Benih Diperolehi	Jumlah Ditakai *(Culled)*	Jumlah Benih Dikeluar Ke Ladang	Jumlah Benih Yang Tidak Dikeluarkan Ke Ladang
Pueh-Fasa IIIB	81,916	20,736	13,181	47,999 (59%)
Belungei-Fasa IIIA	45,580	6,834	6,648	32,098 (70%)
Jagoi-Fasa VIII	48,095	1,503	Tidak Berkenaan*	Tidak Berkenaan*
Jumlah	**175,591**	**29,073**	**19,829**	**80,097**

Sumber : Rekod Tapak Semaian Harian Pueh Dan Belungei

*Nota : * Benih masih belum matang untuk dipindah ke ladang*

Daripada jumlah bekalan itu, adalah didapati sejumlah 29,073 atau 17% benih kelapa sawit telah ditakai kerana daun kekuningan, benih jantan, daun bergulung-gulung, daun tidak selari, daun berselang-seli, pucuk pendek dan dahan pendek. Keadaan ini berlaku disebabkan kekurangan pemantauan dan penyeliaan terhadap penjagaan benih pokok kelapa sawit. Manakala benih kelapa sawit di tapak semaian Jagoi tidak dilindungi dengan pelepah sawit yang disyorkan. Pemeriksaan Audit mendapati tapak semaian Sebako dan Jagoi tidak dipagar. Namun seorang jaga telah dilantik untuk mengawasi tapak tersebut.

Lawatan Audit mendapati stok benih kelapa sawit di Sebako tidak dikeluarkan ke ladang iaitu sebanyak 80,097 pokok. Keadaan ini berlaku disebabkan pesanan bekalan benih kelapa sawit dibuat mengikut keluasan tanah yang akan dibangunkan iaitu seluas 610 hektar tanah. Bagaimanapun, keluasan sebenar tanah yang diusahakan ialah 340.2 hektar iaitu hanya 56% pemilik tanah sahaja yang bersetuju untuk menyerahkan tanah mereka untuk diusahakan oleh Lembaga di kawasan terbabit. Pihak Audit mengesyorkan supaya

tindakan sewajarnya diambil untuk memindahkan pokok tersebut yang berusia antara 16 hingga 18 bulan ke estet lain untuk ditanam.

Pada pendapat Audit, penjagaan tapak semaian perlu dititikberatkan dari segi pemantauan dan penyeliaan bagi menjamin pengeluaran benih kelapa sawit yang berkualiti. Selain itu, bekalan benih kelapa sawit hendaklah diambil berdasarkan keluasan sebenar tanah yang akan diusahakan.

72.2.8 Pengeluaran Buah Tandan Segar

Bagi mendapatkan mutu buah kelapa sawit yang baik, tandan buah kelapa sawit yang cukup masak sahaja dituai kerana ia mengandungi kandungan minyak yang tinggi. Tandan masak ialah tandan segar yang berwarna oren kemerahan dan mesokarpa buah lapisan luarnya berwarna oren. Tandan ini mempunyai sekurang-kurangnya 10 soket segar buah relai dan lebih daripada 50% buah masih melekat pada tandan semasa pemeriksaan di kilang. Tandan dan buah relai hendaklah dihantar ke kilang dalam masa 24 jam selepas dituai untuk mengelakkan daripada kehilangan berat dan kandungan Asid Lemak Bebas yang tinggi.

i) Semakan Audit terhadap Laporan Bulanan Pengeluaran Sebenar Buah Tandan Segar mendapati pada tahun 2001, tuaian buah tandan segar adalah 77% daripada anggaran 105,000 tan metrik dan meningkat menjadi 83% pada tahun 2002 berbanding anggaran 100,680 tan metrik. Setakat bulan Jun 2003, peratus buah tandan segar yang dihasilkan adalah 26% berbanding anggaran 119,810 tan metrik seperti di **Jadual 76.**

Jadual 76
Perbandingan Anggaran Pengeluaran Dengan Pengeluaran Sebenar Buah Tandan Segar Mengikut Estet Bagi Tahun 2001, 2002 Dan 2003

Nama Estet	2001 (Tan Metrik)			2002 (Tan Metrik)			2003 (Tan Metrik)		
	Anggaran	Sebenar	%	Anggaran	Sebenar	%	Anggaran	Sebenar (Setakat Jun)	%
Bratak	19,670	15,600	79	20,780	19,088	92	26,990	7,081	26
Jagoi	31,690	22,759	72	29,330	23,940	82	32,640	9,664	30
Stenggang	14,990	13,676	91	17,020	14,064	83	18,960	5,917	31
Undan	32,710	23,919	73	27,790	21,068	76	34,020	7,102	21
Sebako	5,940	5,157	87	5,760	5,495	95	7,200	1,907	26
Jumlah	**105,000**	**81,111**	**77**	**100,680**	**83,655**	**83**	**119,810**	**31,671**	**26**

Sumber : Laporan Anggaran Dan Pengeluaran Sebenar Buah Tandan Segar Bulanan

Menurut Laporan Audit Dalam pada akhir tahun 2002, peningkatan buah tandan segar yang dihasilkan pada tahun 2002 adalah disebabkan pertambahan pokok kelapa sawit matang di beberapa fasa baru setiap estet seperti Bratak, Jagoi, Undan dan Sebako. Bagaimanapun, Estet Stenggang mencapai tahap peratusan yang rendah pada tahun 2002 berbanding 2001. Ini adalah disebabkan oleh pokok kelapa sawit di Fasa I Blok 1 dan 2 dan Fasa II Blok 3 telah musnah akibat dilanda banjir pada awal tahun 2002.

ii) Bagi memperolehi hasil purata buah tandan segar, jumlah pengeluaran tahunan hendaklah dibandingkan dengan jumlah kawasan tuaian dalam setahun. Statistik purata hasil bagi kelima estet mendapati hanya Estet Sebako sahaja yang sesuai dipilih untuk perbandingan dengan norma industri Lembaga Minyak Kelapa Sawit kerana benih kelapa sawit di estet tersebut ditanam serentak sejak 7 tahun yang lalu dan tempoh matangnya adalah sama. Perbandingan tersebut adalah seperti di **Jadual 77.** Manakala di estet lain, hasil purata tidak menunjukkan gambaran yang sebenar kerana tahun penanaman dan tempoh matang pokok kelapa sawit adalah berbeza di setiap fasa dan blok.

Jadual 77
Perbandingan Pengeluaran Buah Tandan Segar Tahunan

Tahun	Estet Sebako (Purata Hasil Tan Matrik/ Hektar)	Norma Industri (MPOB) (Purata Hasil Tan Matrik/Hektar)
2001(umur pokok 7 tahun)	14.33	18.80
2002 (umur pokok 8 tahun)	15.30	18.80

Sumber : Laporan Pengeluaran Sebenar Buah Tandan Segar Bulanan Dan Norma Industri Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia (MPOB)

Merujuk kepada Laporan Sistem Maklumat Pengurusan Suku Kedua Berakhir 31 Jun 2003 berkenaan prestasi pengeluaran buah tandan segar pada tahun 2002, Estet Sebako tidak dapat mencapai norma industri tersebut disebabkan kekurangan tenaga kerja semasa penuaian. Manakala Laporan Bulanan Kemajuan Estet (*Field Assessment*) Disember 2002 juga menyokong penurunan prestasi pengeluaran di mana seluas 127 hektar kawasan pokok kelapa sawit matang tidak dapat dituai kerana kekurangan tenaga kerja.

iii) Mengikut Laporan Penggredan Buah Tandan Segar Kilang bagi bulan Jun 2003 yang dikeluarkan kepada pihak pengurusan, adalah didapati buah tandan segar yang dihantar oleh kesemua estet di Bau/Lundu adalah kurang bermutu, lama dan busuk. Daripada Borang Penggredan Buah Tandan Segar Fasa IV, Estet Bratak bagi pertengahan bulan Jun 2003 mendapati buah tandan segar yang dihantar ke kilang mengandungi 5% tandan mengkal, 11% tandan buruk dan 6% tandan kosong. Manakala kualiti tandan yang dituai pula terdiri daripada 8% tangkai panjang, 75% tandan lama dan 45% buah relai buruk. Keadaan ini menyebabkan kualiti minyak yang dihasilkan oleh kilang adalah rendah di mana kandungan Asid Lemak Bebas adalah tinggi. Selain itu, peratus buah tandan segar muda telah mula ketara/meningkat. Penghantaran buah tandan segar muda ini

boleh menjejaskan kadar perahan di kilang. Keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya penyeliaan di pihak pengurusan Lembaga.

Pada pendapat Audit, pengeluaran buah tandan segar di Estet Bau/Lundu boleh dipertingkatkan dengan menambahkan tenaga kerja ladang dan memberi latihan khusus dalam penuaian.

Prestasi pengeluaran buah kelapa sawit adalah bergantung sepenuhnya kepada pelaksanaan rancangan kerja tahunan oleh pihak pengurusan. Bagaimanapun, pihak Audit berpendapat pelaksanaan rancangan kerja tahunan tidak dijalankan dengan berkesan dan teratur. Kerja ladang tidak dapat dijalankan kerana kekurangan tenaga kerja ladang dan latihan yang mencukupi. Selain itu, kerja penyenggaraan yang lewat dan tidak mengikut jadual telah memberi kesan kepada produktiviti buah kelapa sawit pada keseluruhannya.

72.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berkesan adalah penting bagi menentukan pembangunan ladang kelapa sawit dilaksanakan mengikut perancangan. Pada masa yang sama, tindakan segera boleh diambil ke atas masalah yang timbul dari semasa ke semasa.

Di peringkat Ibu Pejabat, pemantauan bagi 5 estet ladang kelapa sawit di kawasan Bau/Lundu dilaksanakan oleh Bahagian Perladangan. Untuk memantau pelaksanaan kerja yang dirancang dan dijalankan, Lembaga telah mewujudkan Jawatankuasa di peringkat Ibu Pejabat seperti Pasukan Pemandu Kualiti dan Perkhidmatan Pertanian *(Agronomist).* Pasukan Pemandu Kualiti ditubuhkan pada bulan November 2002 bertujuan untuk menilai tahap kemajuan pelaksanaan kerja dan memastikan buah tandan segar yang dituai adalah cukup masak bagi menjamin mutu minyak yang tinggi dengan kehadiran

asid lemak yang rendah sebelum dihantar ke kilang kelapa sawit. Keahliannya adalah terdiri daripada 4 wakil iaitu di kawasan Saratok, Sri Aman, Serian dan Bau/Lundu. Semakan Audit mendapati di kawasan Bau/Lundu seorang wakil telah dilantik untuk membuat lawatan setiap hari dan laporan perlu disediakan dan diserahkan kepada Unit Pengeluaran, Ibu Pejabat Lembaga untuk tindakan selanjutnya.

Manakala Perkhidmatan Pertanian hanya mempunyai seorang ahli agronomi yang bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan penanaman dan penjagaan pokok kelapa sawit bagi 4 kawasan ladang kelapa sawit di atas. Semakan lanjut Audit mendapati Jawatankuasa Pasukan Pemandu Kualiti ini tidak pernah mengadakan mesyuarat sejak ditubuhkan dan ini telah mengakibatkan masalah yang dilaporkan tidak diambil tindakan. Adalah didapati seorang ahli agronomi tidak mampu menjalankan kerja pemantauan dengan efektif untuk keseluruhan kawasan ladang kelapa sawit Lembaga. Laporan Bulanan Fizikal Agronomi yang dikeluarkan oleh setiap estet hanya disimpan di dalam fail sahaja tanpa disemak oleh beliau.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat di peringkat Ibu Pejabat adalah tidak memadai. Pemantauan sukar dilaksanakan kerana kekurangan ahli dalam Pasukan Pemandu Kualiti dan ahli agronomi berbanding dengan keluasan estet secara keseluruhannya. Tindakan susulan juga kurang diambil perhatian oleh pihak pengurusan terhadap laporan dan pemeriksaan Jawatankuasa ini.

73. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan ladang kelapa sawit di kawasan Bau/Lundu perlulah dipertingkatkan memandangkan rancangan kerja tahunan tidak dilaksanakan sepenuhnya seperti yang dirancang dan pemantauan yang dibuat adalah tidak

menyeluruh. Bagi memastikan program ini lebih berjaya, adalah disyorkan supaya Lembaga mempertimbangkan langkah berikut:

i) kerja penyenggaraan ladang yang dijalankan hendaklah selaras dengan Rancangan Kerja Tahunan dan Jadual Kerja yang telah ditetapkan;

ii) tenaga kerja ladang hendaklah ditumpukan kepada semua peringkat kerja ladang supaya tumbesaran pokok kelapa sawit tidak terjejas dan pengeluaran buah tandan segar dapat dipertingkatkan;

iii) latihan kepada tenaga kerja ladang termasuk pemilik tanah disediakan dalam kalendar latihan tahunan;

iv) memastikan penggunaan baja yang sesuai dan pembajaan mengikut jadual bagi meningkatkan produktiviti di setiap estet;

v) penyeliaan yang rapi terhadap kerja ladang terutama kerja penuaian perlu dititikberatkan bagi mengelakkan penuaian buah tandan segar yang tidak berkualiti;

vi) memindahkan benih kelapa sawit yang terlalu matang di tapak semaian dengan segera ke estet lain yang memerlukannya; dan

vii) memantau dan mengambil tindakan segera ke atas masalah yang dilaporkan dalam Laporan Bulanan Fizikal Agronomi, Perbandingan Bulanan Penggredan Kilang Terhadap Kualiti Buah Tandan Segar dan Penilaian Estet dan Laporan Penilaian Pasukan Pemandu Kualiti.

MAJLIS PERBANDARAN SIBU

PENGURUSAN SAMPAH

74. LATAR BELAKANG

Pengurusan sampah merupakan sebahagian daripada infrastruktur moden yang bertujuan untuk memastikan kesihatan manusia dan alam sekitar sentiasa dilindungi. Akhir-akhir ini peningkatan sampah merupakan masalah yang perlu ditangani segera khususnya pungutan dan pelupusan sampah. Komposisi bahan buangan adalah bergantung kepada aktiviti seperti kediaman, perniagaan, institusi dan rekreasi. Jika tidak ditangani dengan segera dan teratur, peningkatan isipadu sampah ini boleh menjadi penyumbang utama pencemaran alam sekitar dan juga boleh membahayakan kesihatan awam seperti penduduk di bandar Sibu.

Kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sibu (Majlis) meliputi kawasan seluas 130 kilometer persegi dan mempunyai 151,582 penduduk dengan 26,621 premis iaitu 23,223 rumah kediaman, 2,350 premis komersial dan 1,048 premis industri. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah 120,000 tan sampah telah dibuang di kawasan Majlis. Secara purata seorang penduduk tempatan menghasilkan sampah 0.72 kilogram sehari berbanding dengan purata 0.80 kilogram bagi peringkat negara.

Di Sarawak adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan untuk memungut, melupus dan merawat sampah dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Tanggungjawab ini termaktub dalam Peraturan 15, Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996. Majlis mula menggunakan khidmat kontraktor pada tahun 1995 memandangkan peningkatan sampah dan sumber tenaga manusia di Majlis tidak mencukupi. Selain itu, ini juga selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menswastakan pengurusan sampah secara berperingkat bertujuan meningkatkan kualiti pengurusan sampah.

75. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan sampah di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sibu telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

76. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di Majlis Perbandaran Sibu bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Skop pengauditan tertumpu kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan sampah di premis kediaman dan komersial bagi tahun 2001 hingga 2003. Pemeriksaan Audit dilakukan terhadap buku vot, minit mesyuarat, dokumen dan kontrak perjanjian seperti kontrak pungutan sampah, kontrak tapak pelupusan dan kontrak loji rawatan sampah. Selain itu, temu bual dengan pegawai di Seksyen Kesihatan Dan Perkhidmatan Awam dan kontraktor yang membuat pungutan dan pelupusan sampah juga diadakan. Untuk meninjau kecekapan pengurusan sampah, lawatan dibuat ke lokasi dan tapak pelupusan untuk memastikan sama ada pungutan dan pelupusan dibuat seperti yang dijanjikan. Selain itu, soal selidik juga diedarkan kepada responden yang dipilih untuk mengetahui tahap perkhidmatan pungutan sampah oleh pihak Majlis.

77. PENEMUAN AUDIT

77.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur penting bagi memastikan pengurusan sampah yang dilaksanakan berjalan lancar dan tersusun.

77.1.1 Perundangan

Semua Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak adalah tertakluk kepada Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996, Undang-undang

Kecil Kebersihan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 1999, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Ordinan Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran 1994 bagi kerja memungut, melupus dan merawat sampah. Sehubungan itu, Majlis berperanan untuk menyenggara kebersihan kawasan perumahan, pusat perniagaan dan kemudahan awam, bangunan Kerajaan dan juga menyediakan tapak pelupusan sampah yang bersesuaian. Peruntukan undang-undang berkaitan secara ringkasnya adalah seperti berikut:

i) Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996

Menurut Seksyen 105 Ordinan ini, Majlis bertanggungjawab memungut, melupus dan merawat sampah.

ii) Undang-undang Kecil Kebersihan PBT, 1999

Undang-undang tersebut meletakkan tanggungjawab pemilik premis memastikan kawasannya bersih dan sampah dibuang dengan teratur. Manakala Majlis pula bertanggungjawab menyediakan tong sampah kepada semua pemilik premis di bawah pentadbirannya dan mengenakan denda jika mana-mana pemilik premis membuang sampah dengan tidak teratur. Selain itu, Undang-undang tersebut juga memberi kuasa kepada Majlis menggunakan sebarang cara untuk memungut dan melupus sampah.

iii) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Akta ini menetapkan keluasan dan kedudukan tapak pelupusan, kaedah melupus sampah dan juga kaedah merawat bahan kumbahan.

iv) Ordinan Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran 1994

Di bawah Seksyen 11A, Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran adalah bertanggungjawab memantau sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran udara dan kepupusan habitat dalam air. Dengan demikian, Majlis dikehendaki mengemukakan Laporan Kesan Penilaian Alam Sekitar kepada Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran untuk dinilai.

Pada pandangan Audit, Majlis mempunyai kuasa yang mencukupi untuk melaksanakan kerja memungut, melupus dan merawat sampah serta mengambil tindakan tertentu terhadap orang awam yang membuang sampah merata-rata bagi memastikan kawasan Majlis Perbandaran Sibu sentiasa bersih.

77.1.2 Keperluan Kewangan

Pada setiap tahun, Seksyen Kesihatan Dan Perkhidmatan Awam memohon peruntukan bagi tujuan membiayai perbelanjaan memungut sampah manakala penyediaan dan penyenggaraan tapak pelupusan sampah adalah di bawah peruntukan RMK8. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Seksyen ini telah memohon peruntukan sejumlah RM12.47 juta iaitu RM8.60 juta untuk mengurus pungutan sampah, RM2.05 juta untuk mengurus pelupusan sampah serta merawat loji rawatan, RM1.60 juta untuk membekalkan tong sampah dan RM221,000 untuk program kitar semula dan kebersihan.

Pihak Audit berpandangan Majlis telah merancang peruntukan kewangan yang cukup untuk mengurus pungutan, pelupusan dan merawat sampah.

77.1.3 Kaedah Pelaksanaan

Majlis merancang kaedah pelaksanaan pengurusan sampah seperti berikut:

i) Pelantikan Kontraktor

Menurut Peraturan 169 dan 200, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997, tender hendaklah dipelawa bagi bekalan/perkhidmatan yang melebihi RM50,000. Manakala Peraturan 221 Peraturan Kewangan yang sama menghendaki kelulusan Menteri diperolehi bagi bekalan atau perkhidmatan untuk pengecualian daripada proses tender. Bagi mengurus perkhidmatan pungutan sampah, penyenggaraan tapak pelupusan dan loji rawatan kumbahan dengan cekap, Majlis akan melantik kontraktor untuk menjalankan tugas tersebut.

ii) Pembahagian Zon/Jadual Dan Logistik

Bagi memudahkan perkhidmatan pungutan, Majlis membahagi kawasannya kepada 4 zon yang mempunyai sebanyak 31,796 tong sampah untuk dikendali. Pembahagian zon ini berdasarkan bilangan tong sampah di kawasan perumahan dan komersial. Zon 1 terdiri daripada 8 kawasan perumahan dengan bilangan tong sampah berjumlah 7,381, zon 2 pula mempunyai bilangan tong sampah berjumlah 9,089 daripada 10 kawasan perumahan manakala zon 3 yang meliputi 13 kawasan perumahan mempunyai 11,573 tong sampah. Zon 4 adalah kawasan komersial dan mempunyai 3,753 tong sampah. Selain itu, Majlis juga mengatur jadual untuk memastikan sampah dipungut pada waktu yang ditetapkan seperti di **Jadual 78.**

Jadual 78
Jadual Pungutan Sampah

Zon	Waktu Pungutan Sampah
1	12.00 t/malam -12.00 t/hari
2	12.00 t/malam -12.00 t/hari
3	12.00 t/malam -12.00 t/hari
4	12.00 t/malam - 6 .00 pagi 1.00 ptg. - 4.00 ptg.

Sumber: Perjanjian Kontrak

Perkhidmatan pungutan sampah di semua zon dikontrakkan di mana kontraktor perlu mempunyai 3 lori sampah, seramai 5 pekerja setiap lori iaitu seorang pemandu, seorang tukang sapu dan 3 pemungut sampah serta menyediakan Penyelia untuk memantau kerja pungutan. Bagaimanapun bagi Zon 4, Majlis akan membekal 3 buah lori serta penyenggaraan dan 3 orang pemandu lori, manakala kontraktor bertanggungjawab membekalkan pekerja, sebuah lori dan seorang Penyelia.

Pungutan sampah di kawasan perumahan iaitu Zon 1, Zon 2 dan Zon 3 dilakukan 3 kali satu minggu iaitu 1 kali pungutan sahaja pada hari berkenaan mengikut waktu yang ditetapkan. Manakala di kawasan komersial iaitu di Zon 4 kutipan dilakukan 2 kali hingga 3 kali pada setiap hari.

iii) Bekalan Tong Sampah

Di bawah Perenggan 10, Undang-undang Kecil Kebersihan PBT 1999, Majlis bertanggungjawab membekalkan tong sampah kepada semua pemilik premis kediaman dan komersial. Pada peringkat awal, Majlis merancang untuk membekalkan tong sampah kepada premis kediaman sahaja secara berperingkat mulai tahun 2002 dan bercadang untuk mengagihkan sebanyak 12,740 tong kepada pemilik premis bagi tempoh tahun 2002 hingga 2003 di kesemua 4 zon. Jenis tong sampah yang akan

dibekalkan ialah 120 liter untuk 12,516 premis kediaman manakala muatan 240 hingga 1,000 liter dibekalkan kepada premis komersial bagi tempoh tahun 2002 hingga 2003. Agihan tong ini bermula pada tahun 2002 di mana pada tahun tersebut sejumlah 6,386 tong sampah dijangka dapat dibekalkan dan 6,130 tong sampah dibekalkan pada tahun 2003 kepada pemilik premis di Zon 1, Zon 2 dan Zon 3. Bagi Zon 4 pula, sebanyak 224 tong sampah muatan 240 hingga 1,000 liter dijangka akan dibekalkan.

iv) Pelupusan Sampah

Bagi memastikan tapak pelupusan sampah diurus dengan teratur dan sempurna, kontraktor dikehendaki mengambus sampah dengan tanah serta memampatkannya sebanyak 3 ke 5 kali sehari. Kontraktor juga dikehendaki menanam rumput di kawasan sekitar tapak pelupusan sampah selain daripada memastikan sistem perparitan dan sistem kawalan hakisan dalam keadaan yang memuaskan. Selain itu, pagar perlulah dibina di sekeliling tapak pelupusan.

v) Rawatan Kumbahan

Majlis melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja di loji rawatan kumbahan. Laporan pengawasan pelepasan dari perangkap mendap di loji ini hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar setiap 3 bulan. Kemudahan pengumpulan air resapan juga hendaklah disediakan di mana sebarang pelepasan air kurasan (air yang telah ditapis) tidak dibenar dilepaskan ke dalam mana-mana alur air kecuali diolah terlebih dahulu seperti yang dinyatakan dalam Piawai B, Jadual Ketiga, Peraturan Kualiti Alam Sekitar, 1979, P.U.(A)12.

Pada pandangan Audit, dengan adanya terma kontrak seperti di atas, Majlis boleh memastikan pungutan, pelupusan sampah dan penyenggaraan loji rawatan dilaksanakan dengan cekap bagi menjamin kebersihan dan kualiti udara alam sekitar di kawasan Sibu terpelihara.

77.1.4 Pemilihan Tapak Pelupusan

Menurut piawai Jabatan Alam Sekitar, sekurang-kurangnya 1 tapak pelupusan sampah perlu diwujudkan bagi setiap 30,000 penduduk ataupun dalam lingkungan 10 kilometer bagi sesebuah penempatan atau perumahan serta tidak melebihi ½ hari perjalanan kerana sisa tersebut cepat busuk. Setiap tapak pelupusan ini pula perlulah mempunyai sokongan beberapa tapak pengumpulan sampah dalam lingkungan 5 kilometer dan dihadkan kepada pembuangan sisa pepejal. Selain itu, kesesuaian tapak dengan kawasan persekitarannya perlu diambil kira iaitu ia berada di aras 100 meter atas paras laut serta tidak berada dalam kawasan aliran air (sungai dan paya) manakala jangka hayat tapak pelupusan ialah 12 tahun. Keluasan minimum tapak yang diperlukan ialah 22 ekar dan mudah mendapat bekalan tanah untuk menimbus tapak serta mempunyai laluan keluar dan masuk yang sempurna. Semakan Audit mendapati Majlis telah merancang pemilihan tapak yang sesuai dan mengikut piawai yang telah ditetapkan serta mendapat kelulusan dari Jabatan Alam Sekitar.

Pada pandangan Audit, Majlis telah mengenal pasti tapak pelupusan yang sesuai serta mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar.

77.1.5 Publisiti Kesedaran Awam

Antara aktiviti yang dirancang oleh Majlis bagi mewujudkan kesedaran awam tentang pentingnya kebersihan adalah seperti berikut:

i) Kempen Kebersihan

Bagi meningkatkan kesedaran tentang kebersihan di kalangan penduduknya, Majlis telah merancang sebanyak 9 kempen iaitu masing-masing 1 kempen kebersihan pada tahun 2001 dan 2002 serta 7 kempen pada tahun 2003. Kempen ini melibatkan 17 kawasan iaitu 6 di kawasan perumahan, lima kawasan kampung, dua kawasan sekolah dan 4 kawasan komersial. Majlis telah merangka program kebersihan yang teratur untuk memberi kesedaran tentang kebersihan dan kitar semula kepada orang awam.

ii) Kitar Semula

Majlis memainkan peranan yang penting dalam mengurang dan mengurus bahan buangan. Dalam usaha ke arah itu, Majlis merancang untuk menubuhkan 4 pusat kitar semula di kawasan perumahan dan kawasan pejabat Kerajaan, stesen minyak dan sekolah pada tahun 2001. Tujuannya adalah untuk menggalakkan penduduk dalam kawasan pentadbirannya membuang bahan yang boleh dikitar semula di pusat ini. Dengan demikian, ini boleh mengurangkan isipadu bahan buangan.

Pada keseluruhannya, Majlis telah merancang pengurusan sampah dengan baik. Perancangan yang teratur akan membolehkan Majlis memastikan bandar Sibu bersih dan penduduk dapat menikmati kehidupan yang selesa.

77.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan perkhidmatan pengurusan sampah di kawasan pentadbiran Majlis cekap dan bermutu, Majlis telah memberi tanggungjawab untuk mengurus sampah kepada kontraktor. Oleh itu, bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM14.82 juta telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut seperti mengurus pungutan sampah dan penyenggaraan tapak pelupusan serta rawatan kumbahan, bekalan tong sampah, program kitar semula dan program kebersihan.

77.2.1 Pelantikan Kontraktor

Majlis telah melantik 8 kontraktor iaitu 4 untuk memungut sampah, satu untuk menyenggara tapak pelupusan, satu untuk merawat loji dan 2 untuk membekalkan tong sampah. Tempoh semua kontrak untuk memungut sampah bermula dari tahun 2001 hingga 2003, menyenggara tapak pelupusan pada akhir tahun 2001 hingga 2010, kontrak untuk rawatan kumbahan pada tahun 2003 hingga 2005 manakala kontrak bekalan tong sampah adalah kontrak tahunan.

i) Perlanjutan Kontrak

Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor adalah dibuat mengikut prosedur kecuali 4 kontraktor untuk perkhidmatan memungut sampah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Empat kontraktor ini telah dilanjutkan kontraknya tanpa memohon kelulusan terlebih dahulu daripada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam. Walaupun Mesyuarat *Extraordinary Meeting Of Standing Committee Of Public Health & Municipal Service* pada bulan Julai 2001 memutuskan agar perkhidmatan semua kontraktor ini dilanjutkan, ia adalah tidak teratur kerana Peraturan 169 dan 221, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997 tidak dipatuhi. Mengikut Peraturan 169, tender

hendaklah dipelawa bagi pembelian atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000. Jika peraturan ini tidak dipatuhi, kelulusan daripada Menteri hendaklah diperolehi. Bagaimanapun, adalah didapati Majlis hanya memohon dan mendapat kelulusan perlanjutan kontrak daripada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam pada bulan Jun 2003 berdasarkan Peraturan 162. Namun Peraturan 162 adalah didapati kurang relevan kerana ianya hanya merujuk kepada kontrak yang tempohnya tidak melebihi 1 tahun sahaja boleh dilanjutkan tanpa kelulusan daripada Kementerian.

Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat mendapati perlanjutan ini adalah berdasarkan prestasi perkhidmatan yang baik semua kontraktor dan atas pertimbangan bahawa kontraktor sudah membeli lori sampah yang tidak dapat diubahsuai untuk kegunaan lain. **Walaupun alasan tersebut agak munasabah, pada pandangan Audit, amalan seperti ini kurang sihat kerana membataskan peluang kontraktor lain yang mungkin boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik.**

ii) Kadar Bayaran

Semakan lanjut Audit mendapati Majlis turut mencadangkan agar bayaran kepada kontraktor dinaikkan sebanyak 15% daripada kos asal atas permintaan kontraktor pada tahun 2000 memandangkan tapak pelupusan baru di Kemuyang yang jauh dan kos perkhidmatan yang semakin meningkat. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap bayaran kepada kontraktor mendapati kos sebenar yang meningkat adalah antara 19% hingga 71% satu tong iaitu jauh lebih tinggi daripada yang diluluskan oleh Majlis seperti di **Jadual 79.**

Jadual 79
Peningkatan Kos Pungutan Sampah

Zon	Harga Kontrak Asal (RM)	Harga Kontrak Baru (RM)	Kadar Satu Tong (% Naik)	Harga Kontrak (% Naik)
1.	3.25	5.55	70.77	21.06
2.	4.50	6.71	49.11	93.26
3.	2.94	4.62	57.14	99.78
4.	4.09	4.88	19.32	49.27

Sumber : Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Sibu bertarikh 14 Ogos 2001

Pada pandangan Audit, kadar bayaran kepada kontraktor perlu dikaji semula supaya tidak menyebabkan kerugian kepada Majlis.

77.2.2 Penyediaan Tong Sampah

Adalah menjadi tanggungjawab Majlis membekal tong sampah kepada pemilik premis seperti dikehendaki oleh Perenggan 10, Undang-undang Kecil Kebersihan PBT 1999. Bagi memberi kemudahan dan perkhidmatan yang baik, Majlis secara berperingkat membekalkan sebanyak 12,354 tong sampah iaitu 6,000 tong sampah kepada pemilik premis pada tahun 2002 dan 6,130 lagi tong sampah pada tahun 2003. Manakala sebanyak 224 tong sampah muatan antara 240 hingga 1,000 liter telah dibekalkan kepada premis komersial di Zon 4.

Temu bual Audit dengan pemilik premis di 13 kawasan perumahan mendapati rata-rata pemilik premis berpuas hati dengan tong sampah yang dibekalkan. Bagi premis yang belum dibekalkan tong sampah, pemilik premis masih mengguna tong sampah jenis lama yang dibeli oleh mereka sendiri. Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab pemilik premis menyimpan tong sampah di dalam kawasan rumah dan meletaknya keluar bila masa pungutan serta membawa masuk

tong tersebut setelah sampah dipungut. Kegagalan membawa masuk tong sampah boleh menyebabkan pemilik dikenakan denda.

Pada pandangan Audit, cara agihan berperingkat adalah sesuai tetapi Majlis perlu mempercepatkan lagi proses dan membekalkan baki tong sampah sebanyak 386 tong kepada pemilik premis.

77.2.3 Kerja Pungutan Sampah

Analisis Audit mendapati semua kontraktor mempunyai lori sampah dan pekerja yang mencukupi iaitu 11 lori, lima belas pemandu dan 77 pekerja seperti yang dikehendaki dalam perjanjian. Malahan kontraktor mempunyai 33 orang pekerja simpanan sekiranya ada keperluan yang mendesak. Tinjauan Audit di 13 kawasan perumahan dan 7 kawasan komersial di kesemua 4 zon mendapati kesemua kontraktor mematuhi jadual yang disediakan. Selain itu, kerja pungutan sampah dilakukan dengan teratur seperti dalam perjanjian di mana tong sampah diletak semula ke tempat asal setelah bahan buangan dipunggah ke dalam lori. Bagi lorong kecil di mana lori tidak dapat masuk, sampah dipungut menggunakan bakul dan dibawa ke jalan besar untuk dipunggah ke dalam lori.

Temu bual Audit dengan pemilik premis dan keputusan soal selidik yang diedarkan kepada 100 responden di 20 kawasan dalam Zon 1 hingga Zon 4 melibatkan 7 kawasan komersial dan 13 kawasan perumahan mendapati 91% penduduk berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi oleh kontraktor. Manakala 9% lagi tidak berpuas hati kerana tong sampah tidak diletak di tempat asal dan ada juga sampah tertinggal berselerak.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan pungutan sampah oleh kontraktor adalah teratur dan cekap.

Semakan lanjut Audit mendapati ada juga pekerja di bawah umur diambil bekerja oleh kontraktor. Perkara ini adalah tidak selaras dengan *Labour Ordinance (Sarawak Chapter 76) 1952* yang menetapkan hanya pekerja berusia 18 tahun dan ke atas boleh diambil untuk bekerja.

Walaupun kes ini terpencil, demi untuk menjaga nama Kerajaan, pihak Audit berpandangan Majlis hendaklah memastikan kontraktor tidak menyalahi undang-undang.

77.2.4 Pelupusan Sampah

Tapak pelupusan sampah jika tidak diurus dengan sempurna dan tidak mengikut kehendak piawai Jabatan Alam Sekitar boleh menyebabkan risiko tinggi terhadap alam sekitar dan manusia di sekitar kawasan tapak pelupusan. Sebagai contoh, tapak pelupusan terbuka boleh memberi kesan kepada sistem tanah dan air di kawasan tersebut. Selain bau busuk, penyakit mata dan kulit juga boleh mengganggu kehidupan manusia di persekitaran kawasan tapak.

i) Pemilihan Tapak Pelupusan

Mengikut kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar, tapak pelupusan hendaklah seluas 22 ekar dan terletak sekurang-kurangnya 10 kilometer daripada kawasan perumahan. Adalah didapati jarak tapak pelupusan Majlis di Kemuyang ialah 26 kilometer dari bandar Sibu serta kedudukannya adalah 100 meter dari aras laut seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Tinjauan Audit mendapati terdapat kawasan perumahan dan

sekolah pada jarak 3.5 kilometer dari tapak pelupusan. Adalah didapati juga keluasan tapak ini hanya 13.6 ekar dan berkemungkinan mempunyai jangka hayat yang pendek iaitu tidak mencapai 12 tahun seperti yang ditetapkan. Lawatan Audit ke tapak pelupusan mendapati tapak pelupusan ini juga telah disediakan dengan infrastruktur yang baik iaitu jalan masuk ke tapak pelupusan dan utiliti seperti air dan api juga disediakan. Bagaimanapun, kawasan tersebut tidak dipagar bagi mengelak sebarang pencerobohan dan memastikan tiada aktiviti mencari bahan buangan sepertimana yang disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Pada pandangan Audit, pemilihan tapak kurang sesuai kerana ada penempatan di sekitarnya. Selain itu, Majlis juga perlu mencari tapak pelupusan baru kerana tapak sekarang tidak dapat lagi menampung jumlah bahan buangan yang semakin meningkat.

ii) Penyenggaraan Tapak Pelupusan

Lawatan Audit ke tapak pelupusan mendapati kontraktor ada menyedia pekerja sendiri iaitu 7 pekerja dan satu unit *Landfill Compactor Machine* serta peralatan lain bagi tujuan penyenggaraan tapak ini seperti dalam perjanjian. Adalah didapati kontraktor menyenggara parit serta memotong rumput dengan memuaskan. Bagaimanapun, penyenggaraan tapak pelupusan tidak dilakukan sepertimana dalam perjanjian. Mengikut perjanjian kontrak, setiap muatan lori hendaklah dirata dan dimampat sebanyak 3 ke 5 kali dan dikambus dengan tanah dan pasir setebal 15 sentimeter. Manakala mengikut syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar tapak pelupusan hendaklah dikambus bagi setiap 100 tan sampah. Namun, adalah didapati

kontraktor hanya mengambus dan merata sampah jika petak sampah penuh. Mengikut penjelasan pihak Majlis, jika tapak pelupusan ini dikambus setiap hari jangka hayat tapak pelupusan akan menjadi pendek manakala kos mendapatkan tanah serta pasir adalah tinggi.

Selain itu, sebagai langkah untuk mengawal pembiakan binatang dan serangga, tapak pelupusan perlulah disembur dengan racun serangga tertentu. Bagi makhluk perosak seperti tikus dan juga serangga seperti lalat, sejenis racun *Fastac* dan *Dichlorvos42* sepatutnya disembur setiap minggu. Pemeriksaan Audit mendapati racun serangga tersebut tidak disembur seperti yang ditetapkan kerana pada pendapat Majlis, kesan sampingan racun serangga ini boleh menjejaskan kesihatan.

Pada pandangan Audit, Majlis sepatutnya memastikan bahawa syarat perjanjian serta piawai yang ditetapkan dipatuhi bukannya mengutamakan masalah yang akan dihadapi oleh kontraktor. Majlis juga hendaklah memastikan jenis racun yang dibenarkan mengikut ketetapan Akta Racun Makhluk Perosak, 1974 sebelum meminta kontraktor membuat kerja semburan untuk mengawal pembiakan makhluk perosak.

77.2.5 Rawatan Kumbahan

Majlis Perbandaran Sibu merupakan Majlis yang pertama di Sarawak merawat kumbahan. Tujuan rawatan seumpama ini ialah untuk menjadikan kumbahan dari tapak pelupusan selamat sebelum dialirkan ke sungai. Untuk tujuan tersebut, sebuah syarikat telah dilantik untuk menyenggara loji rawatan kumbahan. Pihak Audit mendapati syarikat ini dipilih kerana pernah melakukan kerja

seumpama ini di Australia. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

i) Operasi Loji

Mengikut perjanjian, kontraktor hendaklah memastikan operasi loji rawatan kumbahan berjalan setiap hari mulai 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Syarat perjanjian menetapkan jenis bahan kimia yang digunakan bagi merawat kumbahan ialah *Hydrated Lime, Ferric Sulphate* dan *Polymer*. Temu bual Audit dengan kontraktor mendapati sebanyak 180 paket *Hydrated Lime*, 1,400 liter *Ferric Sulphate* dan 10 kilogram P*olymer* digunakan untuk merawat kumbahan setiap bulan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan sejauh mana rawatan kumbahan dilakukan dengan teratur dan cekap seperti dalam perjanjian kerana Jadual Kerja Operasi Rawatan Kumbahan tidak diselenggarakan oleh kontraktor sejak loji ini beroperasi pada bulan Januari 2003. Semakan Audit juga mendapati Majlis masih belum mengambil sebarang langkah untuk memastikan supaya jadual tersebut disediakan.

Oleh itu, Majlis hendaklah mengambil langkah yang serius untuk memastikan kumbahan dirawat sepertimana kehendak piawai yang ditetapkan iaitu kumbahan hendaklah diolah supaya mematuhi Piawai B, Jadual Ketiga, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling 1979, P.U.(A) 12. Kepekatan fenol hendaklah tidak melebihi 0.2 miligram bagi setiap liter dan kepekatan klorin tidak lebih daripada 1 miligram bagi satu liter. Kegagalan merawat kumbahan seperti yang ditetapkan akan mengakibatkan air sungai dan air bawah tanah tercemar dan tidak selamat untuk habitat yang berada di persekitaran aliran air.

ii) Kawalan Kualiti Kumbahan

Menurut Ordinan Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran 1994, kumbahan (*surface/ground water*) hendaklah diuji setiap 3 bulan dan Majlis hendaklah menyedia Laporan Pemantauan Alam Sekitar setiap 3 bulan sekali dan mengemukakannya kepada Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran. Pihak Audit mendapati Majlis telah melantik juruperunding swasta untuk menjalankan ujian kumbahan dan menyediakan 4 Laporan Pemantauan Alam Sekitar pada tahun 2003.

Semakan Audit terhadap Laporan Pemantauan Alam Sekitar yang terakhir bagi tahun 2003 mendapati kumbahan tidak dirawat sepenuhnya sebelum dilepaskan seperti kehendak Piawai B, Jadual Ketiga, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling 1979, P.U.(A) 12. Akibatnya tahap kualiti air bawah tanah adalah rendah di mana tahap *aluminium, iron, lead, manganese* dan *antimony beryllium* adalah tinggi daripada yang ditetapkan oleh *Environmental Protection Agency (USEPA) Maximum Contamination Levels (EPA MCL*). Sehubungan itu, juruperunding telah menasihati Majlis supaya mematuhi syarat yang ditetapkan iaitu merawat kumbahan sepenuhnya seperti kehendak peraturan sebelum dilepaskan.

iii) Stok Bahan Kimia

Mengikut perjanjian, stok bahan kimia hendaklah disimpan di tempat yang sempurna supaya kualiti bahan tersebut tidak terjejas. Pemeriksaan Audit mendapati baki stok bahan kimia ialah sebanyak 400 paket *Hydrated Lime, Ferric Sulphate* 2,100 liter dan *Polymer* sebanyak 150 kilogram. Kesemua stok tersebut tidak disimpan secara teratur tetapi sebaliknya disimpan di tempat terbuka seperti **Foto 28**. Oleh kerana Daftar Stok untuk

bahan kimia tersebut juga tidak diselenggara, pihak Audit tidak dapat menentukan kuantiti sebenar yang digunakan dan baki stok penggunaan kimia pada satu-satu masa.

Foto 28
Stok Bahan Kimia Yang Tidak Disimpan Dengan Sempurna

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 13 Januari 2004

Walaupun Laporan Kesan Penilaian Alam Sekitar disediakan untuk air dan udara, pihak Audit berpendapat Majlis hendaklah memastikan bahawa Jadual Kerja Operasi Rawatan Kumbahan disediakan dan stok bahan kimia disimpan dengan sempurna bagi mengekalkan kualitinya.

77.2.6 Bayaran Kepada Kontraktor

i) Pungutan Sampah

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Majlis memperuntukkan sejumlah RM8.60 juta untuk mengurus pungutan sampah. Semakan Audit mendapati Majlis telah membelanjakan sejumlah RM9.31 juta untuk perkhidmatan pungutan sampah iaitu melebihi

peruntukan bagi tempoh tersebut. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati kos tambahan sejumlah RM710,000 tersebut telah diluluskan oleh Majlis.

Mengikut perjanjian, bayaran kepada kontraktor boleh dibayar pada hujung bulan. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit terhadap 9 baucar bayaran bagi tahun 2003 bernilai RM374,577 mendapati bayaran penuh kepada kontraktor dibuat sebelum hujung bulan di mana borang tuntutan kontraktor, sijil siap kerja dan baucar bayaran disediakan dan dibuat sebelum akhir bulan. Denda hanya dikenakan sekiranya ada aduan secara rasmi daripada orang awam.

ii) Tapak Pelupusan Sampah

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM2.05 juta telah diperuntukkan untuk kerja penyenggaraan Tapak Pelupusan Sampah Kemuyang. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bagi tempoh tersebut, sejumlah RM4.07 juta telah dibelanjakan untuk kerja penyenggaraan di mana kos tambahan tersebut telah diluluskan oleh Majlis.

Semakan lanjut Audit terhadap bayaran untuk melupus sampah di Tapak Pelupusan Sampah Kemuyang bagi bulan November 2001 hingga bulan Julai 2003 mendapati sejumlah RM1.03 juta telah dibelanjakan. Adalah didapati daripada jumlah tersebut, sejumlah RM236,799 telah melebihi harga kontrak untuk tambahan 7,893 tan sampah yang dilupuskan bagi tempoh tersebut. Menurut perjanjian kontrak, Majlis perlu membayar sejumlah RM37,800 sebulan iaitu purata RM12.43 bagi satu tan dan sekiranya lebih daripada 100 tan, Majlis perlu membayar RM30.00 untuk satu tan sampah iaitu RM17.57 melebihi kadar

dalam *Summary of Tender*. Analisis Audit mendapati Majlis telah menanggung kos tambahan sejumlah RM138,680 atau 58.6% tambahan disebabkan perbezaan kadar yang digunakan sekarang. Majlis dijangka akan menanggung kos yang tinggi atas perbezaan kadar tersebut pada masa akan datang kerana kontrak tersebut adalah bagi tempoh 10 tahun mulai bulan Oktober 2001 dan jumlah sampah yang dilupuskan akan meningkat dari tahun ke tahun.

Pada pandangan Audit, kadar di bawah *Schedule of Rates* perlu dikaji semula bagi mengelakkan Majlis menanggung kos tambahan yang terlalu tinggi.

77.2.7 Publisiti Kesedaran Awam

i) Kempen Kebersihan

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Majlis telah menjalankan 9 kempen kebersihan melibatkan 6 kawasan perumahan, lima kampung dan 3 sekolah di kawasan Majlis. Seramai 350 sukarelawan menyertai kempen tersebut dan sebanyak 812 muatan lori bahan buangan telah dipungut. Empat daripada kempen kebersihan tersebut ialah *Spring Cleaning*. Selain itu, enam belas ceramah kebersihan telah diadakan di kawasan perumahan dan sekolah dalam usaha memupuk kesedaran mengenai pentingnya kebersihan. Kempen ini telah memberi kesempatan kepada orang awam menyertai kerja kebersihan, menyemai semangat cinta alam dan persekitaran yang indah dan bersih. Meskipun Majlis telah membelanjakan sejumlah RM145,548 bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 untuk menjalankan aktiviti kebersihan, tiada sebarang pertandingan dilakukan pada tempoh tersebut.

Pada pendapat Audit, kempen tersebut telah mula menampakkan kesannya bila membandingkan bandar Sibu sekarang dengan tahun-tahun lepas di mana bandar Sibu sekarang jauh lebih bersih dan kesedaran siviks penduduknya telah meningkat.

ii) Kitar Semula

Pada masa ini, kitar semula adalah cara terbaik untuk mengurangkan penimbunan sampah. Antara tujuan kitar semula ialah mengasingkan bahan buangan mengikut jenis. Kajian Audit mendapati Majlis mula memperkenalkan kitar semula pada tahun 1993 dengan menyediakan tempat untuk orang awam membuang tin aluminium. Antara tempat yang ada kemudahan ini ialah di hadapan Pejabat Majlis, Stesen Bas, kawasan tandas awam, kedai mini Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak, Taman Bukit Aup dan Pasaraya Ngiu Kee. Untuk tujuan ini, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM150,450 bagi melengkapkan infrastruktur mengitar semula dengan menyediakan 44 unit tong kitar semula 3 warna iaitu warna oren untuk mengumpul bahan plastik, aluminium dan keluli, warna biru untuk kertas manakala warna coklat untuk kaca. Selain itu, Majlis juga telah membina 4 pusat pengumpulan barangan kitar semula.

Walaupun sambutan kurang memuaskan, Majlis masih meneruskan kempen tersebut iaitu memperkenalkan program *source reduction* pada tahun 2003. Melalui program ini, Majlis telah meneruskan aktiviti kitar semula dengan memilih 4 kawasan kediaman dan membina pusat mengumpul bahan kitar semula di mana pihak Majlis membuat kutipan 2 kali sebulan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, pihak Audit mendapati kira-kira 320,455

kilogram bahan kitar semula telah dikutip. Lawatan Audit ke pusat pengumpulan tersebut mendapati pusat pengumpulan bahan kitar semula seperti **Foto 29** tidak menyediakan petak berasingan untuk setiap jenis bahan untuk dikitar semula.

Foto 29
Pusat Pengumpulan Kitar Semula Yang Tidak Mempunyai Petak Berasingan Tiga Warna

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 22 0gos 2003

Selain dapat membantu mengurangkan kos pengurusan sampah, kitar semula juga membantu menjaga alam sekitar. Oleh itu, kesedaran perlu dipupuk melalui risalah, pameran dan iklan dalam media massa. Selain itu, pusat pengumpulan bahan kitar semula hendaklah disediakan kemudahan pengasingan dari awal seperti menyediakan petak berasingan dengan 3 warna bagi memudahkan penduduk membuang bahan terpakai. Semakan lanjut Audit mendapati barang kitar semula dihantar ke Kuala Lumpur setiap bulan sejak tahun 2001 untuk diproses kerana belum ada pusat untuk mengitar semula barang di Sarawak. Adalah didapati purata barang dikitar semula yang dihantar oleh Majlis ialah 8,902 kilogram satu bulan.

Bagi menggalakkan orang awam turut serta dalam program ini, pihak Audit berpendapat Majlis sepatutnya mengadakan banyak insentif seperti memberi kupon tunai yang boleh ditukar dengan barang lain.

77.2.8 Penguatkuasaan Undang-undang

Salah satu faktor yang boleh menentukan sesebuah Majlis menjadikan kawasan di bawah pentadbirannya bersih ialah bergantung kepada tahap penguatkuasaan Undang-undang Kecil Kebersihan PBT 1999. Mengikut Undang-undang Kecil tersebut, penguatkuasaan bukan sahaja dikenakan terhadap kontraktor yang memungut sampah tetapi juga kepada pemilik premis dan orang awam. Kompaun akan dikenakan jika pemilik meninggalkan tong sampah di luar premis dan membuang sampah merata-rata. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM30,300 kompaun telah dikenakan ke atas 790 kesalahan seperti meletak tong sampah di luar premis, sisa tanaman dibuang di bahu jalan dan sampah dibuang di kaki lima kedai.

Pada pandangan Audit, tindakan penguatkuasaan undang-undang oleh Majlis adalah baik. Namun demikian, penguatkuasaan hendaklah diteruskan dengan cara yang lebih agresif lagi bagi mengekalkan kebersihan bandar Sibu.

Pada pandangan Audit, pengurusan sampah adalah baik di mana tahap kebersihan bandar Sibu semakin meningkat. Pengurusan sampah akan bertambah baik jika Majlis memberi perhatian kepada penyenggaraan tapak pelupusan dan loji rawatan kumbahan. Penyenggaraan tapak yang teratur dan cekap akan membantu mengawal pencemaran alam sekitar dan udara di mana kedua elemen ini adalah penting untuk kehidupan manusia.

77.3 PEMANTAUAN

Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting dan sekiranya pengurusan sampah dipantau secara berkesan, pihak pengurusan dapat mengenal pasti kelemahan dan masalah pada peringkat awal dan seterusnya mengambil tindakan serta-merta untuk menyelesaikannya. Di peringkat Majlis, Seksyen Kesihatan Dan Perkhidmatan Awam yang antara lain bertanggungjawab untuk mentadbir, merancang dan melaksanakan pengurusan sampah. Seksyen ini diketuai oleh Penolong Pegawai Kesihatan Gred U36 dan dibantu oleh 117 orang kakitangan. Seksyen ini juga dibantu oleh Seksyen Kejuruteraan khususnya untuk mengurus tapak pelupusan sampah.

77.3.1 Pengawasan, Pemantauan Dan Penyeliaan

Tujuan pemantauan ialah untuk menentukan keberkesanan perkhidmatan pungutan sampah di samping menjadi panduan untuk mengenakan denda sekiranya kontraktor gagal menjalankan kerja dengan baik. Seksyen Pengurusan Sisa Pepejal bertanggungjawab memantau perkhidmatan pungutan sampah dan penguatkuasaan undang-undang. Seorang Pegawai Penyelia dilantik di setiap zon bagi menyelia kerja kontraktor setiap hari dan memastikan kerja pungutan sampah dilakukan mengikut jadual. Semakan Audit mendapati tiada bukti yang menunjukkan Laporan Harian Pungutan Sampah yang disediakan oleh kontraktor pernah diperiksa oleh Pegawai Penyelia. Lawatan Audit semasa kerja pungutan dijalankan dan temu bual dengan kontraktor mendapati Pegawai Penyelia tidak mengawasi kerja kontraktor.

Pemeriksaan Audit juga mendapati Majlis tidak mengadakan sebarang mesyuarat dengan kontraktor sama ada yang memungut sampah, menyenggara tapak pelupusan sampah atau loji rawatan kumbahan.

Walaupun mekanisme lain seperti laporan harian dan bulanan disediakan untuk memantau perkhidmatan yang diberi oleh kontraktor, pihak Audit berpandangan sesi perbincangan harus juga diadakan di antara kedua pihak. Dengan cara ini, sebarang masalah atau rasa tidak puas hati kedua pihak dapat dibincangkan serta diatasi dan kualiti perkhidmatan dapat dipertingkatkan.

Pihak Audit berpandangan kelonggaran Majlis dalam perkara ini boleh diambil kesempatan oleh kontraktor untuk menyediakan Laporan Harian Pungutan Sampah yang tidak tepat.

77.3.2 Biro Aduan Awam

Bagi memastikan kerja pungutan dan pelupusan sampah dilaksanakan dengan cekap dan teratur, Majlis telah menubuhkan Biro Aduan Awam untuk menerima, merekod dan memajukan sebarang aduan termasuk mengenai pengurusan sampah kepada pegawai yang bertanggungjawab.

Majlis ada menyelenggara Daftar Aduan Awam bagi merekod aduan yang diterima daripada orang awam. Pemeriksaan Audit mendapati sejak tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 754 aduan diterima mengenai perkhidmatan pungutan sampah di kesemua 4 zon dan sebahagian besar daripada aduan awam diterima melalui telefon. Selain itu, Peti Cadangan dan aduan melalui e-mel dan laman web juga diterima. Bagaimanapun, daftar aduan yang diselenggara adalah tidak lengkap seperti nama orang yang membuat aduan dan waktu/masa tindakan diambil tidak dicatat. Ini boleh membataskan Majlis untuk menilai keberkesanan tindakan yang telah diambil. Rekod dan laporan bulanan disedia dan dibentangkan semasa Mesyuarat Bulanan Jawatankuasa Kesihatan Awam, Persekitaran Dan Perkhidmatan. Majlis akan bertindak berdasarkan perbincangan

semasa mesyuarat jika masalah tidak kritikal. Tindakan akan diambil serta-merta terhadap masalah yang kritikal dan perlu tindakan segera.

Pada pandangan Audit, daftar yang lengkap sepatutnya diselenggara dan mengandungi maklumat seperti nama, alamat, jenis aduan, masa diterima, nama penerima dan tindakan yang perlu atau telah diambil. Maklumat lengkap dan mengklasifikasikan kategori aduan kepada kategori seperti 'tindakan serta-merta' dan 'boleh tunggu' akan membantu Majlis memberi perkhidmatan yang cekap. Majlis juga boleh menyediakan perkhidmatan *hotline* bagi memberi perkhidmatan yang cekap selaras dengan Piagam Pelanggan Majlis iaitu Adil, Tegas, Cepat dan Fleksibel.

77.3.3 Pemeriksaan Mengejut

Pihak Audit mendapati Seksyen Kesihatan Dan Perkhidmatan Awam jarang melakukan pemeriksaan mengejut di kawasan perumahan dan komersial. Semakan Audit terhadap Laporan Pemeriksaan Mengejut yang diselenggara oleh Majlis terhadap kesemua 4 kontraktor mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Majlis hanya menjalankan 2 pemeriksaan mengejut di semua kawasan. Selain itu, temu bual dengan kakitangan Majlis yang menjaga tapak pelupusan juga mendapati pemeriksaan mengejut tidak dilakukan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Semakan lanjut Audit mendapati Majlis hanya mengadakan pemeriksaan mengejut terhadap premis kediaman kerana penekanan lebih diberi kepada *Anti Littering Operation* bagi memastikan kawasan di bawah pentadbiran Majlis sentiasa bersih. Hasil dari penguatkuasaan ini, Majlis telah memberi kesedaran kepada orang awam tentang pentingnya kebersihan bandar dan alam sekitar.

Pada pandangan Audit, tindakan Majlis membuat pemantauan terhadap *Anti Litter* adalah baik. Namun begitu, Majlis sepatutnya menumpukan lebih perhatian terhadap kerja pungutan sampah oleh kontraktor dan pemeriksaan mengejut sepatutnya kerap dijalankan bagi memastikan kerja pungutan dilakukan dengan cekap serta penyenggaraan tapak pelupusan dan rawatan kumbahan dilakukan mengikut syarat yang ditetapkan.

Pemantauan oleh Majlis terhadap kerja yang dilakukan oleh kontraktor kurang memuaskan. Bagi memastikan mutu perkhidmatan yang baik, Majlis perlu kerap membuat rondaan dan pemeriksaan mengejut bagi memastikan sampah dipungut mengikut jadual dan dilupus mengikut kehendak piawai yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

78. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pengurusan sampah Majlis Perbandaran Sibu telah diurus dengan baik secara keseluruhannya. Responden yang ditemu bual dan juga hasil dari keputusan soal selidik yang diedarkan mendapati rata-rata berpendapat bahawa tahap kebersihan di kawasan Majlis meningkat. Selain itu, langkah Majlis mengadakan kempen kebersihan telah memberi kesedaran sivik kepada penduduknya. Bagi tujuan meningkatkan lagi tahap pengurusan sampah, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

i) mengkaji semula kadar bayaran pungutan sampah dan penyenggaraan tapak pelupusan bagi memastikan Majlis tidak menanggung kos tambahan yang terlalu tinggi;

ii) mempertingkatkan aktiviti pemantauan terhadap kerja pungutan sampah, penyenggaraan tapak pelupusan dan loji rawatan kumbahan bagi memastikan kontraktor melaksanakan tugas dengan teratur dan mematuhi kehendak perjanjian dan perundangan;

iii) membina pagar di sekeliling tapak pelupusan bagi menjamin tapak pelupusan selamat dan tidak diceroboh;

iv) menyediakan pusat pengumpulan bahan kitar semula dengan petak 3 warna di setiap taman perumahan dan kawasan komersial;

v) mengadakan perbincangan yang kerap dengan kontraktor supaya kontraktor lebih tahu tentang kehendak Majlis; dan

vi) menyediakan sistem maklumat aduan awam secara berkomputer selain dari menyediakan talian *hotline*.

BAHAGIAN V
PERKARA AM

79. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/ Jabatan/Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Di samping itu, susulan perkara berkenaan juga dibincang semasa Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri dan dibentang di Dewan Undangan Negeri. **Bahagian** ini mengandungi perkara berikut :

i) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2002.

ii) Perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara sebelum tahun 2002 yang masih belum selesai.

iii) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam dan aktiviti Kementerian/Jabatan.

iv) Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri.

80. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2002

80.1 PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN NEGERI

Pada tahun 2002, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam Negeri, Jabatan Tanah Dan Survei Samarahan, Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Limbang, Pejabat Residen Samarahan, Pejabat Daerah Samarahan, Pejabat Perhutanan Wilayah Kuching dan Pusat Latihan Pembangunan Belia Pending Kuching.

80.1.1 Kementerian Kewangan Dan Kemudahan Awam Negeri

i) Pemeriksaan Audit mendapati 236 cek di Pejabat Perbendaharaan Bahagian Bintulu, Kapit, Sri Aman dan Kuching bernilai RM545,352 lewat dibatalkan antara 30 hingga 180 hari. Tindakan ini adalah bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 118.

ii) Dua pinjaman kepada Agensi bagi melaksanakan 2 projek bernilai RM385 juta masih dalam proses penyediaan perjanjian.

iii) Dua daripada 15 Pegawai Pengawal iaitu Pengarah Tanah Dan Survei dan Pengarah Perhutanan tidak mengesahkan ketepatan Penyata Akaun Amanah Bulanan untuk tempoh 3 hingga 5 bulan berturut-turut walaupun surat peringatan telah dihantar kepada mereka.

Kedudukan Masa Kini

i) Pejabat Perbendaharaan Sri Aman, Bintulu dan Kapit telah mematuhi Arahan Perbendaharaan 118. Bagaimanapun, Pejabat Perbendaharaan Bahagian Kuching hanya membatalkan cek bagi tempoh bulan Mac hingga Oktober 2003 dan ianya hanya dibatalkan pada bulan Mac 2004.

ii) Perjanjian bagi 1 pinjaman masih belum ditandatangani.

iii) Pengarah Tanah Dan Survei dan Pengarah Perhutanan masih belum mengesahkan ketepatan Penyata Akaun Amanah Bulanan bagi tahun 2003 walaupun surat peringatan telah dihantar.

80.1.2 Jabatan Tanah Dan Survei Samarahan

i) Manual Prosedur Kerja yang ada tidak kemas kini kerana banyak perubahan dalam prosedur kerja Jabatan tidak diambil kira. Fail Meja untuk kakitangan juga tidak disediakan.

ii) Sebanyak 11 bil tuntutan bayaran survei berjumlah RM603,653 kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan masih tertunggak sejak tahun 1993 dan tindakan belum diambil untuk mengutip hutang tersebut.

iii) Rekod pemeriksaan tahunan terhadap aset dan inventori tidak diselenggara.

Kedudukan Masa Kini

i) Jabatan ini sedang menunggu arahan daripada Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Survei mengenai penyusunan semula Manual Prosedur Kerja. Manakala Fail Meja sedang disediakan.

ii) Jabatan sedang berusaha mengemas kini data dan mengutip jumlah yang tertunggak.

iii) Rekod pemeriksaan tahunan masih belum diselenggara.

80.1.3 Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Limbang

i) Seksyen Pentadbiran Dan Kewangan menggunakan Manual Prosedur Kerja yang disediakan 10 tahun yang lalu dan pindaan tidak pernah dilakukan sehingga kini.

ii) Sebanyak 48 unit jentera pelbagai jenis dan kenderaan berjumlah RM1.89 juta yang diperolehi pada tahun 1984 hingga 1997 belum direkod dalam Daftar Inventori Induk dan pemeriksaan tahunan tidak pernah dibuat.

Kedudukan Masa Kini

i) Ibu Pejabat masih belum selesai menyusun semula Manual Prosedur Kerja bagi setiap Bahagian.

ii) Jabatan sedang mengemas kini Daftar Inventori Induk dan seorang pegawai akan dilantik untuk menjalankan pemeriksaan tersebut.

80.1.4 Pejabat Residen Samarahan

i) Manual Prosedur Kerja bagi Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan belum disediakan.

ii) Daftar Inventori Induk tidak kemas kini di mana 39 unit aset dan inventori bernilai RM17,190 yang dibeli antara tahun 2000 hingga 2002 belum dicatat ke dalam daftar tersebut.

Kedudukan Masa Kini

i) Mulai tahun 2003, pejabat ini telah menyediakan 3 dokumen Manual Prosedur Kerja untuk Bahagian Pentadbiran, Bahagian Akaun dan Bahagian Pembangunan.

ii) Seorang pegawai dipertanggungjawabkan mengurus dan menyelenggara Daftar yang berkaitan dengan harta modal, inventori, stok bekalan pejabat dan pergerakan harta modal.

80.1.5 Pejabat Daerah Samarahan

i) Manual Prosedur Kerja tidak disediakan dengan lengkap kecuali bagi Program Pembangunan Masyarakat.

ii) Pegawai Daerah atau wakilnya tidak melakukan pemeriksaan mengejut dan daftar pemeriksaan tidak diselenggarakan.

iii) Daftar Deposit tidak diselenggara dengan sempurna, kemas kini dan diperiksa oleh Pegawai Penyelia.

iv) Jabatan belum mengemas kini Daftar Inventori Induk dan tidak menyelenggara Daftar Bekalan Pejabat. Manakala pemeriksaan tahunan terhadap aset dan inventori juga tidak dijalankan.

Kedudukan Masa Kini

i) Manual Prosedur Kerja sedang disediakan.

ii) Pegawai yang bertanggungjawab akan dilantik untuk memeriksa Buku Tunai dan barang berharga setiap 2 kali seminggu. Daftar berkenaan pemeriksaan juga akan disediakan.

iii) Daftar Deposit sedang dikemas kini dan akan dipantau dari semasa ke semasa.

iv) Jabatan sedang mengemas kini Daftar Inventori Induk tetapi masih belum menyelenggara Daftar Bekalan Pejabat. Pemeriksaan tahunan akan dijalankan oleh pegawai yang dilantik.

80.1.6 Pejabat Perhutanan Wilayah Kuching

i) Manual Prosedur Kerja tidak disediakan kecuali bagi proses penyediaan Fail Induk Pelesenan. Fail Meja untuk kakitangan juga tidak disediakan.

ii) Daftar Inventori Induk tidak diselenggara dengan kemas kini di mana 20 unit peralatan *Geographical Information System* yang diperolehi pada bulan Mac 2001 belum direkod.

Kedudukan Masa Kini

i) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja masih belum disediakan.

ii) Daftar Inventori Induk masih belum dikemas kini.

80.1.7 Pusat Latihan Pembangunan Belia Pending, Kuching

i) Manual Prosedur Kerja tidak disediakan.

ii) Surat pelantikan tidak dikeluarkan kepada ahli Jawatankuasa Sebut Harga. Pembelian peralatan untuk menyenggara Sistem Kepersisan berjumlah RM114,751 dibuat secara pembelian terus tanpa kelulusan pengecualian tender daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

iii) Daftar Inventori Induk belum dikemas kini dan tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab. Manakala Jawatankuasa Pelupusan/Pemeriksa belum ditubuhkan dan pelupusan 91 unit peralatan pejabat dan jahitan belum dijalankan.

Kedudukan Masa Kini

i) Pusat Latihan sedang dalam proses menyediakan Manual Prosedur Kerja.

ii) Surat pelantikan telah dikeluarkan kepada ahli Jawatankuasa Sebut Harga. Permohonan untuk pengecualian daripada tender telah dikemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri.

iii) Daftar Inventori Induk telah dikemas kini dan disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Jawatankuasa Pelupusan/Pemeriksa Pelupusan telahpun diwujudkan dan tindakan pelupusan aset sedang dijalankan.

80.2 AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN KAJIAN KHAS

Pada tahun 2002, sebanyak 4 aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan Negeri telah dipilih untuk diaudit.

80.2.1 Jabatan Pertanian

Projek Ternakan Kerbau Di Bahagian Limbang

i) Stok baka kerbau tidak mencukupi di stesen pembiakan untuk memenuhi permintaan.

ii) Suatu perjanjian perlu dibuat antara penternak dengan Jabatan bagi memastikan objektif Jabatan untuk menambah bilangan ternakan kerbau tercapai.

iii) Pemantauan terhadap Jualan Baka Kerbau tidak dapat dibuat kerana lokasi ternakan berselerak di seluruh Bahagian Limbang.

Kedudukan Masa Kini

i) Jabatan tidak dapat membekalkan baka kerbau yang banyak kerana peruntukan tahunan yang diluluskan adalah terhad.

ii) Semua projek pembangunan ternakan Jabatan Pertanian termasuk Projek Ternakan Kerbau tidak memerlukan perjanjian khusus antara Jabatan dengan penternak.

iii) Jabatan telah mengambil tindakan bagi memantau aktiviti Jualan Baka Kerbau di kawasan berkenaan.

80.2.2 Jabatan Tanah Dan Survei

Pengambilan Balik Tanah Dan Penggunaannya

i) Jabatan mengambil masa antara 6 hingga 54 bulan bagi memproses permohonan pengambilan balik tanah dari

Jabatan/Agensi Kerajaan berbanding dengan tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan iaitu antara 4 hingga 5 bulan.

ii) Jabatan tidak menetapkan tempoh tertentu bagi menjalankan siasatan dan survei ke atas tanah yang akan diambil balik semasa mengeluarkan Notis Permulaan.

iii) Jabatan Pelanggan gagal membayar premium tanah dalam tempoh masa yang ditetapkan walaupun tanah tersebut telah diduduki. Akibatnya sehingga bulan Disember 2002 sejumlah RM33.29 juta bayaran premium bagi 102 projek masih tertunggak.

iv) Jabatan tidak mempunyai maklumat sama ada tanah yang diberi hak milik telah dibangunkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Kedudukan Masa Kini

i) Jabatan tidak dapat memenuhi tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan kerana ia bergantung kepada keupayaan pelanggan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi menjelaskan kos pengambilan balik tanah.

ii) Kelulusan Unit Perancang Negeri perlu diperolehi bagi meluluskan sesuatu permohonan pengambilan balik tanah. Justeru, Jabatan tidak dapat menetapkan tempoh tertentu semasa mengeluarkan Notis Permulaan kerana menunggu kelulusan Unit Perancang Negeri.

iii) Pihak Jabatan menjelaskan rekod bayaran premium tidak menggambarkan kedudukan sebenar bayaran premium yang tertunggak berjumlah RM33.29 juta pada bulan Disember 2002. Jabatan telah membuat kesilapan dalam menentukan

status jumlah bayaran premium sebenar yang tertunggak. Ini adalah disebabkan oleh:

a) Jabatan telah mengambil kira projek *"direct benefit*" seperti pembinaan sekolah, balai polis, bomba dan seumpamanya yang dikecualikan daripada bayaran premium.

b) Jabatan masih mengambil kira bayaran premium bagi permohonan yang telah terbatal seperti yang terdapat dalam surat kelulusan.

c) Jabatan juga mengambil kira bayaran premium ke atas geran tanah yang belum dikeluarkan kerana borang setuju terima tidak dikembalikan oleh Jabatan Pelanggan.

iv) Jabatan masih belum mempunyai maklumat berkaitan dengan kemajuan tanah yang telah diberi hak milik.

80.2.3 Jabatan Pengairan Dan Saliran

Projek Saliran Bandar Sibu Dan Penyenggaraannya

Mengikut rekod bayaran, penyenggaraan projek saliran di Jalan Pejalan Hardin telah dibuat pada bulan Oktober 2002. Bagaimanapun, lawatan Audit pada akhir bulan November 2002 mendapati di kiri dan kanan tebing saliran tersebut dipenuhi semak dan rekod pemantauan kerja penyenggaraan tidak disediakan.

Kedudukan Masa Kini

Kerja penyenggaraan semula telah dilakukan sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Mac dan bulan Oktober 2003. Jabatan telah menyediakan rekod Program Kerja Penyenggaraan Saliran Bandar Tahun 2003 dengan lengkap di mana maklumat seperti tempat, nama kontraktor, jumlah/kos penyenggaraan, nombor sebut harga dan kekerapan penyenggaraan dicatat.

80.2.4 Jabatan Muzium

Pembangunan Dan Pelaksanaan Aktiviti Muzium

i) Garis panduan untuk menilai harga dan senarai lengkap barangan artifak dan antikuiti yang hendak dibeli belum disediakan. Manakala Jawatankuasa Pembelian bagi mempertimbang, memilih dan menyarankan semua pembelian barangan artifak dan antikuiti juga belum dilantik.

ii) Penyimpanan dan pengurusan koleksi tidak teratur dan sistematik kerana keadaan stor yang sempit dan sistem pengkomputeran yang belum berfungsi sepenuhnya.

iii) Sebanyak 22,317 naskhah *The Sarawak Museum Journal* bernilai RM320,000 bagi tujuan menggalakkan masyarakat membaca dan mendalami ilmu muziologi masih belum dijual.

iv) Kawalan keselamatan di Muzium tidak memuaskan di mana pengawal keselamatan tidak dibekalkan dengan kemudahan yang lengkap termasuk tatacara keselamatan, pelawat bebas membawa masuk barangan peribadi dan tiada sistem kamera di seluruh galeri pameran termasuk stor simpanan artifak dan antikuiti. Manakala sebuah monitor kawalan kamera keselamatan yang rosak masih belum dibaiki sejak bulan Oktober 2002.

v) Daftar Monumen Lama bagi tapak dan bangunan bersejarah tidak diselenggarakan untuk merekod bangunan bersejarah yang dibina sebelum tahun 1940 terutamanya yang mempunyai nilai kebudayaan, seni bina unik dan yang berkaitan dengan tokoh atau peristiwa bersejarah di Sarawak.

Kedudukan Masa Kini

i) Garis Panduan untuk menilai harga dan senarai lengkap barangan artifak dan antikuiti yang hendak dibeli sedang diusahakan. Manakala Jawatankuasa Pembelian seperti yang dicadang telah dilantik secara bertulis.

ii) Sebuah pusat penyimpanan koleksi baru akan disiapkan pada tahun 2006. Manakala sistem pengkomputeran pengurusan artifak masih belum berfungsi sepenuhnya.

iii) Jurnal terbitan Jabatan Muzium masih belum dijual.

iv) Untuk memastikan tahap keselamatan yang lebih berkesan, Jabatan telah memohon pertambahan kakitangan, alat perhubungan keselamatan dan kamera *Closed Circuit Television* daripada Jabatan Ketua Menteri melalui belanjawan 2004.

v) Daftar Monumen Lama bagi tapak dan bangunan bersejarah telah dikemas kini pada tahun 2003.

80.3 BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Jabatan Audit Negara telah mengaudit 1 aktiviti Badan Berkanun Negeri dan 1 aktiviti Pihak Berkuasa Tempatan serta melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 2 Badan Berkanun Negeri dan 3 Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2002.

80.3.1 Majlis Daerah Marudi

Pengurusan Kewangan

i) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja hanya disediakan oleh Bahagian Kesihatan Awam. Senarai Tugas untuk setiap kakitangan Majlis tidak disediakan.

ii) Rekod Deposit tidak kemas kini dan tindakan untuk mewartakan deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan belum diambil.

iii) Majlis masih menggunakan Daftar Inventori Induk. Aset dan Inventori tidak dicap "Hak Milik Majlis".

Kedudukan Masa Kini

i) Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan Senarai Tugas telah disediakan dan dikemas kini kecuali Bahagian Perbendaharaan.

ii) Penyata yang dikeluarkan oleh Program *Sub-Accounting Smart 2000* bagi deposit yang diterima sebelum tahun 2000 dan belum dituntut sedang dikenal pasti. Tindakan mewartakan deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan masih belum diambil.

iii) Pihak Majlis melantik Pegawai Aset untuk menyelenggara daftar baru dan menandakan cap "Hak Milik Majlis" bagi aset dan inventori Majlis.

80.3.2 Majlis Daerah Dalat Dan Mukah

Pengurusan Kewangan

i) Majlis tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja kecuali Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal. Fail Meja dan Senarai Tugas juga tidak disediakan untuk semua kakitangan Majlis.

ii) Majlis tidak melakukan pengasingan tugas walaupun mempunyai cukup kakitangan.

iii) Majlis tidak mempunyai Garis Panduan Pelaburan dan belum menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan.

iv) Rekod Deposit tidak kemas kini dan tindakan untuk mewartakan deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan belum diambil.

v) Majlis masih menggunakan Daftar Inventori Induk untuk merekod aset dan inventori. Manakala “Hak Milik Majlis” juga belum dicap pada aset tersebut.

Kedudukan Masa Kini

i) Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan Senarai Tugas telah disediakan dan dikemas kini di semua Bahagian kecuali di Bahagian Perbendaharaan.

ii) Pihak Majlis akan mengekalkan tugas yang sedia ada dan membuat semakan secara bersilang terhadap tugas kakitangannya.

iii) Garis Panduan dan Jawatankuasa Pelaburan masih belum diwujudkan.

iv) Rekod deposit masih belum dikemas kini dan tindakan untuk mewartakan deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan juga belum diambil.

v) Pihak Majlis sudah melantik Pegawai Aset untuk menyelenggara daftar baru dan menandakan cap “Hak Milik Majlis” bagi aset dan inventori Majlis.

80.3.3 Majlis Daerah Samarahan

Pengurusan Kewangan

i) Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan Senarai Tugas belum disediakan. Latihan berkaitan pengurusan kewangan tidak diberi kepada pegawai di Bahagian Perbendaharaan sejak tahun 2000.

ii) Pengasingan tugas tidak dijalankan. Borang Hasil disimpan oleh pegawai yang memungut hasil, Daftar Mel tidak diselenggara dan pemeriksaan mengejut oleh Bendahari tidak dilakukan.

iii) Majlis telah memecah kecil perolehan projek pembangunan untuk mengelak sebut harga dan tender. Semua bil yang diterima tidak dicap dan dicatat tarikh penerimaan. Manakala wang tunai dan cek yang dibayar kepada kakitangan Majlis tidak direkod dalam Daftar Bayaran.

iv) Sejumlah RM79,263 deposit bagi tahun 2000 dan sebelumnya belum diwartakan.

v) Borang kelulusan pinjaman tidak difail dalam fail pinjaman dan maklumat pinjaman tidak direkod dalam Buku Perkhidmatan, tujuh Sijil Pendaftaran Kenderaan tidak dicap “Hak Milik Dituntut Oleh Majlis” dan 3 peminjam mengambil polisi insurans pihak ketiga.

vi) Pembelian bekalan dan peralatan pejabat bernilai RM56,802 bagi tahun 2002 tidak direkod dalam Daftar Inventori Induk dan senarai lengkap aset dan inventori untuk diperiksa pada akhir tahun juga tidak disediakan. Sebuah lori yang rosak sejak tahun 1998 belum dilupuskan.

vii) Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Kenderaan Majlis tidak diselenggarakan dengan sempurna dan tidak disemak oleh Pegawai Penyelia.

Kedudukan Masa Kini

i) Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan Senarai Tugas masih belum disediakan. Kursus berkaitan pengurusan kewangan akan diberi kepada pegawai di Bahagian Perbendaharaan.

ii) Pengasingan tugas tidak dibuat kerana kekurangan kakitangan. Borang Hasil disimpan oleh Bendahari dan Daftar Mel telah diwujudkan. Bagaimanapun, pemeriksaan mengejut belum dijalankan.

iii) Pihak Majlis akan mematuhi peraturan yang ditetapkan pada masa akan datang.

iv) Tindakan mewartakan deposit yang belum dituntut melebihi 12 bulan masih belum diambil.

v) Borang kelulusan pinjaman telah difail dan maklumat pinjaman direkod dalam Buku Perkhidmatan. Kad Pendaftaran Kenderaan masih belum dicap “Hak Milik Dituntut Oleh Majlis” dan tindakan akan diambil ke atas 3 peminjam yang mengambil polisi insurans pihak ketiga.

vi) Daftar Inventori Induk sedang dikemas kini dan senarai lengkap aset juga telah disediakan. Manakala sebuah lori yang rosak sejak tahun 1998 masih belum dilupuskan.

vii) Penolong Setiausaha Majlis telah dilantik untuk memastikan Buku Log dan Daftar Penyelenggaraan Kenderaan Majlis diselenggara dengan kemas kini.

80.3.4 Lembaga Sungai-sungai Sarawak

Pengurusan Kewangan

i) Manual Prosedur Kerja belum lagi disediakan kecuali untuk Bahagian *Riverine And Enforcement* dan Bahagian Undang-undang. Fail Meja belum disediakan untuk semua kakitangannya.

ii) Lembaga belum menyediakan prosedur dan tatacara pelaburan dan Jawatankuasa Pelaburan belum ditubuhkan.

iii) Pemeriksaan tahunan ke atas aset tidak dijalankan kerana Lembaga Pemeriksa belum ditubuhkan. Tindakan belum diambil ke atas sejumlah RM168,704 aset yang hendak dilupuskan.

iv) Buku Log tidak diselenggara dengan memuaskan kerana tidak ditandatangani oleh pegawai yang membenarkan/meluluskan perjalanan. Rekod Perjalanan Bulanan juga tidak diselenggarakan.

Kedudukan Masa Kini

i) Draf Manual Prosedur Kerja masih dalam proses penilaian untuk diseragamkan bagi semua Bahagian. Fail Meja akan disediakan setelah Manual Prosedur Kerja yang muktamad dikeluarkan.

ii) Prosedur dan tatacara pelaburan masih belum disediakan. Jawatankuasa Pelaburan juga masih belum ditubuhkan.

iii) Lembaga Pemeriksa telah ditubuhkan tetapi pemeriksaan tahunan belum dijalankan. Setakat akhir tahun 2003, sejumlah RM56,901 aset telah dilupuskan.

iv) Buku Log telah diselenggara dengan memuaskan. Bagaimanapun, Rekod Perjalanan Bulanan Kenderaan masih belum diselenggara.

80.3.5 Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

Pengurusan Kewangan

i) Stok resit tidak disimpan di dalam peti besi dan direkod dengan lengkap ke dalam Daftar Borang Hasil.

ii) Slip bayaran masuk bank dan Buku Vot tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

iii) Garis Panduan, Daftar dan Jawatankuasa Pelaburan belum diwujudkan.

iv) Lembaga gagal membayar balik pinjaman dan masih dalam proses memohon kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk menjadualkan semula tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM74.11 juta.

Kedudukan Masa Kini

i) Stok resit telah direkod dengan lengkap dan disimpan dalam peti besi.

ii) Semua slip bayaran masuk bank dan Buku Vot telah diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab.

iii) Lembaga telah menyediakan Daftar Pelaburan dan sedang merangka Garis Panduan. Manakala Jawatankuasa Pelaburan sedang dalam proses penubuhan dan Unit Pelaburan akan diwujudkan di bawah Sektor Kewangan.

iv) Kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk menjadualkan semula tunggakan pinjaman tersebut masih belum diperolehi.

80.3.6 Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak Pembangunan Bandar Baru Tanjung Manis

i) Pada bulan Disember 2002, seluas 1,901.2 hektar daripada 3,135.7 hektar kawasan yang akan dibangunkan telahpun diambil balik bagi tujuan pembangunan Bandar Baru Tanjung Manis.

ii) Pusat Pentadbiran Kecil Selumit yang dibina dengan kos RM3.09 juta bagi tujuan penempatan sementara Jabatan/Agensi Kerajaan tidak mendapat sambutan.

iii) Sebanyak 38 daripada 303 lot tanah sahaja dapat dijual sehingga akhir tahun 2002 dengan hasil jualannya berjumlah RM71.20 juta.

iv) Perbadanan belum mengambil tindakan menamatkan perjanjian terhadap 13 syarikat yang gagal membangunkan tanah yang dibeli.

Kedudukan Masa Kini

i) Sehingga akhir tahun 2003, tiada pembangunan dibuat ke atas tanah yang telah diambil balik. Bagaimanapun, pengambilan balik tanah dibuat mengikut keperluan semasa bagi mengelak kos penyenggaraan dan cukai tanah yang tinggi.

ii) Pusat Pentadbiran Kecil Selumit tidak mendapat sambutan daripada Jabatan/Agensi Kerajaan kerana kemudahan infrastruktur sedang dalam proses penyediaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2004.

iii) Setakat bulan Disember 2003, tidak ada peningkatan bagi jualan lot tersebut.

iv) Perbadanan masih belum mengambil tindakan terhadap 13 syarikat tersebut kerana memberi peluang kepada mereka untuk menangani masalah kewangan semasa syarikat.

80.3.7 Dewan Bandaraya Kuching Utara
Pengurusan Tempat Letak Kereta

i) Sebanyak 9 permohonan meletak hak kuasa kawasan tanah untuk tempat letak kereta yang dipohon antara tahun 1995 hingga awal tahun 2000 belum diluluskan kerana kerja ukur kawasan terbabit oleh Jabatan Tanah Dan Survei belum selesai. Manakala 3 kawasan yang telah diletak hak kuasa kepada Dewan Bandaraya iaitu antara 15 hingga 150 bulan masih belum dipohon untuk dijadikan tempat letak kereta berkupon atau bermusim. Kelewatan mewartakan kawasan berkenaan menyebabkan Dewan Bandaraya kehilangan hasil jualan kupon. Prosedur letak hak kuasa tempat letak kereta bagi kawasan baru juga disediakan dalam dokumen Manual Prosedur Kerja Dewan Bandaraya MS ISO 9001 mulai tahun 2001. Namun belum ada permohonan dibuat selepas dokumen tersebut disediakan.

ii) Syarikat lewat membayar harga jualan kupon sejumlah RM1.25 juta antara 6 hingga 28 hari selepas tempoh 45 hari yang dibenarkan. Jumlah ini melebihi nilai jaminan bank berjumlah RM30,000. Mulai tahun 2001, syarikat tidak lagi menggunakan kupon 50 sen dan 80 sen untuk mengakui

bayaran notis lebih masa kerana telah menggunakan komputer mini.

iii) Pada bulan Ogos 2002, baki kupon berlebihan antara 10 hingga 20 kali ganda dari paras minimum stok yang dibenarkan dan sebanyak 3.34 juta keping kupon masih disimpan yang melibatkan sejumlah RM195,000 kos pencetakan.

iv) Sebanyak 234,504 kes tunggakan kompaun bernilai RM2.29 juta masih belum dijelaskan sejak bulan September 1993. Notis peringatan terakhir lewat dikeluarkan kerana Dewan Bandaraya kekurangan kakitangan dan komputer untuk tugas mencari maklumat daripada JPJ *Links* dan merekodkan segala maklumat yang diperolehi ke dalam sistem COMPARKS.

v) Sebanyak 70,149 kupon bermusim bernilai RM42,089 tidak dapat digunakan kerana tamat tempoh sah lakunya. Perkara ini berlaku kerana Dewan Bandaraya mencetak kupon tersebut secara berlebihan.

Kedudukan Masa Kini

i) Permohonan tersebut masih belum diluluskan. Manakala 3 kawasan yang telah diletak hak kuasa berkupon atau bermusim juga masih belum dipohon kerana bukan kawasan komersial. Selepas dokumen MS ISO 9001 disediakan, sebanyak 2 kawasan telah dipohon pada bulan Mei 2003 untuk perletakan hak kuasa tanah.

ii) Syarikat telah membayar harga jualan kupon mengikut tempoh 45 hari yang dibenarkan. Di samping itu, jumlah nilai jaminan bank juga telah dinaikkan menjadi RM55,000.

iii) Paras minimum stok kupon tidak lagi ditetapkan dan anggaran bilangan kupon telah dinaikkan mengikut pesanan pembekal

dengan mengambil kira kawasan baru yang akan diwartakan sebagai kawasan Sistem Letak Kereta Berkupon. Manakala baki sebanyak 3.10 juta keping kupon masih belum dijual.

iv) Sebanyak 287,219 kes tunggakan kompaun bernilai RM2.75 juta masih belum dijelaskan kerana sistem JPJ *Links* mengalami kerosakan sepanjang tahun 2003. Akibatnya notis peringatan terakhir tidak dapat dikeluarkan, kes kesalahan letak kereta tidak dapat dibawa ke Mahkamah dan segala maklumat yang berkaitan tidak dapat direkodkan.

v) Baki stok kupon bermusim yang telah tamat tempoh sah lakunya masih disimpan oleh Dewan Bandaraya. Bermula bulan Januari 2004, reka bentuk kupon bermusim telah diubahsuai untuk mengelak perkara yang sama berlaku.

81. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SEBELUM TAHUN 2002 YANG MASIH BELUM SELESAI

Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri pada bulan Jun 2003 telah membuat syor mengenai bentuk tindakan yang perlu diambil oleh Ketua Jabatan/Agensi bagi menangani isu yang ditegur oleh Ketua Audit Negara. Tindakan susulan telah diambil ke atas perkara berkenaan oleh Jabatan yang terlibat. Bagaimanapun, perkara berikut masih belum selesai:

81.1 **Akaun Semasa Antara Pentadbiran** yang terdiri daripada Akaun Pengakap Sempadan, Akaun Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia dan Akaun Operasi Tentera sejumlah RM4.16 juta masih belum dijelaskan oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Sarawak telah membangkitkan perkara ini kepada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2000.

81.2 Peruntukan perbelanjaan sejumlah RM10 juta untuk projek pembangunan di bawah **Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan** tidak dibelanjakan langsung pada tahun 2001. Ini disebabkan masalah mendapatkan tapak yang sesuai.

82. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam Negeri bagi tahun 2002 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada pertengahan bulan Jun 2004.

83. MESYUARAT JAWATANKUASA AKAUN AWAM NEGERI

Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak telah membincangkan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Sarawak Tahun 2001. Laporan Jawatankuasa telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada awal bulan Disember 2003. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali. Selain daripada mengadakan mesyuarat untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2001, Jawatankuasa juga telah membuat 5 lawatan kerja sepanjang tahun 2003 ke beberapa projek Perumahan Awam Kos Rendah di Bahagian Miri, Sibu, Betong, lawatan ke Pelabuhan Tanjung Manis Bahagian Mukah dan Lembaga Kemajuan Bintulu. Butiran ringkas mesyuarat dan lawatan kerja Jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 80.** Jawatankuasa masih belum membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002.

Jadual 80
Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Mengenai
Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti Kementerian, Jabatan Dan Agensi
Kerajaan Negeri Sepanjang Tahun 2003

Tarikh	Kementerian/Jabatan/Agensi	Perkara
7 Mei 2003		• Berbincang untuk mengenal pasti perenggan Laporan Ketua Audit Negara 2001 bagi pemeriksaan selanjutnya.
23 Jun 2003	Jabatan Tanah Dan Survei	• Baki Akaun Deposit berbeza dengan baki rekod Perbendaharaan Negeri.
	Lembaga Air Sibu	• Peruntukan Pembangunan tidak dibelanjakan langsung.
	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	• Peruntukan Pembangunan tidak dibelanjakan langsung.
	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	• Tunggakan Bayaran Balik sejumlah RM151.08 juta belum diselesaikan.
	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah	• Tunggakan Bayaran Balik sejumlah RM65.79 juta belum diselesaikan.
	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	• Tunggakan Bayaran Balik sejumlah RM32.78 juta belum diselesaikan.
	Pejabat Daerah Sebuyau	• Kehilangan wang sejumlah RM207,211 telah didebitkan kepada Akaun Pendahuluan Persendirian.
	Jabatan Muzium Sarawak	• Perolehan dibuat tanpa kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri.
	Jabatan Kebajikan Masyarakat	• Peruntukan Pembangunan tidak dibelanjakan langsung. • Bayaran tetap bantuan melalui bank diteruskan walaupun penerima bantuan tidak mematuhi peraturan. • Ulang kaji kes Bantuan Am terhadap penerima bantuan di seluruh Sarawak tidak dibuat bagi tempoh 1 hingga 13 tahun.
	Jabatan Kerja Raya	• Pemantauan kerja tidak dilakukan dengan sempurna.
24 Jun 2003	Kementerian Pembangunan Dan Perindustrian	• Masih ada lot industri di Fasa I, II dan III belum diagihkan.
	Suruhanjaya Perumahan Dan Pembangunan Sarawak	• Jualan rumah kurang menggalakkan.
	Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak	• Pegangan stok elektrikal bernilai RM43.67 juta pada akhir tahun 2001 tidak mencapai sasaran pegangan stok yang ditetapkan pada tahap RM40 juta. • Perbadanan telah menghadkan perolehan jana kuasa kepada beberapa jenis pada tahun 1998, tetapi keputusan ini tidak dapat memperbaiki situasi sekarang. • Stor elektrikal di Kuching, Bintulu dan Miri tidak diberi nombor rujukan. Manakala stor mekanikal di Miri terlalu sempit menyebabkan penyusunan barangan tidak sempurna. • Perkakas elektrik di Miri untuk projek masih belum digunakan. Manakala stok kabel bernilai RM679,090 masih dalam simpanan di stor Perbadanan di seluruh Sarawak. • Stok mekanikal bernilai RM12.55 juta tidak bergerak melebihi 5 tahun. • Barang rosak bernilai RM25.60 juta belum diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri kerana jumlah barangan terlalu besar, tidak disokong dengan laporan teknikal dan format diguna tidak bersesuaian.

Tarikh	Kementerian/Jabatan/Agensi	Perkara
	Majlis Daerah Matu Daro	• Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan Senarai Tugas tidak disediakan. • Buku Vot tidak diselenggarakan dengan lengkap. • Daftar Inventori Induk masih digunakan untuk merekod aset dan inventori. Manakala tanda "Hak Milik Majlis" tidak dicap pada kebanyakan aset dan inventori. • Buku Log bagi kereta dan bot motor sangkut tidak diselenggarakan dengan kemas kini.
	Akauntan Negeri	• Tiada bukti semakan dibuat oleh Pegawai Pengawal terhadap Buku Tunai yang dikemukakan oleh pemungut dan pemeriksaan mengejut tidak dijalankan. • Borang Hasil Yang Dikawal tidak disemak dengan Laporan Keluaran Borang-borang Terkawal Kerajaan Negeri. • Cek Tidak Laku yang diterima antara tahun 1988 hingga tahun 1997 berjumlah RM185,972 belum dikutip/diganti.
25 Jun 2003	Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak	• Taklimat dan tinjauan ke Projek Perumahan Awam Kos Rendah Sibu Jaya di Sibu.
26 Jun 2003	Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak	• Taklimat dan tinjauan ke Projek Perumahan Awam Kos Rendah di Betong.
11 September 2003		• Berbincang mengenai pemerhatian dan saranan terhadap pemeriksaan Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Kali Ke-37 pada 23 dan 24 Jun 2003 dan ulasan terhadap lawatan ke tapak projek Rancangan Perumahan Rakyat di Sibu, Saratok dan Betong pada 25 dan 26 Jun 2003.
20 Oktober 2003	Lembaga Pelabuhan Rajang	• Taklimat dan perbincangan berhubung dengan operasi pelabuhan di Tanjung Manis.
21 Oktober 2003	Lembaga Kemajuan Bintulu	• Taklimat dan perbincangan mengenai operasi dan aktiviti Lembaga.
22 Oktober 2003	Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak	• Taklimat dan tinjauan ke Rancangan Perumahan Rakyat di Miri.

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

PENUTUP

Secara keseluruhannya ada kemajuan dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, kakitangan kurang mahir, arahan/panduan tidak dipatuhi sepenuhnya, peruntukan kewangan yang terhad, tapak projek lewat diluluskan, sistem maklumat yang kurang berkesan, penyeliaan yang kurang rapi, kurang sambutan daripada peserta, kurang publisiti dan tiada tindakan susulan.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya
26 Julai 2004

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN NEGERI SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada 31 Disember 2003 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2003.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
18 Jun 2004

Lembaran Imbangan
seperti pada 31 Disember 2003

		Nota	2003	2002
			RM	RM
	ASET			
A	**Wangtunai**	9	311,909,847	338,560,072
	Wangtunai Dalam Tangan		1,348,859	1,332,509
	Wangtunai Dalam Perjalanan		2,483,645	24,030,085
	Wangtunai Dalam Bank		308,077,343	313,197,478
B	**Pelaburan**	9	3,546,187,709	3,280,659,715
			3,858,097,556	3,619,219,787
	JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI :			
C	**Akaun Hasil Yang Disatukan**	10 - 12	1,469,568,391	1,301,860,627
D	**Akaun Amanah Yang Disatukan**	13 - 17	2,388,529,165	2,317,359,160
	D1 Kumpulan Wang Pembangunan		1,306,815,827	1,292,821,356
	D2 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan		280,771,164	288,178,929
	D3 Kumpulan Wang Amanah Awam		213,272,143	214,560,247
	D4 Deposit		125,267,340	131,786,004
	D5 Akaun Kena Bayar		462,402,691	390,012,624
E	**Akaun Pinjaman Yang Disatukan**	18	-	-
			3,858,097,556	3,619,219,787

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersampingan dengan penyata dan nota yang dikembarkan.

DATU AHMAD TARMIZI HAJI SULAIMAN
Pem. Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak

WAN MOHD. YUSOP BIN WAN MOSS
Akauntan Negeri
Sarawak

Penyata Akaun Memorandum
seperti pada 31 Disember 2003

		Nota	2003	2002
			RM	RM
	ASET			
F1	Penyata Memorandum Pelaburan	9	1,774,396,176.00	1,591,632,176.0
F2	Penyata Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	7	2,396,730,711.77	2,806,741,814.0
	JUMLAH ASET		4,171,126,887.77	4,398,373,990.0
	TANGGUNGAN			
G1	Penyata Memorandum Hutang Awam	7,19	1,360,979,208.09	1,287,239,530.9
	JUMLAH TANGGUNGAN		1,360,979,208.09	1,287,239,530.9

Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersampingan dengan penyata dan nota yang dikembarkan.

DATU AHMAD TARMIZI HAJI SULAIMAN
Pem. Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak

WAN MOHD. YUSOP BIN WAN MOSS
Akauntan Negeri
Sarawak

C Penyata Hasil Dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

Perihal	2003				2002	
	Belanjawan		Sebenar		Sebenar	
	RM	%	RM	%	RM	%
Baki pada 1 Januari	-	-	1,301,860,627.11	-	1,352,452,760.23	-
C1,2 HASIL						
Hasil Cukai	939,515,900.00	39.60	867,086,769.74	32.71	843,978,120.07	36.94
Hasil Bukan Cukai	1,341,222,530.00	56.60	1,720,208,805.52	64.90	1,346,471,792.14	58.93
Terimaan Bukan Hasil	6,993,050.00	0.30	12,885,015.56	0.49	5,836,148.83	0.26
Pemberian Persekutuan dan Bayaranbalik	82,412,000.00	3.50	50,372,951.60	1.90	88,422,200.80	3.87
JUMLAH HASIL	2,370,143,480.00	100.00	2,650,553,542.42	100.00	2,284,708,261.84	100.00
C3,4 PERBELANJAAN MENGURUS						
Emolumen	345,109,210.00	13.32	330,528,057.58	13.31	320,360,313.54	13.72
Perkhidmatan dan Bekalan	516,096,512.00	19.92	457,686,042.28	18.43	420,781,535.94	18.01
Aset	34,906,818.00	1.35	27,396,764.64	1.10	35,236,474.98	1.51
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	374,063,920.00	14.44	347,353,622.55	14.00	331,372,684.06	14.19
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	2,568,610.00	0.10	1,881,291.30	0.08	4,349,386.44	0.19
	1,272,745,070.00	49.13	1,164,845,778.35	46.92	1,112,100,394.96	47.62
Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun	1,318,000,000.00	50.87	1,318,000,000.00	53.08	1,223,200,000.00	52.38
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	2,590,745,070.00	100.00	2,482,845,778.35	100.00	2,335,300,394.96	100.00
LEBIHAN / (KURANGAN) BAGI TAHUN	(220,601,590.00)	-	167,707,764.07	-	(50,592,133.12)	-
BAKI PADA 31 DISEMBER	-	-	1,469,568,391.18	-	1,301,860,627.11	-

DATU AHMAD TARMIZI HAJI SULAIMAN
Pem. Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak

WAN MOHD. YUSOP BIN WAN MOSS
Akauntan Negeri
Sarawak

Lampiran III

Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri Pada 31 Julai 2004

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata Kewangan		
		Telah Disahkan	Sedang Diaudit	Belum Diserah
	BADAN BERKANUN NEGERI			
1.	Lembaga Air Kuching	2003	-	-
2.	Lembaga Air Sibu	2003	-	-
3.	Lembaga Pelabuhan Kuching	2003	-	-
4.	Lembaga Pelabuhan Rajang	2003	-	-
5.	Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak	2003	-	-
6.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	2003	-	-
7.	Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak	2003	-	-
8.	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak	2003	-	-
9.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke	2003	-	-
10.	Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak	2003	-	-
11.	Pustaka Negeri Sarawak	2003	-	-
12.	Yayasan Biasiswa Tunku Abdul Rahman Sarawak	2003	-	-
13.	Lembaga Amanah Yayasan Sarawak	2002	2003	-
14.	Lembaga Kemajuan Bintulu	2002	2003	-
15.	Lembaga Pelabuhan Miri	2002	2003	-
16.	Lembaga Pelancongan Sarawak	2002	2003	-
17.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak	2002	2003	-
18.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	2002	2003	-
19.	Lembaga Sungai-sungai Sarawak	2002	2003	-
20.	Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak	2002	2003	-
21.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	2002	-	2003
22.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	2002	-	2003
	MAJLIS AGAMA ISLAM			
1.	Tabung Am Baitulmal Sarawak	2003	-	-

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata Kewangan		
		Telah Disahkan	Sedang Diaudit	Belum Diserah
	PIHAK BERKUASA TEMPATAN			
1.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	2003	-	-
2.	Majlis Daerah Bau	2003	-	-
3.	Majlis Daerah Betong	2003	-	-
4.	Majlis Daerah Dalat Dan Mukah	2003	-	-
5.	Majlis Daerah Kapit	2003	-	-
6.	Majlis Daerah Lawas	2003	-	-
7.	Majlis Daerah Limbang	2003	-	-
8.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	2003	-	-
9.	Majlis Daerah Lubok Antu	2003	-	-
10.	Majlis Daerah Lundu	2003	-	-
11.	Majlis Daerah Maradong Dan Julau	2003	-	-
12.	Majlis Daerah Marudi	2003	-	-
13.	Majlis Daerah Samarahan	2003	-	-
14.	Majlis Daerah Saratok	2003	-	-
15.	Majlis Daerah Sarikei	2003	-	-
16.	Majlis Daerah Serian	2003	-	-
17.	Majlis Daerah Simunjan	2003	-	-
18.	Majlis Daerah Sri Aman	2003	-	-
19.	Majlis Daerah Subis	2003	-	-
20.	Majlis Perbandaran Miri	2003	-	-
21.	Majlis Perbandaran Sibu	2003	-	-
22.	Majlis Daerah Matu Daro	2003	-	-
23.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	2002	2003	-
24.	Majlis Perbandaran Padawan	2002	2003	-
25.	Majlis Daerah Kanowit	2002	2003	-

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Lampiran IV

Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri
Pada 31 Julai 2004

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata Kewangan Belum Dibentang	Tarikh Penyata Kewangan Disahkan
	BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Air Kuching	2003	23.07.2004
2.	Lembaga Air Sibu	2003	07.07.2004
3.	Lembaga Pelabuhan Kuching	2002	26.08.2003
		2003	28.07.2004
4.	Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak	2003	31.07.2004
5.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	2002	30.08.2003
		2003	31.07.2004
6.	Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak	2003	19.05.2004
7.	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak	2003	12.07.2004
8.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke	2003	26.04.2004
9.	Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak	2003	30.03.2004
10.	Pustaka Negeri Sarawak	2002	30.06.2003
		2003	08.07.2004
11.	Yayasan Biasiswa Tunku Abdul Rahman Sarawak	2003	11.05.2004
12.	Lembaga Kemajuan Bintulu	2002	13.11.2003
13.	Lembaga Pelabuhan Miri	2002	22.09.2003
14.	Lembaga Pelabuhan Rajang	2002	08.09.2003
		2003	22.06.2004
15.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah	2002	17.10.2003
16.	Lembaga Sungai-sungai Sarawak	2002	10.07.2003
	PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	2000	08.04.2003
		2002	16.01.2004
2.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	2001	29.11.2002
		2002	05.09.2003
		2003	19.07.2004
3.	Majlis Daerah Bau	2001	21.08.2002
		2002	25.08.2003
		2003	26.07.2004
4.	Majlis Daerah Betong	2001	29.06.2002
		2002	17.05.2003
		2003	25.03.2004

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata Kewangan Belum Dibentang	Tarikh Penyata Kewangan Disahkan
5.	Majlis Daerah Dalat Dan Mukah	2001	11.09.2002
		2002	18.08.2003
		2003	06.05.2004
6.	Majlis Daerah Kanowit	2001	08.09.2002
		2002	04.11.2003
7.	Majlis Daerah Kapit	2001	11.09.2002
		2002	15.09.2003
		2003	13.07.2004
8.	Majlis Daerah Lawas	2001	22.06.2002
		2002	06.05.2003
		2003	20.05.2004
9.	Majlis Daerah Limbang	2001	14.11.2002
		2002	13.10.2003
		2003	13.07.2004
10.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	2001	12.09.2002
		2002	15.09.2003
		2003	13.07.2004
11.	Majlis Daerah Lubok Antu	2001	12.09.2002
		2002	20.10.2003
		2003	07.07.2004
12.	Majlis Daerah Lundu	2001	13.08.2002
		2002	15.08.2003
		2003	11.03.2004
13.	Majlis Daerah Maradong Dan Julau	2001	29.06.2002
		2002	13.06.2003
		2003	22.06.2004
14.	Majlis Daerah Matu Daro	2001	10.09.2002
		2002	04.11.2003
15.	Majlis Daerah Marudi	2001	24.01.2003
		2002	13.10.2003
		2003	14.07.2004
16.	Majlis Daerah Samarahan	2001	13.11.2002
		2002	14.07.2003
		2003	11.06.2004
17.	Majlis Daerah Saratok	2001	10.02.2003
		2002	21.10.2003
		2003	08.07.2004
18.	Majlis Daerah Sarikei	2001	28.06.2002
		2002	13.06.2003
		2003	10.05.2004

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata Kewangan Belum Dibentang	Tarikh Penyata Kewangan Disahkan
19.	Majlis Daerah Serian	2001	04.09.2002
		2002	11.07.2003
		2003	27.07.2004
20.	Majlis Daerah Simunjan	2001	13.09.2002
		2002	20.11.2003
		2003	05.07.2004
21.	Majlis Daerah Sri Aman	2001	09.05.2002
		2002	05.06.2003
		2003	20.04.2004
22.	Majlis Daerah Subis	2001	22.06.2002
		2002	31.07.2003
		2003	20.05.2004
23.	Majlis Perbandaran Miri	2001	23.08.2002
		2002	30.08.2003
		2003	09.07.2004
24.	Majlis Perbandaran Padawan	2001	11.11.2002
		2002	29.10.2003
25.	Majlis Perbandaran Sibu	2001	12.09.2002
		2002	15.09.2003
		2003	22.07.2004

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Lampiran V

Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

Bil	Nama Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Pada 31.12.2002			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2002		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Lembaga Air Kuching	62.80	57.00	5.80	65.66	21.33	44.33
2.	Lembaga Air Sibu	19.51	21.37	(1.86)	13.89	12.86	1.03
3.	Lembaga Amanah Yayasan Sarawak	26.42	17.63	8.79	138.34	5.82	132.52
4.	Lembaga Kemajuan Bintulu	68.66	85.16	(16.50)	208.01	78.34	129.67
5.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	1.37	0.87	0.50	30.57	22.22	8.35
6.	Lembaga Pelabuhan Kuching	59.58	75.01	(15.43)	24.11	10.68	13.43
7.	Lembaga Pelabuhan Miri	9.07	21.35	(12.28)	44.48	10.87	33.61
8.	Lembaga Pelabuhan Rajang	18.73	26.25	(7.52)	6.56	10.84	(4.28)
9.	Lembaga Pelancongan Sarawak	10.64	10.49	0.15	6.70	4.20	2.50
10.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah	11.67	11.12	0.55	337.87	120.15	217.72
11.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	69.14	59.67	9.47	81.20	92.86	(11.66)
12.	Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1.23	0.71	0.52	39.86	1.28	38.58
13.	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak	11.67	9.95	1.72	6.31	1.21	5.10
14.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	117.28	94.88	22.40	491.72	100.82	390.90
15.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	58.28	26.03	32.25	192.06	438.96	(246.90)
16.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	71.09	71.01	0.08	1,439.68	90.16	1,349.52
17.	Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak	941.20	826.24	114.96	730.90	456.66	274.24
18.	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak	0.51	0.32	0.19	6.78	0.44	6.34
19.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke	102.54	97.49	5.05	34.94	44.73	(9.79)
20.	Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak	4.01	1.69	2.32	26.52	0.08	26.44
21.	Pustaka Negeri Sarawak	9.65	7.59	2.06	11.53	1.04	10.49
22.	Yayasan Biasiswa Tunku Abdul Rahman	3.08	2.42	0.66	2.74	-	2.74

Sumber : Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2002

Lampiran VI

Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

Bil	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Pada 31.12.2002			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2002		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Kuching	63.38	56.18	7.20	22.27	7.91	14.36
2.	Dewan Bandaraya Kuching	58.63	56.08	2.55	126.76	81.28	45.48
3.	Majlis Perbandaran Miri	58.39	48.37	10.02	31.38	7.11	24.27
4.	Majlis Perbandaran Sibu	42.48	51.43	(8.95)	10.10	4.56	5.54
5.	Majlis Perbandaran Padawan	28.40	24.68	3.72	37.95	5.60	32.35
6.	Majlis Daerah Sarikei	6.60	4.39	2.21	11.20	0.36	10.84
7.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	6.04	7.07	(1.03)	12.91	0.28	12.63
8.	Majlis Daerah Kapit	5.88	7.28	(1.40)	5.84	0.75	5.09
9.	Majlis Daerah Sri Aman	5.47	5.60	(0.13)	7.94	1.01	6.93
10.	Majlis Daerah Dalat Dan Mukah	5.03	4.15	0.88	14.70	2.21	12.49
11.	Majlis Daerah Samarahan	4.61	4.18	0.43	5.15	0.73	4.42
12.	Majlis Daerah Serian	4.34	4.11	0.23	2.45	0.39	2.06
13.	Majlis Daerah Marudi	3.92	3.40	0.52	11.07	1.21	9.86
14.	Majlis Daerah Bau	3.67	3.10	0.57	7.88	0.79	7.09
15.	Majlis Daerah Maradong Dan Julau	3.57	4.08	(0.51)	9.78	0.69	9.09
16.	Majlis Daerah Saratok	3.43	2.72	0.71	3.77	0.24	3.53
17.	Majlis Daerah Limbang	3.57	4.47	(0.90)	2.89	1.63	1.26
18.	Majlis Daerah Kanowit	2.88	2.21	0.67	2.97	0.23	2.74
19.	Majlis Daerah Betong	2.82	2.92	(0.10)	3.68	1.35	2.33
20.	Majlis Daerah Matu Daro	2.73	2.40	0.33	0.71	0.28	0.43
21.	Majlis Daerah Subis	2.66	2.17	0.49	3.96	0.17	3.79
22.	Majlis Daerah Lubok Antu	2.52	2.33	0.19	3.81	0.96	2.85
23.	Majlis Daerah Lundu	2.51	2.17	0.34	1.76	0.41	1.35
24	Majlis Daerah Simunjan	2.08	1.79	0.29	3.30	0.26	3.04
25	Majlis Daerah Lawas	1.73	2.54	(0.81)	0.62	1.52	(0.90)
Jumlah		**327.34**	**309.82**	**17.52**	**344.85**	**121.93**	**222.92**

Sumber : Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2002

Lampiran VII

Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Bagi Tahun 2001 Dan 2002

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan Hasil Cukai Taksiran		
		2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	9.47	12.06	2.59
2.	Majlis Perbandaran Miri	8.69	9.71	1.02
3.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	7.62	8.25	0.63
4.	Majlis Perbandaran Padawan	3.83	4.20	0.37
5.	Majlis Perbandaran Sibu	3.07	2.96	(0.11)
6.	Majlis Daerah Samarahan	1.22	1.24	0.02
7.	Majlis Daerah Sarikei	1.08	1.07	(0.01)
8.	Majlis Daerah Limbang	1.08	1.06	(0.02)
9.	Majlis Daerah Simunjan	0.87	0.94	0.07
10.	Majlis Daerah Dalat Dan Mukah	0.99	0.93	(0.06)
11.	Majlis Daerah Sri Aman	1.13	0.92	(0.21)
12.	Majlis Daerah Lawas	0.82	0.85	0.03
13.	Majlis Daerah Serian	0.61	0.67	0.06
14.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	0.48	0.65	0.17
15.	Majlis Daerah Betong	0.53	0.64	0.11
16.	Majlis Daerah Kapit	0.52	0.60	0.08
17.	Majlis Daerah Saratok	0.44	0.47	0.03
18.	Majlis Daerah Matu Dan Daro	0.20	0.45	0.25
19.	Majlis Daerah Bau	0.35	0.44	0.09
20.	Majlis Daerah Maradong Dan Julau	0.41	0.40	(0.01)
21.	Majlis Daerah Marudi	0.30	0.34	0.04
22.	Majlis Daerah Subis	0.20	0.22	0.02
23.	Majlis Daerah Lundu	0.20	0.21	0.01
24.	Majlis Daerah Kanowit	0.19	0.18	(0.01)
25.	Majlis Daerah Lubok Antu	0.03	0.04	0.01
Jumlah		**44.33**	**49.50**	**5.17**

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2001 Dan 2002